



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2015	(Halaman 20)
USUL-USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 19)
Anggaran Pembangunan 2015	(Halaman 20)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N. [Kuala Krau] - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan I, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan I, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] - MIC
4. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P., S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
5. “ Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P. [Sembrong] - UMNO
6. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] - MCA
7. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P. [Semporna] - UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] - PBS
10. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] - PBB
11. “ Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
12. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] - UMNO
13. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
14. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] - UMNO
15. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] - UMNO
16. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO
17. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] – UMNO

18. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala - *Senator*
19. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.G.D.K., S.P.D.K., P.S.M., J.P. [Pensiangan] - PBRs
20. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] – PRS
21. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupa] - PBB
22. “ Menteri Kerja Raya, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P. [Kuala Pilah] - UMNO
24. “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
25. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
26. “ Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Abdul Wahid Omar - *Senator*
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kwan - *Senator*
30. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
31. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. [Kota Belud] - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N. [Batang Sadong] - PBB
33. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K. [Ranau] – UPKO
34. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
35. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P. [Telok Intan] – GERAKAN

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah binti Kasnon, D.P.S.M., D.S.A.P., S.M.S., P.J.K. [Sungai Besar] - UMNO
2. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Saravanan a/l Murugan [Tapah] - MIC
3. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
4. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
5. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] - UMNO

6. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] - UMNO
7. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
8. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] - MCA
9. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] - PBB
10. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
11. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] - UMNO
12. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] – UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun - *Senator*
14. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] - UMNO
15. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggaru] - UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] - UMNO
17. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah - *Senator*
18. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan - *Senator*
19. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] - UMNO
20. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Lee Chee Leong - *Senator*
22. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K. [Hulu Selangor] - MIC
23. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] - UMNO
24. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] - PBS
25. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, , S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] - PBB
27. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M. [Tangga Batu] - UMNO
28. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, [kosong]

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato’ Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Dato’ Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] - UMNO
6. “ Dato’ Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] - UMNO
8. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] - PBB
9. “ Dato’ Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
10. “ Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. [Jasin] - UMNO
11. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] - UMNO
12. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
13. “ Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] - UMNO
14. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Keterah] - UMNO
15. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] - UMNO
16. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] - SPDP
17. “ Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] - UMNO
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K. [Kinabatangan] - UMNO
19. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
20. “ Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] - UMNO
21. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
22. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] - UMNO
23. “ Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] - PBB
24. “ Dato’ Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P [Tanah Merah] - UMNO
25. “ Dato’ Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
26. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
27. “ Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.S.A.P., D.I.M.P., S.A.P., S.I.M.P., S.P.M.P. [Rompin] - UMNO
28. “ Datuk Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S. [Titiwangsa] - UMNO
29. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
30. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
31. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
32. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO

33. Yang Berhormat Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
34. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
35. “ Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
36. “ Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
37. “ Datuk Madius bin Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] – UPKO
38. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]
39. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] - UPKO
40. “ Puan Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B. [Masjid Tanah] - UMNO
41. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. [Sri Aman] - PRS
42. “ Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K. [Sabak Bernam] - UMNO
43. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] - UMNO
44. “ Dato’ Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] - UMNO
45. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
46. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] - PBB
47. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
48. “ Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] - SPDP
49. “ Datuk Seri Haji Noh bin Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] - UMNO
50. “ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
51. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
52. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
53. “ Dato’ Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
54. “ Puan Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N. [Pasir Gudang] - UMNO
55. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] - UMNO
56. “ Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] - MCA
57. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
58. “ Dato’ Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K. [Jerlun] - UMNO
59. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
60. “ Datuk Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] - UMNO
61. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
62. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
63. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO

64. Yang Berhormat Datuk Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
65. “ Ir. Shahrudin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
66. “ Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
67. ” Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
68. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
69. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
70. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
71. “ Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang] - PRS
72. “ Dato’ Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, D.P.M.P., A.M.P. [Kuala Kangsar] - UMNO
73. “ Datuk Wee Jeck Seng, D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
74. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
75. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
76. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
77. “ Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jejebu] - UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
2. “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pau]
3. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
4. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
5. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
6. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
7. “ Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]
8. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]
9. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
10. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]
11. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
12. “ Dato’ Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
13. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
14. “ Dato’ Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
15. “ Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]
16. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
17. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
18. “ Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]

19. Yang Berhormat Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
20. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
21. “ Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]
22. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
23. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
24. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
25. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
26. “ Dato' Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
27. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
28. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
29. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. “ Tuan Ko Chung Sen [Kampar]
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato' Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]

27. Yang Berhormat Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
28. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
29. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
30. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
31. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
32. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
33. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
34. “ Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]
35. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
36. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
37. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
8. “ Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
9. “ Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
10. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
11. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
12. “ Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
13. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
14. “ Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
15. “ Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
16. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
17. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
18. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]
19. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
20. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
21. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

BEBAS

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Dato' Lamien bin Sawiyo

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pa Chik

PETUGAS-PETUGAS

SEKSYEN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Suriyani binti Mohd. Noh

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mulyati binti Kamarudin

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Siti Aishah binti Md. Nasir

Ismalinda binti Ismail

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA

Rabu, 15 Oktober 2014

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]** minta Menteri Pendidikan menyatakan penilaian kementerian mengenai kesediaan institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dalam melaksanakan dasar baharu yang mewajibkan setiap pelajar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) lulus penguasaan bahasa Inggeris sebelum menamatkan pengajian masing-masing dan bagaimanakah kita boleh memastikan bahawa setiap pelajar yang lulus benar-benar dapat menguasai penggunaan bahasa Inggeris.

Menteri Pendidikan I [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat dalam isu yang berkaitan dengan sektor pendidikan negara.

Selaras dengan pengumuman syarat wajib lulus bahasa Inggeris di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pada 2 September 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mula mengorak langkah untuk merealisasikan.

Sehubungan itu izinkan saya untuk menjawab pertanyaan lisan yang berhubung kait dengan perkara ini yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Pertanyaan-pertanyaan tersebut ialah daripada Yang Berhormat Parit Sulong pada hari ini dan juga Yang Berhormat Tanjong Malim pada hari yang sama ini, Yang Berhormat daripada Masjid Tanah pada 28 Oktober dan Yang Berhormat Kepong pada 24 November, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengambil berat pandangan semua pihak terhadap isu-isu yang berkaitan dengan kecekapan graduan tempatan untuk berkomunikasi dan berinteraksi dalam bahasa Inggeris dengan baik dan berkesan.

Justeru, pelbagai usaha telah dan juga sedang dilaksanakan oleh kementerian untuk memastikan graduan lepasan IPTA mampu bersaing dalam mendapatkan tempat di pasaran kerja. Ini termasuklah langkah terkini untuk mewajibkan pelajar lulus bahasa Inggeris di peringkat pengajian mereka sebelum mereka *bergraduate*.

Untuk Yang Berhormat Parit Sulong, pada masa ini, syarat am kemasukan ke IPTA mestilah mempunyai pencapaian, dengan izin, *Malaysian University English Test* (MUET), sekurang-kurangnya pada Band 1 bagi Program Ijazah Sarjana Muda untuk semua bidang kecuali bagi 10 program seperti berikut iaitu:

- (i) Perubatan;
- (ii) Pergigian;
- (iii) Farmasi;

- (iv) Undang-undang;
- (v) Perakaunan;
- (vi) Kejuruteraan Elektrik;
- (vii) Kejuruteraan Mekanikal dan Kejuruteraan Kimia; dan
- (viii) Program *Teaching of English as a Second Language* (TESL) dan Program Kesusasteraan Bahasa Inggeris yang ditetapkan pada Band 3 dan Band 4.

Seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2015, bermula sesi akademik 2015/2016, untuk Program Ijazah Sarjana Muda, tahap minimum Band MUET bagi kemasukan ke IPTA akan ditingkatkan seperti berikut:

- (a) Pengajian Sastera dan Sains Sosial – Band 2;
- (b) Pengajian Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) – Band 3;
- (c) Pengajian Undang-undang dan Perubatan – Band 4.

Manakala syarat minimum bergraduate telah ditetapkan seperti berikut:

- (i) Pengajian Sastera dan Sains Sosial – Band 3;
- (ii) Pengajian Sains Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STAM) – Band 4; dan
- (iii) Pengajian Undang-undang dan Perubatan pada Band 5.

Namun begitu, oleh sebab tahun ini ialah tahun pertama pelaksanaannya, maka pihak universiti diberikan kelonggaran untuk menerima kemasukan pelajar selagi mana ia memenuhi syarat dan kemasukan ke IPTA.

Untuk makluman Dewan yang mulia, pengajian STAM adalah merangkumi bidang Sains Tulen, Sains Teknologi Maklumat, Kejuruteraan, Geosains, Sains Hayat, Sains Matematik, Fizik, Astronomi, manakala Sains Sosial pula adalah seperti Antropologi, Ekonomi, Psikologi dan Sosiologi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Tanjong Malim, bagi pelajar IPTA yang sedang mengikuti pengajian universiti perlu mengambil langkah-langkah yang tertentu supaya pelajar-pelajar yang berkenaan memenuhi syarat minimum apabila bergraduate. Dalam konteks ini, pelajar-pelajar tersebut akan terus dibimbing dan diberikan peluang untuk meningkatkan penguasaan dan kemahiran berbahasa Inggeris melalui:

- (i) meningkatkan pencapaian MUET mereka dengan menghadiri kursus-kursus kemahiran bahasa Inggeris yang bersesuaian;
- (ii) menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris dalam sesi tutorial, pembentangan kertas kerja serta pembentangan kertas projek tahun akhir dan lain-lain sesi pembelajaran tidak formal;

■1010

- (iii) menggalakkan aktiviti ko kurikulum di dalam bahasa Inggeris seperti melaksanakan minggu ataupun bulan bahasa Inggeris, *English language camp* serta beberapa program lain yang dilaksanakan oleh persatuan pelajar dari semasa ke semasa; dan
- (iv) meningkatkan kesedaran akan kepentingan untuk menguasai Bahasa Inggeris melalui pelaksanaan program-program yang dirancang dan dilaksanakan secara berterusan oleh pihak IPTA.

Sebagai langkah untuk memantapkan proses pembelajaran dan pengajaran MUET di peringkat prauniversiti, sebuah Jawatankuasa Hala Tuju MUET telah ditubuhkan pada 7 Ogos 2014 bagi menilai semula modul-modul yang sedang dilaksanakan pada masa ini. Ini

ialah bertujuan agar kualiti dan standard MUET berada pada tahap yang setara dengan, dengan izin, *Common European Framework of Reference or Language* atau CEFR.

Di bawah anjakan kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, kecekapan dan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid akan terus dipertingkatkan melalui Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) yang telah pun dilaksanakan mulai tahun 2011. Ini adalah untuk memastikan pelaksanaan wajib lulus bahasa Inggeris di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menjelang tahun 2016 dapat direalisasikan, antara program yang dilaksanakan termasuklah:

- (i) pelaksanaan program LINUS 2.0, Literasi Bahasa Inggeris;
- (ii) pelantikan FasiLINUS yang berperanan sebagai mentor dan pembimbing kepada guru bahasa Inggeris Tahap Satu;
- (iii) pelaksanaan Komponen Sastera Kontemporari Kanak-Kanak kepada murid-murid Tahap Dua;
- (iv) pelaksanaan sistem set di Tingkatan Satu; dan
- (v) pelaksanaan Komponen Sastera Bahasa Inggeris ataupun KOMSAS di sekolah menengah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris kepada guru bahasa Inggeris, Program Pemantapan Tahap Pengajaran Bahasa Inggeris ataupun dengan izin *Profession Up-skilling of English Language Teachers* (Pro-ELT) telah dilaksanakan yang melibatkan 5,010 orang guru. Ini ialah kumpulan pertama pada tahun 2013 dan daripada jumlah ini sebanyak 76.4% telah berjaya meningkatkan tahap *proficiency* mereka sekurang-kurangnya Band 1. Pada masa ini seramai 9,002 orang guru sedang menjalani kursus yang berkenaan yang dijangka menamatkan latihan pada April 2015. Manakala 10,000 orang guru lagi akan dapat dilatih secara berperingkat sehingga April 2016.

Di peringkat IPTA pula, Pusat Bahasa Inggeris Jabatan Bahasa Inggeris atau jabatan-jabatan yang telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan program Bahasa Inggeris akan terus diperkasakan. Organisasi ini akan bertindak sebagai pusat pengajaran, pembelajaran, perundingan, latihan dan pendidikan dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan bahasa Inggeris termasuk bahasa kesusasteraan dan komunikasi. Selain itu Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKPT) juga akan diperluaskan peranannya sebagai pusat latihan kepimpinan untuk tenaga pengajar bahasa Inggeris di IPTA dan ini ialah untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan program pemeraksanaan bahasa Inggeris di IPTA yang dilaksanakan mencapai matlamat yang ditetapkan.

Untuk makluman Yang Berhormat Masjid Tanah, kementerian sedar bahawa penguasaan bahasa Inggeris yang baik merupakan antara faktor kebolehpasaran graduan yang tinggi untuk pasaran tenaga profesional dan mahir sama ada di dalam negara mahupun di luar negara. Justeru langkah yang diambil oleh kementerian ini dijangka akan dapat meningkat dan memberikan nilai tambah kepada graduan kita untuk bersaing sehingga ke peringkat global.

Namun perlu ditegaskan di sini bahawa kementerian tidak pernah dan berniat untuk membelakangkan bahasa kebangsaan dalam usaha untuk memperkukuhkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar di IPTA. Justeru usaha ini adalah semata-mata untuk memastikan graduan IPTA mampu memenuhi permintaan dan kehendak pasaran kerja di peringkat nasional ataupun di peringkat antarabangsa, terima kasih.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Solung]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan saya hendak ucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tan Sri kerana datang dan sudi untuk menjawab soalan nombor satu pada hari ini. Saya mengalu-alukan penambahbaikan kelayakan lulus dalam MUET di IPTA seperti yang telah dicadang dalam Bajet 2015. Jadi soalan tambahan saya adalah apakah kementerian juga mempunyai perancangan dan mempunyai cadangan untuk melaksanakan kelayakan yang sama iaitu lulus MUET di IPT, di peringkat pendidikan IPTS bagi tujuan menuntut kesamarataan kemasukan dan pengeluaran graduan.

Sejauh manakah kesediaan murid, kesediaan guru dan juga kesediaan kementerian sendiri dalam melaksanakan dasar wajib lulus bahasa Inggeris di peringkat SPM memandangkan ianya cuma hanya tinggal dua tahun saja lagi. Apakah tindakan susulan daripada pihak kementerian untuk menangani perkara ini sekiranya tahap penguasaan bahasa Inggeris ini belum dapat dicapai. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Amat Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, soalan itu adalah amat baik kerana saya sudah jangka bila kita membuat pengumuman untuk menentukan syarat baru menerusi MUET di IPTA. Pastinya ada soalan apa jadi di IPTS. Pada dasarnya saya bersetuju sepatutnya memang diseragamkan, tetapi ini inisiatif besar yang kita mulakan di peringkat kerajaan di mana universiti awam kita melaksanakan dahulu dan kita akan melihat bagaimana proses ini berjalan kerana banyak perkara-perkara yang perlu kita ambil kira. Kita tidak boleh menentukan syarat saja lepas itu tidak ada inisiatif tertentu yang kita buat untuk meningkatkan satunya pengajaran bahasa Inggeris seperti di sekolah menengah. Lepas itu apakah kursus-kursus yang dijalankan di peringkat universiti sebelum pelajar itu bergraduan dan masuk ke pasaran kerja.

Jadi ada beberapa usaha yang perlu kita ambil dan ini saya sebutkan dalam jawapan yang telah pun kita mulakan. Demikian juga di peringkat IPTS. Saya tidak fikir ada satu perbezaan dari segi layanan dalam soal penguasaan bahasa Inggeris kerana mereka juga yang masuk ke situ walaupun sebahagian ialah pelajar-pelajar antarabangsa, swasta dan sebagainya tetapi sepatutnya juga mereka mempunyai kekuatan dari segi penguasaan dan *proficiency* bahasa Inggeris.

Cumanya kita hendak melihat di peringkat awal dulu peranan yang kita laksanakan di IPTA dan sementara itu bagaimana yang ditanyakan oleh Yang Berhormat tadi, kita sudah mengambil inisiatif untuk berbincang dengan pihak IPTS sama ada syarat yang sama ini mampu mereka laksanakan. Kita tidak boleh mengenakan syarat kalau mereka tidak boleh melaksanakan perkara itu dan kalau dilihat sesuai, maka saya kira walaupun mungkin terlewat setahun dua selepas itu, sepatutnya di peringkat IPTS pun mereka harus melaksanakan dasar yang sama tetapi ini kita akan bincangkan dengan mereka.

Persiapan kita untuk pelajar-pelajar yang mengambil SPM ini sudah pun kita mulakan. Sebenarnya ura-ura ataupun perkara ini telah pun dibincangkan lama baik di peringkat kementerian ataupun di peringkat pimpinan pelajar dan sebagainya termasuk ibu bapa tentang bagaimana kita hendak meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar kita yang sebelum ini tidak dijadikan syarat wajib lulus. Bermakna ambil saja kertas, kalau tidak lulus pun okey dan akan dapat sijil SPM. Bagi saya itu tidak memadai kerana sudah perlu ada satu gesaan dibuat. Jadi bila kita meneliti perkara itu, kita putuskan, maka kita akan jadikan dia syarat wajib lulus pada tahun 2016.

■1020

Jadi pengumuman itu telah pun saya buat pada tahun yang lepas. Bermakna ada tiga tahun *leap* untuk membolehkan persiapan-persiapan dibuat di peringkat kementerian. Sebab itu saya telah menyatakan tadi langkah pertama ialah meningkatkan tahap *proficiency* di kalangan guru itu sendiri, Yang Berhormat Kepong pun mengganggu. Guru itu yang paling penting supaya guru itu ditingkatkan tahap penguatkuasaan dia pada Band yang biasanya tidak begitu tinggi pada Band C1 ataupun C2. Ini adalah mengikut ukuran di peringkat *European English* yang saya sebutkan dalam jawapan saya tadi. Jadi ini sudah pun kita mulakan dengan latihan-latihan yang bertambah. Ada 10,000 lagi guru. Kesemuanya ialah 60,000 orang guru bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan kita. Jadi semua ini perlu kita tingkatkan, sudah pun kita mulakan dan peruntukan telah pun kita sediakan untuk tujuan yang demikian.

Keduanya ialah dengan melihat sendiri kurikulum *content* yang kita sediakan di peringkat sekolah untuk membolehkan tahap penguasaan bahasa Inggeris lebih baik lagi. Biasanya daripada segi penulisan, *comprehension* dan sebagainya tidak menjadi masalah, yang menjadi ukuran di peringkat pasaran adalah boleh bertutur atau *proficiency* untuk bertutur atau berkomunikasi dalam bahasa iaitu dilihat kelemahan yang agak ketara terutama di kalangan graduan-graduan kita. Itu kita akan ambil langkah.

Jadi saya yakin persediaan-persediaan yang telah pun kita buat ini memadai dan pastinya ukuran inilah apabila sampai ke peringkat mereka masuk ke universiti apakah mereka sudah mampu menaikkan tahap mereka daripada MUET yang lama dahulu, MUET Band 1 kepada Band 2 ataupun Band 3, yang terbaik sekali ialah Band 6. Itu kita telah sebutkan di dalam bidang mata pelajaran tertentu, mereka perlu menguasai sampai Band yang lebih tinggi daripada yang biasa.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ada soalan daripada Yang Berhormat Kepong. Sila Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang kita bukan insan *ork* kamil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, soalan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itu masalah sana. Kita ada masalah dengan bahasa Inggeris sahaja itu.

Beberapa Orang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya. Bukan sahaja kita- adakah Yang Amat Berhormat sedar bahawa bukan sahaja kita hendak meningkatkan standard bahasa Inggeris bahkan juga standard kepada mematuhi peraturan tetap di dalam Dewan pun. Macam mana Yang Amat Berhormat kita memantau bilangan 60,000 orang yang sama dengan angka untuk pelajar Ph.D itu 60,000 sama sahajalah kan. Bagaimana kita memantau guru-guru ini mencapai tahap yang diperlukan kerana kita bersaing dengan sektor swasta di universiti-universiti dan institut-institut swasta. Masalah ini tidak timbul kerana suasananya menggalakkan bahasa Inggeris dan saya berharap Yang Amat Berhormat dapat dengan pengalaman Yang Amat Berhormat, kita dapat memastikan sambil memelihara Bahasa Kebangsaan bahkan juga memastikan bahasa Inggeris dapat mencapai satu tahap yang perlu secara praktikal. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Terima kasih Yang Berhormat. Memang itu satu daripada perkara yang kita berikan perhatian sebenarnya. Apabila saya menyebutkan jumlah angka itu 60,000 daripada keseluruhan, lebih kurang 460,000 tenaga pengajar ia satu jumlah yang besar. Daripada kajian yang telah kita buat tentang tahap *proficiency* mereka ini dengan ujian. Ada ujian yang kita guna pakai untuk menguji tahap *proficiency* mereka ini di peringkat awal, lebih kurang setahun yang lepas 37% sahaja di kalangan mereka ini kata mencapai tahap C1 dan C2 dalam ukuran Band untuk *proficiency* bahasa Inggeris itu. Itu ukuran yang kita guna pakai. Jadi bermakna sebahagian yang besar itu dalam Band B ataupun yang sedikit mungkin dalam Band A. Band A itu mungkin jumlahnya agak kecil sekali.

Jadi walaupun sebenarnya mengikut pandangan pakar bahasa Tuan Yang di-Pertua di Eropah ataupun di UK yang saya pergi, mereka kata untuk *non native* bagi kita di Malaysia ini bukan *native* nya bahasa Inggeris, Band 1 ataupun B1 ataupun B2 itu sudah memadai. Akan tetapi standard bahasa Inggeris di Malaysia ini sudah lebih tinggi daripada itu. Jadi pengguna ataupun masyarakat sudah biasa dengan satu standard piawaian bahasa Inggeris yang jauh lebih tinggi walaupun di peringkat Barat kata yang ada di Malaysia ini sudah cukup. Jadi *Malaysian made more than that*.

Jadi sebab itu kita pastikan supaya guru-guru yang berbaki tadi mesti dilatih semula, *upskilling* dan juga perbaiki lagi tahap pencapaian mereka dan ini kita monitor sepanjang masa dalam bilik darjah dan bagi kursus-kursus yang kita buat berkala untuk melihat bagaimana prestasi mereka terutama dari segi penyampaian mereka dalam bilik darjah, pedagogi dan sebagainya mestilah setara dengan standard yang telah pun ditetapkan. Ukurannya ialah *outcome* pelajar-pelajar tadi. Kalau pelajar itu apabila dididik oleh guru yang terlatih apa hasil keputusan yang mereka capai sama ada dalam peperiksaan awam ataupun ujian-ujian yang dibuat dalam bilik darjah.

Kalau itu dilihat ada peningkatan bermakna guru ini sudah mampu untuk mendidik anak dengan bahasa Inggeris dengan sebaik-baik mungkin. Itu yang kita lakukan. Jadi pemantauan ini perlu dibuat memang berkala dan perlu dibawa balik ke kursus *upskilling* sepanjang masa. Ini kerana saya sedar satu daripada agenda besar di peringkat Kementerian Pendidikan ialah untuk meningkatkan tahap *proficiency* bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pendang.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Terima kasih. Yang Amat Berhormat, tanpa menafikan tentang kehendak kecemerlangan bahasa Inggeris dan kepentingan bahasa Inggeris menaikkan daripada Band 2, 3 dan 4. Apakah kerajaan tidak melihat merupakan satu halangan pertama untuk anak-anak luar bandar untuk memasuki IPTA?

Kedua, Yang Amat Berhormat menyebutkan bahawa persiapan sudah memadai. Memadai itu setakat mana? Apakah kerajaan bercadang untuk menambah masa pembelajaran Bahasa Inggeris di Tingkatan 5 ataupun mengadakan tuisyen-tuisyen percuma kepada anak-anak luar bandar sepanjang tahun Tingkatan 5 bagi mereka dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik supaya mereka setanding dengan anak-anak di bandar? Ini soalan yang saya hendak timbulkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar sebab itu dalam jawapan saya tadi saya *qualify* kan iaitu kerana ini tahun pertama iaitu mulai pada sesi 2015, 2016 di mana syarat mengenai *band* ataupun MUET ini kita telah pun tetapkan tadi yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di sini. Maka itu saya memberitahu pihak universiti boleh mengambil langkah yang agak lebih *flexi* sedikit kerana mereka mungkin terperanjat apabila syarat dibuat dengan tidak ada satu tempoh masa yang agak lebih panjang. Jadi dengan sebab itu kemungkinan mereka tidak bersedia.

Sebab itu saya telah membuat keputusan dalam ucapan dan dalam jawapan saya tadi pun mengatakan boleh diberikan pertimbangan kerana saya melihat soal syarat masuk itu penting dengan *band* yang disebutkan tadi di bawah MUET. Akan tetapi apa yang lebih penting ialah waktu mana mereka hendak *bergraduate*. Kalau dia masuk dalam Band 1 tetapi sebelum *bergraduate* ia sudah naik ke Band 5, itu yang terbaik. Apabila mereka keluar ke pasaran bermakna tidak jadi masalah kerana mereka sudah sampai tahap penguasaan bahasa Inggeris yang cukup baik.

Jadi walaupun mereka mungkin masuk pada *Band 2* sedangkan dikehendaki Band 3 untuk tahun pertama ini, saya hendak melihat dalam tempoh empat ke lima tahun mereka berada di universiti dalam bidang kursus yang mereka ambil, mereka seboleh-bolehnya mungkin dapat memenuhi *band* yang saya sebutkan tadi sebelum mereka *bergraduate*. Kalau sekiranya setahun dan dua sebelum mereka *bergraduate* itu ada ujian dibuat dan didapati mereka belum sampai ke tahap itu, maka pihak universiti perlu membuat *intervention* di mana *immersion program*, program-program *immersion* ditokok tambah waktu dan jadual kursus dan tuisyen supaya sebelum mereka meninggalkan universiti dengan bidang apa yang mereka kehendaki, penguasaan bahasa Inggeris sudah mencapai tahap itu.

Saya juga dimaklumkan dalam praktis amalan sekarang di peringkat universiti, katakan waktu mana mereka *bergraduate* mereka tidak lagi mencapai tahap itu. Akan tetapi sebelum mereka konvo ada beberapa enam ketujuh, lapan bulan ada program tertentu dibuat kerana kalau tidak dibuat begitu mereka tidak akan dapat ijazah.

■1030

Jadi sebab itu kita ada beberapa inisiatif tertentu yang kita buat untuk menentukan perkara ini dapat dilaksanakan. Yang Berhormat telah bertanya tentang pentingnya kita hendak menentukan supaya pelajar-pelajar yang terutama di luar bandar itu diberikan persiapan. Pertama saya sebutkan guru, itu penting. Keduanya ialah kursus-kursus, program-program, tuisyen-tuisyen tambahan, material-material tambahan dan adakan pelbagai inisiatif di peringkat sekolah untuk membolehkan mereka memahami bahawa penguasaan bahasa Inggeris itu penting. Mungkin di sesetengah sekolah itu ada hari yang diwajibkan menggunakan bahasa Inggeris. Kalau tidak digunakan, dia akan dikenakan

hukuman ringan seperti bayar 10 sen dan sebagainya. Contoh saja begitu untuk memberikan ingatan kepada mereka bahawa penting mereka memberikan perhatian.

Tuisyen-tuisyen ini memang sudah pun kita buat tetapi saya ambil pandangan Yang Berhormat sama ada dalam tempoh sebelum tahun 2016 di mana syarat wajib lulus SPM bahasa Inggeris itu dikuatkuasakan di peringkat sekolah luar bandar. Kalau ada kelemahan, maka saya berjanji pihak kementerian akan memberikan bentuk bantuan yang sesuai sama ada tuisyen-tuisyen percuma untuk bahasa Inggeris dan sebagainya. Ini kita akan mengambil kiralah. Terima kasih dia atas pandangan Yang Berhormat tadi.

2. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta Menteri Pengangkutan menyatakan, berikutan kejadian pesawat MH17 terhempas, bagaimanakah perkembangan untuk mendakwa pihak bertanggungjawab ke muka pengadilan antarabangsa dan sejauh mana kos yang ditanggung Kerajaan untuk mengurus dan membawa balik mayat-mayat yang terkorban serta jumlah pampasan yang dibayar kepada waris-waris.

Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Liow Tiong Lai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Bukit Bintang bersekali dengan enam soalan lain daripada Yang Berhormat Baling dan Yang Berhormat Kota Bharu pada 29 Oktober 2014; Yang Berhormat Bukit Gelugor pada 30 Oktober; Yang Berhormat Jelevu pada 4 November; Yang Berhormat Permatang Pauh pada 18 November dan Yang Berhormat Tumpat pada 25 November 2014 mengikut soalan yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tragedi yang menimpa pesawat *Malaysia Airlines*, MH17 pada 17 Julai 2014 telah mengejutkan dunia khususnya Malaysia kerana ia merupakan kejadian kedua yang melibatkan pesawat MAS dalam tempoh lima bulan pada tahun ini. Pesawat Boeing 777-200 yang membawa 283 penumpang dan 15 anak kapal sedang dalam perjalanan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur telah disahkan terhempas di wilayah Donetsk yang terletak di Timur Ukraine.

Dalam menguruskan tragedi ini, Malaysia telah bekerjasama dengan beberapa negara dan pertubuhan antarabangsa untuk menjalankan operasi mencari mayat dan penyiasatan. Usaha gigih dan diplomasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membolehkan kita membawa keluar jenazah mangsa dari lokasi nahas dan termasuk juga kotak hitam pesawat MH17. Pada masa yang sama, kerajaan juga telah membuat perancangan bagi maksud mengurus jenazah mangsa-mangsa yang terbabit. Sehingga 14 Oktober 2014, sebanyak 278 jenazah daripada 298 penumpang MH17 telah dikenal pasti di Pusat Perubatan Tentera di Hilversum, Belanda.

Daripada jumlah tersebut 43 jenazah rakyat Malaysia termasuk satu jenazah yang mempunyai dwi kerakyatan telah dikenal pasti. Rakyat Malaysia yang terkini dikenal pasti adalah Allahyarhamah Shaliza Zaini Dewa pada 3 Oktober 2014. Dengan perkembangan terbaru ini, hanya jenazah Allahyarhamah Puan Sri Siti Amirah Prawira Kesuma yang masih belum dikenal pasti atau ditemui daripada keseluruhan 44 penumpang rakyat Malaysia yang terkorban. Kerajaan telah membawa pulang 40 jenazah rakyat Malaysia, satu jenazah yang mempunyai dwi kerakyatan dan dua warga Belanda ke tanah air.

Kesemua jenazah yang pulang ke tanah air diberi penghormatan terakhir oleh kerajaan melalui istiadat penghormatan yang diadakan secara berperingkat-peringkat mengikut kumpulan jenazah yang dibawa pulang. Berhubung dengan siasatan dan teknikal nahas dari pesawat MH17, Kerajaan Ukraine telah meminta supaya Kerajaan Belanda mengetuai pasukan penyiasatan antarabangsa bagi menyiasat punca nahas udara MH17 dan Malaysia telah dilantik sebagai *accredited representative* dalam pasukan penyiasat antarabangsa tersebut. Pelantikan Malaysia adalah sejajar dengan peraturan pertubuhan penerbangan awam antarabangsa di bawah NX13, *Aircraft Accident and Incident Investigation* di mana Malaysia mempunyai kepentingan di dalam siasatan tersebut sebagai *State of Registry* agar negara di mana pesawat tersebut didaftarkan.

Berikutan pelantikan tersebut, Malaysia telah menghantar tiga orang pegawai penyiasat yang terdiri daripada dua pegawai dari DCA Jabatan Penerbangan Awam dan seorang dari MAS bagi membantu pasukan penyiasat. Pasukan ini juga bertanggungjawab untuk mengeluarkan laporan awal siasatan insiden pesawat MAS MH17 di mana Malaysia telah terlibat sepenuhnya dalam penyediaan laporan ini. Laporan tersebut telah disiarkan

kepada umum pada 9 September 2014 jam 4 petang di mana ia boleh diperolehi daripada laman web *Dutch Safety Board* dan DCA.

Berdasarkan laporan awal tersebut, pesawat MH17 telah disahkan berada dalam keadaan layak terbang, *air worthiness* tanpa sebarang kerosakan atau masalah teknikal serta mempunyai anak kapal yang berpengalaman. Laporan tersebut juga mengesahkan bahawa pesawat MH17 terbang dalam ruang udara dengan ketinggian yang dibenarkan. Ini membuktikan bahawa tiada sebarang kesilapan dari segi pengurusan dan pengendalian pesawat dari pihak MAS sewaktu terjadinya nahas udara tersebut.

Berhubung dengan siasatan jenayah MH17, sebagai negara berdaftar dan negara pengendali bagi pesawat MH17, Malaysia bertanggungjawab dan komited untuk memastikan bahawa pihak yang bertanggungjawab atas nahas MH17 dihadapkan ke muka pengadilan. Tindakan untuk menuntut keadilan atas tragedi MH17 sedang diambil secara bersama dengan pihak berkuasa negara lain yang mempunyai penumpang di atas pesawat tersebut. Hal ini adalah penting untuk memastikan siasatan tersebut dilaksanakan secara adil dan bebas.

Berdasarkan laporan awal yang dikeluarkan oleh *Dutch Safety Board* pada 9 September 2014, kepastian yang ada hanyalah bahawa pesawat MH17 telah dijatuhkan oleh objek-objek kelajuan tinggi. Namun pihak yang bertanggungjawab masih perlu dibuktikan melampaui keraguan munasabah dan perkara ini masih dalam siasatan. Pada hakikatnya, bukti yang diperlukan masih berada di Ukraine, di mana ia termasuk bangkai nahas pesawat tersebut. Bagi maksud siasatan jenayah, keterangan dalam bentuk rakaman percakapan dan rakaman pemintasan komunikasi antara pihak-pihak berkenaan juga perlu diperolehi daripada negara-negara berkenaan.

Berhubung dengan tempat bagi pembicaraan sekiranya pihak yang bertanggungjawab dapat dikesan dan ditangkap, ia bergantung sepenuhnya kepada tempat yang paling mudah *forum of convenience* untuk pendakwaan dijalankan. Walau bagaimanapun, isu tersebut masih terbuka untuk perbincangan hanya akan diputuskan setelah semua keterangan di atas di kumpul dan di analisa. Siasatan jenayah sedang dikendalikan secara berasingan oleh negara seperti Malaysia, Australia, Ukraine dan Belanda yang mempunyai penumpang di atas pesawat MH17. *Joint Investigation Team* yang diterajui oleh Belanda telah diwujudkan untuk melicinkan kerjasama antara negara-negara berkepentingan dalam mendapatkan keterangan melalui proses bantuan bersama dalam perkara jenayah dan selainnya.

Walaupun gencatan senjata telah dijanjikan bagi menjamin keselamatan pasukan penyiasat di lokasi nahas, namun masih terdapat pergolakan yang berlaku di kawasan berdekatan. Ini mengakibatkan pergerakan pasukan penyiasat ke kawasan tersebut adalah terhad. Sehingga kini kerajaan telah menghantar 163 anggota Polis Diraja Malaysia bagi meneruskan usaha mencari mayat dan mengumpul bahan bukti bagi tujuan siasatan. Misi ini dijangka berlanjutan bergantung kepada kerjasama pihak Ukraine dan kumpulan pemisah. Tuan Yang di-Pertua mengenai kos yang ditanggung oleh kerajaan, kerajaan hanya menanggung sebahagian kos perbelanjaan seperti tiket penerbangan, tempat penginapan dan makan minum penjawat-penjawat awam yang dihantar bertugas di Ukraine dan Belanda. Sehingga kini kerajaan telah menghantar 278 penjawat awam yang telah ditugaskan. Manakala kos selebihnya bagi menguruskan membawa balik jenazah telah diuruskan oleh *Malaysia Airlines* (MAS) dan kos perbelanjaan mengennainya masih belum dimuktamadkan.

■1040

Jumlah penuh berhubung dengan pampasan kepada waris mangsa pesawat MH17. Jumlah penuh dan akhir pampasan akan diuruskan oleh MAS mengikut prinsip undang-undang dan tertakluk kepada konvensyen yang berkaitan seperti Konvensyen Montreal 1999. Namun begitu MAS telah menawarkan wang pendahuluan pampasan berjumlah USD50,000 kepada waris setiap penumpang MH17. Sehingga 25 September 2014 seramai 15 waris telah bersetuju untuk menerima wang pendahuluan pampasan ini bagi tragedi MH17.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum saya bertanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pihak. Terutama ATM yang berjaya mengurus mayat dan abu mayat dibawa balik kepada keluarga mangsa. Takziah dan syabas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya tentang kotak hitam yang dijadikan bukti. Bagaimana kepada pesawat MH17 tentang kotak hitam yang terhempas, yang berlaku. Apakah proses rundingan dan janji berlaku antara dua pihak sebelum kotak hitam ini diserahkan untuk di analisa? Maksudnya adakah kita berjanji apa-apa atau permintaan sebelum kotak ini diserahkan? Jika ada apa-apa janji yang dijanjikan oleh negara kita.

Sejauh manakah bukti nahas pesawat MH17 ditembak jatuh telah dikumpulkan? Apakah langkah yang negara kita akan ambil jika para penyiasat kita sukar masuk ke kawasan nahas? Ataupun bukti pendakwaan tidak mencukupi untuk mensabitkan tuduhan dan hukuman ke atas pihak pemisah Timur Ukraine dan juga Rusia yang menjadikan dalangnya? Minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Kerajaan komited untuk membawa isu ini ke muka pengadilan. Oleh itu kita bersungguh-sungguh untuk memastikan kita mendapat bukti yang cukup termasuk dengan usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang saya sebutkan tadi melalui diplomasi beliau. Usaha beliau telah pun dapat menghubungi pihak pemisah Alexander Borodai untuk mendapatkan kembali kotak hitam dan jenazah dari lokasi nahas.

Apa yang saya hendak tekankan di sini bahawa tidak ada apa-apa perjanjian ataupun komitmen kerana ini adalah atas dasar perikemanusiaan dan usaha untuk kita memastikan bahawa semua jenazah di lokasi kemalangan dikeluarkan. Dari segi penyiasatan kotak hitam telah pun kita dapat kembali dan telah pun kita analisa. Kesemuanya *cockpit voice recorder* dan *flight data recorder* adalah dalam keadaan yang baik. Kini memang dalam peringkat penganalisan di peringkat yang lanjut untuk kita kenal pasti punca kemalangan tersebut.

Berhubung dengan bukti yang kita sedang kumpulkan sekarang, memang usaha kerajaan bersama dengan Belanda bersama dan juga pasukan antarabangsa negara-negara lain telah pun berusaha gigih untuk mendapatkan persetujuan Ukraine dan pihak pemisah untuk mengadakan gencatan senjata untuk boleh kita masuk semula ke kawasan kemalangan agar kita dapat mengeluarkan kalau boleh bangkai pesawat MH17 itu sendiri untuk memudahkan penyiasatan. Akan tetapi malangnya sehingga kini kita tidak dapat lagi mengeluarkan bangkai pesawat MH17. Kita akan meneruskan perundingan dengan pihak Ukraine untuk memastikan kita dapat mencari bukti yang cukup untuk membawa tragedi ini ke muka pengadilan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Baling.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya hendak ucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini kerana pengalaman saya pergi ke negara-negara yang bergolak khususnya konflik ini buka mudah apatah lagi boleh berbincang dengan ketua kumpulan pemisah pro Rusia yakni Alexander Borodai. *[Tepuk]* Syabas dan tahniah kepada kerajaan dan juga kepada Menteri.

Tidak lupa saya juga kepada kumpulan-kumpulan daripada agensi-agensi lain termasuklah Menteri Dalam Negeri sendiri yang telah ke sana. Saya melihat sendiri Yang Berbahagia Ketua Polis Negara. Ini adalah satu sejarah untuk Ketua Polis Negara untuk pergi ke tempat kejadian bersama-sama dengan anggota polis yang lain.

Jadi soalan saya sekarang ialah bagaimana kaedah atau apakah kemungkinan pasukan penyelamat penyiasat boleh memasuki kali kedua ataupun semula ke kawasan kemalangan nahas pesawat MH17. Bila agaknya? ni kerana bila saya dengar apa yang Menteri jawab tadi begitu mendalam saya meneliti, mengamati, saya tahu semuanya telah disusun atur.

Cuma saya ingin tahu untuk Dewan yang mulia ini semua rakan ingin tahu apakah *closurennya*. Bilakah agaknya pasukan ini boleh masuk semula untuk kita dapat

menyelesaikan masalah ini sehingga bawa mereka ke muka pengadilan. Sekali lagi saya ucapkan syabas dan tahniah juga kepada Yang Berhormat Menteri. Angkat-angkat sumpah jadi Menteri terus kena mengendalikan MH17 ini. Saya fikir seorang Menteri yang baru terajui kementerian ini, syabas dan tahniah juga kepada Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Baling. Saya dan juga kerajaan kita semua begitu komited dalam memastikan kita dapat menyiasat sepenuhnya tragedi ini. Seperti yang disebutkan tadi banyak usaha telah dilakukan Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri, Menteri Pertahanan dan juga AG, IGP, termasuk saya sendiri juga telah pun banyak berbincang dengan Kerajaan Ukraine bagaimana untuk memastikan kita dapat masuk ke kawasan nahas, kawasan kemalangan.

Kita faham dari segi *complexity* di negara Ukraine kerana di Ukraine pihak pemisah juga mempunyai banyak kumpulan. Ramai, lebih kurang 12, 13 kumpulannya. Bukan senang untuk kita mendapatkan persetujuan memastikan gencatan senjata dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Walau bagaimanapun ruang untuk kita masuk ke kawasan nahas kemalangan ini agak sempit sekarang. *The window opportunity* hendak masuk kerana musim sejuk sudah dekat tiba. Apabila salji turun maka kita tidak dapat masuk untuk membuat penyiasatan lanjut. Oleh itu kita mendesak agar kita dapat masuk dalam tempoh ruang yang kecil ini.

Semalam kita telah berjaya sekumpulan penyiasat telah pun dapat masuk tetapi pasukan penyiasat ini hanya dapat memasuki lokasi tersebut, lokasi nahas bagi mengambil barang-barang peribadi milik mangsa MH17. *It just to take back the belonging*. Belum lagi kita perlu masuk kalau boleh untuk mencari bangkai MH17 itu juga penting untuk mengumpul bukti-bukti bagi kita menyiasat dengan lebih mendalam.

Kita berharap kita akan terus berusaha. Saya rasa perundingan masih kita teruskan dengan pihak Ukraine dan pihak pemisah. Kita harap boleh kita masuk dalam tempoh yang secepat mungkin. Kalau tidak dapat, maka kita kena tunggu selepas musim sejuk. *It maybe then three months later of month*, empat bulan kemudian. Bulan April tahun depan baru boleh masuk ke kawasan kemalangan. Ya, terima kasih.

■1050

3. Datuk Jumar bin Idris [Sepanggar] minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan, apakah usaha kementerian dalam memulihkan semula industri pelancongan khususnya di negeri Sabah yang terjejas selepas kejadian pencerobohan Lahad Datu dan juga insiden MH370.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan izinkan saya menjawab soalan ini bersama dengan tiga lagi soalan Ahli Yang Berhormat yang lain iaitu yang pertama Yang Berhormat Bukit Bintang soalan pada 12 hari bulan November. Kedua, soalan daripada Yang Berhormat Kuala Krai dan yang ketiga dari Yang Berhormat Kota Tinggi sama-sama soalan pada 13 hari bulan November kerana ia menyentuh perkara yang berkaitan iaitu impak kepada sektor pelancongan berikutan insiden MH370, MH17 serta pencerobohan Lahad Datu, boleh Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Sabah merupakan salah satu destinasi kegemaran terutamanya bagi pasaran pelancong dari Republik Rakyat China (RRC). Namun akibat insiden MH370 dan juga kejadian pencerobohan di Lahad Datu yang melibatkan warganegara China sememangnya memberi kesan terhadap pencapaian industri pelancongan Malaysia khususnya di negeri Sabah dan menjejaskan usaha promosi kementerian ini di pasaran Republik Rakyat China.

Kejadian tragedi pesawat MH370 penerbangan Malaysia setakat ini telah memberi kesan yang ketara ke atas pasaran China dan Taiwan yang telah mengalami penurunan sebanyak 11.8% dan 2.9% masing-masing bagi tempoh Januari hingga Julai 2014 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2013. Jumlah ketibaan pelancong asing daripada negara China adalah seramai bagi Januari-Julai 2014 ialah 997,370 berbanding

tempoh yang sama pada tahun 2013 seramai 1,130,721. Bagi negara Taiwan bagi tempoh Januari-Julai 2014, seramai 168,962 kehadiran sehingga Julai 2014 berbanding dengan 2013 tempoh yang sama seramai 173,921.

Dalam menangani situasi seumpama ini, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sabah telah mengambil inisiatif mempengerusikan Mesyuarat Pengurusan Krisis, dengan izin, *Crisis Management Meeting* pada 4 April 2014 bagi membincangkan isu tersebut dan langkah-langkah untuk memulihkan keyakinan pelancong.

Selain itu, Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah juga melalui Lembaga Pelancongan Sabah telah mengadakan perjumpaan bersama dengan agensi-agensi pelancongan dan hotel-hotel di Sabah pada 6 Jun 2014 bagi membincangkan strategi pemulihan keyakinan pelancong RRC ke Sabah. Mesyuarat dan perjumpaan telah menggariskan strategi-strategi berikut sebagai langkah untuk menangani impak dan insiden penculikan tersebut:

- (i) sebagai tindakan susulan Yang Berhormat Datuk Pang Yuk Ming, Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar telah bertemu dengan Tuan Yang Terutama Huang Hui Kang, Duta Besar RRC di Kuala Lumpur pada 5 April 2014 untuk memaklumkan perkembangan terkini industri pelancongan di Sabah yang berjalan seperti biasa;
- (ii) kita juga menjalankan aktiviti-aktiviti promosi pelancongan Lembaga Pelancongan Sabah beralih tumpuan ke pasaran domestik dan pasaran lain seperti Asia Tenggara, Korea, Rusia dan Jepun;
- (iii) usaha promosi di RRC masih diteruskan dan Lembaga Pelancongan Sabah akan bekerjasama dengan *Tourism Malaysia*, syarikat penerbangan dan agensi-agensi pelancongan di Republik Rakyat China;
- (iv) Lembaga Pelancongan Sabah telah bekerjasama dengan *Tourism Malaysia* di Guangzhou dan AirAsia mengadakan lawatan suai kenal, *Familiarization Trip* membawa agensi pelancongan dari Guangzhou dan Shenzhen China ke Kota Kinabalu pada 20 hingga 21 Jun 2014 yang lalu.

Di peringkat Persekutuan pula, Perdana Menteri dalam lawatannya ke negara China bagi menyambut 40 tahun terbentuknya hubungan diplomatik di antara RRC dengan Malaysia dan mengambil kesempatan untuk meminta kepada Perdana Menteri China supaya membantu Malaysia bagi mengembalikan keyakinan pelancong-pelancong China untuk datang ke Malaysia.

Berikutan dengan itu, telah diumumkan bahawa Perdana Menteri China akan memberi janji bahawa dia akan melakukan yang terbaik untuk meyakinkan pelancong balik datang melawat Malaysia dan hasil daripada itu, kita telah dimaklumkan iaitu bahawa bagi bulan Julai 2014 hingga Jun 2015, kita telah dijanjikan iaitu 118 *flight charter* ataupun *chartered flight* daripada China akan telah ditentukan untuk datang ke Malaysia. Setakat ini sudah ada 19,199 *seats* yang telah pun ditempah. Begitu juga daripada Chengdu ke Pulau Pinang, dan Wuhan ke Kuala Lumpur sehingga Jun 2015 telah dijanjikan 79 *flights*, penerbangan dan setakat ini 13,193 *seats* telah pun ditempah.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu insiden tragedi pesawat penerbangan Malaysia setakat ini tidaklah merencatkan sektor pelancongan negara dan pelaksanaan Program Tahun Melawat Malaysia. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2014, Malaysia mencatatkan ketibaan seramai 13.87 juta orang pelancong asing iaitu peningkatan sebanyak 10.5% berbanding pada tempoh yang sama pada tahun 2013. Berdasarkan prestasi peningkatan pelancong asing ini, *insya-Allah* Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yakin akan mencapai sasaran ketibaan pelancong asing pada tahun ini di tahap 28 juta pelancong.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Sebelum saya mengemukakan soalan tambahan, sukacita saya mengalu-alukan kedatangan pelawat daripada kawasan Rukun

Tetangga Taman Marina 2, Senawang, Parlimen Rembau [*Tepuk*] Tuan Yang di-Pertua, kita melihat industri pelancongan negara telah memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi negara. Industri ini amat penting untuk kita kembangkan dan mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama dunia.

Justeru itu impak kepada kejadian MH370 dan juga pencerobohan Lahad Datu itu telah membawa kesan yang besar kepada industri pelancongan khususnya di negeri Sabah. Terima kasih atas penjelasan yang secara panjang lebar oleh Yang Berhormat Menteri tentang usaha-usaha untuk menggalakkan peningkatan pelancongan ke negeri Sabah.

Soalan saya apakah peranan ataupun galakan kementerian dalam usaha untuk menambah pusat-pusat tarikan pelancong di negeri Sabah seterusnya seperti bekas pejabat pentadbiran British tahun 1900 di Pulau Gaya, dan Kota Mat Salleh di Inanam dan juga Bukit Kokol di Sepanggar yang pada ketika ini telah pun mula didatangi oleh pelancong sama ada dari luar ataupun dalam negeri. Akan tetapi, memandangkan prasarana tidak begitu baik, apakah peranan kementerian dalam membantu kerajaan negeri untuk menambah baik pusat-pusat pelancongan yang ada di sekitar Kota Kinabalu?

■1100

Yang terakhir, dengan berlakunya MH370 dan MH17, apakah pihak kementerian mengesyorkan supaya angka tujuh itu digugurkan dalam *flight* MH. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu bahawa pelancongan ini bukan hanya melibatkan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sahaja tetapi ia juga melibatkan kementerian-kementerian lain. Yang mana sebagai contoh, daripada segi kesihatan ia ada *Health Tourism* tapi ia di bawah Kementerian Kesihatan. Kemudian kalau seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu tempat-tempat bersejarah seperti Mat Salleh dan bangunan lama pentadbiran Inggeris, ini merupakan harta-harta yang dimiliki oleh sama ada individu ataupun oleh jabatan-jabatan di kementerian lain.

Jadi, bagi kami dalam Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, kita sentiasa membuka tangan kita untuk menerima apa-apa juga cadangan daripada mana-mana jabatan yang terdapat elemen pelancongan dalam milikan harta mereka. Kita menyediakan dana infrastruktur di mana kalau sekiranya ada satu-satu kawasan itu terdapat satu tempat yang boleh dianggap sebagai boleh menjadi tarikan pelancong, maka mereka yang memiliki aset itu bolehlah memohon bantuan daripada pihak kementerian daripada segi untuk memberi geran bagi mewujudkan infrastruktur.

Sebagai contoh, katalah kalau di satu kawasan itu memang ada tarikan pelancong, di tepi pantai yang memerlukan kepada jeti tapi harta itu mestilah harta milikan kerajaan. Kalau individu, kita tidak boleh bagi geran tapi kalau tanah itu kepunyaan kerajaan, mahu dibina infrastruktur, sememangnya kementerian saya mempunyai dana untuk membantu mana-mana jabatan mengadakan infrastruktur mereka bagi tujuan untuk menarik pelancong ke tempat itu. Angka tujuh ini minta Kementerian Pengangkutan sebab dia yang bertanggungjawab.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, yang cukup budiman pada hari ini, memberi peluang kepada Kuala Langat untuk menambah soalan kedua. Yang Berhormat Menteri, seperti mana yang umum tahu apabila berlaku sesuatu insiden, maka akan berlaku sedikit penurunan dan menggugatkan sedikit pandangan pada pihak luar. Ketika saya menghadiri persidangan globalisasi ekonomi di Beijing tiga minggu yang lalu... [*Dewan riuh*] Huh dahsyat. Ini cerita sebenarnya Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Baling jangan cemburu, saya pun pergi *oversea* juga.

Yang Berhormat Menteri, bila saya meneliti tentang peningkatan walaupun MH17 tragedi itu menggayatkan banyak pihak. Akan tetapi bilamana komunikasi saya dengan delegasi dari luar negara ketika itu 81 orang, saya melihat bahawa ketakutan dan kegusaran mereka ialah tentang penculikan. Penculikan ini menghantui pihak luar yang ditokok-tambah pula dengan musuh-musuh negara yang tidak mengizinkan pelancongan itu berlaku dalam draf tinggi kita untuk meningkatkan pendapatan.

Yang saya nampak daripada perbincangan itu ialah ini baru soalan saya. Apakah langkah-langkah yang lebih baik yang dilakukan oleh pihak kementerian, terutama sekali di negara China yang memerlukan pendekatan yang boleh meyakinkan rakyatnya datang ke

Malaysia? Walaupun Yang Berhormat Menteri cakap tadi peningkatan *reservation* yang dibuat, 118 penerbangan ke Sabah dan sebagainya itu, satu peningkatan yang baik tetapi kalau lebih baik kementerian turun ke gelanggang-gelanggang ini dan memperjelaskan bahawa datang ke Malaysia kita selamat. Tidak ada penculikan. Yang ada itu hanya tidak sampai 0.1%.

Kalau itu boleh dilaksanakan, saya yakin isu peningkatan dana ataupun pendapatan dari segi pelancongan ini dapat ditingkatkan. Apakah kementerian bersetuju bahawa ia lebih efisien kalau kita pergi sendiri untuk menghantar delegasi kita untuk memperjelaskan dan ini saya nampak peningkatannya. Terima kasih Yang Berhormat Baling dan Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Pertamanya, saya hendak ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Langat. Saya nampak daripada ucapan itu dia hendak suruh saya pergi ke China. *Insyah-Allah* saya akan bawa sekalilah [Ketawa] Akan tetapi saya minta kepada pihak Ahli-ahli Parlimen kalau kita pergi ke mana-mana sekalipun, kita juga boleh menjadi duta kepada pelancongan Malaysia ini dengan kita juga memberikan keterangan kepada mereka. Akan tetapi dalam hal di Pantai Timur Sabah ini, saya mengharapkan kepada sahabat saya daripada Yang Berhormat Bagan Datoh selaku Menteri Dalam Negeri, supaya dia memastikan iaitu keselamatan di Pantai Timur Sabah itu dapat diberikan jaminan. Akan tetapi saya sendiri kalau pergi, saya tidak mahu beri jaminan kerana saya tidak bertanggungjawab kepada keselamatan. Akan tetapi kalau Yang Berhormat kata jamin, *insyallah*.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Polis pun tidak jumpa lagi itu.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Namun, seperti mana saya sebut tadi, Menteri Sabah kita telah mengeluarkan satu *Sabah Travel Advisory*. Dalam *travel advisory* itu mengatakan bahawa sememangnya kita tidak menafikan iaitu di pantai timur Sabah itu berlaku penculikan. Memang Yang Berhormat, iaitu perkara yang menakutkan mereka ialah penculikan di sana. Oleh sebab kalau dari segi MH370, dia boleh datang ke Malaysia bukan menerusi MAS sahaja. Dia ada kapal terbang negara China, *Cathay Pacific*, *China Airlines*. Dia banyak boleh masuk Malaysia kalau dia mahu datang. Akan tetapi kalau dia tidak datang kerana memang betul dia takut penculikan.

Jadi, *travel advisory* kita sebenarnya memaklumkan kepada rakyat negara China iaitu memperjelaskan ia memang berlaku penculikan tetapi itu di pantai timur tetapi Sabah ini luas. Bukan sahaja Pantai Timur. Di Pantai Barat pun Sabah ada tempat-tempat peranginan di pantai-pantai, *beach resort* yang juga menyediakan pelancongan yang baik di situ. Jadi, kita kata bahawa janganlah menganggap seluruh Sabah itu sebagai bahaya kerana Sabah ini ada lagi tempat-tempat yang menarik yang boleh mereka datang untuk melancong.

Jadi, saya setuju iaitu bahawa kita kena agresif, kita kena turun ke China dan memberi keyakinan kepada mereka untuk datang ke negara Malaysia. Ini kerana pelancong China yang pergi ke luar negara kalau tidak silap saya ialah dekat 80 juta *Chinese tourists*. *Chinese tourists* ini memang jadi rebutan kepada banyak negara supaya mereka datang melancong ke negara masing-masing.

Jadi, saya juga hendak sebut di sini iaitu bahawa impak yang cukup teruk ialah di 1st tier city seperti Beijing, China dan Guangzhou tetapi kena ingat berjuta lagi rakyat China ini berada di 2nd tier city. Jadi, sekarang apa yang kita lakukan ialah bukan sahaja kita memusatkan kempen kita kepada 1st tier city tetapi kita pergi melawat ke 2nd tier city seperti Tianjin, Wuhan, Chengdu tadi saya sebut.

Jadi Yang Berhormat, saya bersetuju iaitu sememangnya kita harus lebih agresif dan sememangnya kita kena turun ke negara China untuk meyakinkan mereka supaya datang melancong ke Malaysia. Ini kerana penculikan itu hanya berlaku di satu kawasan sahaja di Sabah, bukan di seluruh negeri Sabah. Terima kasih Yang Berhormat, *insyallah* kita pergi ke China nanti [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri pun jangan lupa dana untuk penambahbaikan pusat pelancongan di kawasan Kuala Krau [Ketawa] Surat pun sudah dihantar untuk Hutan Lipur Gunung Senyum. Yang Berhormat, oleh kerana Yang Berhormat Miri tiada dalam Dewan, soalan nombor empat tidak dapat kita jawab. Saya silakan Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir.

■1110

[Soalan No. 4 – Y.B. Dr. Michael Teo Yu Keng (Miri) tidak hadir]

5. **Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, bagaimanakah kerajaan membantu memberi kesedaran dan bantuan kepada belia hasil daripada perubahan kadar fiskal, kadar cukai dan landskap serantau kesan daripada komuniti ekonomi dalam isu kos sara hidup belia dan apakah status Dasar Belia Malaysia (DBM) yang dinyatakan akan menggantikan Dasar Pembangunan Belia Negara (1997) yang dirancang oleh kementerian sebelum ini.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat soalan ini merangkumi input daripada beberapa kementerian. Jadi apabila kita sebut rantau- yang terlibat dengan Wisma Putra dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Maka untuk makluman Ahli Yang Berhormat tujuan utama integrasi ekonomi serantau melalui pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN, ASEAN *Economic Community* (AEC) dengan izin, adalah untuk mempertingkatkan perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN.

Pembentukan pasaran tunggal juga ditunjuk bertujuan untuk menjadikan ASEAN sebagai hab pengeluaran serantau di mana pelabur-pelabur boleh selain daripada menghasilkan produk dan perkhidmatan bagi pasaran ASEAN dapat juga menggunakan ASEAN sebagai platform untuk mengeksport ke pasaran antarabangsa termasuklah Industri Kecil dan Sederhana yang banyak dipelopori oleh usahawan muda.

Tuan Yang di-Pertua, proses liberalisasi tarif import, sektor perkhidmatan, pelaburan serta lain-lain aspek kerjasama ekonomi dilaksanakan secara progresif mulai tahun 1993 dan Komuniti Ekonomi ASEAN akan dicapai pada tahun 2015. Sejak tahun 1993 kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bagi membantu syarikat-syarikat Malaysia khususnya Industri Kecil dan Sederhana. Program kesedaran mengenai usaha di peringkat ASEAN juga terus dimaklumkan kepada bukan sahaja sektor swasta tetapi semua lapisan masyarakat termasuk golongan belia.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia dengan jumlah penduduk seramai 30 juta orang berpandangan bahawa pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN membawa banyak aspek positif terutamanya membolehkan syarikat-syarikat Malaysia meneroka pasaran seramai 620 juta di kalangan ASEAN serta membolehkan syarikat-syarikat untuk melabur di lain-lain negara. Integrasi ekonomi ASEAN telah membawa kesan positif kepada rantau ini serta Malaysia. ASEAN dilihat sebagai destinasi utama pelaburan asing. Pada tahun 2013 pelaburan asing ke ASEAN adalah berjumlah USD122.4 bilion. Malaysia telah menerima pelaburan berjumlah USD12.3 bilion di mana jumlah ini adalah yang keempat tertinggi selepas Singapura, Indonesia dan Thailand.

ASEAN merupakan rakan dagangan terbesar Malaysia dengan 27.7% daripada jumlah perdagangan global Malaysia. Jumlah perdagangan Malaysia dengan negara-negara ASEAN pada tahun 2013 telah dicatatkan sebanyak RM374.71 bilion daripada jumlah dagangan global negara iaitu peningkatan sebanyak 4.6% dari tahun 2012. Eksport Malaysia ke pasaran ASEAN pada tahun 2013 berjumlah RM201.81 bilion iaitu peningkatan sebanyak 7.2% dari tahun 2012. Generasi belia di ASEAN dianggarkan berjumlah lebih kurang 252 juta atau 45% daripada populasi keseluruhan penduduk negara-negara ASEAN.

Integrasi ekonomi melalui AEC akan memberikan lebih pilihan kepada golongan muda dan rakyat di Malaysia untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan terbaik dengan kos yang lebih murah. Ini sekali gus mengurangkan kos sara hidup golongan muda dalam jangka masa panjang dan oleh sebab rata-rata golongan muda tergolong dalam golongan berpendapatan sederhana ataupun *medium class income*, dengan izin.

Pembentukan AEC dijangka akan menggalakkan pembangunan ekonomi melalui *talent mobility* di kalangan golongan muda. Tenaga kerja profesional yang berpendidikan akan mempunyai peluang yang lebih baik untuk memohon pekerjaan di lain-lain negara anggota ASEAN. Selain itu IKS tempatan dapat memperluaskan lagi rantaian bekalan (*supply chain*) dengan izin, mereka untuk mendapatkan sumber bahan mentah yang lebih murah dan menguntungkan.

Tuan Yang di-Pertua, pasaran yang luas dalam ASEAN akan memberi peluang yang baik kepada usahawan muda kita untuk mengeksport barangan dan perkhidmatan mereka ke negara-negara ASEAN yang lain. Oleh sebab itu kerajaan telah menempatkan wakil kerajaan atau agensi di beberapa negara ASEAN untuk mendapatkan akses pasaran, mempromosi dan memposisikan produk mereka sebagai pilihan utama dalam pasaran global di samping mengenal pasti peluang pasaran serta bidang baru yang berpotensi dan yang boleh diterokai.

Kerajaan juga sedang melihat cara untuk memperkukuh kapasiti dan kebolehpayaan usahawan belia Malaysia dengan menambah peruntukan bagi IKS serta pemberian dana kepada usahawan belia. Selain melihat kemungkinan pengenalan model komuniti ASEAN sebagai *syllabus* latihan keusahawanan. Dari sudut ekonomi kerajaan juga melihat untuk mempertingkatkan kapasiti dan kebolehpayaan kemahiran belia Malaysia dengan melalui peruntukan kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Kemahiran (PTPK) dalam usaha mempersiapkan belia dengan kemahiran yang berdaya saing selaras keperluan pasaran ASEAN.

Kementerian ini melalui Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah mengadakan persidangan meja bulat, Gagasan Komuniti ASEAN pada 5 April 2014 yang terdiri daripada persatuan belia dan belia secara individu. Kementerian juga akan mengadakan Persidangan Kepimpinan Muda ASEAN pada tahun 2015 dan IYRES akan menjadi salah satu agenda perbincangan pada persidangan tersebut.

Bagi untuk jawapan bahagian kedua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat buat masa ini proses pemurnian draf Dasar Belia Malaysia (DBM) telah berada di fasa 3 iaitu memantapkan input dan seterusnya ke fasa 4 iaitu fasa kelulusan DBM. Di mana cadangan DBM ini dijangka akan di bentang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia dan Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara pada bulan November 2014 sebelum diangkat ke Mesyuarat Jemaah Menteri untuk keputusan pada bulan Disember 2014. Sekian, terima kasih.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih pada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah meningkatkan dana peruntukan pembangunan Kementerian Belia dan Sukan daripada RM174 juta kepada RM455 juta. Ini bukan sahaja bukti komitmen kerajaan untuk meningkatkan golongan belia, dan pada masa yang sama ia satu penterjemahan keyakinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada kepimpinan Yang Berhormat Tuan Khairy sebagai Menteri Belia dan Sukan.

Pada masa yang sama kita mengambil kira kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa sebanyak 53,000 graduan yang masih belum mendapatkan pekerjaan setelah enam bulan tamat pengajian. Ditambah pula kita tahu hampir 100,000 pelajar tercicir daripada arus pendidikan perdana setiap tahun.

Soalan saya sudahkan kementerian mempunyai satu pelan komprehensif termasuk bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain bagi memastikan golongan belia ini dapat ditingkatkan kemahiran mereka untuk menghasilkan produk yang lebih berkualiti dan diri mereka lebih kompetitif di bidang kemahiran termasuklah satu usaha untuk mencantumkan agensi-agensi latihan di bawah kementerian seperti IKBN, ILP di bawah Kementerian Sumber Manusia dan sekolah sukan di bawah Kementerian Pendidikan di bawah satu payung iaitu di Kementerian Belia dan Sukan sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Peningkatan dari bajet untuk Kementerian Belia dan Sukan ataupun pembangunan belia oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menunjukkan keprihatinan Perdana Menteri dan juga Kerajaan Barisan Nasional untuk memastikan golongan belia tidak tercicir daripada arus pembangunan negara.

Apa yang kita buat melalui Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia iaitu IYRES telah mengadakan pelbagai persidangan untuk memastikan langkah-langkah positif akan diambil untuk memastikan golongan belia ini tidak tercicir daripada arus pembangunan. Walaupun seperti mana Yang Berhormat sebut tadi, walaupun beberapa agensi dan kementerian berlainan mengadakan pelbagai latihan dan program untuk memastikan golongan belia ini berjaya, walaupun dijalankan oleh kementerian berlainan

akan tetapi dalam hala tuju yang sama, supaya memastikan golongan belia ini tidak tercicir daripada arus pembangunan.

■1120

Walau bagaimanapun, cadangan Ahli Yang Berhormat akan dikaji secara mendalam dan akan mengambil langkah-langkah yang positif untuk memastikan golongan ini tidak tercicir. Hari ini kita lihat peluang pekerjaan bukan sahaja di dalam negara tetapi dengan program ASEAN, kita lihat peluang pekerjaan dan peluang perniagaan di rantau ini di mana akan memberi ruang yang lebih besar kepada golongan belia. Golongan belia harus bersedia untuk menghadapi cabaran. Itu yang penting hari ini. Terima kasih.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, seperti yang telah dijelaskan dengan panjang lebar sebentar tadi tentang keusahawanan di rantau ini, saya yakin Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu bahawa pada tahun lepas, di Brunei ada dianjurkan satu program di peringkat rantau ini yang dipanggil ASEANpreneurs, Keusahawanan ASEAN.

Jadi saya ingin tanya komitmen kerajaan terhadap program keusahawanan serantau ini kerana banyak kajian yang dibuat menjurus kepada masalah yang paling besar iaitu masalah sokongan kewangan. Apakah ada satu perancangan di peringkat kerajaan untuk membawa kesemua menteri-menteri belia di rantau ASEAN ini supaya ada satu *fund* atau dana diwujudkan untuk para belia ini melakukan perniagaan ataupun keusahawanan di peringkat rantau dan tidak terikat dengan peringkat domestik semata-mata. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, kita lihat hampir 620 juta populasi ASEAN dan daripada 620 juta ini, hampir separuh ialah golongan belia. Ini bererti masa depan rantau ini akan diputuskan oleh golongan belia. Maka dengan mengadakan Persidangan Pemimpin Muda ASEAN pada tahun 2015, kementerian akan membentangkan beberapa kertas kerja supaya kita dapat mengambil langkah-langkah yang positif untuk merealisasikan aspirasi golongan belia yang akan lebih terjamin. Terima kasih.

6. Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta Menteri Kewangan menyatakan prestasi kewangan mengikut pendapatan dan untung/rugi syarikat Keretapi Tanah Melayu Berhad setiap tahun sejak dikorporatkan pada tahun 1992.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak dikorporatkan pada tahun 1992, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) telah mencatat pendapatan terkumpul sehingga tahun kewangan 31 Disember 2013 yang telah diaudit sebanyak RM7.4 bilion. Bagaimanapun, dalam tempoh berkenaan, KTMB telah mencatat kerugian terkumpul sebanyak RM2.5 bilion.

Faktor-faktor utama yang menyumbang kepada kerugian berkenaan adalah disebabkan oleh dua perkara utama berikut. Pertama, kadar tambang yang rendah. Sebagai contoh, kadar tambang bagi perkhidmatan komuter pada masa ini ialah 10.8 sen satu kilometer berbanding LRT pada kadar 15 sen satu kilometer. Kedua, kos operasi yang tinggi meliputi kos penyelenggaraan infrastruktur dan gerabak, kos penggunaan tenaga elektrik dan diesel dan kos tenaga kerja. Sebagai contoh, keadaan infrastruktur dan gerabak yang semakin uzur iaitu di laluan Pantai Timur dan Selatan dan hampir 40% kos operasi pula ialah kos tenaga kerja.

Bagi memulihkan dan mengukuhkan kedudukan kewangan KTMB, melalui PEMANDU telah mengadakan makmal transformasi KTMB di mana inisiatif-inisiatif yang dirancang untuk dilaksanakan pelan transformasi KTMB adalah seperti berikut:

- (i) semakan kadar tambang perkhidmatan tren penumpang dan kargo. Namun ini masih dalam kajian dan belum lagi diputuskan;
- (ii) rasionalisasi perkhidmatan tren seperti mengubahsuai jadual waktu dan kemungkinan menghentikan perkhidmatan laluan yang tidak menguntungkan;
- (iii) memberi lebih fokus untuk meningkatkan aspek penyelenggaraan; dan

- (iv) usaha meningkatkan jumlah penumpang dan muatan kargo. Sebagai contoh dengan mewujudkan sambungan perkhidmatan bas perantara (*feeder bus*) di stesen-stesen dan memaksimumkan kapasiti bagi memenuhi permintaan pelanggan.

Dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif berkenaan, KTMB dijangka dapat memperoleh keuntungan sebanyak RM33.1 juta pada tahun 2015. Oleh itu dengan kedudukan kewangan yang lebih baik, KTMB berupaya dapat meneruskan operasinya secara mampan seterusnya dapat mengurangkan kebergantungan bantuan kewangan daripada kerajaan. Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sudah pasti prestasi KTMB menjadi isu tumpuan untuk semua pihak berkepentingan khususnya kepada pekerja-pekerja KTMB kerana masa depan mereka terikat dengan masa depan KTMB. Mengikut laporan yang saya terima, prestasi KTMB khususnya yang diterajui oleh Presiden yang baru iaitu Datuk Elias Kadir sejak tahun 2012, kerugian menjadi lebih meningkat secara mendadak daripada RM100 juta pada tahun 2011 kepada RM284 juta pada tahun seterusnya. Jadi oleh sebab itu Kesatuan Pekerja-pekerja Keretapi Tanah Melayu berpiket pada 9 Mei yang lalu mengikut hak yang diperuntukkan di bawah Akta Perhubungan Industri 1967...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, soalan.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: ...Untuk mendesak Datuk Elias Kadir meletak jawatan. Jadi malangnya pengurusan dan lembaga tidak ambil perhatian terhadap rintihan dan pandangan mereka tetapi mengambil tindakan untuk memecat kepimpinan kesatuan tersebut di mana Presiden Kesatuan iaitu Abdul Razak Md Hassan dan timbalannya, R. Subramaniam dipecat, ahli Exco diambil tindakan, mereka yang berpiket diambil tindakan. Jadi soalan saya, apakah tindakan Yang Berhormat Menteri untuk membela nasib mereka yang dipecat kerana berjuang untuk penambahbaikan pengurusan KTMB. Itu soalan saya.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih kepada Yang Berhormat Gopeng yang bertanya soalan tambahan. Isu kesatuan sekerja yang berdemonstrasi dan berpiket itu bukan atas sebab dasar KTMB, bukan atas sebab gaji mereka, bukan atas sebab kebajikan mereka tetapi piket mereka itu adalah atas sebab personaliti. Personaliti seseorang iaitu Datuk Dr. Elias Kadir. Saya ingin menafikan apa yang disebut oleh Yang Berhormat dari segi kerugian sebanyak lebih RM200 juta.

Memang kita tahu KTMB rugi. Akan tetapi pada tahun 2013 berbanding dengan tahun 2014 ini, kerugian itu semakin menurun dari RM138 juta kepada RM80 juta dan dengan transformasi yang akan kita laksanakan ini, lapan minggu mereka berbincang dalam hal transformasi KTMB, juga dibantu oleh Yang Berhormat Langkawi sebagai Pengerusi KTMB yang saya amat yakin beliau boleh membantu dari segi apa yang sedang dan cuba dilaksanakan. Kita tunggu apa yang berlaku dari segi transformasi terlebih dahulu dan hal-hal kesatuan sekerja itu kita serah kepada Kementerian Sumber Manusia untuk menanganai dan membantu menyelesaikan masalah ini.

Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: Pembangkang, Tuan Yang di-Pertua, asal rugi sahaja pecat. Asal rugi sahaja pecat. Kalau kita tengok KTM ini memang rugi tetapi dia ada untung hal-hal yang lain sebab British masa buat kereta api, dia pakai tidak silap saya *meter gauge*. Dia kecil sedikit berbanding dengan sekarang ini *standard gauge*. *Meter gauge* sekarang kita pakai *electric train, double tracking* boleh sampai ke tahap 170 kilometer sejam.

Soalan saya, selain daripada Yang Berhormat Menteri beritahu tadi, ada atau tidak usaha dalam hal transformasi supaya KTMB *own the rail* tetapi dia juga membenarkan koc-koc lain macam di Britain. Dia ada kereta api kuning yang diberi beroperasi di satu-satu masa terutama *peak hours*. Kalau di London, setiap sepuluh minit, tren sampai. Kita pakai komuter ini, kalau *miss* pukul 6.30 pukul lapan nanti baru dapat. Ada atau tidak usaha untuk membenarkan syarikat-syarikat swasta lain diberi konsesi supaya mereka boleh guna *rail*, koc mereka masing-masing tetapi KTM dapat hasil daripada sewaan *rail* tersebut. Terima kasih.

■1130

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat Mersing, yang itu belum kita fikirkan lagi, terima kasih atas cadangan. Akan tetapi pada kami di Kementerian Kewangan selaku Menteri Kewangan diperbadankan yang memiliki KTMB ini walaupun KTMB sudah dikorporatkan, pelbagai cadangan-cadangan lain sedang kami teliti.

Antaranya ialah untuk mendapatkan hasil bukan tambang, *non-fare revenue* contohnya pengiklanan. Kemungkinan di tanah-tanah KTMB yang ada, kita boleh bangunkan projek hartanah yang tertentu. Ini telah dibuat di Hong Kong, di Jepun dan juga di Singapura. Pendapatan daripada hartanah itu sebenarnya yang menguntungkan dibandingkan dengan pendapatan daripada *fare* atau pun hasil tambang dan mungkin ini kita akan tumpukan juga.

Dari segi *line* yang tertentu yang disebut oleh Yang Berhormat Mersing tadi, saya ingin berkongsi di sini. Komuter Tanjung Malim, Seremban dan Batu Caves, Pelabuhan Klang misalnya, 125,000 ke 130,000 penumpang sehari. Ini boleh menguntungkan KTMB pada setahun dua lagi. Kita juga ada satu *service* yang amat menarik yang Menteri Kewangan II juga selalu menggunakan untuk balik kawasan Tambun iaitu *Electric Train Services*, KL-Ipoh dan antara 4,000 ke 5,000 orang menggunakan *service* itu sehari. Ini juga ialah satu penambahbaikan.

Selain daripada itu, kita juga sedang melaksanakan *double tracking*. KL-Ipoh sudah siap. Ipoh-Padang Besar akan dipulangkan kepada KTMB pada November tahun 2014. Ini juga akan mendatangkan hasil. Jadi, kalau kita ada dengar KTMB akan diswastakan, saya ingin maklumkan di sini ia tidak akan diswastakan kerana kita sedang dalam proses transformasi yang begitu hebat dan mudah-mudahan dengan segala usaha transformasi ini KTMB akan beroleh keuntungan. Terima kasih.

7. Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, adakah pihak kementerian bercadang untuk melaksanakan kaedah bayaran Elaun Sara Hidup (COLA) secara tetap kepada pekerja-pekerja tempatan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*, salam sejahtera dan salah 1Malaysia.

Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan selamat datang kepada pemimpin-pemimpin masyarakat kita guru dalam negeri Pahang termasuk dalam kawasan Tuan Yang di-Pertua sendiri dan lain-lain Ahli Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Tuan Yang di-Pertua, tekanan beban sara hidup menjadi tekanan juga kepada pekerja. Saya ucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Pasir Gudang kerana prihatin tentang pekerja negara kita termasuklah pekerja swasta.

Saya hendak mengucapkan terima kasih banyak kepada kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini kerana saban tahun dalam Bajet yang dibentangkan tidak pernah melupakan nasib golongan berpendapatan rendah ini termasuklah pekerja-pekerja kita. Contohnya pada 10 hari bulan baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bentangkan beberapa program yang memberikan pulangan yang baik kepada orang bawahan. BR1M, Baucar Buku 1Malaysia RM250, Bantuan Persekolahan, Bantuan Khas Pekebun Kecil dan lain-lain. Inilah tandanya prihatinnya kerajaan kepada golongan berpendapatan rendah termasuk pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan bayaran COLA ataupun *cost of living allowance* dengan izin, buat masa ini Kementerian Sumber Manusia atau pun kerajaan belum lagi bercadang untuk melaksanakan bayaran elaun sara hidup atau (COLA) ini secara tetap kepada pekerja-pekerja tempatan. Ketika ini, Kementerian Sumber Manusia sedang menguatkuasakan Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 Akta 732 yang

mensyaratkan gaji minimum perlu kepada seseorang pekerja iaitu RM900 bagi Semenanjung dan RM800 bagi Sabah, Sarawak dan juga Labuan.

Untuk makluman Dewan yang mulia, cadangan pemberian elaun sara hidup atau pun (COLA) ini bagi pekerja swasta adalah tertakluk kepada budi bicara majikan masing-masing. Kerajaan tidak mempunyai kuasa dari segi undang-undang untuk mewajibkan majikan membayar elaun COLA atau elaun-elaun seumpamanya kepada pekerja swasta.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Pasir Gudang, pekerja swasta ini telah mendapat beberapa elaun yang boleh saya sebutkan secara kasar di sini. Elaun kedatangan, elaun makan, elaun dobi, elaun uniform, elaun pengangkutan, insentif, elaun syif, elaun sewa rumah, elaun panas, elaun ibu tunggal. Contohnya Samsung membayar elaun ibu tunggal kepada pekerja mereka, elaun telefon dan lain-lain.

Sebab itulah kita minta supaya majikan berilah perhatian, prihatinlah kepada pekerja mereka kerana mereka menyumbang kepada kejayaan majikan itu sendiri. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa menggalakkan perbincangan konstruktif antara kerja dan majikan. Jadi, kita serahkan kepada majikan. Setakat ini berbincanglah, jadi kerajaan tidak bercadang untuk sementara ini untuk mewajibkan pembayaran COLA ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat, selesai sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan. Sila Yang Berhormat Menteri, Peraturan Mesyuarat 12(1).

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.36 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.30 malam dan selepas itu Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Khamis 16 Oktober 2014. Terima kasih.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2015****Bacaan Kali Yang Kedua****Dan****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2015**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2015 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh bilion, empat ratus sembilan puluh sembilan juta, sembilan ratus sembilan puluh empat ribu ringgit (RM50,499,994,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2015, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2015, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 42 Tahun 2014, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut. **[14 Oktober 2014]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, minta Yang Berhormat Kepong menyambung ucapan 10 minit.

11.37 pg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Masa 10 minit sahaja ya? Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kerana bagi peluang sedikit. Semalam saya terpaksa berhenti kerana saya nampak Ahli-ahli termasuk Ahli Yang Berhormat Arau pun tergopoh-gapah hendak pulang. Semalam saya ada sentuh mengenai Jata Negara. Nampaknya, Yang Berhormat Lenggong itu dia ragu-ragu mengenai Jata Negara itu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat, salah kenyataan Yang Berhormat. Saya tidak ragu-ragu, saya yakin itu.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Oh ya, mungkin Tuan Yang di-Pertua boleh memberi taklimat sedikit kepada Yang Berhormat Lenggong mengenai Jata Negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya ada sebutkan mengenai begitu penting “Bersekutu Bertambah Mutu” dan dengan itu semua rancangan, semua projek di semua negeri termasuk di Sabah dan Sarawak mesti kita laksana dengan betul termasuklah tender-tender yang terbuka dan hanya melantik kontraktor-kontraktor yang mampu. Itulah. Saya berharaplah Projek *Pan Borneo*, Lebuhraya *Pan Borneo* dapat dilaksanakan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelaksanaan GST itu, walaupun kita nampak ada senarai untuk barang-barang dikecualikan GST dan juga senarai 532 barang yang harganya akan dikurangkan sehingga 4.1%. Saya berharap pihak kerajaan dapat melaksanakan ini dengan baik kerana itu sikap sesetengah kakitangan pun mesti ubah dengan baik dan juga semua kaedah untuk melaksanakan GST ini boleh ditambah baik supaya dia tidak akan menjejaskan orang ramai.

■1140

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekalinya walaupun kita kata GST ini memang akan mengubahkan sistem percukaian di negara ini, kita mesti ingat selepas dilaksanakan, susah bagi sesiapaupun untuk menghapuskan sama sekali. Ini memang pengalaman negara-negara yang lain termasuk Kanada. Ada orang yang kata dia nak hapuskan selepas dilaksanakan tapi tak mampu dibuat.

Oleh sebab itulah saya berharap pelaksanaan adalah dengan teratur, dengan berkesan tanpa menjejaskan rakyat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Mengenai PKS, peruntukan seperti *SME Investment Partner* dan sebagainya dengan peruntukan RM375 bilion ini dan juga TEKUN tambahan RM500 juta dan sebagainya, saya berharap dalam usaha kita untuk memupuk keusahawanan, untuk merancakkan prestasi dan pembangunan PKS kita, kita mestilah ingat bahawa semua ini mesti dilaksanakan dengan baik. Peruntukan banyak tetapi pelaksanaan itu yang kita harap boleh diperbaiki supaya semua PKS tanpa mengira kaum, kawasan dan rantau boleh mendapat manfaat daripada PKS kita.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Kepong, minta laluan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak ada masa dah sebenarnya.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Seminit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, satu minit sahaja. Apakah Yang Berhormat Kepong bersetuju dengan saya kalau sekiranya mengimbangi GST itu, COLA yang dipohon oleh MTUC (*Malaysian Trades Union Congress*) itu dijadikan sebagai satu mengimbang untuk memastikan bahawa bebanan yang dikenakan terhadap 11.3 juta rakyat pekerja itu dapat sedikit diatasi daripada implementasi GST itu yang akan diperkenalkan pada April ini. Apakah Yang Berhormat Kepong bersetuju dengan saya untuk diperkenalkan COLA ini? Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, memang COLA itu satu perkara yang rumit. Saya berharap pihak Yang Amat Berhormat dapat mempertimbangkan macam mana kita boleh menangani masalah COLA kita ini seperti mana yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi mengenai COLA.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh mengenai graduan daripada 31 buah kolej perubatan kita. 21 buah itu daripada IPTS. IPTS sahaja setiap tahun keluarkan graduan lebih 1,000 di antara misalnya tahun 2013, tahun lepas, dia keluarkan 1,115 graduan perubatan dan daripadanya seperti biasa 659 wanita, 456 lelaki. Ini memanglah di dalam IPTS dan IPTA ini kaum wanitalah memang melebihi daripada kaum lelaki kerana lelaki itu lemah sedikitlah dalam bidang ini. *[Disampuk]* Itulah di dalam Dewan itu nampaknya suara besar tetapi di IPTS dan IPTA itu tak boleh banding dengan wanita pula.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya setuju itu Yang Berhormat Kepong, setuju.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Ketawa]* Di sini yang pentingnya seperti mana yang saya sebutkan semalam mengenai Ph.D kita, kita hendak didik 60,000 Ph.D. Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata dia nak memberi kursus kepada 60,000 guru untuk mengajar bahasa Inggeris dan juga di sini dengan IPTS dan IPTA untuk keluarkan doktor-doktor ini, mutu dan kualiti yang penting. Kalau tidak, kita akan menghadapi kesusahan Tuan Yang di-Pertua.

Graduan kita bukan sahaja dari dalam negara ini, lebih 1,000 daripada IPTS dan 1,000 lagi daripada IPTA. Manakala daripada luar negara lagi beratus kolej diiktiraf, akan kembali ke sini. Macam mana nak cari kerja? Susah nak cari kerja dan mutu mesti dipertingkatkan untuk IPTS.

Akhir sekali Tan Sri, mengenai insinerator sampah di Taman Beringin, Kepong, di Melaka dan juga di Johor. Hampir satu bilion akan digunakan untuk sebuah kilang insinerator kita ini dan seperti mana yang disebutkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan di sini nampaknya dia mahu adakan tender

terbuka. Mahu adakan kajian alam sekitar (DEIA), mahu memastikan kilang-kilang itu sesuai untuk negara ini dan juga nilai berbaloi dengan belanja atau *value for money*.

Di sinilah saya hendak bertanya kementerian setakat mana janji ini dapat dipatuhi sebab memang ada golongan yang menentang insinerator dan ada golongan yang sokong. Akan tetapi yang pentingnya, janganlah kita cemarkan alam sekitar sama ada di Kepong, di Wilayah Persekutuan, di Sabah, di Sarawak dan sebagainya. Kita mesti jaga alam sekitar dan laksanakan kerana isu insinerator memang rumit. Lebih 100 tahun dilaksanakan bermula dengan negara-negara seperti Denmark dan ada pertikaian, ada kontroversi.

Saya berharaplah janji-janji yang dibuat di dalam Dewan yang mulia ini dapat dipatuhi dan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya ada dengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia memang gembira kerana namanya, nama Malaysia disebut di perhimpunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Yang Berhormat Kalabakan dan Putatan gembira jugalah, sama kita gembira.

Seorang Ahli: Tumpang gembira.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tumpang, memang tumpang macam itu sahajalah. Jadi saya berharaplah dengan nama Malaysia disebutkan, kita pun bergembira juga tapi yang pentingnya Tuan Yang di-Pertua, lautan yang dalam itu sudah di selam rata, buyung di dapur tak tahu apa isinya. Negeri yang jauh sudah dilawati dan nama disebutkan dan diambil tahu tetapi hal negeri sendiri tiada diperiksa bagaimana keadaannya. Itulah masalah kita dan saya berharaplah memang sudah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan belanja bajet kita RM273.9 bilion ini saya berharaplah pihak kerajaan dapat melaksanakan dengan baik. Cermat masa banyak, jimat masa sedikit dan selalu kita mesti berhati-hati dalam membelanjakan apa diperuntukkan wang rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lenggong.

11.49 tgh.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya berucap dalam perbahasan Perbekalan Bajet 2015 pada pagi ini.

■1150

Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kerana pembentangan bajet yang begitu baik, menyeluruh dan bajet terakhir sebelum kita membuat persediaan ke Rancangan Malaysia Kesebelas dengan sendirinya menjawab pelbagai persoalan, permintaan atau rintihan rakyat kerana apa yang dikemukakan dalam bajet ini menyentuh semua aspek.

Daripada kita membincangkan ekonomi berskala besar, ia juga menyentuh keperluan rakyat di peringkat akar umbi hingga menyelesaikan isu-isu yang selama ini dibimbangkan oleh rakyat keseluruhan. Sudah tentu dengan bajet yang berjumlah RM273.9 bilion ini yang merangka tujuh strategi yang diberi. Penekanan ini saya harap benar-benar akan dapat dilaksanakan dengan baik dan tentunya apabila dilaksanakan dengan baik, nikmatnya akan di'puluni' oleh rakyat dan sudah tentu saya mengharapkan supaya semua jentera kerajaan sama ada pihak swasta, kerajaan rakyat sama-sama menggembleng tenaga bagi membolehkan apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Pekan sewaktu membentangkan bajet ini dapat benar-benar menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana biasa belanjawan yang dibentangkan oleh kerajaan tentu akan beri keutamaan dalam soal pembangunan modal insan. Kali ini, dalam bajet ini kita dapat lihat strategi ketiga iaitu pengupayaan modal insan dan keusahawanan diberikan penekanan. Dalam soal ini, saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada kerajaan kerana terus memberikan bantuan wang persekolahan, bantuan kepada pelajar, pelajar universiti dan sebagainya.

Ini bantuan-bantuan yang diteruskan dari semasa ke semasa dan saya percaya ia memberi impak baik dan tentu dapat membantu kepada rakyat kerana sesetengahnya kepada kita wang RM100 itu kecil, tetapi kepada sebahagian rakyat, RM100 itu amat

bermakna kepada mereka. Jadi sebab itu kita harus menghargai pemberian yang berjumlah hampir lebih daripada RM540 juta yang akan melibatkan 5.4 juta orang pelajar di seluruh negara.

Satu perkara yang menarik, hari ini di dalam media sosial diputarbelitkan ialah berkaitan dengan peruntukan RM711 juta. Ramai orang sebut bahawa kononnya kerajaan memberikan peruntukan yang begitu besar kepada PERMATA Negara, RM711 juta. Sebenarnya ini tidak betul kerana RM711 juta ini diberikan oleh kerajaan untuk pendidikan, untuk Tabika Kemas, untuk PERMATA dan juga untuk Tabika Perpaduan. Maknanya peruntukan ini bukan hanya untuk PERMATA, ia meliputi pelbagai program pendidikan yang lain untuk meningkatkan dan menambahbaikkan proses pendidikan awal kanak-kanak. Jadi sebab itu menjadi tanggungjawab kita untuk memperbetulkan keadaan ini kerana PERMATA sebenarnya adalah satu program yang cukup baik. Ia sebenarnya adalah sebuah agensi kerajaan yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan bukan sebuah NGO dan mempunyai pentadbiran sendiri yang diketuai oleh Setiausaha Bahagian JUSA C misalnya.

Kita lihat bahawa program-program ini ada PERMATA Negara, PERMATA Pintar, PERMATA Insan, PERMATA Seni, PERMATA Remaja, PERMATA Kurnia dan sebagainya. Malah, hari ini kita dapat lihat bahawa sudah ada lapan puluh pusat PERMATA Negara diwujudkan dan tentunya menjadi harapan kita supaya program PERMATA ini dapat dikembangkan lagi supaya nikmatnya dapat dinikmati oleh rakyat secara keseluruhan. Tidak ada pertindihan berlaku, tidak ada penyelewengan berlaku, sebenarnya program ini amat baik sekali dan sebab itu kita menyokongnya. Saya sendiri di Lenggong juga ada sebuah pusat PERMATA Negara ini...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya percaya kalau kita memberi sokongan, banyak nikmat kepada anak-anak kita akan dapat melalui program baik ini. Saya beri kepada Yang Berhormat Sibuti dulu, nanti Yang Berhormat Batu Gajah, boleh?

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Permata Negara selalunya diuar-uarkan di luar Dewan sehingga seolah-olah PERMATA Negara ini membelanjakan RM700 lebih juta itu sedangkan yang kita tahu untuk bahagian PERMATA itu hanya RM30 juta lebih kurang. Jadi kenapakah ia *dispin* begitu hebat seolah-olah ini satu perancangan kerajaan oleh kerana yang menjalankan tugas ini ada berkaitan dengan Menteri Kewangan. Saya mengharapkan bahawa rakyat tidak terpesong dengan apa yang diuar-uarkan di luar, bawalah ke dalam Dewan ini senang kita berbahas dan berbincang bahawa PERMATA hanya membelanjakan lebih kurang RM30 juta. Apa pandangan Yang Berhormat Lenggong?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Sibuti, ia betul bahawa RM711 juta ini bukan semuanya untuk PERMATA. Akan tetapi yang perlu diakui bahawa PERMATA ini program yang amat baik. Saya percaya dengan program yang begitu baik memberi kesan dan mendapat sambutan daripada rakyat kerana itu program ini menjadi satu program yang ditakuti oleh kawan-kawan Yang Berhormat Batu Gajah. Sila, Yang Berhormat Batu Gajah.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *[Bangun]*

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Lenggong, terima kasih. Memang disebut di dalam bajet bahawa untuk pendidikan awal kanak-kanak kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM711 juta. Ia dikatakan dibahagikan kepada Kementerian Pendidikan, Tabika Kemas, PERMATA, Tabika Perpaduan. Setujukah Yang Berhormat Lenggong kalau kita minta Perdana Menteri untuk memberikan secara terperinci berapakah peruntukan yang dikhususkan kepada setiap satu untuk Kementerian Pendidikan, untuk pendidikan awal berapa disediakan, untuk Tabika Kemas berapa disediakan dan untuk PERMATA berapa disediakan dan begitu juga untuk Tabika Perpaduan, berapakah jumlah yang disediakan. Jadi diberikan secara terperinci, bagaimana?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Batu Gajah, saya percaya ia akan dicatat oleh Menteri. Di peringkat Jawatankuasa ini, Yang

Berhormat Menteri boleh menjawab isu ini. Saya ingat oleh kerana kita telus saya rasa tidak ada masalah untuk perkara ini diperincikan kerana kita kena tahu bahawa apabila belanjawan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini, mesti ada ketelusan, auditnya dan ia telah diperincikan. Tidak ada perkara yang akan diselindungi oleh kerajaan mengenai perkara ini. Akan tetapi, hakikatnya program ini amat baik dan tanggungjawab Yang Berhormat Batu Gajah beritahu kepada rakyat bahawa jangan seleweng isu ini, ia tidak betul sebenarnya. Yang betul ialah PERMATA ini program yang baik kepada rakyat.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *[Bangun]*

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: *[Bangun]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Abang saya Yang Berhormat Kalabakan.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, bila cerita tentang PERMATA saya tertarik sebab PERMATA ini berkilau-kilauan. Orang semua dengar, orang semua nampak tetapi masalahnya saya mahu tanya Yang Berhormat Lenggong, kenapa PERMATA tidak sampai ke Sabah, tidak sampai sama sekali. Ini bererti PERMATA belum kaji sepenuhnya ke mana mereka mahu pergi. Jadi kita mintalah Yang Berhormat Lenggong cadangkan dapat bajet pergilah ke Sabah. Terima kasih.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya bersetuju Yang Berhormat Kalabakan, sebab itu kita perlu peruntukan sejumlah kewangan yang besar kepada PERMATA supaya boleh pergi ke Sabah, pergi Kalabakan, pergi ke Sarawak dan ke tempat-tempat lain.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Lenggong.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Jadi kerana itulah kita kena menyokong. Kalau orang Sabah kata kenapa tidak boleh pergi ke Sabah lagi, kenapa tidak pergi ke Sabah lagi, maknanya program ini baik sekali. Saya hendak pergi ke tajuk lainlah.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Lenggong, sekejap boleh?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *Last, last.* Saya hendak pergi tajuk lagi.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Eh, belakang tak tengok kah? Sini.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mana belakang?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sila, sila.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat sedar bahawa program PERMATA ini adalah program yang *short cut* yang mana kalau kita lihat yang diuar-uarkan, yang dibanggakan contohnya PERMATA Seni, anak-anak yang dipilih untuk membentuk satu orkestra. Mereka ini diambil daripada anak-anak orang kaya yang memang terlatih dalam seni muzik dan digabungkan membuat satu team untuk ini. Sedangkan patutnya kalau PERMATA ini bersungguh-sungguh untuk membantu rakyat di bawah- Sabah pun sebut tidak ada, patut mengilap daripada anak-anak miskin dari bawah dan menjadikan mereka PERMATA. Bukan terus mengambil orang-orang kaya dan pucuk pimpinan begitu yang dilaksanakan. Terima kasih. *[Dewan riuh]*

■1200

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Okey.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Sai [Pengerang]: Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lenggong, pencelahan Yang Berhormat Lenggong.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lenggong, Kapar, Kapar.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat...

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Pencelahan Yang Berhormat Lenggong. Pengerang hendak celah. Saya hendak tanya ini, boleh atau tidak kita mendiskriminasikan anak orang kaya dan anak orang miskin? Apakah Yang Berhormat Ampang ini fikirkan? Kanak-kanak adalah kanak-kanak. Kenapa hendak mendiskriminasikan anak orang kaya dan anak orang miskin?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Isunya *the priority is for the poor, not for the rich*.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya hendak jawab yang itu. Oleh sebab itu jangan kita iri hati program ini. Ini program...

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Lenggong, saya tidak iri hati.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: ...Kerajaan Barisan Nasional.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tidak Yang Berhormat Lenggong, bagi masa.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kalau Kerajaan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang rasa ada program lebih baik, buatlah. Kalau di Selangor hendak buat, buatlah. Tidak ada kesalahan pun. Sebab itu saya percaya program ini amat baik, kerana dia sangat baik ia menjadi suatu yang dibimbangi oleh rakan-rakan di sebelah sana.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Lenggong, minta pencelahan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya pergi tajuk lain...

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Sedikit sahaja. Saya hendak cakap...

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: [Bangun]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Minta pencelahan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: [Bangun]

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Lenggong... [Dewan riuh]

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ia adalah pendidikan awal...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: ...Pun tidak mahu beri kah? *Gentle* lah...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: ...Saya tidak bagi peluang lagi ini...

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Lenggong.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Bagilah.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dahulu Yang Berhormat Lenggong. Ahli Yang Berhormat yang sedang berdiri boleh duduk sekejap? Sebentar tadi saya dikunjungi oleh seorang MP dari Switzerland juga merupakan seorang penulis *academician*, kami bercerita mengenai dengan soal demokrasi berparlimen. Antara lain dalam perbincangan tersebut ialah beliau mengatakan dalam demokrasi bukan semua bercakap, mesti ada juga yang mendengar. Jadi, kalau semua berdiri bercakap, itu bukan demokrasi yang matang ataupun demokrasi yang baik. Yang Berhormat Lenggong ada setengah jam, kalau dibiarkan mencelah ini bermakna *point* yang mahu diujahkan itu sudah tidak dapat diujahlah. Jadi ambil ingatan kepada itu, sila.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar nasihat Tuan Yang di-Pertua. Jadi, yang lain itu dengarlah ia juga sebahagian daripada proses demokrasi.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Minta pencilan Yang Berhormat Lenggong.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Lenggong saya ada...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, baru tadi saya sebut kalau berhujah bergilir-gilir, ikut peraturan mesyuarat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya hendak sentuh soal perumahan.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: *[Bangun]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Minta maaf Yang Berhormat Kota Kinabalu, semalam saya minta banyak kali tetapi tidak bagi, duduk dahulu.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Lenggong, sedikit sahaja.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Soal perumahan.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Lenggong, Pasir Gudang Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Perumahan ini penting sekali kepada rakyat. Sewaktu perbincangan di pelbagai peringkat sebelum bajet diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, isu ini menjadi perbincangan rakyat di seluruh peringkat, golongan muda di bandar dan di pelbagai peringkat kerana ia menjadi keperluan. *Alhamdulillah* dalam bajet ini kerajaan mengemukakan sesuatu bentuk perancangan yang cukup baik, bagaimana mahu menyelesaikan isu perumahan kepada rakyat dan paling istimewa apabila program khas dibuat termasuk ada bandar belia, mengenai perumahan kepada generasi muda.

Saya percaya dan saya berharap supaya generasi muda melihat ini sebagai satu perancangan yang baik untuk masa hadapan negara. Maknanya suatu perancangan yang baik untuk membolehkan anak muda dalam negara ini mendapat nikmat dari proses pembangunan yang kita ada.

Cuma saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya memikirkan supaya selain daripada kita menyediakan skim perumahan kepada generasi muda, kita juga mesti merancang daripada awal supaya ada satu program yang membolehkan anak-anak muda di peringkat mungkin di peringkat sekolah lagi membuat simpanan untuk membolehkan mereka mempunyai wang.

Apabila dewasa kelak dapat membeli rumah daripada program-program perumahan yang sedia ada hari ini kerana hari ini juga yang menjadi isu ialah banyak di kalangan anak muda tidak mempunyai wang, hendak membayar pendahuluan hendak beli rumah dan sebagainya kerana kekurangan dan kekangan yang lain. Oleh sebab itu saya hendak cadangkan kalau boleh kerajaan merangka dan mengkaji untuk mewujudkan satu skim simpanan perumahan negara bagi membolehkan supaya simpanan daripada awal dilakukan oleh rakyat supaya dalam tempoh tertentu dia sudah ada wang untuk membeli rumah-rumah yang ada pada hari ini.

Satu perkara lagi ialah berkaitan dengan perumahan generasi muda di FELDA. Hari ini menjadi kebimbangan saya ialah apabila jumlah pelajar-pelajar murid-murid di sekolah-sekolah di rancangan FELDA semakin kurang, semakin mengecil. Di kawasan saya sudah ada FELDA yang dahulu pelajarnya lebih daripada 300, sekarang hanya 60 hingga 70 orang sahaja. Maknanya yang tinggal di FELDA bukan lagi di kalangan mereka yang produktif, tidak boleh lagi melahirkan anak yang ramai untuk membolehkan anak-anak ada sepanjang masa belajar di sekolah.

Oleh sebab itu memerlukan generasi muda tinggal di FELDA dan kerana itu memerlukan satu skim perumahan yang baik. Saya tahu bahawa kerajaan melalui FELDA memang menyediakan skim perumahan FELDA ini. Akan tetapi saya berharap isu-isu yang

berkaitan dengan pembayaran wang pendahuluan, bayaran bulanan ini ditangani dengan baik supaya antara rungutan yang disebut oleh generasi muda FELDA ini ialah berkaitan dengan kaedah pembayaran pembelian yang mahal dan sebagainya. Saya berharap perkara ini diberi perhatian dan diteliti oleh pihak kerajaan.

Berbalik soal pendidikan tadi, saya percaya tindakan pertama dalam program pengupayaan modal insan ini, disebut mengenai memantapkan profesionalisme perguruan sekolah. Kita percaya dan tahu bahawa guru-guru dibebani dengan tugas yang begitu banyak, hendak isi borang lagi, hendak kutip yuran sekolah lagi, sukan lagi, hendak bawa pelajar pergi melawat lagi, sekarang ini musim melawat, hendak bawa melawat, macam-macam kerja. Bebanan dan tanggungjawab. Kerajaan ada menyebut dalam Dewan yang mulia ini untuk mewujudkan jawatan pembantu guru, apa sudah jadi?

Saya berharap Kementerian Pendidikan akan memberikan penjelasan dalam Dewan dengan perancangan kerajaan untuk mewujudkan jawatan pembantu guru supaya dengan ada jawatan pembantu guru ini akan meringankan bebanan guru-guru kita, apabila ia ringan Yang Berhormat Kepong, cikgu boleh memberi tumpuan kepada mengajar.

Saya bersetuju dengan apa Yang Berhormat Kepong cakap. Betul! Kebimbangan juga hari ini ialah apabila bilangan pelajar lelaki di pelbagai universiti agak kurang. Kalau kita hadir ke program tadika yang terima hadiahnya wanita, pergi sekolah rendah pun wanita juga, pergi sekolah menengah pun sama juga, bilangan pelajar hendak masuk universiti pun ramai wanita. Ini juga harus diteliti dan dikaji oleh Kementerian Pendidikan bagaimana kita hendak lakukan supaya tidak ada perbezaan yang jauh sangat. Saya difahamkan untuk pasukan pelajar ke universiti ini 30% lelaki, 70% wanita. Ini sebenarnya untuk masa hadapan akan memberi kesan.

Yang Berhormat Kepong, kalau jawatan wanita yang tinggi-tinggi, orang lelaki hendak pergi memining pun rasa gayat juga. Itu saya fikir. Bukan kita iri hati kepada wanita, tidak! Akan tetapi perkara ini mesti diteliti walaupun Yang Berhormat Batu Pahat nampak tidak setuju dengan apa yang saya cakap. Satu perkara yang menjadi keutamaan hari ini ialah berkaitan dengan kos sara hidup. Memang menjadi harapan rakyat juga sewaktu sebelum Yang Berhormat Menteri Kewangan bantangkan perkara ini ialah harapan rakyat, bagaimana kerajaan hendak mengemukakan satu program bagi mengurangkan kos bebanan kehidupan rakyat? yang paling terkesan hari ini ialah kepada masyarakat luar bandar, penoreh-penoreh getah. Hari ini harga getah Yang Berhormat Bagan Serai RM1.30 hingga RM1.40 barangkali. Di Bagan Serai dia tanam padi, kalau di tempat saya, macam di Pokok Sena juga orang menoreh getah. Akan tetapi *alhamdulillah*.

Seorang Ahli: Pendang.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bendang, oh! Akan tetapi hari ini saya bersyukur apabila kerajaan dalam bajet baru-baru ini memperuntukkan sejumlah RM100 juta untuk program kawal selia harga getah. Saya harap program ini benar-benar dapat disegerakan, di teliti dan ia benar-benar dapat menyentuh dan menyelesaikan isu yang dihadapi oleh penoreh-penoreh getah di seluruh negara pada hari ini.

■1210

Oleh sebab itu dalam Dewan yang mulia ini saya mohon supaya kerajaan dapat memperincikan bagaimana perancangan, apakah yang hendak dilakukan di bawah program kawal selia harga getah ini dan dimaklumkan kepada rakyat secara keseluruhannya. Supaya mereka faham dan dapat difahami dengan betul. Dengan sendirinya kekusaran yang dihadapi oleh rakyat dapat benar-benar dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, aspek penting juga dalam bajet ini ialah berkaitan dengan sektor pertanian. Kita tahu bahawa sektor ini penting sekali. Apatah lagi kalau kita lihat hari ini bahawa jumlah import makanan dari luar negara ke negara kita ini begitu tinggi sekali. Sudah tentu apabila berlaku krisis kenaikan harga, berlaku krisis bencana, ia akan memberi kesan besar kepada kita.

Oleh sebab itu saya berharap dan ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan berkaitan dengan Program *Food Security* ini. Bagaimana dilakukan sekarang? Apakah yang telah dilakukan, apakah ada masalahnya? Apakah perancangan masa hadapan berkaitan

dengan perancangan untuk memastikan bekalan makanan negara ini dapat benar-benar dijamin cukup dan kita tidak bergantung sangat kepada bekalan daripada luar negara.

Tentunya juga apabila kita menyebut soal pertanian ini, ia juga berkaitan dengan persaingan. Terutama sekali masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani, nelayan kerana isu yang berkaitan dengan orang tengah dan sebagainya. Saya juga dengar Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani baru-baru ini telah melancarkan Jihad Basmi Orang Tengah. Jadi, saya hendak tahu apa sudah jadi dengan Program Jihad Rasmi Orang Tengah ini? Apakah masalah, apakah kejayaan dan apakah keberkesannya? Supaya program ini dapat benar-benar menyelesaikan isu yang dihadapi oleh golongan yang berkaitan.

Berkaitan dengan bekalan makanan juga. Di kawasan saya hendak sebut juga, kerajaan negeri telah memperuntukkan satu kawasan yang begitu luas di bawah Program Lenggong Agro Valley. Saya amat berharap supaya pihak kerajaan dapat membangunkan Program Lenggong Agro Valley ini, terutama sekali oleh Unit Perancang Ekonomi supaya ia dapat membantu dan menjadikan kawasan ini sebagai pusat pengeluaran makanan dalam negara ini.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Lenggong. Tidak berani.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sila Yang Berhormat Putatan. Jangan lama sangat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil apabila Yang Berhormat Lenggong menyentuh orang tengah ini. Apa yang saya lihat kita memerlukan orang tengah kerana kita tidak mahu para petani kita, usahawan tani kita terperangkap yang mana pasaran hasil daripada aktiviti pertanian ini tidak dapat dipasarkan kerana kita memerlukan orang tengah.

Oleh sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyeru kita untuk memperkasakan usahawan Bumiputera. Antara usahawan kita akan wujudkan ini adalah orang tengah yang boleh membantu para petani kita terutama sekali petani-petani di luar bandar Yang Berhormat Lenggong. Jadi, kita tidak boleh menyatakan orang tengah ini tidak baik. Jadi, kadang-kadang kita terlepas pandang perkara ini sedangkan usahawan Bumiputera. Ini agenda pertama kita Yang Berhormat Lenggong. Boleh minta penjelasan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ya, saya pun tidak sebut bahawa orang tengah ini tidak penting cuma saya harap supaya yang perlu diberi perhatiannya peranan orang tengah yang menindas petani-petani di peringkat bawah yang bergantung harap kepada sektor ini untuk pendapatan. Jadi, saya harap perkara ini akan dijawab oleh kerajaan waktu jawapan nanti.

Saya hendak beralih sedikit kepada Program Pembangunan Belia. Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan, sejak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memegang kerajaan. Dari semasa ke semasa Program Pembangunan Belia ini diberikan perhatian dan ia dibuktikan apabila bajet ini banyak program, peruntukan pun bertambah untuk generasi muda.

Tentunya ia memberi impak besar kepada kita kerana generasi muda ini penting sebagaimana disebut dalam belanjawan ini, belia adalah pelaburan penting kepada negara. Maknanya, untuk kita tentukan masa depan negara, kita mesti merangka program pendekatan yang baik kepada generasi muda hari ini kerana merekalah yang akan menjadi harapan kepada kita.

Saya harap supaya program-program yang hendak dilaksanakan ini akan menyerap sehingga ke akar umbi dan tidak hanya berlaku di peringkat atas sahaja tetapi kesannya tidak kepada akar umbi. Misalnya, program Akademi Kepimpinan Belia. Hari ini kita tahu bahawa soal patriotisme, soal meningkatkan semangat kenegaraan, soal cintakan negara mesti ditanam di kalangan generasi muda supaya mereka betul-betul faham tentang negara kita.

Saya harap melalui program-program latihan yang hendak dilaksanakan dalam Program Akademi Kepimpinan Belia ini, elemen ini diberikan penekanan. Supaya dengan adanya kurikulum ini, kita dapat melahirkan generasi muda yang punyai jati diri yang baik,

yang faham tentang inspirasi dan falsafah negara ini yang akhirnya akan dapat memberi sumbangan besar kepada negara ini.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Yang Berhormat Lenggong, Sekijang. Sedikit.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sila Yang Berhormat Sekijang.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Yang Berhormat Lenggong, tadi Yang Berhormat Lenggong sebut tentang Akademi Kepimpinan Belia ini. Saya ingin sarankan, setuju atau tidak Yang Berhormat Lenggong jika sekiranya Akademi Kepimpinan Belia ini kita serapkan di bawah sebuah pertubuhan NGO belia yang besar iaitu Majlis Belia Malaysia. Ini kerana kita tahu Majlis Belia Malaysia ini ialah sebuah organisasi yang memang telah tertonjol daripada segi pengalaman dan juga kepimpinan mereka itu untuk melatih generasi-generasi belia di Malaysia ini.

Kita tahu Yang Berhormat Lenggong sendiri ialah produk daripada Majlis Belia Malaysia. Jadi, sudah tentulah Akademi Kepimpinan Belia ini wajar untuk kita letakkan di bawah Majlis Belia Malaysia. Silakan Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Kita tahu bahawa kepimpinan ini, proses melatih generasi muda ini penting. Oleh sebab itu saya bersetuju supaya organisasi belia ini terus dijadikan *partnership*, terus jadi rakan kongsi terbaik. Ini kerana selama ini telah pun terbukti bahawa organisasi belia inilah proses yang melahirkan ramai pemimpin utama negara.

Oleh sebab itu dalam Program Akademi Kepimpinan Belia ini saya harap kementerian akan menjadikan organisasi belia ini sebagai rakan kongsi untuk sama-sama menggembleng tenaga bagi membolehkan program kepimpinan ini dapat dilaksanakan dengan baik.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Lenggong, boleh saya mencelah?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bekas Menteri Belia. Sila.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Lenggong, saya hendak tanya Yang Berhormat Lenggong. Apa pendapat Yang Berhormat Lenggong kepada strategi yang telah dinyatakan oleh strategi keenam oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan iaitu membangunkan Program Transformasi Belia Negara. Adakah tidak lebih afdal jikalau agenda-agenda di bawah strategi keenam ini Kementerian Belia dan Sukan bekerjasama dengan Majlis Perundingan Belia dan juga Majlis Belia Malaysia. Ini kerana mungkin mereka adalah lebih relevan dan juga bijaksana dalam isu-isu belia daripada jabatan-jabatan belia. Kadang-kadang pegawai ini terlebih umur belia. Terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pengerang, organisasi belia dalam negara ini telah pun bergerak sejak tahun 1948 lagi. Sudah begitu lama, melalui pelbagai proses dan kewujudannya lebih awal daripada Kementerian Belia dan Sukan. Malah kewujudan Kementerian Belia dan Sukan itu dicadangkan oleh organisasi belia. Jadi, dari segi usianya, ia lebih lama. Sudah tentu kalau lama, ada pengalaman jatuh bangunnya, ada pelbagai sejarah.

Oleh sebab itu saya percaya jangan tinggalkan kumpulan ini. Kalau kita hendak buat Parlimen Belia pun buatlah tetapi kita mantapkan Majlis Perundingan Belia Negara yang telah termaktub dalam Akta Pembangunan Persatuan Belia yang diluluskan dalam Dewan ini.

Oleh sebab itu saya harap Kementerian Belia dan Sukan dalam waktu kita ingin mengadakan Program Parlimen Belia ini jangan sesekali kita pinggirkan Majlis Perundingan Belia Negara. Ini kerana ia mempunyai susun atur yang cukup baik di peringkat daerahnya, di peringkat negerinya dan di peringkat kebangsaan. Saya harap perkara ini sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Pengerang ini dapat dilakukan.

■1220

Maknanya untuk melaksanakan program yang begitu baik ini, kita mesti gembeleng tenaga semua pihak kerana masing-masing ada pengalaman, masing-masing ada pengetahuan, ada pihak yang mempunyai kuasa, apa pihak yang mempunyai pengalaman, maka kuasa dan pengalaman ini digabung jalinkan, saya percaya ia akan melahirkan belia yang baik untuk masa depan negara.

Dalam proses kita hendak membaharukan belia ini juga ada halangan. Antara halangan ini hari ini ialah, apabila sumber maklumat yang berlegar begitu cepat dalam negara kita ini dan ia hanya boleh dicapai melalui sentuhan hujung jari sahaja. Oleh sebab itu saya harap, ia ditangani dengan baik kerana media sosial pada hari ini juga menjadi pengaruh besar kepada pembentukan generasi muda dalam negara ini. *Facebook*, *Twitter*, blog dan sebagainya. Bukan semua perkara yang ada dalam *Facebook* betul. Bukan semua yang tidak betul. Akan tetapi saya harap, dalam kita memberikan kebebasan kepada generasi muda dalam negara ini untuk bercakap, memberi pandangan, mengkritik dan sebagainya, kita juga harus membina tanggungjawab di kalangan mereka.

Sebab itu antara cara untuk kita membentuk tanggungjawab, saya hendak cadangkan dalam Dewan ini, menyahut juga cadangan Yang Berhormat Kinabatangan supaya Kementerian Komunikasi dan Multimedia ini meletakkan syarat iaitu mendaftarkan semua pengguna *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya. Dengan cara ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lenggong, ada empat minit lagi Yang Berhormat Lenggong ya. Empat minit.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Empat minit? Dengan cara ini, kita dapat meningkatkan tanggungjawab di kalangan generasi muda. Tak apa, dia hendak bagi pandangan apa pun, bagilah. Dia hendak mengkritik pun, mengkritik tetapi dia ada tanggungjawab iaitu dia mesti bertanggungjawab terhadap apa yang diucapkan kerana semua perkara yang disebut diketahui oleh semua pihak kerana ia didaftarkan.

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: *[Bangun]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Oh, sila Tan Sri.

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Cuma saya hendak sedikit penjelasan dengan Yang Berhormat Lenggong, saya tertarik dengan cadangan Yang Berhormat tadi. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa pendaftaran untuk akaun-akaun ini bukan sahaja di negara kita, dibuat di dunia juga. Di Amerika, di Eropah mesti, dimestikan untuk ada akaun sebelum buka akaun sama ada *Facebook*, apa akaun itu sebelum mereka melayari alam siber ini mesti mendaftarkan diri mereka. Bukan sahaja di negara kita, di negara lain pun termasuk di negara Barat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Rompin. Memang ia telah diamalkan di kebanyakan negara malah di sesetengah negara bukan sahaja perlu mendaftar, tindakan undang-undang diambil kepada pihak-pihak yang telah menyalahgunakan media ini. Malah lebih keras daripada apa yang saya cadangkan ini.

Oleh sebab itu saya hanya mencadangkan supaya kita daftarkan sahaja. Kita bukan sekat, dia nak cakap apa, cakaplah tetapi dia mesti bertanggungjawab. Maknanya setiap akaun yang digunakan itu kita tahu siapa pemiliknya. Jadi kalau dia hendak mengkritik sesiapa, dia hendak beri pandangan apa-apa pun, dia ada tanggungjawab dan ia boleh saya rasa, antaranya, di samping kita memberi kebebasan, maka kita akan dapat membina tanggungjawab di kalangan pengguna dan pengamal media ini. Oleh sebab itu saya hendak cadangkan supaya kerajaan mengkaji supaya mendaftarkan semua laman sosial ini supaya ia memberi kebaikan kepada kita.

Perkara lain yang saya hendak sebut dan ini mungkin terakhirlah, soal kesihatan di kalangan rakyat. Saya percaya ini perkara penting kerana untuk melahirkan masyarakat negara yang baik, kita tentu mesti memastikan kesihatan rakyat dapat dijaga dengan begitu baik. Saya lihat melalui belanjawan ini, sejumlah RM23.3 bilion diperuntukkan oleh kerajaan untuk menaik taraf perkhidmatan dan kemudahan kesihatan di seluruh negara.

Saya harap kawasan-kawasan luar bandar juga akan mendapat nikmat ini dan tentu juga saya ambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini untuk meminta supaya kerajaan menaik taraf pusat kesihatan di kawasan saya di Lenggong, ia telah ada dan

ditingkatkan dengan ada diwujudkan katil-katil supaya membolehkan pesakit-pesakit yang menerima rawatan dapat dirawat dengan sempurna di Pusat Kesihatan Lenggong dan ia dengan sendiri akan memberi kebaikan kepada rakyat secara keseluruhannya.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, marilah kita seluruh rakyat dalam negara ini untuk menjaga perpaduan di kalangan rakyat. Saya menyeru Kementerian Belia dan Sukan, saya tahu bahawa hari ini pencapaian kita dalam bidang ini agak jatuh dan sudah tentu ia sesuatu yang tidak menggembirakan kita kerana pencapaian kita baru-baru ini di Korea pun merudum. Sebab itu saya harap kalaulah kita tidak capai sebagaimana yang dikehendaki, tidak dapat pingat emas dan sebagainya tetapi satu perkara yang penting perlu diberi penekanan oleh Kementerian ialah jangan hanya kita tumpu untuk mencapai pingat emas, perak atau gangsa. Akan tetapi kita beri tumpuan juga kerana sukan ini mesti dijadikan sebagai alat perpaduan di kalangan rakyat. Kalau kita tak capai pingat emas, tetapi dengan sukan kita boleh membina semangat perpaduan di kalangan rakyat, itu juga baik.

Oleh sebab itu, di samping kita memberi tumpuan kepada pencapaian-pencapaian ini, saya harap apa juga program yang hendak dirangka oleh Kementerian Belia dan Sukan, elemen penting ialah kita mesti menanam semangat perpaduan di kalangan rakyat. Saya lihat bahawa setiap kali temasya sukan berlangsung dalam negara ini atau di mana-mana juga, kita lihat rakyat berkumpul tanpa mengira pelbagai latar belakang berbeza agama, budaya tetapi mereka berkumpul atas semangat sukan. Oleh sebab itu saya harap perkara ini diberikan perhatian dan Kementerian Belia dan Sukan memberi fokus untuk membina semangat perpaduan di kalangan rakyat membina sukan. Sila Yang Berhormat Rompin.

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya bangun meminta sedikit penjelasan. Yang Berhormat Kota Melaka bising. Ia tak mengaku yang Barisan Nasional cakap yang baik, dia pula mendengki. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Lenggong, penjelasan sedikit. Yang ini Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Ipoh Timur sama sahaja termasuk Yang Berhormat Batu Gajah. Sebab ini sukan, saban hari kita melihat, membincangkan Tuan Yang di-Pertua, bahawa standard sukan kita bukan sahaja bola semuanya agak merudum dan sedikit-sebanyak ini dari segi kita melihat mana dia punya *talent*nya?

Baru-baru ini kita dengar di sekolah-sekolah, *talent* sudah semestinya bakat-bakat datang daripada sekolah. Sekarang ini sekolah-sekolah tak macam kita dahulu, digalakkan bersukan. Sekarang guru-guru marah, anak-anaknya kalau bersukan, suruh buat tuisyen, suruh belajar, mereka terlalu utamakan kepentingan akademik, yang kokurikulum tidak diberikan kepentingan. Adakah ini akibat apa yang berlaku dari segi dasar kita di sekolah yang saya dengar dengan Yang Berhormat Raub. Yang Berhormat Raub macam dululah, sekarang ini tak kenal saya, dulu dengan saya di kampung. Sekarang ini sudah tak sekampung dah, dulu sekampung [*Ketawa*] [*Disampuk*] Yang Berhormat Kota Bharu, saya bercakap dengan Raub, *hang* campur buat apa? Ini cerita saya di kampung, janganlah campur [*Ketawa*] Kamu orang besar, saya main lastik burung. Apa, betul tak sama Raub.

Jadi saya hendak tanya, adakah mungkin kajian ini bukan hanya dilihat daripada kajian diusahakan oleh Kementerian Belia dan Sukan, mungkin dengan kerjasama Kementerian Pendidikan sendiri kerana bakat-bakat datang dari anak-anak sekolah. Betul tak?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Betul.

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: *Talent* itu, dia punya bakat itu datang daripada sekolah. Kalaulah di sekolah, guru-guru tidak mendukung bahawa pentingnya sukan, dia dari mana datangnya *talent* kita untuk menjadikan *champions* yang akan datang? Minta pandangan Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Rompin, saya bersetuju. Dulu kita tak pernah terfikir Korea hebat dalam bidang hoki, takraw pun hebat sekarang Yang Berhormat Seputeh. Kita boleh kalah dengan Korea, dengan negara-negara yang tak pernah kita terfikir pun. Bagaimana mereka boleh mencapai tahap sedemikian rupa? Saya percaya ia tercapai kerana proses mereka melahirkan atlet ini bermula daripada awal lagi sebagaimana Yang Berhormat Rompin sebut tadi.

Oleh sebab itu saya harap kita ada Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan yang dianggotai oleh pelbagai kementerian. Maka, untuk melahirkan atlet ini, ia tidak boleh

tanggungjawab diletakkan hanya kepada Yang Berhormat Rembau sahaja. Semua pihak mesti bertanggungjawab terutama sekali institusi yang melibatkan pendidikan ini.

Oleh sebab itu saya percaya dan mungkin boleh dikaji, kalau hari ini kita hanya, saya difahamkan kalau saya salah minta kementerian betulkan, kita hanya beri 10% markah sahaja, penilaian kepada aspek kokurikulum ini. Apa salahnya kita tingkatkan lagi supaya dengan penilaian yang tinggi diberikan kepada pelajar yang menceburi bidang olahraga ini, maka minat mereka akan tinggi. Apabila minat tinggi, daripada awal lagi dengan sendirinya ia akan membolehkan proses-proses pembentukan atlet ini dapat dilakukan daripada peringkat awal lagi.

■1230

Jadi saya harap kerajaan mengkaji supaya meningkatkan jumlah pemarkahan. Kalau sekarang 10%, mungkin letakkan 30%. 30% sebagai markah keseluruhan yang dinilai pencapaian di sekolah berasaskan kepada kokurikulum. Kalau dia terlibat dalam sukan, pencapaian sukan di bidang olahraga di peringkat negeri, kebangsaan, nilainya lebih tinggi supaya dia diperakui di peringkat awal, ia menjadi satu galakan kepada mereka dan sudah tentu kita akan dapat melahirkan atlet yang baik. Saya bimbang nanti, sampai satu peringkat nanti, kita bola sepak dengan Singapura pun kalah. Saya takut nanti badminton pun kita kalah dengan Singapura. Kalahlah kan dan kalau kita kalah dengan negara-negara ini, saya percaya ia sesungguhnya akan merendahkan martabat sukan dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum Tuan Yang di-Pertua tegur saya, saya sudah lebih masa, saya ucapkan terima kasih dan saya sokong bajet ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pokok Sena.

12.30 tgh.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberikan peluang kepada saya untuk berbahas dalam perbahasan Bajet 2015. Tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dapat haji yang mabrur, mudah-mudahan dirahmati Allah SWT. Bajet yang telah pun dibentang oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga Perdana Menteri telah pun dikemukakan ke Parlimen ini dengan sejumlah RM273.9 bilion dan dengan meletakkan unjuran pendapatan yang akan diperoleh oleh negara pada kadar-kadar yang telah pun disebut dalam pembentangan bajet baru-baru ini.

Cuma saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan daripada apa yang saya baca dalam anggaran hasil kerajaan persekutuan 2015 ini. Antaranya ialah apa yang disebut iaitu hasil-hasil daripada hasil bukan cukai dan sebagainya dan termasuklah hasil cukai itu ialah hasil cukai pendapatan syarikat korporat iaitu termasuk petroleum. Dicatatkan dalam muka surat tiga buku anggaran hasil ini, cukai pendapatan petroleum ini dijangka dikatakan menyusut 5% dengan kerajaan mengunjurkan pengurangan itu disebabkan oleh anggaran purata harga minyak mentah yang sederhana iaitu daripada USD115 satu tong pada 2013 iaitu kepada harga USD110 satu tong.

Ini bermakna bahawa unjuran yang kerajaan buat untuk 2015 hasil pendapatan daripada cukai petroleum ini ialah pada kadar harga USD110 satu tong. Maknanya bajet ini juga mengambil kira pendapatan daripada petroleum ini sama ada cukai dan juga yang lain-lainnya ialah dengan mengambil kira harga USD110 satu tong. Akan tetapi apa yang berlaku pada hari ini kalau kita lihat dalam laporan-laporan yang dibuat oleh NASDAQ dan juga *Bloomberg* dua hari semalam menunjukkan bahawa trend penurunan itu berterusan, penurunan harga minyak ini berterusan. Kalau harga WTI untuk bulan November akan datang ini pun sudah diunjurkan kejatuhannya sebanyak 91 sen kepada USD84.83 satu tong. Begitu juga dengan harga minyak *Brent* iaitu akan turun pada 79 sen kepada USD88.10.

Jadi saya hendak dapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan bagaimana kalau trend penurunan harga minyak ini berterusan, bagaimana kedudukan belanjawan negara kita ini dengan unjuran pendapatan yang dijangka oleh pihak kerajaan berasaskan kepada harga minyak USD110 satu tong sedangkan sekarang ini pun sudah pun berada pada kadar USD84 ataupun USD85 satu tong.

Jadi kebimbangan saya nanti bahawa ia akan membawa kepada kerajaan akan terus mengurangkan subsidi kepada rakyat khususnya subsidi pada harga minyak untuk mengelak daripada tampungan kekurangan pendapatan yang diperoleh oleh kerajaan melalui hasil petroleum yang sudah pun diunjurkan berasaskan kepada USD110 satu tong. Sebab penganalisis-penganalisis membuat analisis mereka menunjukkan bahawa trend ini akan terus menurun dan kebimbangan akan sampai kepada 2015 harganya lebih rendah ataupun pada kedudukan USD84 ataupun USD85.

Jadi kalau USD110 dengan USD85 itu maknanya satu yang agak banyak. Hampir USD15 satu tong kita mengalami kekurangan daripada hasil pendapatan yang diunjurkan oleh kerajaan. Jadi saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan apakah nanti kebimbangan juga kerana selepas ini akan ada bajet-bajet tambahan seperti mana yang berlaku sebelum-sebelum ini paling kurangnya purata setahun kadang-kadang dua kali kita akan minta untuk meluluskan bajet tambahan.

Keduanya saya juga ingin...

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena, saya tertarik dengan komen itu tetapi baru-baru saya dapat *Whatsapp* dari kawan. *All prices hit low*. Sekarang *all prices* sudah sampai USD82.17 dan komen itu ialah *OPEC not expected to reduce, already reduce production*. Apa komen Yang Berhormat Pokok Sena tentang *estimate* dan jangkaan kerajaan?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, itu lagi membimbangkan, mungkin itu laporan yang lebih terbaru yang terkini. Saya pun tidak sempat untuk menyemak pada pagi ini. Ini lagi membimbangkan kerana ia akan menjejaskan tentang perolehan ataupun pendapatan kerajaan. Sebab itu saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan terhadap persoalan ini bermakna bahawa trend itu menurun bukan saja USD84, USD85 tetapi USD82.

Satu perkara lagi yang saya hendak dapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan. Baru-baru ini CEO, Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Datuk Shamsul ada membuat kenyataan bahawa Petronas mungkin tangguh pelaburan sehingga 15 tahun iaitu yang berkaitan dengan pelaburan Petronas di Kanada iaitu ekoran daripada kegagalan untuk pihak kerajaan membuat rundingan berkaitan dengan soal *tax* dengan negara tersebut sedangkan pihak Petronas telah pun membeli satu, mengambil alih syarikat gas di Kanada dengan harga RM15 bilion dan sedangkan mereka tidak boleh hendak beroperasi kerana rundingan berkaitan dengan soal *tax* yang masih belum selesai dibuat oleh pihak Petronas.

Sedangkan apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu Perdana Menteri Kanada melawat Malaysia dalam tahun 2013 menganggap bahawa apa langkah yang diambil oleh Petronas ini satu langkah besar untuk masa depan Petronas. Jadi sepatutnya bagi saya bahawa sudah pun ada rundingan dengan pihak kerajaan Kanada bagi menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan soal cukai. Sama seperti mana pihak-pihak luar yang datang ke Malaysia ini selepas daripada mereka telah pun mendapat penjelasan daripada pihak berkuasa negara kita tentang pengecualian-pengecualian cukai yang bakal mereka peroleh.

Jadi saya pun agak hairan macam mana Petronas boleh pergi dalam dan mengambil alih syarikat dengan RM15 bilion dalam keadaan tidak mengetahui terlebih dahulu tentang kadar-kadar cukai dan juga cukai-cukai yang bakal dikenakan terhadap mereka ataupun pengecualian-pengecualian sama boleh ataupun tidak. Maka sudah tentu ini sekali lagi akan merugikan negara kita yang sepatutnya kita akan mendapat hasil pendapat yang lebih daripada pelaburan yang telah pun dibuat sebanyak RM15 bilion tetapi kata CEO Petronas, mungkin kita kena tunggu sampai 15 tahun akibat daripada kelemahan, kegagalan perundingan yang gagal dibuat oleh pihak Petronas dan juga oleh pihak kerajaan sendiri.

Ketiga, saya ingin menyentuh soal muka surat 30 daripada pembentangan bajet ini berkaitan dengan soal memperkasakan agenda bumiputera.

■1240

Isu yang hendak saya bangkitkan di sini bahawa sudah berapa lama sejak dari tahun 70-an sewaktu pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru sampai ke hari ini kita masih lagi bercakap ya? Baik, tetapi soalnya seolah-olah menunjukkan bahawa kita tidak mendapat

satu pencapaian yang baik untuk bumiputera di negara kita ini khususnya kepada masyarakat dan orang-orang Melayu, sehingga menyebabkan Melayu terus menjerit, bumiputera terus menjerit, merintih, meminta peluang-peluang bukan sahaja daripada termasuk peluang-peluang daripada syarikat-syarikat kerajaan sendiri, GLC sendiri sebelum ini kita pernah dengar bagaimana bumiputera tidak berpuas hati terhadap layanan yang diberikan oleh Petronas terhadap bumiputera.

Hatta untuk membekalkan nasi lemak di stesen-stesen minyak Petronas sendiri pun pengusaha-penguasa nasi lemak bungkus ini berhadapan dengan masalah. Jadi sekali lagi dalam ucapan bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menggariskan yang berkaitan dengan agenda bumiputera mungkin perhimpunan UMNO bulan 11 ini pun sekali lagi perwakilan-perwakilan UMNO akan menjerit berkaitan dengan kegagalan-kegagalan GLC untuk turut memberikan bantuan kepada bumiputera khususnya kepada orang-orang Melayu.

Saya hendak menunjukkan bagaimana baru-baru ini berkaitan dengan isu KLIA 2. Sekali lagi bumiputera merungut, bumiputera merungut, orang Melayu merungut kerana mereka tidak mendapat peluang yang munasabah daripada pembinaan KLIA 2 dengan harga yang begitu tinggi dan sebagainya sehinggakan apabila merungut, menjerit tambah lagi enam. Kalau tidak menjerit tidak tambah. Apabila menjerit barulah MITI pergi berunding dengan Malaysia Airport dan sebagainya dan pihak pengurusan kompleks tersebut, barulah ada pertambahan enam peniaga bumiputera. Itu pun kalau kita lihat bahawa dengan kadar sewa yang cukup mahal di kawasan tersebut. Jadi saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini minta penjelasan.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Apakah kerajaan tidak bersedia untuk memastikan supaya di KLIA 2 itu ataupun di KLIA yang lama diwujudkan satu ruang seperti bazar untuk peniaga-peniaga kecil untuk duduk di situ. Kita telah latih TEKUN, Amanah Ikhtiar Malaysia dan sebagainya. Sampai bilakah mereka ini hendak terus berada di kampung? Kenapa kita tidak bawa ke KLIA 2 umpamanya. Kalau hendak letakkan dalam kedai seperti yang saya sebutkan tadi mungkin sewanya terlalu mahal. Jadi kenapa tidak diletakkan seperti satu bazar, kiosk untuk gerai-gerai yang kecil itu bagi membolehkan mereka juga turut serta meningkatkan...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Keupayaan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Keupayaan mereka.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Nantilah, saya belum habis lagi.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tidak, ini soal yang memperkasakan bumiputera sebab saya tertarik dengan...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Rompin dia punya bising...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: ...Yang Berhormat.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tan Sri, Tan Sri, Tan Sri.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh Yang Berhormat Pokok Sena? Okey terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena, sahabat baik. Sekarang Yang Berhormat Pokok Sena memang baik hati. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Pokok Sena ini memang baik hati tetapi dia selalu terlepas pandang. Dia khusus, khusus, khusus kepada Melayu. Yang Berhormat Pokok Sena, tahu tidak Perlembagaan Persekutuan 153, dengan izin, kenapa selalu terlepas pandang? Kalau

PAS juga memerintah kerajaan, hancurlah Sabah dan Sarawak. Semua terlepas pandang. Boleh tidak Yang Berhormat Pokok Sena sentuh kan KLIA 2, KLIA 1 panggillah juga bumiputera-bumiputera dari negeri Sabah. Boleh tidak- jangan terlalu terlepas pandang ini.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: ...Ini sensitif.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih..

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena selalu pergi ke Sabah nanti kita...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, ya.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: ...Kita sekat Yang Berhormat Pokok Sena masuk Sabah baru tahu!

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jangan sekat saya. Inilah dia Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional ini politik ugut. Apabila saya tidak sebut oh dia ugut saya, macam PM mengugut orang Cina, ugut MCA. Ini sama juga, ini sudah berjangkit ini, sorry Yang Berhormat Putatan.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: *[Bangun]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Putatan sebab itu saya sebut tadi bahawa soal meng'agenda' bumiputera. Apabila sebut isu bumiputera itu meliputi...

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Masyarakat bumiputera yang lain daripada Melayu cuma khusus ..

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sekejap.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Saya hendak meminta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Orang-orang Melayu. Nantilah dahulu, saya tidak bagilah okey. Saya belum lagi. Oleh sebab itu bagi saya bahawa ini-sebab itu saya katakan bahawa mereka yang dilatih melalui TEKUN, Amanah Ikhtiar Malaysia termasuk...

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, saya perlukan penjelasan...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Orang-orang Melayu.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: .Berkenaan dengan apa Yang Berhormat kata tentang apa...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, boleh bagi...

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: PM cakap di perhimpunan MCA.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya belum habis lagi, saya tidak bagi kepada dia. Ini dia mengganggu saya- macam mana ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak suka mendengar Yang Berhormat perkataan ugut itu. Mungkin itu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dia memang mengugut, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang ugut.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Apa yang dia cakap...

Tuan Yang di-Pertua: Beri laluan atau tidak Yang Berhormat?

Tuan Khoo Soo Seang [Tebräu]: Apa yang ugut. Apa yang PM cakap? Apa yang PM cakap di perhimpunan MCA?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Okey, duduklah.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebräu]: Macam mana dikatakan ugut?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Duduklah.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebräu]: Bukan apa PM cakap, kenapa dia..

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: PM cakap kalau buat tuntutan daripada kerajaan jangan sokong Pakatan Rakyat, itu ugutlah.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebräu]: Itu bukan yang dia cakap. Sedangkan dia hanya cakap bahawa kerajaan sudah bantu masyarakat Cina, harap masyarakat Cina juga menyokong kerajaan, itu sahaja. Ini bukan mengugut.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Ini tipu ini, MCA ini...

Tuan Khoo Soo Seang [Tebräu]: Ini bukan mengugut.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: MCA tidak berani lawan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini UMNO tipu 'lu'...

Tuan Yang di-Pertua: Okey sila, sila Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Duduklah, duduk, duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Duduklah. Ini MCA ini mudah melenting. Benda itu sudah dilaporkan oleh media dan sebagainya, ini semua orang tahulah. Satu Malaysia orang tahu. Oleh sebab itu saya sebut tadi bahawa balik kepada agenda bumiputera. Saya kata apa salahnya kalau di KLIA 2, KLIA 1 ataupun di mana-mana itu diletakkan bazar-bazar untuk membawa peniaga-peniaga yang dilatih melalui TEKUN, Amanah Ikhtiar Malaysia termasuk bumiputera yang bukan Melayu untuk berada di situ. Barulah kita lihat bahawa kejayaan kepada program-program TEKUN, Amanah Ikhtiar Malaysia untuk mengangkat agenda bumiputera khususnya kepada peniaga-peniaga bumiputera ke kompleks-kompleks yang besar seperti itu.

Keempatnya saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan, ini isu syarikat bumiputera. Sebuah syarikat yang bernama Srimelan Sdn. Bhd. Saya hendak mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan iaitu syarikat ini telah memperoleh projek Digital Autopsi Teknologi untuk PPUKM iaitu kita panggil bedah siasat mayat, jenazah tanpa perlu lagi kepada pembedahan tetapi menggunakan satu alat elektronik, digital untuk mempercepatkan dan juga ingin mengelakkan daripada penyeksaan ke atas mayat tersebut.

Saya agak hairan kenapa kerajaan selepas memberikan tender ini kepada syarikat Srimelan Sdn. Bhd. yang merupakan antara penasihat syariahnya ialah Mufti Negeri Perak, Tan Sri Dr. Haji Harussani. Dia merupakan penasihat syariah kepada syarikat Srimelan ini. Isunya ialah kenapa selepas daripada tawaran itu telah pun dibuat sebanyak RM40 juta diterima oleh UKM tetapi akhirnya kita lihat bahawa program itu telah pun dialihkan kepada satu syarikat lain iaitu kepada syarikat lain iaitu kepada Infovalley.

Diberikan balik kepada Infovalley. Sedangkan syarikat ini sebenarnya syarikat Srimelan ini sudah pun dilantik secara perjanjian untuk menjadi ejen kepada Infovalley. Akan tetapi dialah yang mendapat projek tersebut dan dia hanya menjadi ejen untuk Infovalley membekalkan alat-alat ini yang dibangun kononnya yang dibangun oleh satu anak syarikat kepada Infovalley, Life Science Berhad iaitu iGene, sebuah syarikat yang bernama iGene yang juga di- kerajaan juga sendiri telah pun terlibat dalam pelaburan iGene ini. Malah iGene ini telah pun di- Syarikat ini, syarikat iGene iaitu anak syarikat kepada Infovalley ini hanya bermodalkan RM2.00 tetapi mendapat geran daripada MOSTI pada tahun 2005, RM5.42 juta, Mavcap tahun 2007 sebanyak RM7.5 juta dan Akademik Inovasi Malaysia (AIM) tahun 2012 sebanyak RM70 juta.

■1250

Jadi saya agak hairan kenapa tiba-tiba syarikat Srimelan itu tadi, syarikat yang diusahakan oleh usahawan wanita iaitu seorang wanita. Apa yang saya simpati lagi ialah dia merupakan ibu tunggal. Ya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri di bawah Kementerian Kewangan bersetuju untuk memberikan projek ini kepada Srimelan. Akan tetapi kenapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri apabila telah pun memberikan projek itu kepada Srimelan tidak boleh mempertahankan untuk seterusnya projek itu diperoleh oleh Srimelan. Kenapa perlu ada pertukaran dan perubahan kepada Infovalley. Sedangkan kesalahan itu bukan kesalahan Srimelan, kesalahan Infovalley yang sudah pun melalui termaktub dalam perjanjian untuk membuat satu demonstrasi tentang peralatan tersebut kepada pihak Hospital Universiti Kebangsaan (HUKM).

Jadi sepatutnya syarikat ini, syarikat ini yang salah. Bukan salah kepada Srimelan tetapi tiba-tiba apabila Infovalley ini yang mungkin mempunyai hubung kait dengan pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh pihak kerajaan itu terus pergi dan akhirnya projek itu diberikan kepada Infovalley. Infovalley bukan syarikat- saya bukan soal hendak bincang soal bumiputera, syarikat bukan bumiputera atau pun tidak. Akan tetapi kenapa dianiayai sedangkan dalam ucapan bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak mengangkat, mengagendakan bumiputera, sedangkan seorang usaha wanita, ibu tunggal dianiayai seperti ini oleh Kementerian Kewangan.

Saya ada fail yang cukup lengkap yang boleh saya sebut satu persatu tetapi saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan. Saya sedia untuk bersoal jawab dengan Menteri Kewangan dalam isu ini kerana saya mempunyai fail yang cukup lengkap, dokumen-dokumen yang cukup lengkap berkaitan dengan Srimelan yang telah pun memperoleh projek ini. Jadi ini suatu yang harus diperjelaskan oleh pihak kerajaan kepada kita semua.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sekali ialah berkaitan dengan projek ini juga, sampai sekarang Infovalley sendiri pun tidak boleh hendak buat apa. Sedangkan Infovalley telah pun menerima geran daripada kerajaan daripada MOSTI sebanyak RM5.42 juta, Mavcap tahun 2007 sebanyak 7.5 *inch*, tahun 2012 sebanyak RM70 juta sedangkan syarikat ini ialah syarikat RM2.

Saya katakan bahawa yang dapat itu syarikat yang bukan bumiputera...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, ya.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Pokok Sena minta kementerian memberitahu Parlimen siapakah pemilik syarikat tersebut yang ada RM2 ini tetapi mendapat bermacam-macam sokongan, kewangan daripada kerajaan. Akan tetapi akhirnya tidak membuat kerja yang sepatutnya dilakukan. Boleh Yang Berhormat Pokok Sena tanya supaya nama-nama mereka ini didedahkan supaya kita dapat membantu pemilik ini kalau dia ada masalah kemudian. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya bersetuju sepatutnya kerajaan memperjelaskan siapa pemilik syarikat ini dan apa istimewa syarikat ini sehingga dia boleh mendapat begitu banyak geran daripada pihak kerajaan tetapi dari segi pulangan balik kepada negara tidak diperoleh dan ini satu yang sangat malang.

Syarikat ini untuk pengetahuan Dewan, selama tempoh tujuh tahun pendapatan syarikat itu daripada tahun 2006 hingga tahun 2012 hanya RM5 juta. Syarikat ini bergantung kepada pelaburan kerajaan. Selama tempoh tahun 2006 hingga tahun 2012 kerugian terkumpul ialah RM5 juta lebih. Selama tempoh tujuh tahun dari tahun 2006 hingga tahun 2012 syarikat ini hanya membayar cukai RM199. Jadi saya agak sedih dengan usahanya Srimelan ini yang teraniaya. Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Empat minit lagi.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, empat minit lagi. Ish, kenapa...

Tuan Yang di-Pertua: Memang Yang Berhormat Pokok Sena tidak sedar kerana Yang Berhormat Pokok Sena yang bercakap.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Bukan saya boleh sambung petang kah Tuan Yang di-Pertua? Saya ingat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat Pokok Sena lagi bercakap begitu, pendek lagi lah hujahnya *[Ketawa]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Allah SWT, banyak perkara. Dari atas pokok sampai ke perdu pokok Tuan Yang di-Pertua *[Ketawa]* Jadi saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan.

Jadi yang kelima, saya juga hendak dapat penjelasan daripada pihak kerajaan berkaitan di bawah muka surat sembilan yang berkaitan dengan GST ini. Saya hairan bila Menteri Kewangan yang juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa dalam tahun 2015 dengan pelaksanaan GST hasil kutipan dianggarkan berjumlah RM23.2 bilion.

Walau bagaimanapun sebagai kerajaan yang prihatin kita telah mengecualikan sebilangan barangan yang keseluruhannya dianggarkan RM3.8 bilion. Akan tetapi saya katakan bahawa pengecualian barangan itu bukan hanya untuk orang biasa, orang bawah, orang miskin, penoreh getah, Syed Mokhtar pun dapat, Vincent Tan pun dapat. Umpamanya harga minyak yang tidak di GST, RON95. Saya katakan bahawa bukan anak muda yang memakai motor kapcai yang dapat pengecualian GST. Hatta Syed Mokhtar juga akan dapat pengecualian GST kalau dia pakai RON95.

Jadi apa keistimewaannya pengecualian cukai GST ini, keistimewaan kepada yang berpendapatan yang dulunya memang dia tidak tersenarai, 85% yang tidak tersenarai sebagai pembayar cukai pendapatan. Apakah keistimewaannya daripada pengecualian cukai ini? Jadi tidak ada apa satu yang istimewa.

Ekoran daripada itu juga kerajaan juga kata bahawa dia juga kehilangan RM13.8 bilion daripada pelaksanaan SST. Pasai apa dia hendak kata dia kehilangan sedangkan GST katanya mengganti SST. Jadi janganlah bawa satu angka yang menunjukkan bahawa dia hilang. Kalau begitu, okey kekal lah SST, kita kekal SST, tidak hilanglah RM13.8 bilion, tidak payah laksana GST. Kenapa pengiraan ini hendak dikira sebagai satu kehilangan sedangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mengatakan bahawa daripada GST ini kita akan dapat RM23.2 bilion. Jadi RM23.2 bilion itu termasuklah daripada hasil-hasil yang sudah terangkum daripada kehilangan SST. Jadi tidak hilanglah tetapi bermakna bahawa mendapat satu pertambahan pendapatan daripada RM13.8 bilion itu melonjak naik sampai kepada RM23.2 bilion.

Jadi saya agak kecewa dengan satu manipulasi kepada angka ini yang dibuat oleh pihak kerajaan seolah-olahnya dia hilang. Saya hendak katakan bahawa kalau kerajaan anggap kehilangan RM13.8 bilion daripada SST okey, tidak payah laksana GST kamu akan terus dapat SST. Jadi saya pun bersetuju. Saya percaya Ahli Parlimen semua bersetuju, kekal SST. Kita tidak payah laksana GST sebab kerajaan tidak mahu hilang RM13.8 bilion. Jadi saya harap bahawa kerajaan harus telus terhadap ini kerana...

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sedikit tentang logik matematik, Yang Berhormat..

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya tidak ada masa, minta maaf ya. Saya pun minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun boleh masuk kelas matematik lain untuk membuat pengiraan supaya bahawa kehilangan itu sebenarnya tidak hilang atau pun memang kerajaan ada kepakaran untuk buat penipuan akaun hendak tunjuk kata bahawa "*Oh... ini hilang*". Padahal dapat 23 bilion lebih lagi. RM23 bilion lebih.

Oleh sebab itu seorang pegawai Setiausaha Perbendaharaan kalau tidak silap saya, saya mengatakan bahawa kita tidak boleh *capital gains tax* tidak boleh dilaksanakan kerana kita masih dalam konteks negara membangun. Kita memerlukan hasil yang banyak. GST ini akan mendapat hasil yang banyak. Ini bermakna bahawa GST itu untuk mendermakan hasil pendapatan negara. Ini bermakna bahawa kerajaan lebih mesra dengan syarikat-syarikat besar yang tidak perlu membayar cukai yang besar melalui *capital gains tax*. Akan tetapi sebenarnya ambil cukai daripada rakyat kebanyakan ini untuk menambahkan jumlah kekayaan negara kita ini.

Kemudian, Allah..

Tuan Yang di-Pertua: Sila gulung Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Gulung-gulung.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi, hendak gulung. Tidak boleh sambung, sikitlah lagi sambung?

Tuan Yang di-Pertua: Itu sebab Yang Berhormat tadi terlupa kira-kira. Di mana Yang Berhormat mencadangkan orang masuk kelas matematik, Yang Berhormat sendiri gagal untuk kira-kira.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kadang-kadang kawan-kawan lain pun boleh bagi, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Sila saya bagi satu dua minit untuk gulung. Sila, sila.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang baik hati. Sepatutnya dia bagi lagi lebih kepada saya untuk membolehkan saya memberikan satu yang lebih baik untuk masa depan negara kita ini.

Jadi saya harap bahawa kebimbangan dan kerisauan rakyat ini perlu diberikan perhatian sebab dengan kenaikan harga barang yang melonjak kesan daripada kenaikan harga minyak dan bertambah dengan GST nanti dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengakui bahawa kesan GST hanya 1.8% kenaikan harga barang. Ini bermakna bahawa ini akan berlaku kenaikan dan sudah pasti akan berlaku ditambah dengan kenaikan harga minyak.

Jadi kalau dulunya buruk yang sedang panjat pokok kelapa itu susah hati Yang Berhormat Sungai Petani ya, susah hati bila kerajaan memasarkan minyak masak kelapa sawit. Dia kata dia hilang pekerjaan. Akan tetapi susah hati rakyat sekarang ini lebih teruklah daripada buruk yang sedang panjat pokok kelapa dulu ini sebab kenaikan harga barang lebih tinggi. Ini bermakna bahawa ketakutan rakyat itu lebih gayat daripada buruk yang duduk atas pokok. Jadi saya kira bahawa ini suatu yang harus dilihat oleh pihak kerajaan

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua yang baik hati, saya juga dapat penjelasan tentang Projek Perumahan Belia iaitu bagi perumahan belia yang 25 tahun hingga 40 tahun pendapatan isi rumahnya RM10,000. Kerajaan akan berikan *top up* RM200 bayaran bulanan mereka bagi rumah yang RM500,000.

Jadi saya hendak dapat penjelasan tentang seorang *graduate* keluar universiti dan dia masuk perkhidmatan awam bermula dengan gaji RM2,250 lebih kurang. Dia hendak sampai, kalau dia seorang bekerja, dia hendak sampai mendapat RM10,000 itu sampai kalau maksimum M berapa itu pun dia tidak dapat lagi RM10,000. Dia hanya dapat RM9,000 lebih saja kalau dia seorang saja bekerja. Jadi sampai bila pun dia tidak dapat RM200 itu untuk ini. Apatah lagi dengan belia di kampung yang tidak ada pendapatan isi rumahnya sampai RM10,000. Apatah lagi mereka hendak kemukakan satu petunjuk akaun yang menunjukkan pendapatan mereka sampai RM10,000.

Jadi saya harap bahawa harus kaji balik supaya benar projek ini akan tercapai. Maknanya ada golongan belia khususnya di kampung-kampung juga akan dapat memperoleh untuk kerajaan *top up* mereka RM200 sebulan walaupun pendapatan mereka itu rendah daripada RM10,000. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, pembahas sebelah tengah hari nanti sudah saya catatkan di sini iaitu Yang Berhormat Kalabakan. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat untuk sekarang ini kita tangguhkan sehingga jam 2.30 tengah hari nanti. Terima kasih.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.03 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kalabakan.

2.32 ptg.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian membahaskan Belanjawan 2015 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada 10 Oktober yang lalu. Memang kita nampak bahawa banyak peruntukan yang dibagi RM273 juta lebih tetapi saya anggap bahawa peruntukan yang dibagi kepada Sabah tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua di Sabah kebelakangan ini kita nampak, kita dengar, kita baca mungkin orang di luar negara pun baca. Ada kumpulan-kumpulan intelektual, orang-orang yang terpelajar. Mereka ini bercadang untuk meminta Sabah keluar dari Malaysia. Jadi kalau itu kita tidak boleh anggap ringan Tuan Yang di-Pertua kerana mereka ini semua intelektual. Mungkin ada perkara-perkara yang mereka fikirkan Sabah tidak dapat, tidak ada pembahagian yang sama rata Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Jadi kita nampak pemimpin, Menteri datang mereka ini mengancam, mengancam untuk mengambil tindakan. Ini cara dahulu. Kita sudah maju, kita tidak mahu ancaman. Kita mahu Kerajaan Persekutuan dengar apa masalah mereka ini. Kita tidak mahu apa yang disuarakan semuanya salah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Dengar dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan bangun Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Baru.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Kalabakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Oleh kerana perkara ini hangat dipermainkan dalam *social media* terutama sekali pemilik-pemilik akaun di luar negara ini bernama Doris Jones dan juga satu lagi orang dari Australia orang kita jugalah orang Sabah. Sebenarnya ini golongan kecil Yang Berhormat yang diapi-apikan, *sponsorkan* oleh pihak pembangkang terutamanya sekali Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya tidak tahulah kalau betul atau tidak. Jadi ini mempermainkan isu sentimen rakyat negeri Sabah. Jadi mereka menyatakan Malaysian...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ini satu- saya perlu nafi sekeras-kerasnya...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Agreement 63 ini Yang Berhormat....

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Must refer him to The Hague International Criminal Court.*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: ...Dia mengatakan kita tidak, Kerajaan Pusat tidak memberi perhatian kepada negeri Sabah. Jadi mereka lupa SSKM ini 'Sabah Sarawak Keluar Malaysia'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Perkara 7 Yang Berhormat, "*We are not allowed to visit from the Federation*". Yang Berhormat minta penjelasan sedikit.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Saya percaya mengeluarkan Sabah bukannya begitu senang *sebab* kita mahu ada referendum. Kita tidak mahu ada referendum tetapi Yang Berhormat Putatan mesti ingat juga orang-orang intelektual ini ada juga dari Sabah. Kita tidak mahu mereka ini diancam, kita mahu kerajaan bersimpati, tanya masalah. Ini kerana saya sudah beberapa kali cakap dalam Parlimen ini kita nampak kalau kita banding pembangunan di luar bandar di Sabah dengan di Semenanjung ibarat bumi dan langit dia punya jauh. Ibarat bumi dan langit dia punya jauh.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Kalabakan.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Jadi kita mahu supaya Kerajaan Persekutuan jangan ancam orang-orang ini. Panggil, duduk berunding dan tanya apa masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Penampang bangun Yang Berhormat.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih. Boleh? Sekejap sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kalabakan. Setujukah Yang Berhormat Kalabakan bahawa semasa perbincangan Yang Berhormat Kalabakan bolehkah kita bekerjasama untuk merunding dengan kerajaan supaya kedudukan Sabah dinaik taraf balik kepada rakan setaraf di Persekutuan Malaysia ini. Supaya apa Yang Berhormat Kalabakan minta dan apa Yang Berhormat Putatan minta termasuk Yang Berhormat Penampang dan rakan-rakan dari Sabah akan diambil berat dan *it considered more deeper by the Federal Government*. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Yang Berhormat Penampang yang sebenarnya apa yang saya tahu sewaktu kita mencapai kemerdekaan tidak ada negeri yang *second class*, semuanya sama. 1Malaysia dipanggil. Jadi tidak ada perbezaan antara *first class* atau *second class*. Tidak ada perbezaan antara bumi dan langit. Kita mahu semua rata, *equal* kita mahu *equal share*. Apa yang disuarakan oleh mereka termasuk suara saya juga bahawa kalau kita banding di luar bandar di Sabah kita nampak ianya jauh sekali. Orang-orang kampung di Kalabakan di Kinabatangan dan lain-lain Tuan Yang di-Pertua masih lagi buang air dalam lubang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Termasuk Beluran Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Dalam lubang. Termasuk Beluran, dalam lubang. Jadi kita tidak malukah kalau ada orang dari luar nampak kita bawa...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan bangun Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Apa mereka kata? *You have been independent for 51 years through Malaysia, this is what you get?*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh Yang Berhormat Kalabakan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil dengan hujah Yang Berhormat Kalabakan. Isu di mana rakyat Sabah segelintir sebilangan kecil tetapi mereka mempunyai suara-suara juga. Saya merasakan bahawa ada keperluan supaya Kerajaan Persekutuan melihat suara-suara itu sebagai ke arah yang lebih menuju ke depan. Apakah Yang Berhormat Kalabakan mungkin ingin mencadangkan sekurang-kurangnya iaitu peruntukan untuk Sabah dan Sarawak diperingkatkan. Ini untuk mengurangkan *gap* di antara pembangunan yang seimbang di antara wilayah.

Setujukah Yang Berhormat juga bahawa isu-isu ini juga telah diapi-apikan oleh beberapa kumpulan seperti kumpulan pembangkang. Saya tidak menuduh, seperti Yang Berhormat Ipoh Barat, seperti Yang Berhormat Penampang, seperti Yang Berhormat Kota Kinabalu. Jadi mereka mengapi-apikan, mereka macam sate. Saya sudah- Yang Berhormat Kalabakan sekejap. Saya selalu berhujah kita boleh jadi berhujah di sana tetapi jangan jadi macam sate.

■1440

Sate ini diwujudkan ada tukang cucuk, tukang kipas dan ada tukang bakar. Inilah pembangkang, mereka macam sate, mengapi-apikan isu yang kecil ini dibakar sehingga menjadi besar.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan berfikiran berlainan dengan saya. Sebab apa yang saya katakan tadi, orang-orang ini bukannya orang-orang yang tidak berpelajaran, intelektual. Kalau intelektual tidak boleh dicucuk... [Disampuk] Cucuk apa? Jadi, saya tidak bersetuju itu, cuma kita mahu kerajaan mengambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, banyak diceritakan di dalam Dewan ini Pan Borneo Highway. Mereka cerita fasal peruntukan besar, saya bercerita lain. Pan Borneo Highway ini apabila kita mahu kerjakan Sarawak – Sarawak, Sabah – Sabah. Sarawak, Likas diberi kepada syarikat daripada Sarawak walhal di Sabah ini Tuan Yang di-Pertua, bukannya saya mereka-reka, ada surat pekeliling Tuan Yang di-Pertua mengatakan “*UMNO rompak lagi*”, dia cakap. “*UMNO rompak lagi*.” “*UEM, MMC syarikat UMNO yang diketuai oleh Syed Mokhtar Al-Bukhary ambil alih semua jalan raya di Sabah*.” Ini apa jadi kalau ada dialog pun saya mahu membantah. Kita minta supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kalau ini betul, kalau surat layang ini sudah betul, batalkan ini semua, bagi kepada orang Sabah [Tepuk] Tanya kepada Kerajaan Negeri Sabah yang mana satu syarikat kerajaan negeri sokong, itu kita bagi... [Disampuk] Jadi, balik-balik orang Sabah ini apa jadi? Putih gigi sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Pakai Colgate itu.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Putih gigi sahaja, jadi kita punya masalah. Jadi, kita minta perkara seperti ini Perdana Menteri campur tangan kerana di sini dituduh termasuk Ketua Menteri dituduh untuk bersama-sama di sini, bersubahat. Fikir, ini tidak baik, kalau ini betul minta Perdana Menteri campur tangan.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Yang Berhormat Kalabakan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Segambut bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Yang Berhormat Kalabakan, sedikit, sedikit.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: 30 minit.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Apakah pandangan Yang Berhormat Kalabakan bahawa kuasa penuh ke atas hak minyak petroleum di Sabah dan di Sarawak masing-masing patut dikembalikan 100% kepada orang Sabah dan orang Sarawak masing-masing [Tepuk] Semenanjung tidak patut campur dalam hak ke atas minyak petroleum.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Kalau itu memang kita setuju tetapi kita tidak mahulah 100%. Kerajaan Persekutuan kasi 20% cukup, jangan 5%, 20% cukup. Jumlah 20% ini dibagi kepada kerajaan negeri bukan sebagai pembangunan, sebagai wang ihsan, dibagi kepada kerajaan negeri supaya kerajaan negeri boleh menggunakan wang ihsan ini untuk membangun luar bandar dan memberi biasiswa kepada anak-anak Sabah. Kita setuju tetapi 100% mungkin keterlaluan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, 51 tahun kita merdeka, 51 tahun kita merdeka 1963 tetapi nampak kita di Sabah ini macam dianaktirikan. Anak tiri kita jadi. Apa jadi kalau kita anak tiri? Kalau rakyat di luar bandar sedar apa yang saya kata ini, Pilihan Raya Ke-14 nanti kita hilang kuasa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ini semua salah siapa?

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Jadi, kita minta perhatian daripada Kerajaan Persekutuan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Kalabakan sekejap-sekejap. Bolehkah laluan?

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Balik-balik.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Kenyataan ini amat bahaya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Amat berbahaya Yang Berhormat Kalabakan berbahas ini. Ini adakah secara kebetulan ataupun kebodohan kita? Itu saya mahu tanya [Ketawa]

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya katakan saya bertanggungjawab. Termasuk di Parlimen tiga

penggal, DUN empat penggal, saya sudah duduk dalam Dewan Negeri dan Dewan Negara ini 35 tahun, tidak akan lagi saya bodoh. [Tepuk]

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *No more!*

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kenyataan kerajaan, Timbalan Perdana Menteri katakan, “*Poverty scale drops...*” Di mana *drops* ini? Seluruh negara 1.7% tinggal yang miskin. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua bersetuju dengan saya, di Beluran pun masih banyak orang miskin, ‘*kais pagi makan pagi.*’ Jadi ini 1.7% ini bukan termasuk Sabah dan Sarawak mungkin, ini di Semenanjung.

Jadi, saya cadangkan untuk Sabah kita buat satu Jawatankuasa Parlimen untuk kaji seluruh negeri Sabah, satu-satu rumah kita pergi dan kita nilai dan kita buat laporan kepada Parlimen berapa peratus yang miskin di Sabah [Tepuk] Ini termasuk Sabah, termasuk mungkin Barisan Nasional dan juga pembangkang termasuk, tidak apa. Kita buat laporan yang sebenarnya. Kita tidak mahu rakyat Sabah dikaburi lagi mata mereka. Kita tidak mahu. Saya bercakap di sini Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap ini denyutan hati rakyat Sabah.

Beberapa Ahli: Setuju.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Dengarlah denyutan hati rakyat Sabah ini. Letaklah telinga kita di dada mereka, tanya betulkah apa yang saya cakap ini atau tidak? Ini Tuan Yang di-Pertua saya harap ini tindakan akan diambil. Memang kita tahu tahun-tahun RM900 juta, RM1,000 juta tetapi tidak mencukupi.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Serdang bangun, Yang Berhormat.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Yang Berhormat Kalabakan.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Banyak masalah yang kita hadapi. Kita punya lampu elektrik di Sabah, Pantai Timur, satu hari gangguan lima kali.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Yang Berhormat Kalabakan hendak tanya sedikit tentang statistik isi rumah tangga, *income* di Sabah. Saya hendak tanya sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang sokong apa Yang Berhormat Kalabakan kata tadi untuk membuat satu kajian semula tentang pendapatan isi rumah tangga terutamanya di Sabah dan Sarawak. Saya hendak tanya Yang Berhormat Kalabakan, mengikut *Household Income Survey 2012* ini, anggaran yang diberi oleh Jabatan Perangkaan ialah pendapatan isi rumah tangga di Sabah itu RM4,000 satu bulan.

Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Kalabakan sama ada ini memang memberi satu gambaran yang tepat tentang pendapatan isi rumah tangga secara purata di Sabah dan kalau tidak, mengapa angka-angka seperti ini masih lagi dikeluarkan oleh kerajaan? Terima kasih.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Kalabakan sekejap sahaja. Dengan hujah Yang Berhormat Kalabakan tadi, adakah Yang Berhormat Kalabakan setuju kita tukar kerajaan ini, di Sabah? [Ketawa]

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Itu cadangan pembangkang, kita dalam Barisan Nasional, kita dibenarkan menegur untuk kebaikan kita bukannya mahu tukar baju, ini kalilah, bukan itu. Bukan cara itu, kita perbaiki dalaman kita kerana kita mahu BN ini berkuasa sampai kiamat dunia, yang mana salah kita perbaiki. Orang tidak boleh marah pada kita, kita sebenarnya menegur yang betul.

Jadi Yang Berhormat Serdang katakan tadi laporan mengatakan bahawa purata RM4,000 pendapatan satu keluarga. Tuan Yang di-Pertua senyum pula sebab dia tahu di Beluran pun tidak ada pendapatan sebegitu banyak. Di Kalabakan tidak ada pendapatan sebegitu banyak. Dari segi kemiskinan ini Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh purata kira.

■1450

Satu orang rakyat yang kaya dapat RM50,000, RM100,000 dan RM50,000. Habis itu kita campur, kita bahagi dengan penduduk. Mana boleh. Itu salah. Kita mahu kajian terperinci. Tiap-tiap rumah kita naik. Kita buat jawatankuasa. Saya cadangkan Jawatankuasa Parlimen termasuk mungkin Barisan Nasional yang dipengerusikan oleh Bung Moktar dan ahli-ahli daripada pembangkang. Pergi rumah ke rumah. Buat laporan. Kita buat laporan kerana kalau kita nampak kajian-kajian yang dibuat, tidak ada lagi orang miskin. Tidak ada lagi orang miskin. Kalau orang ada gaji RM4,000 dia tidak buang air dalam lubang di kampung. Tidak ada.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah kita mahu supaya keadaan ini diperbaiki.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Kalabakan, boleh tanya?

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Lagi?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada menyatakan bahawa purata pendapatan rakyat Malaysia sebanyak RM5,900 sebulan. Setujukah Yang Berhormat Kalabakan? Adakah pendapatan rakyat di Kalabakan macam itu?

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Itulah saya katakan tadi Yang Berhormat Serdang ada kata RM4,000. Yang Berhormat Kinabatangan kata RM5,000. Kalau RM4,000 tidak ada, RM5,000 lagi tidak ada. Saya cadangkan jawatankuasa. Untuk keadilan semua, kita mahu jawatankuasa ditubuhkan. Kita mahu Jawatankuasa ditubuhkan. Jadi kalau mahu pungut suara pun, pungut suaralah, bukan? [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tadi sebelum diganggu tadi, bercakap tentang gangguan elektrik. Boleh sambung? [Ketawa]

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Ya, memang saya. Gangguan elektrik ini, Tuan Yang di-Pertua, dulu sepuluh tahun dahulu, Semenanjung gangguan selama dua jam.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Heboh satu dunia.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Satu dunia, CNN pun keluar. Di Kuala Lumpur, dia putus bekalan. Orang-orang berniaga besar sudah *complaint*. Di Sabah, lima kali, tiga kali. Kadangkala boleh kalau macam kita orang-orang yang ada pendapatan, pakai generator. Akan tetapi saya pun pakai generator. Putus, sambung generator. Hidup, buka. Satu hari kadangkala empat lima kali. Putus dan empat lima kali sambung...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sampai hari ini masih bergelap di Kota Kinabalu, Yang Berhormat. Macam mana?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Kalabakan.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Jadi ini bukan saya kata mungkin mahal. Peruntukan tidak ada. Itu bukan jawapan. Merdeka selama 51 tahun, sepatutnya tidak ada perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu bangun, Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ada sedikit, boleh? Saya dengar dari Yang Berhormat Kalabakan. Saya rasa keliru juga kerana Yang Berhormat Kalabakan tidak mahu tukar kerajaan. Tadi dia sebut Syed Mokhtar mahu pergi *invest* untuk buat jalan di Sabah. Apa salahnya? Jadilah tengok Kuala Lumpur bangun. Tidak ada masalah. Putus *electricity*. Elektrik putus tiga kali, empat kali di Sabah. Bagilah YTL, bagilah Syed Mokhtar, bagilah IPP masuk Sabah supaya boleh kita jadikan 1Malaysia.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Apa salahnya bila kerajaan hendak buka untuk jadikan kita 1Malaysia, ada dari Barisan Nasional sendiri tolak. Itu kita tolak, kita faham tetapi saya tidak faham kenapa Barisan Nasional pula tolak?

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Ini Yang Berhormat Batu berniat jahat. Ini baru batu api. Akan tetapi rakyat di Sabah bila dia dengar saya punya kata, dia tidak dengar Yang Berhormat Batu punya cakap kerana ini batu api, berniat jahat. Kita tidak boleh terima perkara seperti ini. Kita mahu supaya Sabah selesaikan masalah Sabah tetapi peruntukannya datang dari Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pilihan raya yang lalu, ada janji. Tidak ada disebut oleh Ahli Barisan Nasional lain. Tidak ada sebut. Saya sebut. Kerajaan Barisan Nasional janji mahu buat satu juta rumah dalam lima tahun. Bererti setahun sebanyak 200,000. Sebanyak 200,000 mahu bina. Sampai sekarang mana ada bina rumah. Mana dia? Bila kita tanya macam-macam persoalan yang ada.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kurang bajet.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Sebab apa kita gagal? Kerana semuanya *centralize*. Di atas ini yang jaga. Kementerian ini yang jaga. Dia tidak mahu bagi peluang kerajaan negeri jaga. Sepatutnya kuasa untuk buat rumah ini, runding kerajaan negeri, kerajaan negeri kasi tanah, berapa peruntukan yang patut untuk negeri, bagi. Saya percaya tentu sekali dalam lima tahun, di seluruh negara kita dapat capai satu juta. Ini tidak. Belum ada. Bila saya tanya, belum ada. Macam-macam jawapan yang diberi. Jadi kalau ada macam-macam yang diberi, waktu dibagi penerangan saya puas hati tetapi lama-kelamaan saya sudah tidak puas hati. Itulah saya bangkitkan di sini, Tuan Yang di-Pertua.

Ini penting. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada masa. Tinggal empat minit lagi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam Pilihan Raya Umum 2013, saya diarah untuk rasmi pecah tanah di FELDA Umas untuk rumah generasi kedua. Saya yang pecah tanah waktu pilihan raya. Akan tetapi sekarang, saya malu. Orang tanya mana sudah rumah? Setahun setengah belum ada. Dua tahun sudah masuk. Jadi minta Yang Amat Berhormat campur tangan. Arah FELDA. Yang mana di janji, ditepati. Kita tidak mahu janji, janji, janji menggunung langit janji tetapi apa pun kita tidak ada buat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita mintalah Kerajaan Persekutuan kalau boleh apa yang perlu untuk Sabah, diberi kepada Sabah. Kontraktor-kontraktor jangan saya nampak satu skru pun datang daripada Semenanjung untuk kontrak FELDA. Ini malulah kita. Orang Sabah malu. Kontraktor kecil FELDA malu. Kontraktor kecil di Sabah malu. Kita tidak mahu itu berlaku. Kita mahu merekalah yang buat walau apa cara, sistemnya pun, merekalah buat. Jangan kita pilih-pilih. Kita tidak mahu ini berlaku lagi kerana ini ialah memantapkan Barisan Nasional. Saya menyokong Bajet 2015.

Seorang Ahli: Cepat juga! Masa belum habis!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

2.58 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada beberapa perkara yang saya ingin bincang hari ini:

- (i) penukaran agama dan polisi kerajaan yang *inconsistent*;
- (ii) Suruhanjaya Pilihan Raya yang perlu dipelajari beberapa aspek dari negara India;
- (iii) *International Criminal Court and Arms Trade Treaty*;
- (iv) masalah masyarakat India dan orang asal dan lain-lain *Bagot Community*; dan
- (v) *Asian Pacific Parliamentarians' Union*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, setengah jam Yang Berhormat ya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya. Kes penukaran agama kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah telah menjadi satu isu yang hangat dan memerlukan campur tangan khas dan segera oleh Parlimen. Tafsiran Artikel 12(4) Perlembagaan Persekutuan mempunyai percanggahan dan ia tidak dapat mengendalikan serta menangani kemelut penukaran agama yang wujud selama ini. Dengan izin; *"For many years that interpretation of Article 12(4) of the Federal Constitution has made no sense has it gone both ways. Article 12(3) of the Federal Constitution says no person shall be required to receive instruction in or take part in any ceremony or act of worship of a religion other than his own. Further, Article 12(4) says for the purposes of clause 4, the religion of a person under the age of 18 years shall be decided by his parent or guardian"*.

Kemelut ini mula timbul apabila salah seorang ibu atau bapa menukar anak-anak mereka kepada agama lain seperti ke agama Islam tanpa persetujuan daripada pihak-pihak yang lain satu. Kes Indira Gandhi dari Ipoh merupakan salah satu daripada banyak kes penukaran agama kebelakangan ini. Pada tahun 2009, suami Indira iaitu Pathmanaban telah memeluk agama Islam di mana mereka telah berkahwin di bawah undang-undang sivil lebih daripada sepuluh tahun sebelum itu.

■1500

Pada tahun 2009, ketiga-tiga anak mereka yang di bawah umur iaitu kurang dari 16 tahun juga telah ditukar agama ke Islam oleh bapa mereka Pathmanaban di Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Ipoh, Perak. Namun penukaran ini telah dibuat tanpa persetujuan dan pengetahuan daripada Indira Gandhi. Tidak lama kemudian Pathmanaban telah menukar namanya kepada nama Ridhuan dan perkara ini telah dibawa olehnya ke Mahkamah Syariah Ipoh untuk mendapat hak penjagaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat kes ini bukan dalam...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sudah habis, setakat fakta ini habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis ya?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *I'm not going to down factor.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Okay, thank you.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Mahkamah Syariah membenarkan dan meluluskan perintah jagaan tersebut walaupun ketidakadaan Indira Gandhi semasa kes dibicarakan. Hal ini disebabkan oleh Indira Gandhi sebagai seorang Hindu tidak dibenarkan dan tidak ada berhak untuk hadir di perbicaraan di Mahkamah Syariah. Selepas itu Indira Gandhi membawa kes ini ke Mahkamah Sivil dan berjaya mendapat perintah hak penjagaan ketiga-tiga anak tersebut. Suaminya turut hadir bersama peguamnya di Mahkamah Sivil Ipoh.

Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Mengenai Penukaran Agama (*conversion committee*) selepas perkara itu dibangkitkan oleh saya di Parlimen pada tahun 2009. Untuk mengkaji dan mencari penyelesaian atas perkara ini. Kabinet telah mengumumkan dan memutuskan untuk mengharamkan penukaran agama unilateral bawah umur. Selanjutnya perundangan baru patut digubal untuk menghalang penukaran unilateral ini. Kerajaan Barisan Nasional sering menjerit slogan 'Janji Ditepati', namun undang-undang baru tidak digubal dan dibentangkan di Parlimen seperti yang dijanjikan pada tahun 2009. So hampir lebih dari lima tahun.

Kabinet memang telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet untuk menyelesaikan isu ini. Namun jawatankuasa tersebut hanya mengeluarkan arahan supaya semua kanak-kanak daripada ibu bapa yang telah menukar agama seharusnya memegang imam yang sama seperti dengan ibu bapa mereka sebelum penukaran dibuat. Arahan itu tidak berkesan langsung tanpa perubahan kepada undang-undang yang berkaitan. *It is only advisory order, no legislative* yang dibuat.

Memandangkan isu-isu hak penjagaan antara agama telah menjadi isu hangat dan diperhatikan oleh rakyat dan media pada beberapa bulan yang lalu satu jawatankuasa baru yang serupa sebelum ini telah ditubuhkan pada bulan April tahun ini di bawah Pengerusi

Menteri undang-undang dan juga Menteri yang bertanggungjawab kepada hal ehwal Islam iaitu Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir. Malangnya kami tidak dapat apa-apa tindakan yang baharu yang telah diambil oleh jawatankuasa tersebut untuk menangani isu penukaran ini sehingga hari ini.

Sampai bilakah dan penderitaan antara ibu dan kanak-kanak dalam isu penukaran agama ini akan berakhir. Balasan dan jawapan yang diberikan oleh Menteri-menteri yang tidak konsisten. Saya berasa amat terperanjat atas jawapan Parlimen dari Menteri yang saya terima mengenai isu hangat ini pada 17 Jun tahun ini. Semasa itu Ahli Parlimen DAP Puchong meminta Perdana Menteri melalui soalan Parlimennya pada 11 Jun menyatakan langkah-langkah dan tindakan yang diambil untuk menyelesaikan isu-isu penceraian sivil dan hak jagaan selepas suami atau isteri memeluk agama Islam.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan dalam surat bertulis dan jawapan bertulis bahawa kerajaan masih belajar dan mengkaji mekanisme yang baik untuk menangani isu-isu ini. Akan tetapi kepada soalan saya yang sama pada 17 Jun kerajaan kata akan melaksanakan keputusan Kabinet untuk mengharamkan penukaran unilateral bawah umur pada tahun 2009. Untuk kejutan dan serang saya, Menteri itu berkata bahawa kerajaan tidak berniat dan tidak berhasrat untuk meminda apa-apa undang-undang peringkat ini.

Apakah kerajaan telah memungkir janji terhadap keputusan Kabinet pada tahun 2009. Perdana Menteri tidak berani menghadapi isu ini dan mendumkan diri sehingga kini. Ini adalah satu isu yang amat mustahak dan kritikal. Perdana Menteri tidak boleh mendumkan diri dan mengelakkan diri serta melegakan isu ini. Saya merayu kepada Perdana Menteri untuk menjelaskan sama ada kerajaan masih menepati dan komited ke atas keputusan Kabinet yang dibuat pada tahun 2009. Selain itu saya meminta agar kerajaan memberikan satu tarikh dan masa yang tetap bila perubahan undang-undang akan digubal dan dibentangkan di Parlimen untuk mengatasi masalah penukaran agama kepada anak-anak yang kurang dari 18 tahun...

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kes penukaran agama oleh satu pihak untuk seorang yang berumur 18 tahun ke bawah telah membawa banyak kesusahan kepada ibu bapa, anak-anak yang terlibat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Siput.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya mengatakan bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Siput bangun Yang Berhormat.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Boleh Yang Berhormat Ipoh Barat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Ipoh Barat adakah perlu kita menukar *Civil Law Reform Act* dan juga Akta Syariah berkaitan dengan perkahwinan dan penceraian untuk pastikan jika satu kontrak perkahwinan berlaku dalam bidang sivil, ia diselesaikan di bidang sivil juga, jika ada apa-apa. Adakah perlu kita buat dua-dua ini?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya sependapat dengan Yang Berhormat Sungai Siput bahawa undang-undang yang sedia ada di mana bila seorang berkahwin di *civil system* dia patut di- semua perkara perlu diambil remedi dan sebagainya secara sivil. Akan tetapi apa yang menjadi masalah adalah di mana ada pihak-pihak menggunakan 121(1A) *Federal Constitution* mengatakan bahawa Mahkamah Syariah pun ada kuasa sama. Itu yang menjadi masalah. Diperlukan satu ketetapan oleh kerajaan dan saya habiskan sedikit mungkin akan lebih mengerti.

Saya mengatakan bahawa ini adalah yang tidak bertanggungjawab dan juga kejam terhadap pihak yang terlibat seandainya pihak kerajaan masih melegakan isu yang tidak menangani isu ini secara berkesan dan drastik. Saya beranggapan bahawa tiada pelegaan masa dan alasan daripada kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini. Sebarang kelewatan dalam mencari penyelesaian akan menyebabkan satu fahaman dan perasaan sakit akan timbul di kalangan rakyat yang memeluk agama yang berbeza. Pengharaman penukaran unilateral agama ini telah berlaku sejak enam tahun yang lalu. Saya percaya

bahawa penyelesaian yang berkesan untuk kes penukaran ini masih lagi mudah daripada tugas mencari MH370.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu ialah mengenai pilihan raya. Baru-baru ini saya dipelawa dengan beberapa Ahli Parlimen dan DUN ke negara India untuk melihat proses pilihan raya mereka. Saya hairan mereka di *General Election*, di mana saya ada beberapa-saya ingin bagi supaya Suruhanjaya Pilihan Raya boleh mempelajari ini walaupun saya difahamkan lebih kurang lapan bulan dulu negara India telah menghantar beberapa orang untuk memberi tutor, mengajar mereka menggunakan *electronic voting* dan *full proof* yang akan terjadi kalau menggunakan *electronic voting*.

Ada beberapa perkara yang saya ingin bagi tahu adalah di mana nombor satu, pilihan raya di India baru-baru ini, calon-calon tidak dibenarkan menggunakan apa-apa poster, *banner* di seluruh negara India. Ini telah menjimatkan berjuta-juta ringgit. Sistem yang mereka gunakan adalah *online* di mana apa-apa mereka hendak *broadcast* boleh dibuat secara *online*, tidak ada apa-apa halangan atau secara boleh mengadakan *private* TV dibenarkan untuk polisi-polisi yang tertentu. Akan tetapi jika mereka ingin menggunakan poster atau *banner* hanya 12 jam sebelum calon pergi ke sesuatu tempat dia boleh mengiklankan atau boleh menggunakan poster tersebut dan perlu dikeluarkan dalam tempoh empat jam. Itu satu di antaranya.

Nombor dua, dalam *electoral roll* Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: [Bangun]

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: ...Semua *electoral roll* ada gambar seorang pemilih di mana bila *retaining officer* boleh menyaksikan dengan IC atau *electoral vote* dengan sistem gambar tersebut supaya memastikan bahawa tidak ada pengundi hantu atau sedemikian mengundi. Ya.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Ya, saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat Ipoh Barat, mengenai pilihan raya ini, daftar pengundi kita yang sedia ada sekarang ini adakah Yang Berhormat Ipoh Barat setuju kita patut jalankan secara automatik sekarang *rather than* macam masa kini perlu daftar. Tambah lagi baru-baru ini pihak SCR telah memberhentikan pelantikan Penolong Pendaftar daripada pihak parti yang memang sedang menolong untuk mendaftarkan pengundi-pengundi.

■1510

Jadi kenapa kerajaan pula di bawah SPR memberhentikan pelantikan mereka yang jelas mendapat sambutan dan sokongan daripada rakyat. Ini menyenangkan mereka untuk membuat pendaftaran. Adakah...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Setuju kepada kedua-dua pandangan Yang Berhormat. Nombor satu, *automatic registration* akan menjimatkan wang. Saya difahamkan setiap lima tahun kerajaan membelanjakan lebih kurang RM100 juta untuk mendaftar. Beribu-ribu sekolah boleh dibina, beribu-ribu orang miskin boleh diberi pelbagai pertolongan dengan berjimat RM100 juta tersebut. Nombor dua, mengurangkan umur mendaftar daripada 21 tahun ke 18 tahun lebih bererti. Nombor tiga saya pun tidak faham kenapa Pesuruhjaya Pilihan Raya tidak membenarkan pendaftaran pemilih-pemilih sekarang. *Why suddenly become so unfriendly* tidak membenarkan untuk mendaftar satu yang tidak masuk akal langsung.

Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Bharu bangun Yang Berhormat.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Saya minta Yang Berhormat Ipoh Barat bagi satu contoh di dunia ini negara mana yang melaksanakan *automatic registration for voters* ini.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kalau satu negara saya boleh cakap New Zealand. *You* boleh register 12 jam sebelum pilihan raya. Itu bukan baru. Saya ingat lagi tahun 2004 saya ada kata mengenai hal demikian..., 2004. Mungkin Yang Berhormat Arau *know about it better*. Jadi ini di antara perkara.

Nombor dua Tuan Yang di-Pertua, di setiap tempat pengundian ada CCTV, ada *video cam* dan sebagainya bila pengundi-pengundi datang dari jauh lebih kurang 100 meter semua direkodkan dan ini boleh diguna pakai jika ada aduan-aduan penipuan atau undi hantu yang datang sebab tidak ada satu *complaint* pun semasa pilihan raya di India mengenai perkara ini...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: [Menyampuk]

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Dan semasa pilihan raya *caretaker government* tidak boleh memberi apa-apa *policy decision*, tidak boleh membuat keputusan yang terikat dengan kerajaan yang baru dan semasa saya berada di sana, saya telah ada temu janji dengan Datuk Bandar Chennai pada petang untuk makan petang pukul 1. Pukul 12 saya telah dapat telefon dengan delegasi dari *Election Commission* mengatakan, "*Yang Berhormat, you cannot go and see the Chennai Mayor because by you are going, you're giving an impression that this is better party to run the state and we advise you as a parliamentary not to see him.*" Jadi menunjukkan bahawa semasa pilihan raya yang ini semua tidak boleh dibuat. Akan tetapi bukan macam di Malaysia. Datuk Bandar pergi ke merata-rata tempat memberi wang, memberi pertolongan, buat jalan dan lain-lain. Ini semua patut berhenti.

Akhir sekali ini adalah mengenai dakwat *indelible ink* di mana saya sendiri telah diberi itu saya hairan di sini lebih kurang 24 jam akan hilang. Semasa di India, dia kata dia pun ada bagi kepada pesuruhjaya pilihan raya kita dan satu bulan lebih tidak keluar. Macam mana di sini boleh keluar. Mungkin orang kata dakwat di sini adalah Malaysia bela punya dakwat. Itu sebab dalam tempoh 24 jam hingga 48 jam boleh keluar.

Perkara yang ketiga adalah mengenai *International Criminal Court and Arm security* Tuan Yang di-Pertua. *The Second Asia-Pacific Parliamentary Consultation on the Universality of the Rome Statute of the International Criminal Court* telah dianjurkan oleh *Parliamentarians for Global Action* dan telah diadakan di Parlimen Malaysia pada 9 dan 10 hari bulan Mac 2011. Berikutan dengan itu Kabinet Malaysia telah mengumumkan bahawa Malaysia akan menyertai sebagai anggota *Rome Statute of the International Criminal Court*. Pengumuman ini membawa berita baik dan hasil yang besar terhadap negara Malaysia terutamanya pada pelabur yang menceburi bidang perdagangan dan blok ekonomi serantau.

Malangnya kerajaan belum menepati janji dan komitmen tersebut terhadap awam dan antarabangsa selepas dua setengah tahun. Apakah isyarat yang akan dihantar kepada negara jiran dan rakan-rakan kami di seluruh dunia terhadap kegagalan negara kita untuk menyertai *International Criminal Court*? Pada pandangan saya, perkara ini amat dikesali dan amat menghampakan. Tiada negara yang mahu dikenali sebagai negara tidak memelihara dan menepati janji-janjinya.

Undang-undang Rom Mahkamah Jenayah Antarabangsa menubuhkan *International Criminal Court* dan telah diterima dan diluluskan pada sidang diplomat di Rom pada tahun 17 Julai 1998 dan mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2002. Negara Malaysia telah dari awal-awal menghantar wakil untuk melibatkan diri dalam segala perbincangan dan perundingan yang berkaitan dengan *International Criminal Court*. Untuk setiap mesyuarat yang diadakan Menteri-Menteri, Ahli-ahli Parlimen dan Peguam Negara sendiri turut hadir ke beberapa forum *International Court* yang berkaitan dengan Undang-undang Rom. Pengambilan masa sebagai alasan untuk bertindak malas dan tidak agresif telah pun ketinggalan zaman.

Objektif utama penubuhan *International Criminal Court* ini adalah untuk mendakwa individu atas jenayah antarabangsa *general site* terhadap jenayah kemanusiaan dan jenayah perang. Kabinet Malaysia telah bersetuju untuk menyertai *International Criminal Court* pada tahun 2011 tetapi Peguam Negara menganggap penyertaan tersebut adalah penghalang kepada negara lalu menangguhkan keputusan tersebut. Keputusan yang dibuat ini memang tidak masuk akal dan bercanggah dengan sistem perlembagaan kami Malaysia serta tidak bersesuaian dengan kebanyakan sistem tadbir urus yang digunakan oleh negara-negara lain yang maju dan berdaya saing dalam era yang moden ini.

Perkara ini memang jelas dilihat bahawa Kabinet mengabaikan tanggungjawab tugas itu atau mereka tidak berhak untuk melakukan atau ambil tindakan terhadap Peguam Negara yang mempunyai kuasa mutlak atau unik atau eksklusif dalam bidang kabinet ini. Sekarang kita telah membayar harga tinggi Tuan Yang di-Pertua. Penerbangan MH17 yang

membawa 298 orang penumpang dari Amsterdam ke Kuala Lumpur terkorban pada awal tahun ini masih terapung dan terpendam pada fikiran dan hati kita. Kesemua binasa dikatakan telah ditembak jatuh dan mati oleh pihak pemisah yang berjuang di Ukraine Timur.

Ini satu strategi yang dahsyat dan ngeri untuk negara Malaysia. *Parliamentarians for Global Action* melaporkan bahawa sekiranya Malaysia dan Ukraine menjadi ahli atau pihak negeri (*state parties*) dengan izin, kepada *International Court* pada masa itu Undang-undang Rom (*Rome Statute*) dapat digunapakai dan dikesan di mana pesawat MH17 boleh didakwa ditembak dia kedua-dua wilayah iaitu dilanjutkan di bawah bidang kuasa Ukraine and Malaysia. *Jurisdiction will extend to where the aeroplane was at the material of time*. Bermakna kita ada kuasa tetapi dengar cerita lepas ini.

Peguam Negara telah mengatakan bahawa Malaysia akan membawa balik suspek yang didakwa menembak MH17 dan mendakwanya di Malaysia. Adakah kenyataan daripada beliau ini adalah menanggung atau memikul penelitian dan percikaraan yang paling kosmetik? Tanggapan Peguam Negara ini bahawa Malaysia dapat mengetahui identiti atau pengenalan suspek dan membawa individu-individu tersebut kembali ke mahkamah Malaysia nampaknya tidak realistik. Sedangkan perang saudara sedang berlaku di seluruh tempat di sana.

Seandainya Malaysia telah menjadi salah satu negara kepada undang-undang Rom, *International Criminal Court* pada masa itu negara Ukraine akan mengemukakan akaun bersetuju yang tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah bagi kes jenayah ini. Negara Ukraine telah mengumumkan, satu, pada awal tahun ini bagi penjenayah lain yang berlaku pada akhir tahun 2013 sehingga 2014. Maka kita semua boleh lihat siasatan yang serius segera serta efektif atas kes penembakan *shooting down* pesawat tersebut oleh Mahkamah Jenayah Antarabangsa di mana 122 buah negara telah menjadi ahli.

Justeru itu, Malaysia tidak boleh melambatkan apa-apa lagi terhadap penyertaan dalam *International Criminal Court*. Kita mesti dilihat sebagai sebuah negara yang bukan sahaja menggunakan keadilan tetapi juga sanggup berdiri untuk penelitian dan penyeliaan di seluruh dunia terhadap isu jenayah. Kredibiliti negara kita akan terjejas sekiranya pelenghahan masa dan tiada tindakan lanjut dan komitmen untuk menyertai *Statute of Rome*. Menjadi pihak kepada *International Criminal Court* adalah cara yang paling efektif untuk memelihara dan menjaga kepentingan peribadi terbaik Malaysia.

■1520

Sanggupkah kita menunggu tragedi MH17 yang lain daripada berlaku lagi? Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa beberapa kali Peguam Negara dan beberapa peguam telah pergi ke Eropah untuk mengenali dan menyiasat macam mana tindakan boleh diambil. Akan tetapi, mereka telah diberitahu bahawa untuk menjadi anggota. Apabila ada peluang untuk menjadi anggota pada tahun 2011, kenapa sehingga kini tidak membuat sedemikian? Itu menjadi tanda tanya dan soalan dalam perkara ini.

Lagi satu adalah Tuan Yang di-Pertua mengenai *Arms Trade Treaty*. Di mana *Arms Trade Treaty* pengawalan penggunaan pistol, *small arms* dan perkara-perkara berkaitan. Saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua bahawa pada September 2013 kerajaan telah menandatangani *Arms Trade Treaty*. Selepas itu Menteri Undang-undang telah pergi Bogota pada Disember tahun dahulu dan telah mengisytiharkan di sana di mana dilaporkan di surat khabar-surat khabar bahawa tidak lama lagi kita akan menjadi satu anggota kerana Malaysia terlibat di antara satu negara dalam memberi syor-syor, pandangan dalam menyediakan *Arms Trade Treaty*.

Walaupun sudah terjadi lebih kurang satu tahun, tidak ada tindakan susulan diambil dan ini sangat-sangat mendukacitakan kita kerana satu peluang lagi, kalau kita boleh *control small arms* menjadi satu perkara yang di mana kerajaan dapat mengawal, memasukkan *small arms* ke negara ini dan di mana di serantau ini. Saya difahamkan Cambodia dan juga Filipina tidak lama lagi akan menandatangani ini. Kenapa kita walaupun bersetuju pada bulan September tahun 2013 tetapi enggan berbuat demikian sekarang? Apakah tekanan dan apakah yang menyebabkan kita tidak menjadi satu anggota yang penuh dalam perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua, bila kita membuat satu perjanjian atau mengisytiharkan sedemikian di luar negara mengenai pendirian Malaysia dalam satu-satu hal, kita patut

follow up dalam perkara tersebut. *Don't just do for the sake of saying* di luar negara di *international forum* tetapi tidak mengikutnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara...

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur bangun.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Mengenai isu *Arms Trade Treaty* ini saya hendak tanya sama apa penjelasan kerajaan di mana bila kita tandatangani perjanjian *Arms Trade Treaty* ini, pada masa itu terdapat 100 lebih negara yang telah tandatangani dan pada hari ini 53 buah negara yang lain telah membuat ratifikasi, yang terakhir adalah pada 25 September tahun 2014 bulan yang lalu. Jadi, perjanjian yang kita telah tandatangani ini akan berkuat kuasa tiga bulan daripada tarikh tersebut iaitu pada 25 Disember 2014.

Seperti mana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat tadi, kita telah terlepas satu peluang di mana ICC itu kita telah gagal untuk membuat ratifikasi. Jadi, adakah kali ini negara kita lagi akan membuat satu kesilapan dengan izin yang sama di mana kita membuat komitmen yang besar bahawa kita akan memberi satu penguatkuasaan kepada *Arms Trade Treaty* tetapi langsung tiada tindakan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Timur yang telah menganjurkan *Round Table Conference* hari ini di Parlimen mengenai *Arms Trade Treaty*, di mana ramai di antara Ahli Parlimen yang datang telah mempelajari apakah kesan dan *benefit* ATT. Satu di antaranya adalah pengisytiharan yang dibuat oleh kerajaan di *New York* perlu diikuti, di mana saya pun ada semasa itu di *New York* dan keengganan dan kelambatan kerajaan ini untuk menjadi anggota ATT tidak boleh diterima dan ia akan merugikan kita. Tidak perlu lagi satu kejadian MH17. Sebenarnya kalau kita sudah *sign* ATT atau *Rome Statute* ini kita ada hak untuk mengguna pakai penyiasatan yang spesifik yang ada dengan tangan *International Criminal Court* dan agensi-agensi yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara adalah mengenai kerajaan pada Bajet 2015 telah mengumumkan RM50 juta untuk sekolah Tamil, RM30 juta untuk semangat keusahawanan di kalangan wanita melalui peruntukan kursus usahawan wanita, RM30 juta lagi untuk latihan teknikal dan bantuan pendidikan kepada golongan belia India. Ini semua bagus, tetapi kalau kita tengok *in the wholesome* lebih daripada RM270 bilion, untuk masyarakat India hanya 0.0004% sahaja dari *total budget*. Masyarakat India yang perlu bukan *ad hoc* atau satu-satu penemuan, yang kita perlu ada *inclusive* dalam semua dasar dan implementasi dasar kerajaan, kita perlu mengagihkan apa yang perlu diagihkan pada masyarakat Cina, masyarakat orang asal, kepada masyarakat India. Itu perlu dibuat.

Jangan kita setiap kali kerana masyarakat India dan masyarakat lain yang menjadi *work bank* di mana lebih daripada 50 tahun mereka menjadi *work bank*, setiap *work bank* kepada kerajaan, baru kerajaan sedar bahawa *there are no more secure* perlu memberi pertolongan, mereka telah dianaktirikan, baru membawa polisi-polisi yang tertentu untuk mengatasi masalah tersebut. Empat tahun dahulu, kerajaan telah menubuhkan *Special Task Force* di bawah Yang Berhormat Menteri Segamat. Selepas itu a '*movement*' of *Indian school headed by* Yang Berhormat Menteri tersebut dengan Port Klang *Chairman* iaitu Tan Sri Kanagalingam. Semua ini banyak cantik untuk didengar tetapi hasilnya tidak ada. Biar hak mereka diambil alih, dikatakan akan ditolong oleh Tan Sri Ganesan Lingam tetapi dia *make money of the whole transaction*.

Masyarakat India yang sudah dianaktirikan, sudah susah lagi ditipu oleh perkara yang dibuat oleh agensi tersebut. Bajet 2012 di mana kerajaan telah mengumumkan RM50 juta untuk *retrain* dan *enhance* RM300,000 *in the news*. Sudah lebih kurang tiga tahun selepas itu, sehingga sekarang. Belum 50% pun masyarakat India yang *the youth have been given the chance to get the better job, opportunity* dan sebagainya.

Saya difahamkan ramai di antara mereka yang pergi tidak ada kerja atau tidak ada peluang untuk cari makan walaupun kerajaan kata, akan membuat sedemikian. Pada tahun 2000 Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengumumkan bahawa masyarakat India punya ekuiti akan dinaikkan 3% sebelum tahun 2010. Bila datang 2010, *go post* itu dipindahkan 2020. Katakan kita perlu masa yang lebih. Pada tahun 1957 masyarakat India punya ekuiti

adalah 1.5%. Sekarang adalah 1.1%. Terima kasih kepada Barisan Nasional. Apakah dasar-dasar tidak efektif? Siapa yang kaya atau diperkayakan dalam proses kerajaan untuk menolong mereka dan ini adalah perkara yang kita perlu fikir dan ambil tindakan.

Kerajaan dua tahun dahulu telah mengatakan 1,000 lebih kerusi matrikulasi kepada masyarakat India sebelum pilihan raya. Selepas itu, sudah dua tahun sampai sekarang tidak mencapai *target* tersebut. Ini menunjukkan lebih daripada 50% masyarakat India di negara ini lebih kurang 2 juta orang pendapatan mereka kurang dari RM1,500 dan tidak ada program-program untuk menolong mereka. Akan tetapi, kita tengok untuk nelayan. Saya tidak cemburu tetapi kita hendak tahu RM250 juta untuk projek khas perumahan nelayan bagi membaik pulih dan membina rumah nelayan, bagus. RM27 juta untuk memasang *Automatic Identification System* ke atas bot nelayan *and for catching no fish*. Meningkatkan pengeluaran ternakan ikan, bagus RM60 juta. Semua sekali lebih kurang RM337 juta untuk lebih kurang 63,478 orang. Purata lebih kurang seorang akan dapat RM5,300. Akan tetapi untuk 2 juta masyarakat India, iaitu lebih kurang 8% seluruh penduduk di negara ini, hanya RM110 juta. *Congratulation*, ini Malaysia boleh punya.

Jadi, ini adalah perkara yang perlu perhatian dan sekolah-sekolah Tamil juga di mana sekarang lebih kurang 80% sekolah masih di luar bandar walaupun 80% masyarakat India yang dahulu duduk di luar bandar telah ke pekan tetapi mereka tidak dapat tempat sedemikian. Tidak perlu saya pergi jauh. Satu perkara adalah tanya kepada Hindraf di mana MoU ditandatangani sebelum pilihan raya *with all the promises under the sun*.

■1530

Apa jadi? Satu pun tak boleh diimplementasikan. Ini adalah satu di antara perkara di mana saya harap satu *Select Committee* ditubuhkan supaya kita dapat kenali apakah masalah yang dihadapi oleh masyarakat India, masyarakat Melayu, masyarakat Cina, masyarakat orang asal, semua orang yang berpendapatan kurang *hard core poor* dan mencari jalan untuk mengatasi masalah mereka, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya. Lagi satu adalah *Asian-Pacific Parliamentary Union*.

Tuan R.Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Ipoh Barat, boleh mencelah sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dah habis masa Yang Berhormat.

Tuan R.Sivarasa [Subang]: Secara ringkas sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *You got no more time.*

Tuan R.Sivarasa [Subang]: *But I just take one minute.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan R.Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Barat. Tadi Yang Berhormat Ipoh Barat sebut tentang sekolah Tamil dan bangkitkan isu bimbingan daripada Kerajaan Barisan Nasional. Saya masih ingat dalam bajet sebelum ini, Kerajaan Barisan Nasional sudah janjikan RM100 juta yang akan disalurkan untuk bantuan kepada sekolah Tamil dan baru tadi diumumkan sekali lagi RM50 juta. Saya nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Ipoh Barat, so RM100 juta ini adakah Yang Berhormat Ipoh Barat nampak RM100 juta ini diturunkan kepada sekolah-sekolah Tamil?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Mustahillah. *All these is all in the air*, apa pun tak ada. *On the ground* kalau kita tanya sekolah-sekolah, *so many* sekolah-sekolah Tamil di kawasan saya, mohon bantuan. Bila kita pergi, kita nampak *reality*. *You* jangan menganaktirikan. Daripada segi undang-undang, *well, vernacular school* kalau tengok daripada segi *Federal Constitution* sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah Cina tidak boleh dianaktirikan tetapi kita tahu sekolah kebangsaan mendapat untuk setiap murid lebih kurang satu ratus peratus perbelanjaan seorang murid lebih daripada sekolah Tamil dan sekolah Cina. Ini *very clear* daripada jawapan-jawapan soalan yang kita terima.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebräu]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, habis masa dah Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Habis masa? Saya nak terus pergi ke akhir sekali iaitu *Asian Pacific Parliamentary Union*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *That's a new topic*, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Apa dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Satu isu baru. Dah habis masa dah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Bukan, ini saya sudah mula. Sedikit, *I won't take two, three minutes*. Minta maaf, *very important*. Tuan Yang di-Pertua, *Asian-Pacific Parliamentary Union* di mana perjumpaan telah diadakan di Taipei pada 4 Ogos hingga 6 Ogos 2014 di mana diskusi telah mengadakan di mana resolusi-resolusi yang telah dibuat yang mana Ahli-ahli Parlimen Malaysia pun ada di sana. Di antaranya adalah dengan izin:

- (i) *strengthening disaster prevention plan for coastal cities;*
- (ii) *simplifying administrative procedures for disaster prevention research and emergency relief efforts;*
- (iii) *establishing a regional coral reef conservation network;*
- (iv) *urgent the issues parliamentary union countries to support and endorse the majoring declaration of climate change and climate leadership;*
- (v) *proposing Asian-Parliamentary union for hosting the fourth APPU; and*
- (vi) *encouraging member countries of Asian protect reunion to be regional resilience;* dan sebagainya.

Semua perkara ini telah dibincangkan. Saya harap kerajaan akan memberi tekanan yang tertumpu, memberi pertolongan, *give effect to what has been said*. Saya difahamkan Taiwan adalah satu di antara negara yang sangat maju di kalangan ini. Jangan kita lupa Tuan Yang di-Pertua, tahun 1957, Taiwan adalah lebih mundur daripada kita. Hari ini kita lagi belakang daripada mereka, ekonomi mereka lebih baik. Walaupun ada sekatan-sekatan tertentu, kita perlu belajar daripada negara Taiwan. Kalau perlu, kita perlu eratkan persahabatan kita dengan negara Taiwan dan saya difahamkan *their medical system* adalah jauh lebih baik daripada Malaysia dan harganya *not even 50% of what is happening in this country*. Saya diberitahu oleh *representative* kita yang ada di sana. Saya harap kerajaan akan memberi pertolongan berkaitan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tebräu. Daripada pagi tunggu Yang Berhormat ya. Daripada pagi tunggu giliran kan Yang Berhormat?

Tuan Khoo Soo Seang [Tebräu]: Sejak semalam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, semua pun.

3.34 ptg.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebräu]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana saya diberikan peluang untuk berbahas tetapi sebelum saya bermula dengan perkara-perkara yang saya akan bangkitkan, dengan izin *let me have the chance of put the record, putting on record* tentang apa Yang Berhormat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebenarnya cakap di Perhimpunan Agung MCA.

Pada masa itu, dia sebut bahawa Dato' Sri Liow Tiong Lai dan Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong sering berjumpa dengan dia dan bangkitkan isu-isu di komuniti Cina. Dia kata, *"But I like to do more. Maybe one day I can do more. I also need the Chinese community to*

support Barisan Nasional". Apa salahnya? Takkan dia nak cakap, "I do not need Chinese community to support Barisan Nasional or do you want aspect him to say I would like Chinese community to support DAP more. I think there's nothing wrong." Kenapa tidak boleh?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Penjelasan, penjelasan sedikit. Jadi kalau orang yang membayar *tax*, kalau dia sokong, okey? Kalau dia tak perlu bayar *tax* lah kalau tak sokong kepada kerajaan?

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Ini tak ada kaitan dengan bayaran *tax*.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Itu nombor satu, nombor dua ialah masyarakat Cina dia fahamlah apa keadaan yang terkini... *[Dewan riuh]*

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Ini tak ada kaitan.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Tebrau.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Apa salahnya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Pengerang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Tebrau. Jadi saya sebenarnya Yang Berhormat Tebrau hendak minta penjelasan. Maknanya Yang Berhormat Tebrau berada dalam konvensyen tersebut berbanding dengan Yang Berhormat Ipoh Barat? Dia orang semua tidak ada dalam konvensyen MCA kan? Jadi macam mana dia boleh cakap banyak macam mereka dalam konvensyen? Sila jelaskan Yang Berhormat Tebrau.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *We can read the... lah. We know what is happening in the...*

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: *Come on lah, he's there and you're not there.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *No, no it's okay. You can have the floor. You are misleading... [Dewan riuh]*

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: *It is hearsay. What you hear is hearsay. You are not there to know, you did not get the invitation. It is hearsay. How can you know what is the Prime Minister say? It is hearsay.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *You mana tahu the reality. You know the support di negara ini kenapa masyarakat Cina dan masyarakat India tidak mahu support kepada kerajaan. We know the truth but we must speak the truth. Just because your- pergi jumpa dengan Dato' Sri Mohd Najib...*

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: *The exact word spoken by PM.*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Tebrau, boleh dapat penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Perdana Menteri dengan Hindraf pun dia cakap juga. MoU semua *sign*, semua setuju. *All boleh. I boleh tolong you, don't worry.*

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: *[Bangun]*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *But nothing happen, zero, cannot deliver. Semua cakap sahaja... [Dewan riuh]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Tebrau, saya ada soalan.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Minta penjelasan, Yang Berhormat Tebrau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Tebrau boleh dapat penjelasan?

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Tebrau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi jalan, duduk.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Tebrau, boleh minta penjelasan?

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Tak payah, tak payah. Cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Saya cuma hendak tahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Batu, sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Cukup, cukup, cukup.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya hanya ingin nak tahu sama ada Perdana Menteri kata bagi...

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Saya nak terangkan ini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit sahaja, sedikit.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Suah cukup, sudah cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu, dia tidak bagi jalan.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Kalau nak celah, *at the end of my speech*, nanti habis.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya hanya nak dapat tahu ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ada sedikit nasihat kepada Yang Berhormat Pangkalan Chepa dan juga Yang Berhormat Pokok Sena iaitu nasihat saya walaupun saya memang tak pandai berpantun tapi saya cuba memantunkan nasihat saya.

Sarung tangan jangan dipakai sebagai kasut,

Cakap-cakap bohong jangan digunakan untuk menghasut,

Kalau kita mahu dihormati,

Kata-kata kita hendaklah teliti.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia tidak panggil, Yang Berhormat.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan kepada Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat?

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Cukup-cukup. Saya baru nak sebut lagi satu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dia nasihat tapi saya pun tak faham nasihat dia apa benda. Saya nak dapatkan penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak payahlah Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan. Duduklah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya nak dapatkan penjelasan apa nasihat yang dia berikan kepada saya.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebräu]: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebräu]: ...Logik matematik Yang Berhormat Pokok Sena.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat. Itu pembayang maksud, Yang Berhormat.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebräu]: Nanti apabila saya habis.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya tak pernah jadikan sarung tangan sebagai kasut, sarung kaki masuk kasut ada lah.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebräu]: Apabila saya habis nanti baru boleh mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Pembayang maksud, Yang Berhormat pantun itu.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebräu]: Okey.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Pokok Sena jawab pantun. Jawab pantun Yang Berhormat Pokok Sena.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebräu]: Berkenaan dengan GST, saya nak terangkan di sini, ini *simple mathematics*, bahawa pungutan daripada GST ialah RM23.2 bilion. Jadi, selepas kita tolak RM3.8 bilion barang-barang yang tidak dicukai ada di antaranya sekarang dicukai, jadi kita kena tolak dan juga selepas kita tolak dulu kutipan daripada SST. Jadi yang tinggal yang bersih ialah RM5.6 bilion. Apa salahnya?

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Saya jawab. Boleh saya jawab?

Tuan Khoo Soo Seang [Tebräu]: Nanti, nanti.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Apa pasal dia tolak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak, tidak. Yang Berhormat tanya dulu, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Dia tanya. Boleh saya jawab?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kita sudah angkat itu GST baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kalau hendak SST jangan buat GSTlah.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Bukan *you* bayar. Kalau *you* dapat RM23 bilion, apa *you* bayar ke RM13 bilion?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tebräu tak bagi jalan, duduklah.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: [Menyampuk]

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *You* tak bayar, *you* tak bayar untuk apa-apa. RM23 bilion itu ada pada *you*, kenapa *you* tolak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah, sudah. Dia tidak bagi jalan, duduklah.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ini tak betul. Matematik dia ini tak betul.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Tebrau pening ini, Yang Berhormat Tebrau dah pening ini.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: RM23 bilion itu bukan hasil bersih oleh kerana dulu sudah ada hasil daripada SST.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Ketawa]* You sudah peninglah.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh saya jawab?

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Jadi hasil bersih tambahan yang saya sebut tadi ialah tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dengarlah sahaja Yang Berhormat, dengar sahaja Yang Berhormat.

■1540

Tuan Koo Soo Seang [Tebrau]: Ini jelas di dalam ucapan Perdana Menteri, boleh baca juga, tidak payah saya jelaskan lagi.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Koo Soo Seang [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tebrau tidak bagi jalan Yang Berhormat, tidak boleh. Dia kena minta jalan, dia tidak bagi jalan.

Tuan Koo Soo Seang [Tebrau]: Okey, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sentuh sedikit keluhan daripada ...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: You sudah dapat 23 tau.

Tuan Koo Soo Seang [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: ...Sekarang saya hendak sentuh sedikit tentang isu-isu pendidikan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Apa mahu tolak-tolak? You masuk kelas matematik lainlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena, duduklah.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Saya ucapkan...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: You masuk kelas matematik lainlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak apa Yang Berhormat, duduklah.

Tuan Koo Soo Seang [Tebrau]: Terima kasih kepada kerajaan kerana sekali lagi Kementerian Pendidikan mendapat agihan peruntukan yang paling besar. Ini membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional ialah kerajaan yang berwawasan. Walau bagaimanapun, di sini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyuarakan sedikit keluhan daripada guru-guru besar gred DG32 yang di sekolah-sekolah kurang murid iaitu SKM. Tentang peluang kenaikan pangkat ke DG41 dan dijadikan guru besar di sekolah-sekolah Gred 'A' dan 'B'. Masalah sekarang ialah kenaikan pangkat sekarang berdasarkan kepada dua syarat. Satu ialah prestasi, markah prestasi. Yang kedua ialah kursus *national professional educational* yang kita kenali sebagai *National Professional Qualification for Educational Leaders* (MPQEL).

Masalahnya selepas guru-guru besar di SKM mendapat kelulusan ijazah dan apabila dibandingkan markah prestasi dengan guru-guru penolong kanan di sekolah-

sekolah A dan B, mereka rugi. Oleh kerana biasanya guru-guru besar di sekolah besar mereka berikan markah yang tinggi kepada guru-guru penolong kanan mereka. Akan tetapi bagi guru-guru besar di SKM, oleh kerana PPD tidak ada peluang untuk berjumpa, bersua muka dengan semua guru besar di sekolah SKM setiap hari, jadi selalunya PPD akan memberikan *impression mark* yang selalunya lebih rendah daripada guru-guru penolong kanan di sekolah-sekolah Gred 'A' dan 'B'. Ini sudah menjejaskan peluang mereka untuk dinaikkan pangkat.

Satu lagi masalah ialah berkenaan dengan MPQEL, kawan saya baru tunjukkan kepada saya. Dia baru berdaftar untuk mengambil MPQEL dan dia giliran yang ke-7,000. Jadi, dia tanya sampai saya bersara pun mungkin saya tidak ada peluang untuk mengikuti MPQEL. Jadi saya berharap bahawa perkara ini dapat perhatian daripada Menteri dan Timbalan Menteri. Saya merayu bahawa kuota yang tertentu diberikan kepada guru-guru besar ini di sekolah SKM. Oleh kerana kadang-kadang saya pun dah banyak kali sebut di Parlimen bahawa pada saya tidak adil kalau kita menilai prestasi sesebuah sekolah semata-mata bergantung pada prestasi akademiknya.

Saya pernah menjawat jawatan di Jabatan Pendidikan Johor, menyelia semua sekolah Cina di negeri Johor. Saya pada masa itu, saya selalu turun padang untuk tengok sekolah. Saya pernah membuat lawatan ke sekolah-sekolah kurang murid di mana bilangan murid tidak sampai 20 orang. Jadi apabila habis sekolah, cikgu-cikgu termasuk guru besar sendiri setiap orang bawa tiga empat orang murid balik ke rumah untuk memastikan mereka buat *homework*. Selepas mereka habis *homework*, barulah mereka dibenarkan balik tetapi oleh kerana latar belakang murid-murid di sekolah kawasan luar bandar ini, kalau kita hendak harap bahawa mereka hendak dapat sebanyak 'A' seperti sekolah-sekolah di bandar memang sukar.

Akan tetapi ini tidak bermaksud bahawa cikgu tidak berusaha, tidak cuba, tidak bermaksud bahawa guru besar tidak guna. Jadi kita harus juga mengambil kira usaha mereka khususnya dari segi apa yang sekolah buat dan juga mungkin dari segi disiplin dan sebagainya. Jadi sekali lagi saya merayu kepada Kementerian Pendidikan bahawa ambil kira kedudukan guru-guru besar di sekolah SKM yang sekarang di gred DG32.

Perkara yang saya hendak sebut satu lagi ialah berkenaan dengan keputusan peperiksaan percubaan SPM yang tidak dibenarkan untuk digunakan untuk masuk ke universiti swasta. Kita dapati bahawa hampir semua universiti swasta akan mula tahun akademiknya pada bulan Januari, pada awal tahun. Jadi walaupun sekarang Kementerian Pendidikan sudah buat keputusan bahawa keputusan SPM akan diawalkan, diumumkan pada awal Mac. Walau bagaimanapun macam mana dengan bulan Januari dan Februari, kalau mereka tidak boleh masuk, ini akan menjadi masalah baik kepada universiti-universiti swasta mahupun kepada murid-murid yang hendak memohon.

Satu lagi ialah berkenaan dengan bantuan utiliti. Saya sekali lagi ucapkan terima kasih bagi pihak semua sekolah bantuan kerajaan kerana Perdana Menteri dah umumkan naikan maksimum bantuan utiliti ini daripada RM2,000 ke RM5,000. Akan tetapi pada saya, saya rasa yang paling penting ialah kerajaan kena pastikan kita ada peruntukan yang secukupnya sehingga akhir tahun. Saya ambil contoh tahun ini, saya difahamkan ada sekolah yang sampai sekarang hanya mendapat sebahagian kecil daripada bantuan utiliti yang mereka layak dapat oleh kerana diberitahu bahawa peruntukan itu sudah habis. Ini bukan kali yang pertama. Saya pun pernah sebut di dalam Dewan yang mulia ini bahawa pada saya, saya masih rasa bahawa cara yang paling baik untuk agihkan bantuan utiliti itu adalah atas kiraan per kapita tanpa ambil kira sama ada ia aliran sekolah, sekolah kerajaan ataupun bantuan kerajaan.

Oleh kerana sistem sekarang ada dua masalah. Pertamanya adalah susah kita hendak membuat anggaran oleh kerana kita tidak tahu sekolah akan belanja berapa. Kedua, kalau kita kata semua sekolah ini dibenarkan tuntutan sampai RM5,000 mungkin ada sekolah kecil yang tidak perlu RM5,000 mereka kata, "*Oh, saya boleh tuntutan sampai RM5,000 jadi saya tidak perlu jimat penggunaan electricity*". Pada saya ini tidak baik untuk sekolah. Maka, kalau kita kira per kapita, senang bagi kita buat anggaran.

Kita tahu bilangan murid setiap sekolah, kita boleh kira sekolah ini berhak untuk dapat berapa dan ini cara yang paling adil. Jadi ini dua rayuan saya, satu saya berharap bahawa kerajaan masih timbang gunakan cara kiraan per kapita dan yang kedua pastikan ada peruntukan yang secukupnya. Ada juga sekolah-sekolah ini tanya macam mana

dengan mereka yang sampai sekarang masih belum dapat sebahagian besar bantuan utiliti. Ada kerajaan akan bayar akhirnya.

Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan sekarang memang sudah buat banyak program *online*. Jadi ini adalah ikut masa sekarang, perkembangan terbaru. Akan tetapi malangnya program-program *online* itu menghadapi masalah besar khususnya di kawasan luar bandar.

■1550

Oleh kerana kelajuan *broadband* di negara kita bukan begitu baik. Jadi, kadang-kadang macam program iTeen, program- tukar dan sebagainya, ada guru besar buat di rumah sampai tengah malam pun- saya pernah terima aduan. Sampai tengah malam pun satu jam pun tidak boleh satu hal.

Jadi satu lagi ialah *Frog VLE*. *VLE is stand for virtual learning environment*. Ini juga satu program yang baik. Akan tetapi kita kena sedar ia menggunakan perkhidmatan YES. Saya percaya perkhidmatan YES hanya okey di Kuala Lumpur. Saya ingat di JB pun perkhidmatannya tidak berapa. Jadi ini akan mendatangkan masalah kepada murid-murid. Satu lagi masalah ialah bukan semua sekolah dapat chromebook, jadi saya hendak minta bahawa ini mungkin...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat setuju perkhidmatan YES itu sudah jadi perkhidmatan NO?

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: *You can keep your comment, it is okay.* Ini ada kaitan, bukan sahaja Kementerian Pendidikan bahkan Kementerian Komunikasi dan Multimedia juga kena tingkatkan kelajuan *broadband*... [Disampuk] Saya hendak sentuh sedikit berkenaan dengan perumahan. Isu yang saya...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Buat dalam YES, 23 minus 13...

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Isu yang akan saya bangkitkan ialah tentang projek rumah pangsa yang terbengkalai. Saya tidak akan sebut nama pemaju oleh kerana saya difahamkan bahawa kes ini masih dirujuk di mahkamah dan saya tidak tahu perkembangan yang terkini. Walau bagaimanapun, oleh kerana sekarang di kawasan Tebrau cuma ada satu kes ini dan KPKT juga tahu jadi tidak payah saya sebut mana-mana. Projek yang berkenaan, pembeli rumah sudah *sign* kontrak pada tahun 2003. Tahun ini 2014 rumah pangsa itu masih kosong, masih belum disiapkan. Sebenarnya rumah pangsa itu dijangka siap pada tahun 2008. Apabila bekas Menteri KPKT pernah membuat lawatan, pernah mengisytiharkan projek berkenaan sebagai projek terbengkalai. Malangnya pemaju yang berkenaan bawa kes ini ke mahkamah dan saya difahamkan pada satu peringkat dia menang, dia tidak dibenarkan diisytiharkan bankrap. Jadi kerajaan tidak boleh ambil apa-apa tindakan.

Jadi sampai sekarang rumah yang terbengkalai itu masih terbengkalai. Pemaju itu, dia tidak mahu majukan, dia tidak mahu serahkan kepada kerajaan. Jadi kita boleh kata '*hidup segan mati tidak mahu*'. Saya tidak tahu macam mana kerajaan kita boleh bantu pembeli rumah? Oleh kerana ini adalah rumah pangsa, pembeli semua adalah orang miskin dan setiap kali ada projek terbengkalai, saya dapati orang miskin dan orang yang berpendapatan rendah yang menjadi mangsa. Jarang-jarang rumah mewah menjadi projek terbengkalai. Jadi kita boleh membayangkan pembeli rumah selama itu. Mereka sudah mula bayar ansuran bank dengan *interest*. Mereka kena sewa rumah dan rumah itu apabila dibiarkan terbengkalai begitu lama, ia semakin merosot, semakin banyak kerosakan.

Saya tidak tahulah, sekiranya undang-undang kita tidak cukup untuk mengambil tindakan terhadap pemaju seperti ini, saya berharap bahawa KPKT dan kerajaan harus fikir macam mana kita hendak tutup *loophole* ini supaya pemaju yang tidak bertanggungjawab itu boleh diambil tindakan. Kalau tidak sekarang ini, tidak tahu siapa dan biasanya apabila rakyat jelata mereka tidak boleh buat apa-ataupun terhadap pemaju mereka akan salahkan wakil rakyat, mereka akan marah kerajaan. Jadi, kita yang jadi mangsa. Walaupun pemaju di situ ketawa sahaja.

Berkaitan dengan isu pengangkutan, walaupun ini bukan semua masalah Kementerian Pengangkutan tetapi ini isu pengangkutan. Saya dapati bawah tindakan yang kelapan bagi strategi pertama memperkukuh pertumbuhan ekonomi merancang pelaburan awam dan swasta. Saya dapati di antara senarai-senarai yang disenaraikan itu tidak

termasuk projek kereta api laju di antara Singapura dan Kuala Lumpur. Tidak disenaraikan. Walaupun projek ini sudah disebut lama, sudah banyak kali disebut dan baru-baru ini kita dengar bahawa projek ini akan dimulakan tidak lama lagi mungkin tahun hadapan dan dijangka akan siap 2020. Akan tetapi saya tidak tahu kenapa tidak ada dalam senarai projek-projek yang akan dilaksanakan buat tahun 2015.

Saya difahamkan bahawa kereta laju ini *actual time* di antara JB ke Kuala Lumpur cuma 90 minit sahaja dan kalau kita masukkan masa berhenti, masa yang diambil pun tidak sampai 3 jam, 2 jam setengah. Jadi, saya percaya orang Malaysia pada keseluruhannya memang mengalu-alukan projek ini. Saya berharap bahawa projek ini di...

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak respons sedikit dengan Yang Berhormat Tebrau berkaitan dengan landasan berkembar ini. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kerajaan hari ini telah menjalankan PBT untuk pembesaran laluan kereta api dari Kuala Lumpur ke Johor Bahru. Jadi, kita minta kalau boleh kerajaan mempercepatkan projek ini oleh kerana ada beberapa laluan itu termasuk di kawasan saya sendiri yang melibatkan pembesaran sungai untuk projek tepatan banjir itu terganggu oleh kerana lambatnya projek landasan berkembar ini.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Sekijang dan minta masukkan ucapan beliau ke dalam ucapan saya. Satu lagi perkara yang saya rasa amat bimbang ialah berita bahawa negara China akan bantu negara Thai untuk membuka Terusan Kra di negara Thai. Walaupun saya bukan orang ekonomi, saya khuatir apabila *channel* itu dibuka ia akan menjejaskan pelabuhan-pelabuhan di Malaysia termasuk Klang, Pasir Gudang, termasuk Tanjung Pelepas. Bukan sahaja kita bahkan Singapura juga kan terjejas. Jadi, saya tidak tahu sama ada kerajaan ada buat kajian tentang impak negatif ataupun positif kalau sekiranya ada terhadap ekonomi kita. Saya difahamkan bahawa salah satu sebabnya Negara China berminat untuk membuka *channel* tersebut adalah oleh kerana masalah lanun di Selat Melaka.

■1600

Jadi kalau kita tahu masalah ini, macam mana kita boleh *handle* oleh sebab kita jangan tunggu sampai ini sudah menjadi hakikat kita dapati bahawa pelabuhan kita semua terjejas. Apabila pelabuhan itu terjejas, bukan pelabuhan sahaja, lain-lain *business* dan perkhidmatan semua akan terjejas. Bahkan kalau Singapura terjejas pun orang Singapura jarang, tidak datang ke Johor Bharu, Johor Bharu pun mati. Jadi saya berharap oleh sebab setakat ini saya tidak dengar ada sesiapa yang sebut tentang pra '*channel*' itu, saya minta dibawa kepada perhatian kerajaan kita.

Berkenaan dengan pungutan tol di ICQ, kenaikan tol di Singapura dan VEP di Singapura. Ini memang satu perkara yang rakyat jelata di Johor Bharu amat bimbang. Jadi kalau kita hendak gunakan peluang ini untuk galakkan rakyat jelata menggunakan pengangkutan awam, saya rasa sudah sampai masa untuk kita tingkatkan pengangkutan awam. Mungkin juga kita kena sediakan lebih banyak tempat letak kereta di Johor Bharu supaya orang dari taman-taman perumahan boleh bawa kereta sampai ke Johor Bharu kemudian ambil kereta api atau bas dan sebagainya ke Singapura.

Satu lagi ialah berkenaan dengan Projek Pelebaran Lebuhraya Pasir Gudang. Malangnya kemajuan projek ini tersangat lambat walaupun menteri pernah membuat lawatan dan walaupun pihak kontraktor, JKR dan IRDA semua berjanji akan mempercepatkan projek itu tetapi sampai sekarang kemajuan projek itu masih amat lambat. Saya berharap bahawa perkara ini sekali lagi dapat perhatian daripada Menteri Pengangkutan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat, Sungai Petani.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Berkenaan dengan apa?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Berkenaan Yang Berhormat sebut tadi.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: *Okay one minute*, oleh kerana saya ada beberapa hal lagi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat, saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat. Ini tentang projek-projek yang lambat di kawasan Yang Berhormat itu. Saya rasa bukannya ini satu fenomena yang agak diterima pakai oleh Kerajaan Malaysia ini. Kalau projek sejauh tempat Yang Berhormat boleh lambat, tidak hairanlah projek di Parlimen ini pun lambat sangat Yang Berhormat. Daripada tahun lepas kita sudah luluskan tetapi ia berjalan macam kura-kura.

Jadi adakah Yang Berhormat boleh samakan kalau projek di Parlimen ini lambat, tidak terkejutlah kalau projek-projek di luar bandar juga lambat. Apa pendapat Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya selepas ini gulung.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Okey ini yang berlainan. Kepada Kementerian Kesihatan, saya hendak mohon Kementerian Kesihatan menimbangkan untuk pindahkan Klinik Ulu Tiram ke satu tempat yang lebih sesuai. Ini kerana Klinik Ulu Tiram ini sekarang tersangat dekat dengan jejantas *inter-change* di Ulu Tiram. Ia mendatangkan masalah kerana kereta orang ramai tidak ada tempat untuk meletak kereta. Walaupun baru-baru ini saya sudah gunakan kebijaksanaan saya untuk membantu mereka turapkan satu kawasan lapang untuk pesakit meletak kereta tetapi walau macam mana pun kawasan itu atau lokasi yang berkenaan sudah tidak sesuai. Jadi saya berharap bahawa Kementerian Kesihatan ambil tindakan untuk pindahkan Klinik Ulu Tiram.

Satu lagi aduan yang saya terima ialah berkenaan dengan pesakit luar di Hospital Sultan Ismail. Saya difahamkan bahawa mungkin kerana kekurangan doktor, *waiting time* memang tersangat lama. Ada pesakit yang beritahu saya, mereka tunggu hendak jumpa doktor kena tunggu dua hingga tiga jam. Jadi saya berharap bahawa masalah ini dapat diatasi.

Saya juga difahamkan bahawa HSI atau Hospital Sultan Ismail itu setakat ini amat kekurangan fisioterapi. Ini kerana saya pernah baru-baru ini oleh kerana sakit pinggang pergi jumpa fisioterapi dan saya difahamkan tentang masalah itu. Jadi dari perhatian saya seorang fisioterapi kalau dia hendak merawat seseorang pesakit, dia mengambil masa yang panjang. Kita memang perlukan penambahan.

Jadi dengan kata-kata yang sedemikian Tuan Yang di-Pertua saya dengan sukacitanya menyokong Bajet 2015. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada dua ya. Yang Berhormat Wangsa Maju sila.

4.06 ptg.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang dan salam sejahtera. Terima kasih bagi saya peluang sentuh sedikit tentang *point-point* Bajet 2015 mengenai beberapa perkara Kementerian Wilayah Persekutuan termasuk DBKL, Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian Kewangan.

Nombor satu tentang Kementerian Wilayah Persekutuan iaitu DBKL. Baru-baru ini musim *inter monsoon*. Ada hujan lebat tetapi ini fenomena banjir kilat sedang kita nampak lebih kurang pukul 4 petang hujan lebat, dan tarikh 30 September tahun ini, KLCC dan juga Jalan Pinang banjir sampai empat kaki. Saya minta Tuan Yang di-Pertua ini kawasan maju, kawasan enam bintang. Kondo-kondonya satu kaki persegi lebih kurang RM1,000. Bagaimana kawasan ini *Kuala Lumpur Convention Centre* boleh banjir sampai empat kaki?

Juga baru-baru ini Jalan Cheras sama juga banjir empat kaki. Lebih kurang dua bulan dahulu, dekat sini Tuan Yang di-Pertua Jalan Duta, jalan protokol banjir empat kaki. Apa puncanya? Ini memberi satu imej yang tidak baik. Baru-baru ini pihak REDA, DBKL, Persatuan Perancang ada mengatur satu *World Sustainable City* di Kuala Lumpur Hilton. Tujuannya sangat baik tetapi ini adalah *basic amenity* mesti di atasi. Cadangan saya kalau pakar-pakar di DBKL tidak boleh mengatasi, perlukah kita melantik satu konsultan yang

semak semua punca banjir kilat ini sebab selepas itu dapat satu *consultant study* dan ambil langkah-langkah yang penting.

Kedua, kita sekarang cakap bajet, bajet untuk DBKL. Sepuluh tahun dahulu, pada masa itu saya Wakil Rakyat Segambut dan saudara saya wakil rakyat Batu pada masa itu. Selepas Parlimen sudah meluluskan bajet, selepas Ahli Lembaga Penasihat bagi kelulusan dan pada masa itu bukan Datuk Bandar sekarang. Datuk Bandar sekarang sangat proaktif dan baik. Sepuluh tahun dahulu Datuk Bandar apabila kita minta secara rasmi sekeping *copy* bajet DBKL. Jawapan rasmi beliau ialah tidak perlu. Wakil rakyat Wilayah Persekutuan tidak boleh dapat satu *copy* bajet DBKL sebab beliau kata Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan tidak perlu banyak *detail*.

■1610

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya sebelum Bajet 2015 DBKL ditetapkan *and* satu jumlah yang besar. Lebih RM2 bilion setahun. Sepatutnya minta kita Ahli Parlimen, tidak kira, ini bukan politik. Tidak kira Pakatan Rakyat atau Barisan Nasional, minta kita punya komen sebab kita sentiasa turun padang dan kita tahu kehendak-kehendak pengundi atau orang tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya sentuh satu topik yang terkini termasuk Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan dan nanti saya bagi banyak contoh tentang Petronas. Baru-baru ini kita nampak harga petrol RON95 dan diesel naik 20 sen satu liter. Kerajaan kata kurang subsidi tetapi tuan-tuan dan puan-puan, Ahli Yang Berhormat pun tahu, *effect*nya ialah, impak ialah harga petrol dan diesel naik. Saya ada angka-angka dari lain negara Tuan Yang di-Pertua.

Harga minyak negara yang pengeluar minyak, sekarang Malaysia satu liter RON95 - RM2.30 sen. *Now*, contoh-contoh ini dari lain negara, dalam bukan *US Dollar* tetapi Ringgit Malaysia dan saya harap rakan yang duduk di balkoni dengarlah. Di Oman sekarang, satu liter petrol di Oman 99 sen. Dari Qatar hanya 85 sen, dari UAE RM1.53 sen, dari Kuwait 78 sen, dari Arab Saudi 51 sen, dari Brunei jiran kita 95 sen dan dengar, Syria yang menghadapi banyak masalah, *IS* lawan seperti *internal civil war*, *Kurd's* punya *problem*, di Syria hanya 18 sen.

So, bagaimana negara kita Malaysia boleh bagi justifikasi yang sekarang semua warga negara bayar lebih RM2 satu liter. Tuan Yang di-Pertua, sebab apa kerajaan tidak ada pilihan, terpaksa naik harga RON95 dan diesel? Pada pandangan saya, hakikatnya ialah Kerajaan UMNO BN tidak bertanggung jawab dan sekarang tak cukup wang. Betul ya?...

Beberapa Ahli: Betul!

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Kerajaan BN sekarang pinjaman lebih kurang RM550 bilion. Ini tidak termasuk angka *off budget* lebih kurang RM200 bilion, termasuk 1MDB lebih kurang RM40 bilion. Apa sebab justifikasinya? Tadi saya celah Ahli Parlimen dari Pokok Sena. Sekarang harga petroleum sudah jatuh. Ini bahasa Inggeris kata, minta izin, *three years low* dan masih jatuh lagi. Di United Kingdom, baru-baru ini RON95 kurangkan *five pence per liter*. India, dia punya jumlah warna negara lebih satu bilion, dia pun boleh turunkan harga petrol. Akan tetapi malangnya Malaysia kalau berbanding dengan negara Taiwan, tadi satu Ahli Parlimen, Yang Berhormat Ipoh Barat cakap contoh dari Taiwan. Bagi satu contoh dari Taiwan, mengenai pinjaman kerajaan.

Saya ada peluang melawat negara Taiwan lebih kurang enam tahun dahulu. Selepas kita dapat penjelasan dari Speaker dari Taiwan, di negara Taiwan, satu titik, satu *barrell crude oil* pun tak ada, langsung tak ada. *Natural gas* pun tak ada. Akan tetapi Kerajaan Taiwan, pinjaman bahasa Tamil kata '*yelek*'. Satu sen pun tak ada [*Tepuk*] Bagaimana boleh begitu? Minta Perdana Menteri kitalah. *Point* saya ialah tentang GST atau GST boleh panggil '*Government Suka Tipu*'.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Wangsa Maju.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Ya, sila Yang Berhormat Bukit Gantang yang ada banyak durian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Wangsa Maju. Selalu kita dengar jawapan daripada pihak kerajaan, apabila kenaikan harga minyak kerana kenaikan harga minyak di pasaran antarabangsa. Sekarang data yang kita dapat, harga minyak dunia semua turun, tiba-tiba di Malaysia pula naik. Apa pandangan dari Yang Berhormat Wangsa Maju terhadap sifir yang selalu diberikan oleh pihak kerajaan kepada rakyat? Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Sebab itu tadi komen saya ialah, GST ialah '*Government Suka Tipu*'. Sebab apa? Harga minyak di seluruh dunia, *brand* atau apa-apa, sudah sampai *three years low*. *All producer*- OPEC, dia tak mahu dia punya produksi sebab kurang pendapatan. Kalau masih tinggalkan sekarang punya angka, itu harga minyak lagi mahu jatuh pada masa akan datang.

Tentang GST, saya minta walaupun saya bukan pakar ekonomi atau bukan pakar akauntan. Sekarang nampak senario sebelum GST dimulakan, orang biasa seperti kerani yang kerja di Lembah Kelang, pendapatan sebulan lebih kurang RM2,000 sebulan atau seseorang yang ada pencen RM2,100 sebulan. Dahulu, sekarang tak kena *income tax* akan tetapi selepas bulan April tahun depan lepas GST, ini dua-dua kerani dan termasuk pencen kena bayar 6% dan sebab tiap-tiap barang yang harga naik. So, *point* Pakatan Rakyat kita ialah tak perlu GST.

Sepatutnya, kita guna satu idea yang lain negara pun sudah mula iaitu *Capital Gain Tax* dan juga tak perlu GST kalau kita ada pentadbiran kerajaan yang telus dan juga potongan kronisme dan juga kurangkan rasuah.

Seperti satu contoh, saya sudah bahas banyak kali tentang Petronas. Petronas ialah satu *Fortune 500 company*. Satu syarikat yang baik tetapi Tuan Yang di-Pertua, malangnya, tak kira dari Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir, tak kira Pak Lah, tak kira Perdana Menteri sekarang, kaki politik sentiasa ganggu dan salah urus Petronas. Saya bagi contoh. Dulu di 50-an, saya duduk di Jalan Penang. Pada masa itu, kawasan itu ialah *Selangor Turf Club*. Pada zaman 90-an, Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Mahathir ada satu idea hendak bina *Twin Towers*. Itu pun tak apa. Guna RM5 bilion pun tak apa. Akan tetapi butir-butir transaksi itu tanah tak telus dan tak baik. Sebab apa?

Sepatutnya, Petronas satu *government-link company* boleh beli terus dari asal secara *direct* dari *Selangor Turf Club* tetapi tak mahu guna cara ini. Akan tetapi boleh guna pun Akta Pengambilan Tanah. Tak mahu guna cara ini tetapi terpaksa *Selangor Turf Club* jual kepada satu kroni atas harga RM300 million, pada masa itu.

■1620

Pada masa itu RM300 juta adalah satu angka yang besar. Lepas tiga bulan sebelum tambah apa-apa manfaat kepada tanah itu, terpaksa Petronas beli tanah dari satu individu atas harga RM900 juta dan bukan jual 100% Tuan Yang di-Pertua. Hanya jual lebih kurang 85% dan bagaimana boleh justifikasi transaksi ini? Contoh nombor kedua dari Petronas ialah *Prince Court Medical Hospital*. Saya pelatih pegawai perubatan. Sekarang ahli lembaga dengan satu hospital swasta. *Hospital business* bukan senang. *Prince Court Medical Hospital* yang dipegang oleh Petronas bukan *core business* Petronas.

So sampai sekarang saya dengar *Prince Court Medical Hospital* di Jalan Tun Razak sudah rugi lebih kurang RM1 bilion. Saya haraplah Jabatan Perdana Menteri atas bidang kuasa Petronas atau Kementerian Kewangan boleh bagi jawapan. Ada satu perkara lagi, Petronas kita sebab tidak telus, akaun pun tidak bagi kepada Parlimen untuk disemak. Petronas terpaksa, kita dengarlah guna lima orang tengah jual dia punya petroleum. Apa sebab petroleum tiap-tiap negara termasuk India, Pakistan, China itu perlu petroleum. Apa sebab, kalau betul guna lima orang tengah ini? Saya dengar skim ini ialah bila Petronas buat *deep sea exploration* atas harga yang banyak, kos dia lebih kurang USD30 satu *barrel*.

Kalau jual sekarang atas harga lebih kurang USD80 satu tong atau satu *barrel*, Petronas boleh untung USD50 satu *barrel* tetapi tidak boleh cara terbuka ini, guna *middleman*. Tuan Yang di-Pertua, saya pun hairan, termasuklah Jeffrey Kitingan, Datuk Chua Jui Meng, orang-orang yang pakar politik minta tetapi sunyi, tidak ada jawapan. So, sekarang kita dengar Petronas terpaksa- dia panggil *forward selling*. *Fix* dia punya harga kepada *middleman* atau dua ringgit punya syarikat, lima puluh ringgit. So, ini, dua ringgit

punya syarikat ada satu *office*, ada *secretary* comel, dia tidak buat apa-apa. Tiap-tiap *barrel* dia jual, dia boleh untung USD30 satu *barrel*.

Kalau begitu, kalau betul, saya menyeru, kalau ada niat baik untuk negara kita, pada sekarang segera ambil tindakan. Tidak mahu guna *middleman* lagi dan satu perkara lagi tentang Limbang, Sarawak. Pada masa itu, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bongkar di blog dia. Dia kata bagaimana bekas Perdana Menteri, tanah Limbang, Sarawak ini, Blok 'L' dan Blok 'M' boleh bagi percuma kepada Negara Brunei. Di bawah tanah itu, sebab tanah ini di atas tanah Sarawak, Borneo dan bukan dalam laut, di bawah tanah itu ada lebih kurang *reserve of* minyak USD3 bilion. Itu bukan kita kata. Ini bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir kata. Betul atau tidak dan siapa kalau ada kebaikan negara kita, boleh bagi percuma, tanah Blok 'L' dan Blok 'M' ini, Limbang kepada Brunei.

So, Tuan Yang di-Pertua, *point* Pakatan Rakyat itu ialah walaupun GST ini sudah mula diguna lebih kurang 180 negara di dunia tetapi di Malaysia tidak perlu. Sebab apa kita belum sampai satu tahap berbanding dengan lain negara. Kita boleh kurangkan kronisme. Kita boleh kurangkan rasuah dan juga banyak contoh lagi. Tunggu satu tahap yang negara kita maju, mungkin pada masa akan datang mulanya GST. Akan tetapi tidak mahu mula pada tahun depan dan untuk Petronas, kita sudah minta banyak kali. Petronas punya akaun sampai sekarang belum *table* kepada Parlimen.

Ada satu cerita lagi, dulu saya bising atas satu majlis jamuan. Ada satu bekas akauntan yang kerja di Petronas sudah tiga puluh tahun. Pada masa itu dia bersara, minta izin saya bahas dengan bahasa Inggeris. "*Dr. Tan, please cool down lah. If you don't, you are going to get a stroke. You are Ahli Parlimen only know sedikit, little bit about Petronas. I worked 30 years in Petronas. If you know what I know, you will faint and die.*" Itu dia punya komen. So bukalah *account books* semua Petronas dan kita mahu semak dan juga ikut contoh negara lain. Tabung Petronas guna mulanya *sovereign fund* seperti negara di Norway.

Sekarang *sovereign fund* di Norway ada sampai *trillion* USD. Sekarang, tadi saya sebut angka. Pinjaman negara kita RM550 bilion, bagaimana dan kalau ikut contoh *sovereign fund Norway*, *profit* atau keuntungan Petronas hanya boleh terhad guna di kerajaan. Oleh sebab itu kalau kita jimat, kita urus sebaik-baiknya, kalau begitu pada masa akan datang Malaysia sampai satu tahap yang cerah. Akan tetapi kalau *you* minta orang biasa, orang yang pandu teksi, orang yang buat *business* memang keadaan sekarang tidak ada kepercayaan untuk Kerajaan Barisan Nasional. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pengerang.

4.29 ptg.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih lah kerana diberi peluang untuk berbahas bagi Belanjawan 2015 yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan tajuk bajet Ekonomi Keperluan Rakyat (EKR). Pertama sekali saya ingin menyentuh tentang memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi ya. Di sini bagi kita ingin menyebut tentang *Pengerang Integrated Petroleum Complex* (PIPC), nilai pelaburan sebanyak RM69 bilion. Mewujudkan lebih 10,000 peluang pekerjaan dalam sektor minyak dan gas. Saya ingin menyatakan di sini hendak mintak penjelasan daripada kementerian yang relevan terutama sekali yang bertanggungjawab ke atas Petronas ya.

■1630

Sebenarnya soalan saya selaku Ahli Parlimen ialah apakah sebenarnya perancangan yang dibuat secara *detail*, dengan izin, berkenaan dengan persediaan bagi generasi muda khasnya, masyarakat tempatan untuk mengambil bahagian dan terlibat dalam apa yang disebut sebagai peluang pekerjaan. Sebab setakat ini apabila bercakap tentang mana-mana projek terutama sekali dalam projek Rapid ini, kami mendengar desas-desus yang mana keutamaan banyak diberikan kepada kemasukan pekerja asing. Ini adalah kerana kita tidak tahu sama ada pekerja asing ini disebut sebagai pekerja mahir dalam bidang minyak dengan gas. Akan tetapi kalau kita tengok secara umum, kalau kerajaan hendak membelanjakan RM69 bilion, sepatutnya adanya satu langkah yang lebih menetapi supaya masyarakat setempat diberikan keutamaan.

Kalau kita tengok secara umum jumlah persekolahan dan kita tengoklah katakan kiraan kita anak-anak muda yang keluar daripada Tingkatan 5 tidak semua masuk universiti, belajar diploma atau *degree*. Kenapa tidak diadakan perancangan khusus daripada Petronas yang bertanggungjawab dalam projek yang begitu besar untuk memberikan peranan ataupun dengan izin, program projek-projek *attachment* dan sebagainya dalam aspek bidang kemahiran dan bidang minyak dan gas. Saya sudah sebut ini daripada dahulu lagi apabila saya berbahas tiap tahun bercakap tentang projek Rapid ini. Saya selalu menegur bahawa rakyat di bawah hendak menengok dan melihat sejauh manakah peranan yang dapat dimainkan oleh rakyat tempatan.

Kalau kita bercakap tentang generasi muda yang mana Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan bercakap tentang membangunkan Program Transformasi Belia Negara ataupun kita tengok dalam memperkukuh pertumbuhan ekonomi disebut pula dalam strategi ketiga mengupayakan modal insan dan keusahawanan. Kita tengok dalam aspek ini apabila bercakap tentang belanjawan kita tidak boleh lari daripada peranan yang perlu dimainkan oleh generasi muda dalam mengurusperdanakan pendidikan teknikal dan vokasional. Apabila bercakap tentang Program Transformasi Vokasional dan Teknik, RM1.2 bilion meningkatkan pengambilan pelajar di kolej vokasional, kolej komuniti, menaiktarafkan kolej dan sebagainya, memberikan galakan cukai.

Jadi dalam perkara ini saya hendak bertanya kepada kementerian relevan. Sejauh manakah apabila kita bercakap tentang mengurusperdanakan pendidikan teknikal dan vokasional baru masyarakat Pengerang diberikan pengkhususan dalam aspek vokasional dan teknikal supaya menyediakan mereka menjadi pekerja yang disebut yang mana merencanakan pelaburan awam dan swasta yang mana RM69 bilion yang akan disalurkan dengan penglibatan swasta dan juga awam dalam projek Rapid sebagai contoh yang mewujudkan 10,000 peluang pekerjaan dalam sektor minyak dan gas, sejauh manakah anak-anak tempatan, generasi muda khasnya diberikan ketetapan dan diberikan tempat.

Ini menjadi satu kemusykilan kerana kalau kita hendak bercakap tentang kursus minyak dan gas Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh lari daripada kursus kemahiran yang memerlukan sebagai contohnya mereka memerlukan kursus keselamatan. Kursus keselamatan ini kalau kita tengok adalah kursus yang mana perlunya anak-anak muda sebagai contoh yang disebutkan sebagai *National Institute of Occupational Safety and Health* (NIOSH) yang mana apabila hendak meletakkan diri dalam kemahiran *welding* sebagai contoh, anak-anak muda ini mesti mempunyai sijil keselamatan, *safety and health*. Kalau kita tengok sijil ini mesti ada pembayaran. Siapa yang bayar? Ini boleh dilihat sebagai aspek katakan *requirement* dengan izin, *pre requirement*, dengan izin, sebelum anak-anak muda ini dapat dikemaskinikan dalam bidang teknikal dalam minyak dan gas sebagai contoh.

Jadi sekarang apabila bercakap tentang 10,000 orang pekerja, persoalan saya 10,000 orang pekerja yang Rapid ini berapa banyak peratusan untuk orang tempatan. Berapa banyak anak-anak muda yang akan mendapat manfaat, anak-anak tempatan sebab kita tidak mahu apabila bercakap tentang projek-projek minyak dan gas berapa bilion, yang masuknya pekerja asing. Pekerja asing hari ini saya bercakap daripada dahulu sampai sekarang ketirisan subsidi, kita beli minyak, gula, beras semuanya harga subsidi kita, mereka ambil harga subsidi kita. Itulah sebabnya bukan saya hendak mengatakan kita menghalang kemasukan pekerja asing tetapi kita perlu menjadi sebagai beberapa buah negara asing.

Saya ingin hendak menyatakan kepada Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok negara asing sebagai contoh. Mereka memang mempunyai dasar kemasukan pekerja asing, tidak ada masalah. Memang kita tahu pekerja asing ini dilihat sebagai satu perkara yang dalam zaman sekarang ini zaman dimestikan. Ini adalah kerana sebagai contoh tidak semua negara itu mempunyai cukup pekerja-pekerja mahir yang datang daripada anak tempatan. Ini satu keadaan yang diterima dalam semua negara-negara membangun, kemasukan pekerja asing.

Akan tetapi syarat-syarat- saya hendak ambil dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *Data Global Migration*. Kalau kita tengok di Brazil sebagai contoh, pekerja asing kalau dia hendak masuk 1/3 daripada perniagaan syarikat tersebut, 1/3. Keduanya di Mesir sebagai contoh, kalau hendak masuk pekerja-pekerja asing 10% sahaja boleh dibenarkan. Kemudian kita tengok juga di Indonesia. Kalau kita hendak melantik seorang pekerja asing mesti ada seorang pekerja tempatan dan kalau kita tengoklah dalam contoh-contoh negara

tersebut, mereka memang tahu bahawa kemasukan pekerja asing ini boleh dijadikan sebagai pertambahan ekonomi dari segi levi tetapi pada masa yang sama dasar nasional negara itu mesti ditetapkan iaitu mesti adanya jaminan bahawa rakyat tempatan tidak dinafikan pekerjaan.

Jadi dalam perkara ini apabila disebut 10,000 orang pekerja, kita tidak tahu berapa peratusan itu pekerja asing dan keduanya kita tidak tahu sama ada terdapat komitmen daripada Petronas bila dia hendak bagi kerja-kerja sebagai sub kontraktor, menyatakan kepada sub kontraktor, *some contractor* multinasional masuk ke negara kita, berapa banyak pekerja asing mesti diwajibkan. Berapa banyak mesti orang tempatan diberikan kerja dan latihan supaya ketirisan kewangan itu tidak pergi kepada negara-negara luar. Ini bagi saya satu kenyataan yang amat logik. Tidak gunanya sama ada pelabur itu asing ke atau pelabur tempatan, tidak ada gunanya jika masyarakat setempat iaitu dengan izin orang tempatan tidak mendapat kebaikan daripada hasil perniagaan-perniagaan antarabangsa sedemikian seperti dalam projek Rapid yang disebutkan sebagai projek berbilion ringgit dalam minyak dan gas.

Saya sendiri sebagai wakil rakyat Tuan Yang di-Pertua, hari-hari tengok, mendengar rintihan rakyat terutama sekali generasi belia mengatakan mereka merasakan seolah-olah mereka dianaktirikan. Jadi saya tidak boleh katakan ini kesilapan kerajaan tetapi lebih kepada meminta kepada kementerian yang relevan supaya lebih peka dalam perkara ini dan saya tahu, apabila kita dengar cakap pembangkang ini, apabila bercakap tentang Petronas ini- Petronas ini adalah syarikat *fortune* 500 dengan duit yang berbilion ringgit dan sebagainya. Saya juga berterima kasih mereka melabur di Pengerang tetapi dalam perkara ini mereka mesti peka kepada isu tempatan.

Tidak gunanya kita ini dalam kawasan kita, kita menganaktirikan anak kita. Jadi dalam perkara ini saya mintalah apabila kita bercakap dalam aspek ekonomi yang kita sebut ini yang mana Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan bercakap tentang *people's economy*, dengan izin, iaitu ekonomi keperluan rakyat, memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi itu bererti ekonomi rakyat tempatan jugalah mesti diperkukuhkan. Kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan seolah-olah nanti lama-lama rakyat melihat seolah-olah kerajaan tidak peka dan apabila kerajaan tidak peka nanti, saya tidak mahu kerana projek yang berbilion ringgit, rakyat menolak kerajaan walhal bukan salah kerajaan tetapi syarikat-syarikat yang multinasional ini mesti lebih peka.

Strategi ketiga, semua- apabila kita lihat dalam mengupayakan modal insan dan keusahawanan. Saya sendiri sudah sebut kalau kita bercakap tentang kursus-kursus yang berlaku dalam negara kita ini katakan kursus kemahiran Tuan Yang di-Pertua memang banyak diberikan kursus kemahiran kepada anak-anak kita khususnya. Daripada kursus kemahiran anak-anak kita, mereka boleh juga diberikan kemasukan pada tahap diploma dan kemudiannya pada tahap sarjana. Jadi dalam aktiviti-aktiviti kita menggalakkan modal insan dan keusahawanan, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kerana begitu peka kepada pendidikan teknikal dan vokasional. Kalau kita baca daripada perkara ini kita hendak melihat bahawa diperbanyakkan kemasukan anak muda kita- kalau kita tengok dari segi ukuran biasalah kemungkinan anak-anak kita yang keluar Tingkatan Lima Tuan Yang di-Pertua, 400,000 lebih setahun, tidak semua masuk universiti dan tidak semua mendapat bantuan PTPTN.

Jadi sekurang-kurangnya separuh yang tidak dapat pergi kepada jalan pendidikan yang formal mendapat sarjana, apabila kita bagi kan mereka kursus-kursus dalam bidang vokasional dan teknikal, kita berharap bahawa kerajaan membantu bukan sahaja sekadar membantu mereka dari segi membayar pembayaran kursus vokasional tetapi lebih sebagai contoh kalau negara kita ini adalah negara yang melihat kepada aspek pendidikan vokasional dan teknikal sebagai contoh di Pengerang, contohnya. Saya minta Kementerian Pelajaran untuk menjadi lebih peka contohnya mewujudkan sekolah vokasional di Pengerang, sebagai contoh. Sebab apabila kita tengok kepada aktiviti-aktiviti yang disebutkan dalam inisiatif-inisiatif yang mana disebut sebagai mengurusperdanakan pendidikan teknikal dan vokasional.

■1640

Kita tidak boleh lari daripada perlunya sekolah vokasional. Dulu kita kenali sebagai sekolah teknik, sekarang ini kita sebut sebagai sekolah vokasional. Di Pengerang ini saya pohon kepada kementerian yang relevan, mewujudkan sekolah vokasional. Oleh sebab

setakat ini kalau tidak adanya sekolah vokasional, jadi anak-anak muda kita yang belajar, dia belajar katakan sekolah biasa kemudian dia hendak mengalirkan kepakarannya, kemahirannya dalam bidang teknikal vokasional, dia kena mula daripada tahap yang satu. Sekurang-kurangnya dengan adanya sekolah vokasional saya minta daripada kementerian yang relevan, kita menyediakan anak-anak kita apabila kita bercakap tentang projek minyak dengan gas sebagai contohnya, vokasional dalam bidang dengan izin, *welding*. Kita berikan pendidikan *welding* kepada anak-anak kita walaupun pada tahap sekolah menengah vokasional sebagai contoh.

Jadi bila keluar itu secara automatik itu dengan program-program *attachment* dengan izin, dia sebagai pelajar-pelajar Tingkatan 5 dia boleh belajar, kemudian kemahiran dan kita sendiri tahu. Sebagai contoh bila dia menjadi *underwater welder*, semua orang bercakap bahawa *underwater welder* dalam industri minyak dan gas, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, gaji lebih kurang USD10,000. Kalau kita darab dengan duit kita hendak dekat RM30,000. Mana anak-anak kita yang hendak keluar lulusan graduan undang-undang, saya dengan Yang Berhormat Kuala Selangor ini pun undang-undang dulu apabila mula jadi *chambering student*, jadi peguam bela, peguam cara, gaji tidak sampai RM1,500 kan. Mana ada gaji RM30,000. Ini buat *welding* Tuan Yang di-Pertua, boleh dapat RM30,000 sebab dia boleh masuk dalam air. Haa! begitu hebatnya kalau anak-anak muda kita.

Jadi saya kalau boleh, orang Pengerang ini Tuan Yang di-Pertua kebanyakannya Jawa sebanyak 70%, Bugisnya 30%. Saya ini keturunan Bugis. Mak saya Arab. Saya sudah cakap daripada dulu saya 'Burab'. Jadi bila bercakap tentang Jawa ini, Jawa, Jawa yang ada ini Tuan Yang di-Pertua, Jawa, Jawa ini... [Di sampuk] Saya 'Burab'. Jawa, Jawa ini Tuan Yang di-Pertua daripada anak-anak FELDA ini dok jadi mat rempit, minah rempit inikan yang '*ngong, ngeng, ngong, ngeng*' ini, dengan masalah dan sebagainya, kita bagilah dia pendidikan awal. Dia tahu bahawa dia boleh berjaya dalam bidang minyak dan gas. Contohnya jadi *underwater welder*. Jadi bila kita bercakap, janganlah kita sedap bercakap sahaja, saya ini dekat Pengerang ini hari-hari 'kering' hendak menunggu anak-anak muda kita diberikan kerja dan sebagainya.

Jadi dalam perkara ini, kepekaan itu mesti ada daripada Kerajaan Pusat, kerajaan negeri, dalam menentukan bahawa anak-anak kita ini diberikan keutamaan. Dalam perkara ini saya tengoklah permulaan mereka untuk memahami industri-industri vokasional dan teknikal mula dengan Sekolah Vokasional. Kalau dia ada Sekolah Vokasional daripada Tingkatan 1 sampai Tingkatan 5, dia belajar tentang elemen-elemen vokasional, dia tidak terlampau kata orang-terperanjat. Oleh sebab kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, emak-emak ini, menantu-menantu ini hendak dapat, semuanya hendak dapat menantu *lawyer, doctor, engineer*. Mana ada orang hendak menantu *welder*. Bukan saya menghina, contohnya.

Jadi dia tahulah *underwater welder* itu RM30,000- macam doktor pakar tulang yang sudah enam tahun jadi doktor pakar, barulah dia berebut menantunya jadi *welder*. Akan tetapi sekarang ini tidak, bila hendak suruh anak itu jadi *lawyer, doctor* dan *engineer*. Itu sebab dalam perkara ini kita mesti menguar-uarkan kefahaman kepada masyarakat setempat bahawa dalam bidang vokasional dengan teknikal ini bukan bidang yang kecil, bukan bidang yang boleh diketepikan, bukan bidang yang boleh kita aibkan ataupun memalukan tetapi melihat ini sebagai bidang profesional pada tahap mereka. Kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, tidak akanlah adanya pekerja asing yang masuk negara kita dalam bidang minyak dan gas sebagai contoh. Ini kerana mereka tahu berdiri dekat luar, bekerja teknikal, vokasional dalam aspek sebagai contoh *welder* katakan, *piping, welder* dan sebagainya, saya dimaklumkan ini kerja-kerja kemahiran ini bukan main-main punya kerja. Kalau tidak nanti jadi masalah.

Bila kita tidak tahu buat, kita bina rumah dan sebagainya dan bila benda itu runtuh sebagai contoh, bererti mungkin daripada tapak benda itu yang bergoyang. Jadi perkara ini saya minta sangatlah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan supaya lebih spesifik. Bila bercakap tentang projek *rapid*, khasnya bila bercakap tentang pekerjaan bagi generasi-generasi tempatan. Juga dalam aspek ini saya hendak sebut tentang- saya agak begitu seronok bila tengok merancang industri kreatif. Dana industri kandungan digital di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Saya tengok ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya memang rasa cukup banggalah, tengok bahawa kita memang beria-ia hendak bagilah RM100 juta bagi anak-anak kita khasnya anak muda yang minat dalam bidang kreatif dan sebagainya.

Akan tetapi saya hendak tegur sajalah, saya hendak tegur satu sahajalah kalau punlah TV1 kah, TV3 kah, Astro kah, NTV7 pun, kalau kita hendak bercakap tentang industri kreatif, kita mesti melihat bahawa kita tidak boleh ketandusan. Kita mesti menggalakkan anak-anak kita yang minat dalam industri kreatif ini. Sebagai anak-anak yang dapat apabila bercakap tentang kreativiti, dia mesti bercakap tentang nasionalisme. Saya tidak percaya bahawa hanya PLKN saja yang kita boleh wujudkan elemen patriotisme kepada anak-anak muda.

Sebagai contohnya Tuan Yang di-Pertua, di negara China kalau kita hendak buat wayang gambarkah, hendak buat filem Cina, dia punya elemen mesti elemen Cina itu mesti hero dia. Maknanya Jackie Chankah, siapakah, dia memang hero. Hero boleh mati, hero tidak boleh mati, tetapi dia hero. Kita ini apabila tengok generasi muda ini saya tidak tahulah Tuan Yang di-Pertua, saya pun pening tiap-tiap kali buka budak-budak kita dok hiburan, hiburan, hiburan. Hiburan itu maknanya dia dok seronok saja. Apabila buat cerita dramakah, cerita filem- saya sudah bercakap banyak kali pada Yang Berhormat Menteri tidak akanlah cerita kita cerita kahwin, cerita bercerai, cerita pukul... *[Disampuk]* Cerita hantu jangan cakaplah, tidak bolehkah kita wujudkan patriotisme? Kita cakap tentang cerita-cerita yang berlaku contohnya di Malaysia, orang tahu tidak bahawa contohnya Laksamana Cheng Ho itu yang datang daripada negara China itu orang Islam. Dia juga adalah 'Yunang'. 'Yunang' maknanya dengan izin bawah itu sudah kena potong, itu 'Yunak'. 'Yunak' itu berertinya masa dulu permaisuri buat banyak ini dia yang jaga sebab takutkan kalau tidak potong, Permaisuri itu jadi gundik dia.

Akan tetapi 'Yunak' ini diwujudkan sebab dia ada elemen-elemen jaga istana. Akan tetapi Laksamana Cheng Ho itu sebagai sejarah kita iaitu yang turun ke Melaka, Laksamana Cheng Ho ini membawa budaya kita, dialah mencantumkan orang Cina dengan orang Melayu. Itu sebab dulu Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi Melaka ini kita tengok Baba dan Nyonya ramai. Itu datang daripada Laksamana Cheng Ho, datang daripada Puteri Hang Li Po sebagai contoh. Kenapa tidak boleh ini menjadi elemen kreatif kita? Saya tidak tegur Pinewood Studio yang ada dekat Johor ini. Saya tidak marah Pinewood Studio tetapi saya dapat cerita ini, surat ini budak-budak kerja Pinewood Studio semua tidak puas hati.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seputeh bangun.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Hendak cakap fasal Hang Li Po atau hendak cakap fasal Cheng Ho? Dengan izin, atau hendak cakap fasal 'Yunak'?... Hang Li Po, Hang Li Po.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat. saya hendak tanya, saya agak tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat bahawa kita haruslah menggalakkan industri kreatif. Yang Berhormat tahu saya mengeluarkan klip video "*Onederful Malaysia*" yang membayangkan realiti di Malaysia tentang kenaikan harga, inflasi dan juga keselamatan. Selepas itu saya didakwa di bawah Akta Hasutan. Jadi kalau saya ini cuba yang menggalakkan pelakon dan juga mereka yang keluaran produk yang kreatif membayangkan realiti didakwa di bawah Akta Hasutan, macam manakah kita boleh menggalakkan lebih orang muda untuk keluaran tayangan filem ataupun drama dan sebagainya yang membayangkan realiti Malaysia?

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih sahabat saya. Itu kreatif mengutuk. Kreatif mengutuk ini aspek dia lain. Apa yang saya bercakap tentang kreatif nasionalisme. Nasionalisme itu yang mewujudkan satu Malaysia iaitu Cina, India, Melayu, Arab, Mamak cakap semua kita ini daripada bangsa-bangsa keturunan pendatang. Jadi perkara ini yang saya kata tidak akan lah setakat kita Akademi Fantasia, budak lompat, menyanyi tidak akanlah kita ini duk *hooray, hooray*, saja Tuan Yang di-Pertua.

Saya sudah bercakap dengan Yang Berhormat Menteri banyak kali, anak-anak muda bila kita hendak uar-uarkan dia, dia mesti cakap tentang sejarah. Dia mesti cakap tentang perpaduan, tidak ada masalah. Saya tidak mahu mengatakan bahawa hiburan ini satu industri yang kita hendak memandang rendah, tetapi saya tahu kalau kita tengok *hand phone* ini, saya cakap dengan Tuan Yang di-Pertua, wakil rakyat dalam Dewan ini punya *follower Instagram* tidak ramai macam penyanyi dan pelakon. Saya jamin sekali tekan

penyanyi dan pelakon seramai 400,000, 300,000, 100,000 orang. Kalau pergi pilihan raya tidak jamin boleh menanglah tetapi peminat dia ramai.

Jadi sebab peminat dia ramai itulah kita perlu menggunakan dia untuk bercakap tentang patriotisme. Tidak akan lah dia men'endorse' barang saja tetapi dia tidak men'endorse' negara, tidak men'endorse' perpaduan, tidak men'endorse' penghormatan dan sebagainya. Itu sebab dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua, saya minta lah industri kreatif ini kita 'bracket'kan kan, kita letak patriotisme. Saya tidak ada membantah kartun-kartun, tidak ada membantah, Upin Ipin semua saya tidak membantah. Akan tetapi sejarah kita, perpaduan kita, perjuangan kita, kita kena buat. Kalau bukan ini masanya siapa lagi hendak buat sebab kita-kita ini orang kata 'Rumah suruh pergi, kubur kata mari', *Wallahuaklam* saya tidak tahu. Akan tetapi dalam perkara ini, kesinambungan kita sebagai rakyat Malaysia memang terletak kepada industri kreatif.

■1650

Jadi berbalik kepada negara China, bila hendak pergi buat filem Cina ini semua orang Cina kena jadi hero. Jadi saya pun hendak tengoklah kita bukan cakap tentang filem *Hollywood* dan sebagainya. Akan tetapi saya minta filem *Bollywood*kah apa tidak kisahlah tetapi janganlah industri kreatif ini, saya baru tekan butang ini dalam Suruhanjaya Multimedia saya tekan. Belum apa-apa Tuan Yang di-Pertua sudah keluar, permohonan tidak diterima lagi semuanya sudah terlebih permohonan.

Cuba Tuan Yang di-Pertua bayangkan ya kalau kerajaan menguar-uarkan bantuan kepada penggiat kreatif dan sebagainya kita kena menunjukkan pendekatan galakan positif yang pro aktif iaitu memberi galakan supaya semua orang dapat peluang yang sama. Akan tetapi saya tidak cakaplah FINAS atau siapakah. Akan tetapi saya rasa kadang-kadang orang yang sama sahaja dapat, kroni-kroni sama sahaja dapat. Saya rasa ini bukan menjana kreativiti Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab orang seni ini Tuan Yang di-Pertua ini pelik bin ajaib, yang mana tidak elok, elok bagi dia, yang mana elok tidak elok bagi dia.

Jadi dalam perkara ini saya berharap sangatlah kementerian yang bertanggungjawab dalam Suruhanjaya Komunikasi supaya lebih terbuka. Paling penting saya hendak berkata bahawa setiap elemen kreatif yang dihantar mesti memperjuangkan semangat kebangsaan, mesti memperjuangkan sejarah patriotisme. Ini sebab kalau tidak mereka siapa lagi dan kalau tidak kita bila lagi.

Dalam perkara ini saya hendak menyebut dalam strategi keempat. Saya memang cukup bangga dengan Yang Amat Berhormatlah sebab Yang Amat Berhormat berani bercakap tentang memperkasakan agenda bumiputera. Kali pertama saya rasa dalam bajet, belanjawan negara disebut dalam sidang Parlimen agenda bumiputera. Ini menggambarkan bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan memang memperjuangkan isu bumiputera sebagai salah satu daripada perjuangan ekonomi keperluan rakyat yang disebut dalam Bajet 2015.

Jadi bila kita tengok dalam perkara ini Ekuinas RM600 juta, Accent. Lepas itu RM30 juta – Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPB). Kemudian Teras, kemudian PKS Bumiputera – RM1,050,000 juta, *Restrictor Investment Account* – RM200 juta, Amanah Ikhtiar Malaysia – RM1.8 bilion. Kemudian Modal Insan melalui MARA. Saya tengok ini memang seronoklah Tuan Yang di-Pertua. Terutama sekali bagi generasi muda untuk merebut peluang yang telah ditawarkan.

Akan tetapi saya hendak minta pada Yang Amat Berhormat Menteri Kewanganlah sudah tiba masanya kalau kita betul-betul berani bercakap dalam bajet dalam isu bumiputera kita wujudkan Kementerian Bumiputera. Kita wujudkan Kementerian Usahawan Bumiputera sebagai contoh yang dapat melaksanakan komitmen dalam Belanjawan 2015.

Oleh sebab kita tidak hendak seperti yang saya sebut pada Timbalan Menteri Kewangan Kedua dan saya ucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri Kewangan Kedua. Ini yang mana dia bersetuju bahawa dalam bajet yang begitu banyak kita beri bantuan kepada rakyat kadang-kadang rakyat tidak tahu hendak pergi mana. Kita ini wakil rakyat pun kadang-kadang tidak tahu hendak pergi mana. Ini sebab kita tidak mahu bahawa agensi-agensi dan juga jabatan kerajaan dengan izin, *overlapping*. Kita tidak tahu hendak pergi ke mana, hendak memperjuangkan ke mana. Ini sebab kalau tidak nanti ada pulalah sindiran-sindirani yang sinis seolah-olah kerajaan ini hanya *sign* sahaja MoU, seolah-olah kerajaan ini berucap sahaja tetapi pelaksanaan tidak ada...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Minta laluan.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Jadi bagi saya supaya tidak, dengan izin ya Yang Berhormat Kota Bharu. Saya minta kerajaan kalau boleh supaya tidak kata orang diberi peluang kepada kenyataan sinis oleh mereka-mereka tidak bertanggungjawab. Kerajaan mesti melalui kementerian yang relevan, lebih terbuka, lebih menggalak dan lebih memberikan maklumat yang terperinci kepada bantuan-bantuan yang diberi oleh kerajaan melalui Belanjawan 2015, dengan izin.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Saya tertarik apabila Yang Berhormat Pengerang menyebut perlunya difikirkan oleh pihak kerajaan bagi mempertingkatkan pembangunan ekonomi dan juga beberapa aspek lain untuk bumiputera ini. Perlu kepada satu kementerian bumiputera ataupun yang seumpamanya.

Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Pengerang, kalau kita masih ingat dahulu dalam Kabinet kita ada satu kementerian iaitu Pembangunan Usahawan. Ini yang mana kementerian ini banyak memberi bantuan kepada usahawan terutama bumiputera, membantu golongan usahawan belia dan sebagainya tetapi kementerian itu ditiadakan sekarang ini. Walaupun aspek keusahawanan itu ada ditampilkan di mana-mana kementerian yang lain ianya tidaklah sebagaimana wujudnya satu kementerian yang besar seumpama itu. Mohon pandangan.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu sebagai wakil rakyat pembangkang walaupun suara kepada suara pembangkang tetapi mempunyai roh bumiputera. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Bharu. Ini yang kita hendak tengok kejantanan Yang Berhormat Kota Bharu pada isu bumiputera. Ini yang kita hendak tengok. Bukan *you* hendak ini yang kita hendak, ini yang kita hendak daripada sahabat-sahabat kita yang dekat belah pembangkang ini. Bila bercakap tentang bumiputera kita mesti bersatu suara kerana ini adalah rakyat yang telah dikeluarkan daripada persetujuan semasa proses mendapat kemerdekaan.

Itu sebabnya saya ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kerana berani bersuara dan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Bharu sebab itulah yang kita hendak dengar diwujudkan kementerian yang relevan supaya bumiputera tidak turun naik bas, tidak turun naik *elevator* dekat Putrajaya asyik cari mana kementerian yang relevan. Ini sebab kalau saya ini wakil rakyat tidak tahu mana hendak pergi tidakkanlah rakyat yang hari-hari dekat situ dekat kawasan kita tahu hendak pergi.

Jadi saya minta pada Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kalau betul-betul kita hendak bagi, kita bagilah dua tangan kita. Janganlah satu tangan kita bagi satu tangan kita sembunyi. Ini sebab rakyat hari ini tidak macam dahulu. Rakyat dahulu tidak ada teknologi maklumat semua dia tidak tahu. Rakyat hari ini kepintaran dia itu begitu ajaib yang kadang-kadang mereka sentiasa ditolak dan digelapkan pemandangan dan dipekatkan pendengaran oleh mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: [Bangun]

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Silakan sahabat saya Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ini bukan Yuna, ini okey [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Pengerang peruntukan-peruntukan untuk bumiputera ini bukanlah baru. Malah saban tahun disebutkan secara langsung atau tidak langsung oleh kerajaan. Akan tetapi kalau kita tengok kebanyakan hampir 80% Menteri-Menteri dalam Kabinet adalah Menteri Melayu. Hampir 80% KSU-KSU dan TKSU adalah Melayu. Pengarah-Pengarah dalam jabatan-jabatan kerajaan adalah Melayu. Pegawai-pegawai hampir 80% Melayu. Soalannya di sini kenapa dalam keadaan ini pun, dalam keadaan kita hampir *control* Melayu dan bumiputera itu tercicir jauh. Di mana masalahnya? Terima kasih Yang Berhormat Pengerang.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Sungai Petani kata tercicir jauh saya tidak begitu setuju. Saya rasa Melayu telah maju sebab Melayu memang ramai sudah berjaya. Isu yang saya tengok dan saya hendak sebut ini ialah bila kita hendak meneruskan galakan bantuan kepada bumiputera yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam pembentangan bajet ialah menunjukkan

satu keberanian bagi Kerajaan Barisan Nasional bahawa bumiputera perlu terus diberikan bantuan.

Kedua yang saya hendak nyatakan di sini bahawa kalau hendak beri bantuan kepada bumiputera kita perlu mewujudkan kembali yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Petani dan juga Yang Berhormat Kota Bharu Kementerian Usahawan. Kita tambah Kementerian Usahawan Bumiputera dan rakyat lain tidak boleh marah sebab memang bumiputera bukan hanya kerana memerlukan bantuan tetapi lebih kepada kesinambungan supaya bantuan ini menjadi suatu bantuan yang lebih menyerlah dan kita nampak.

Itu sebabnya kalau kita tengok kepada bajet-bajet yang sebelum ini Bajet 2014, Bajet 2013, Bajet 2012 dan sebagainya tidak disebut. Selalunya yang dilihat perjuangan bumiputera itu sebagai dilihat sebagai *silent factor*, dengan izin. Maknanya dalam bacaan disebabkan oleh Perlembagaan yang telah menuliskan tentang hak orang Melayu. Akan tetapi hari ini dalam agenda yang hendak memperjuangkan bumiputera saya minta kepada kementerian relevan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kena lebih bukan tulus tetapi lebih kepada mewujudkan satu galakan yang lebih senang dikenali dan senang didapati khasnya kepada golongan bumiputera, khasnya kepada generasi muda bumiputera.

Dengan izin saya hendak tambah kemudiannya dalam strategi yang seterusnya. Saya tengok kepada martabatkan peranan wanita. Saya memang cukup banggalah dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Saya tengok tentang memperkukuh Program Pengarah Wanita, *1Malaysia Support for Housewife, Women Career Comeback*, macam-macam. Hanya Amanah Ikhtiar sahaja, AIM sahaja disebutkan RM30 juta yang lain itu tidak adanya tulisan dari segi aspek kewangan. Tidak adanya saya tengok kepada kementerian relevan yang mana, tidak semestinya di bawah Kementerian Wanita. Akan tetapi itu sebabnya saya hendak tengok kalau kita katakan galakan 30% wanita dalam pembuat keputusan saya hendak minta kerajaan supaya lebih peka dan mewujudkan satu insentif cukai sebagai contoh.

Kalau adanya 30% ke atas ada Pengarah wanita kita bagi insentif cukai supaya syarikat tersebut mendapat kelebihan. Kalau tidak dia tidak akan letak sebab tidak adanya *pull and push factor* dengan izin. Ini sebabnya kita tidak mengata kepada mereka bahawa kerajaan hendak menggalak. Setakat hendak menguar-uarkan sahaja saya rasa kita pada tahun 2014 hendak menuju ke tahun 2015 kita tidak perlu lagi uar-uar. Kita hendak tengok satu kenyataan hak asasi bukan dengan izin, bukan hak asasi tetapi lebih kepada hak yang menyuruh mengatakan ya kita hendak 30% wanita dalam Lembaga Pengarah. Bukan sahaja syarikat GLC kerajaan tetapi semua syarikat dan diberinya insentif cukai supaya menggalakkan ramai wanita terlibat dalam perniagaan menjadi Pengarah Syarikat.

Jadi saya hendak mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Pengerang boleh gulung.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Dua *point* sahaja Tuan Yang di-Pertua. Dua *point* sahaja. Saya hendak cakap dua *point* yang paling penting pada hari ini dalam semua kenyataan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya ringkaskan.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Saya hendak minta kerajaan letak 30% yang sama kepada wanita dalam kepimpinan Parlimen. Saya minta 30% sahaja.

■1700

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Janganlah sibuk Yang Berhormat Seputeh. 30% saya minta supaya kerajaan letak sebagai rang undang-undang sebab kalau kita tidak bolehlah...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tengok sebelah sana Kabinet berapa wanita di Kabinet.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Biarlah saya cakap. *The floor is mine.*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya sokong, saya sokong Yang Berhormat.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Exco Selangor kurang wanita. Di sini Timbalan Speaker saya hendak cakap sana kita tengok negara-negara, negara Filipina kenapa kita tengok negara Filipina? Dia letak, dia bercakap tentang *electoral law* supaya wanita itu dalam proses. Saya hendak mintaklah kalau boleh kerajaan jangan 30% itu hanya pengarah wanita sahaja dalam syarikat. Saya minta 30% dalam kerusi politik, Dewan Undangan Negeri, Dewan Parlimen, saya minta dalam kerajaan tempatan dan saya hendak minta kalau boleh Ketua Kampung itu ada pula 30% wanita di dalam JKKK.

Kadang-kadang orang kata kepada saya mana boleh Ketua Kampung itu orang perempuan sebab kadang-kadang Ketua Kampung itu kadang-kadang dia jadi imam tetapi saya tengoklah dalam masyarakat yang bukannya Islam sebagai contoh, kita letak. Jangan hanya berhenti dalam aspek Lembaga Pengarah. Kenapa tidak boleh wanita dalam politik, wanita dalam kepimpinan, wanita dalam kerajaan tempatan, wanita dalam kawasan-kawasan pendalaman, jawatan-jawatan JKK dan sebagainya? 30% itu *all the way down*, dengan izin, *all the way up*, dengan izin, kalau boleh Timbalan Speaker.

Itulah saya minta kepada kerajaan dan saya hendak minta Menteri Wanita biarlah lebih agresif sedikit. Janganlah setakat kita ini menjadi penyeri, tidak boleh. Bila hendak memperjuangkan wanita banyak isu wanita belum selesai. Hak wanita, kezaliman kah, *domestic violence* semua mesti di uar-uarkan oleh Kementerian Wanita. Kita hendak tengok kementerian Menteri yang ada dua sahaja Menteri Undang-undang yang Menteri Wanita dua sahaja mesti berani bersuara untuk wanita. Takkanlah hendak kami yang bercakap, kami ini *back-bench*, dia *front-bench*.

Jadi janganlah Menteri Kewangan yang bercakap tentang wanita 30%, kita hendak kedudukan politik 30% bagi wanita. Kalau itulah keberanian Menteri Wanita dan Menteri Undang-undang, saya cabar sebagai Pengerusi Wanita, *Caucus* Wanita Parlimen saya cabar. Bukan sebagai Ahli Parlimen Pengerang tetapi Pengerusi *Caucus* Wanita Parlimen Malaysia saya mencabar Menteri Undang-undang dan Menteri Wanita.

Tolong lebih bersuara dan lebih garang dalam isu wanita kerana wanita seperti kata Yang Berhormat Lenggong, sahabat saya berkata orang perempuan ramai sudah yang belajar kat universiti, orang perempuan semua sudah pandai, orang perempuan semua sudah memimpin. Ramai KSU dengan Ketua Pengarah Jabatan semuanya wanita kenapa tidak di politik? Saya tidak tahulah Timbalan Speaker tetapi saya minta kalau boleh mintalah dua Menteri Kabinet ini uar-uarkan lebih ramai yang boleh bersuara untuk memperjuangkan wanita. Dengan itu Timbalan Speaker, Pengerang menyokong Bajet 2015. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Kuala Terengganu.

5.03 ptg.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Timbalan Yang di-Pertua, saya mohon ambil bahagian dalam Perbahasan Bajet 2015. Perdana Menteri pada 10 Oktober dalam ucapan beliau menyentuh tentang hasrat Malaysia menjadi, "*high income advanced economy* menjelang 2020", dengan izin seperti Korea dan Taiwan yang pernah didahului oleh Malaysia tidak berapa lama dahulu.

Program transformasi ekonomi menyasarkan peningkatan pendapatan negara kasar per kapita kepada USD15,000 menjelang 2020 sementara pencapaian semasa adalah USD10,060. Persoalannya, adakah memadai kita mencapai *target* USD15,000 per kapita sementara soal pembahagian pendapatan sama rata serta jurang perbezaan besar di antara yang kaya dan yang miskin ini terus berkekalan? Daripada menjadi *high income nation* seperti disebut oleh Perdana Menteri, baiklah kita menjadi *good income distribution nation*, dengan izin.

Mengikut laporan tahunan Amanah Saham Bumiputera tahun 2013, 72% pelabur mempunyai pelaburan RM500 sementara 0.2% pelabur teratas mempunyai RM725,000 atau 1,300 kali ganda lebih banyak. Mengikut penyelidikan Dr. Muhammed Abdul Khalid dalam buku beliau, *The Color of Inequality*, hampir 90% rakyat Malaysia tidak mempunyai simpanan wang tetap, *zero saving* dan 66% tidak mempunyai apa-apa aset pelaburan atau *investment asset*. Dr. Mohammed Khalid juga menyatakan Malaysia sepatutnya berhati-hati kerana jurang perbezaan pendapatan atau *increasing wealth inequality* adalah di antara yang tertinggi di Asia. Malangnya isu ini sangat kurang dibahaskan walaupun masalah ini menjadi lebih ketara.

Bagi keseluruhan pembahagian pemegang kekayaan rakyat, 40% yang termiskin memiliki kurang dari 7% jumlah keseluruhan kekayaan isi rumah atau *household wealth*. Di kalangan 10% rakyat terkaya pula, mereka memiliki 40% pembahagian kekayaan ataupun *wealth distribution*. Dengan gambaran keadaan tersebut, apakah maknanya jika kita dapat mencapai angka USD15,000 per kapita sebelum 2020 dengan munculnya 20 orang lagi super kaya seperti Tan Sri Syed Mokhtar, Tan Sri Francis, dan Tan Sri Vincent Tan dan sebagainya jika kekayaan terus tertumpu dan berlegar dalam tangan hanya segelintir usahawan? Rakyat umum masih lagi bergelut dengan masalah pendapatan harian.

Di negara maju Tuan Yang di-Pertua, 75% keuntungan syarikat disalurkan kepada pekerja sementara 25% kembali kepada syarikat tetapi di Malaysia sebaliknya 25% keuntungan pekerja dan 75% diambil oleh syarikat. Bagaimanakah jurang perbezaan ini akan dapat dirapatkan? Pungutan pendapat orang ramai baru-baru ini menyatakan isu kenaikan kos sara hidup adalah masalah utama.

Pertumbuhan ekonomi sahaja tidak dapat mengatasi masalah *inequality*, ketidaksamaan pengagihan pendapatan serta kekayaan. Yang Berhormat Kalabakan tadi dalam ucapannya setuju bahawasanya *inequality* ini sangat ketara di Sabah dan juga di Sarawak. Satu isu yang menyedihkan berlaku di Kemaman, Terengganu di mana seorang ibu tunggal bersama anak-anaknya tinggal di dalam rumah kotak diperbuat daripada kepingan kotak kadkod yang dibuat untuk TV dan peti sejuk bersebelahan Kompleks Proses Minyak dan Gas canggi Petronas yang kosnya beratus-ratus juta.

Itulah nasib orang Terengganu yang dikenali sebagai Kuwait, Malaysia. Pada pilihan raya Pengkalan Kubur baru-baru ini pula kita dikejutkan berita bahawa Terengganu bersama Kelantan tidak ada minyak pula. Jadi kita hendak tahu, selama ini minyak dan gas yang diproses oleh Petronas di Paka dan Kerteh dari mana? Adakah dibawa daripada Iraq, dari Rusia atau dari mana? Sudah 40 tahun industri ini berjalan.

Menjadi negara maju berpendapatan tinggi bukan hanya tentang mencapai USD15,000 per kapita. Negara yang maju dalam erti sebenarnya perlu mempunyai ciri-ciri lain juga yang penting seperti dengan izin, *inclusion*, *innovation* dan *strong institution*. Pertama tentang *inclusivity* termasuklah *welfare* atau kebajikan semua rakyat awam yang dibela dengan baik. Jika jurang perbezaan pendapatan rakyat masih ketara dan pembahagian pendapatan masih tidak seimbang, kriteria *inclusion* ini untuk negara maju masih tidak dipenuhi seperti di bentang awal tadi.

Kedua, berkenaan inovasi.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena bangun. Sila.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Kuala Terengganu. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi iaitu angka-angka dan data-data yang diperoleh daripada Muhammed Khalid itu juga. adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kegelisahan apa yang berlaku dari segi pengagihan ketidaksamarataan ini bukan hanya berlegar kepada pakar-pakar ekonomi ataupun penemuan daripada pelbagai golongan ini tetapi juga hari ini menunjukkan bahawa pihak orang seperti mana Ke Bawah Duli Tuanku Sultan Perak juga telah meluahkan rasa kegelisahan akibat daripada ketidaksamarataan pengagihan kekayaan dalam negara kita ini sehingga menyeru pihak Putrajaya supaya menghentikan budaya sindrom penafian ini terhadap wujudnya pengagihan kekayaan yang tidak sama rata sewaktu beliau berucap dalam hari 47 tahun SPRM diwujudkan di negara kita ini.

■1710

Malah kalau kita lihat daripada permintaan Presiden CUEPACS agar bank-bank membekalkan lebih banyak not ataupun kepingan wang RM10 dalam mesin ATM, ini menunjukkan bahawa sebilangan pemilik kad ATM ini tidak pun mempunyai baki RM50 dalam akaun mereka. Oleh sebab itu dia minta diperbanyakkan sebab kebanyakan bank ini dia letak duit RM50 paling kecil. Jadi, ini menunjukkan bagaimana keperitan hidup yang sedang dihadapi oleh rakyat sehingga istana sendiri, Ke Bawah Duli Tuanku Sultan Perak sendiri meluahkan dan meminta kerajaan hentikan budaya menafikan ketidaksamaraan ini.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Memang betul, *denial syndrome* memang telah menjadi satu kebiasaan di negara kita ini, bukan hanya di kalangan pemerintah tetapi juga di kalangan orang-orang biasa. Dr. Khalid ini ada menyebut tentang jenayah sindrom ini sehingga isu-isu ini tidak digalakkan untuk di bincang dan kurang perbincangannya. Doktor ini daripada ISIS dan beliau merupakan salah seorang daripada penyelidik yang terkenal. Itulah yang menjadi masalah kita. Kita tidak ingin menghadapi masalah sebenar, *we are in constant denial situation* dan lari daripada menghadapi tanggungjawab sebenarnya.

Saya sambung tentang inovasi iaitu tentang kebebasan di institusi pengajian tinggi, di mana disekat dengan pelajar dan pensyarah dikekang dan dikawal ketat. Kriteria ini adalah sesuai dan perlu untuk negara maju. Sekatan ke atas mahasiswa, didakwa Akta Hasutan seperti Adam Adli dan juga Safwan Anang adalah contoh bagaimana keterbukaan ke arah ini tidak boleh dicapai. Mereka adalah simbol anak muda generasi 2020. Mereka patut di *manage* ataupun diurus. Bukan ditangkap atau dipenjarakan. Kebebasan ke atas hak bersuara secara akademik oleh pensyarah seperti Profesor Azmi Sharom yang didakwa juga di bawah Akta Hasutan adalah contoh bahawasanya institusi pengajian tinggi kita tidak menggalakkan kebebasan. Paling menyedihkan ranking-ranking universiti tempatan yang terus jatuh terkeluar daripada 300 tertinggi dan baru-baru ini pula Universiti Malaya dan UKM tidak lagi mahu mengambil bahagian di dalam ranking tersebut. Ini amatlah menyedihkan dan ramai mahasiswa yang menyatakan ketidakpuasan hati mereka terhadap sikap begini rupa.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, mempunyai institusi yang berintegriti adalah penting di dalam negara yang maju dan bidang perundangan atau mahkamah adalah salah satu institusi yang menyuburkan roh negara maju dalam erti kata sebenarnya. Penggunaan Akta Hasutan ke atas pensyarah undang-undang seperti Doktor Aziz Bari adalah tidak konsisten dengan sebuah negara yang ingin menjadi negara maju. Pertama, Akta Hasutan adalah akta 'kolonial' kuno sebelum merdeka lagi, yang tidak lagi digunakan di negara asalnya iaitu Britain atau di mana-mana negara maju lain. Apabila seseorang profesor undang-undang seperti Profesor Aziz Bari didakwa kerana memberi pandangan akademik kepada pelajar dan orang awam yang ingin memahami perlembagaan negara, ini sangatlah tidak konsisten dengan ciri-ciri serta roh negara maju.

Menyentuh tentang *Sedition Act* atau Akta Hasutan, saya ingin menyebut di sini jika kita sebagai contoh, jika kita sayang seseorang seperti saudara kita atau sesuatu institusi, kita patutlah memberi pandangan jika kelihatan ada yang perlu diperbetulkan. Contohnya lagi, jika ayah kita berhasrat bersungguh-sungguh hendak balik kampung menggunakan jalan raya yang lama yang kita tahu rosak dan berbahaya, menjadi kewajipan kita memberi pandangan dan bukanlah derhaka berbuat demikian kepada ayah kita. Itulah tanda sayang sebenar.

Sama jugalah dengan pensyarah-pensyarah yang memberi pandangan undang-undang dan penjelasan perlembagaan negara kita. Tidak kira ia melibatkan Kerajaan Malaysia, institusi perundangan atau Institusi Diraja sekalipun apatah lagi Malaysia yang mempunyai sembilan Institusi Diraja dari sembilan negeri yang berlainan dengan sembilan perlembagaan yang berbeza yang perlu diperjelaskan dari sudut undang-undang kepada rakyat. Dengan cara itulah demokrasi boleh subur dan negara boleh menjadi negara maju dalam erti kata sebenarnya serta menjadi matang dalam erti kata dan dihormati dunia luar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Perdana Menteri ada menyebut hadis yang menyatakan bahawa roh seseorang mukmin itu tergantung-gantung dengan sebab berhutang. Kita semua setuju. Ingatan perlu diberi kepada mereka yang berkenaan tetapi ironinya di sini, Kerajaan Malaysia perlu diingatkan tentang hutang kepada negeri Kelantan

dari royalti minyaknya. Ironinya lagi, roh perjanjian ini dibuat oleh Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia Kedua iaitu bapa kepada Perdana Menteri sekarang di mana pada jawapan di Parlimen kepada Yang Berhormat Lim Kit Siang pada 15 November 1974, Allahyarham telah menyatakan, saya *quote*, “*Tiap-tiap negeri akan menerima 5% daripada nilai petroleum yang dijumpai dan diperoleh dalam kawasan perairan atau di luar perairan negeri tersebut*”. Inilah roh perjanjian tersebut dan Tengku Razaleigh Hamzah dan juga Tun Salleh Abas telah memberi sokongan kuat kepada tuntutan negara dan negeri-negeri ini. Ini boleh disemak dalam *Hansard* Parlimen tahun 1974.

Sebagai buktinya lagi, kita ada salinan surat daripada Petronas bertarikh 14 Jun 1978 yang ditandatangani oleh Tan Sri Abdul Kadir bin Shamsudin yang mana menyatakan *check* bernilai RM5.7 juta kepada Kerajaan Negeri Terengganu yang menyebut ini adalah merupakan perjanjian royalti kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Perkataan royalti digunakan dan kita juga ada surat daripada SUK atau pada masa itu Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Setiawangsa yang menyambut atau memperakui menerima bayaran sebanyak RM5.7 juta tersebut.

Akan tetapi kerana apakah kita masih tidak mengiktiraf situasi tersebut? Di dalam Islam, ada ayat yang mengatakan... [*Berucap dalam bahasa Arab*] Di mana seseorang yang beriman itu patutlah menunaikan janjinya dengan sepenuh hatinya, bukanlah hanya mengambil syarat dan perlulah kerajaan memikirkan tentang tanggungjawabnya kepada negeri-negeri di bawah pemerintahannya. Selepas tahun 1974, Kerajaan Malaysia berdolak-dalik seperti dengan Terengganu tahun 1974. Mula-mula dipanggil royalti minyak, selepas itu dipanggil wang ihsan, selepas itu dipanggil dana khas dan selepas itu dipanggil pula wang ihsan dan pada tahun 2014, di Pengkalan Kubor, dikatakan tidak ada minyak pula. Sudahlah hutang Kelantan tidak bayar sesen pun, dosa berbohong pula dilakukan di Pengkalan Kubor.

Tidakkah kerajaan sayang kepada tokoh-tokoh rapat dengan kerajaan yang lain yang berhutang dengan kerajaan? Kalau kita hendak gunakan apa yang telah disebut oleh Perdana Menteri tentang hutang dan tanggungjawab yang berhutang. Kerajaan Malaysia perlu mengingatkan hadis ini kepada bekas Menteri Kabinet yang terlibat dengan Nasional Feed Lot, projek lembu ternakan. Mengambil pinjaman sebanyak RM250 juta yang harus dibayar.

Patut diingatkan juga seorang lagi tokoh korporat yang rapat dengan kerajaan yang pernah menerajui MAS iaitu Tan Sri Tajudin Ramli yang diberitakan berhutang dengan MAS sebanyak RM600 juta. Cara penyelesaian hutang tersebut sehingga hari ini menjadi misteri- misteri Nusantara. Bukan sahaja hutang MAS ini tidak dituntut sepenuhnya, kita tahu tidak beberapa hari selepas seorang pengurus besar MAS yang telah mengambil tindakan undang-undang terhadap Tan Sri Tajudin untuk hutang MAS tadi telah ditukar dari jawatannya. Surat arahan dari Kerajaan Malaysia telah dikeluarkan untuk menarik balik saman tersebut. Kenapa? Kenapa begitu cepat dan kenapa ditarik balik dan kenapa hutang tersebut tidak dijelaskan dan cara penyelesaiannya sehingga hari ini tidak diberitahu.

■1720

Dalam situasi ini, siapakah yang akan bertanggungjawab menanggung dosa hutang tersebut? Tan Sri Tajudin ataupun kerajaan yang menarik balik saman tersebut? Dalam masa yang sama, anehnya peminjam-peminjam PTPTN dikejar dan diambil tindakan *blacklist* pinjaman-pinjaman lain, dihalang keluar negara atas pinjaman pelajaran mereka jumlah berapa ribu sahaja.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, isu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya, sila Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Fasal isu berkaitan dengan hutang bekas tuan punya MAS, Tan Sri Tajudin Ramli tadi. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sebelum daripada kerajaan menstrukturkan semula MAS yang telah pun di umum dengan 12 pakej yang telah dibuat oleh kerajaan baru-baru ini, sewajarnya kerajaan harus mengambil langkah-langkah yang wajar untuk memastikan supaya segala pengurusan, penyelewengan yang berlaku dalam MAS itu perlu dibuat satu siasatan, untuk berlaku adil kepada masyarakat dan rakyat negara Malaysia.

Akan tetapi apa yang berlaku pada hari ini kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan *new company*, dengan izin, maknanya syarikat baru pada tahun yang akan datang ini. Sudah tentu bahawa hutang lama itu akan dipindahkan. Segala hutang ataupun beban liabiliti yang lama itu akan dikekalkan dalam syarikat yang lama ini. Sudah tentu sekali lagi kerajaan akan menanggung kerugian yang besar seperti mana yang pernah dibuat iaitu mewujudkan macam dana harta untuk mengambil alih hutang-hutang yang telah pun- hutang-hutang dan segala liabiliti masalah yang ditanggung akibat daripada salah urus penyelewengan yang berlaku dalam MAS.

Jadi, kalau kita lihat bahawa Khazanah telah melabur RM5.1 bilion selama ini dalam pengambilan semula MAS. Hari ini sekali lagi kita hendak tambah RM6 bilion lagi yang belum tentu pasti akan ada keuntungan kalau cara pengurusan yang sebegini rupa. Yang Berhormat bersetuju?

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Ya, saya amat bersetuju masalah di sini adalah *good governance* atau ketelusan dan amanah dalam menjalankan pengurusan MAS. Baru-baru ini di dalam akhbar dikatakan ura-ura pengurus besar daripada luar negara, seorang warga antarabangsa dan sebagainya. Pada kita, saya rasa kalau tiada *good governance* dan banyak campur tangan berterusan, tidak kira orang daripada bulankah daripada Marikhkah, tidak akan dapat menyelamatkan MAS. Isunya adalah *good governance*, itulah perkara pokoknya. Kes Tan Sri Tajudin tadi hanyalah satu contoh. Kita tahu lagi catering yang diberi sehingga 25 tahun, berbilion-bilion, adalah satu praktis yang tidak sihat. Baik saya teruskan tentang PTPTN tadi, tentang pelajar-pelajar yang dikejar hanya untuk pinjaman belas ribu sahaja.

Sementara pinjaman ratus juta VVIP dan orang berkenaan diberi kelonggaran, ini adalah satu perkara yang tidak sihat. Di mana sebahagian daripada wang pinjaman ini pula kita ketahui telah dibawa keluar negara di luar kawalan dan *jurisdiction* Malaysia. Di manakah sifat timbang rasa kerajaan terhadap graduan-graduan yang baru mahu mula hidup, mencari kerja, mencari rumah, beli kereta selepas tamat belajar dalam keadaan kurang mampu. Akan tetapi tokoh korporat dan VVIP diberi keistimewaan, kelonggaran hutang beratus juta. Nasihat ini patutlah diberi kepada semua pihak tidak kira darjat, pangkat dan kedudukan. Bukan cara terpilih atau selektif.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang nasib nelayan yang telah disebut oleh Perdana Menteri tentang bantuan pembangunan dan kebajikan nelayan yang kami sambut baik bantuan kenaikan elaun dan bantuan rumah nelayan. Ini sudah tentu akan membantu hidup nelayan. Akan tetapi apa yang patut diberi perhatian utama juga adalah masalah besar cara mereka mencari rezeki mereka. Ini adalah masalah pantai timur berkaitan bot serta nelayan Vietnam yang bermasalah baik di laut atau di darat.

Masalah bot Vietnam yang lebih besar mencerooboh kawasan Malaysia dan merosakkan perangkap ikan dengan penggunaan pukut tunda secara haram telah lama berlaku. Bot-bot Vietnam ini bersama anak kapal Vietnam menggunakan lesen bot tempatan dengan VVIP yang berpusat di Kuala Lumpur. Ada juga komplot menggunakan bot di bawah lesen bot kargo digunakan bagi operasi pukut tunda yang bekerjasama menangkap ikan secara haram. Lesen bot perikanan dan kargo dikeluarkan di bawah orang-orang kenamaan tempatan Malaysia yang mempunyai *network* hebat yang mengelak penangkapan dan perhukuman.

Ini menyebabkan kerugian tinggi kepada nelayan-nelayan tempatan yang sudahlah miskin dan menghadapi satu cara hidup yang amat *subsistence*. Pada waktu nelayan negara China...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Boleh jelas tidak? Sikit hendak tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya amat setuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu dan saya percaya kementerian pun memang sudah ambil tindakan tegas. Tadi Yang Berhormat, fasal MAS Yang Berhormat ada sebut nama. Beberapa orang tadi pun Yang Berhormat ada sebut nama. Boleh tidak sebut nama VVIP yang dapat lesen laut dalam ini, yang duduk di Kuala Lumpur tetapi jual

dekat luar. Kalau boleh ada nama, Menteri ada di situ, saya yakin mesti kita akan ambil tindakan, batalkan lesen ini. Jadi, kena spesifik, mudah kita ambil tindakan.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Ya, *unfortunately* kita tidak ada *detail-detail* tetapi kita memang mengetahui daripada banyak sumber tetapi banyak pihak tidak berani menyatakan siapakah di belakang isu ini. Jadi, kalau saya teruskan sedikit lagi saya rasa cerita ini akan menjadi lebih jelas.

Pada waktu nelayan negara China menceroboh perairan Vietnam dengan bot-bot besar mereka, bot Vietnam pula menceroboh perairan Malaysia dengan mengurangkan tangkapan nelayan tempatan yang makin tertekan. Pernah juga berlaku keganasan di laut mengancam perairan Malaysia. Masalah nelayan Vietnam telah merebak ke tanah besar pantai timur Malaysia. Di mana warganegara Vietnam keluar masuk bebas dari pelabuhan kita seperti Pelabuhan Chendering di Terengganu tanpa kawalan atau pemantauan.

Lawatan saya ke Pelabuhan Chendering baru-baru ini menyaksikan anak-anak kapal Vietnam dengan bebas turun bot dan terus bebas ke mana sahaja di tanah besar. Paling mengejutkan adalah insiden pasukan bola sepak warga Vietnam ini beraksi di Pantai Chendering, di mana orang kampung telah menyangka Sukan Olimpik Antarabangsa telah tiba di Terengganu. Macam mana ini? Dengan laporan orang kampung, pihak berkuasa telah bertindak menangkap pasukan bola sepak Vietnam yang berpesta tanpa pasport atau kebenaran Imigresen. Inilah tahap pencerobohan dan telah dinodai kemerdekaan dan kedaulatan negara kita dengan orang-orang asing ini dibenarkan bebas.

Bagaimana perkara-perkara ini boleh berlaku di negara berdaulat seperti Malaysia. Warga Vietnam bebas bergerak dari pelabuhan ke pasar raya *Mydin* seperti orang biasa tanpa kawalan. Insiden kecurian ayam, kambing di kampung-kampung telah menjadi kebiasaan kebelakangan ini. Kami mohon pihak kerajaan memberi perhatian masalah warga Malaysia tempatan baik di laut terbuka atau di tanah besar. Adakah ini petanda senario awal situasi kebebasan yang orang asing berleluasa seperti di Lahad Datu, Sabah akan berlaku dan menjadi lebih buruk di pantai timur Semenanjung Malaysia. Ini adalah masalah semasa warga nelayan yang perlu tindakan.

Jawapan kerajaan, soal kedaulatan, kebebasan warganegara Vietnam bebas masuk dan merdeka di laut adalah satu isu yang perlu diatasi dengan segera. Satu lagi saya ingin menyentuh adalah tentang apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri untuk menggalakkan usaha bumiputera untuk berkembang di dalam industri. Saya rasa di bidang pelancongan, di Pantai Timur terutamanya di Terengganu dan Kelantan, pengusaha-pengusaha kraf tidak diberi keutamaan atau perhatian seperti sepatutnya. Contohnya, mereka-mereka yang telah dipindahkan daripada perkampungan mereka, tidak diberi kawasan atau tempat sesuai untuk meneruskan industri songket, tembaga dan sebagainya. Di mana mereka telah menjadi usahawan yang begitu berjaya di dalam bidang tersebut. Kalau kita tengok di Itali pun, kasut Itali yang begitu mahal dan begitu terkenal, mula dengan *cottage industry* dan hari ini merupakan salah satu daripada *exclusive business* yang menjadi permintaan ramai. Tidak ada sebabnya para-para *craftsman* kita di kampung-kampung di Terengganu dan Kelantan tidak boleh maju seperti mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, boleh gulung.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Akan tetapi kenapakah tidak ada bantuan yang telah diberi. Akhir kata, sekali lagi menjelang tahun 2020, Malaysia perlu bukan hanya mencapai USD15,000 per kapita tetapi perlu juga menepati kriteria lain sebuah negara maju yang progresif dari segi sikap.

■1730

Bukan hanya pendapatan kewangan perlu dinaikkan tetapi pengagihan kekayaan yang lebih adil dan merapatkan jurang di antara yang miskin dan yang kaya perlu diperkemas lagi. Negara Malaysia memanglah kaya. Kekayaan negara janganlah hanya berlegar dan tertumpu di kalangan terpilih sahaja yang amat kaya. Ketidaksamaan pengagihan kekayaan dan pendapatan perlu diatasi demi kesejahteraan untuk semua. Begitulah juga dengan keadilan. Keadilan adalah untuk semua, bukan cara terpilih. *Justice for all*. Sekian, semoga diberi pertimbangan, dan terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Parit.

5.30 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya mengucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan Bajet 2015 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Jumaat minggu lalu.

Bagi maksud itu, saya mengucapkan tahniah dan syabas serta penghargaan yang tinggi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan satu bajet yang sangat menyeluruh, lengkap dan komprehensif serta merangkumi segenap aspek kehidupan dalam rangka membentuk ekonomi negara yang lebih positif dan berkembang. Di samping tidak melupakan soal-soal kebajikan rakyat di mana bajet ini pun dinamakan secara khususnya ekonomi keperluan rakyat yang pula mengandungi tujuh strategi utama.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mulakan ucapan saya dengan memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT. Ini kerana sewaktu pembentangan bajet, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meluluskan pembinaan sebuah hospital baru di Iskandar iaitu dalam kawasan Parlimen Parit yang saya wakili. Sesungguhnya dengan pengumuman tersebut telah memenuhi kehendak seluruh rakyat kawasan Parlimen Parit yang telah menunggu dengan penuh sabar sejak sebutan pertama dibuat pada tahun 2008 yang lalu. Mewakili seluruh rakyat dalam Parlimen Parit, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan *insya-Allah*, Parit akan kekal bersama Barisan Nasional [*Tepuk*]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua saya hendak sebut ialah tentang Program Kedai Rakyat 1Malaysia. Sesungguhnya program ini merupakan satu program yang cukup cantik, cukup baik dan merupakan langkah tepat dan betul bagi membantu rakyat berpendapatan rendah untuk memenuhi barang-barang keperluan masing-masing. Sehingga kini, umpamanya di tempat saya telah memulakan Kedai Rakyat 1Malaysia pada 27 hari bulan Jun yang lalu dan *alhamdulillah*, mendapat sambutan yang cukup baik. Begitu ramai sekali pelanggan berpusu-pusu datang beli barang dan dalam lima hari pertama kedai ini dibuka lebih kurang pendapatannya seperti berikut:

Hari pertama	- RM19,648
Hari kedua	- RM19,075
Hari ketiga	- RM13,441
Hari keempat	- RM9,772
Hari kelima	- RM8,860

Nampak daripada mula RM19,000, hari kelima RM8,000. Kenapa ia berlaku Tuan Yang di-Pertua? Ini kerana didapati barang yang dibekalkan di Kedai Rakyat 1Malaysia itu tidak mencukupi. Tidak cukup barang. Beras, gula, bawang dan barang-barang keperluan tidak mencukupi. Ini menyebabkan jualannya berkurangan. Cadangan saya oleh kerana kedai ini merupakan kedai yang amat gemar dikunjungi oleh rakyat, maka saya mencadangkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk mengambil langkah-langkah sewajarnya iaitu menentukan supaya semua barang keperluan rakyat ini mencukupi pada setiap masa supaya barang-barang ini tidak kehabisan stok bila hari-hari tertentu.

Bagi maksud itu saya hendak mencadangkan oleh kerana pada hari ini kedai ini dibekalkan oleh satu syarikat sahaja iaitu secara monopoli. Maka, dengan itu saya mencadangkan supaya dibuka peluang dan ruang kepada syarikat-syarikat lain untuk turut membekalkan barang-barang keperluan itu di Kedai Rakyat 1Malaysia. Sebab Tuan Yang di-Pertua, umpamanya orang di Parit memberitahu saya, kalau dahulu dia kata dia

berbelanja sebulan barang-barang yang sama RM500 hingga RM600 sebulan. Akan tetapi dengan dia beli barang yang sama di Kedai Rakyat 1Malaysia dia telah dapat berjimat belanjanya RM300 hingga RM400 sahaja. Itu satu penjimatan yang cukup baik. Jadi, kerana itu kementerian harus menumpukan supaya kekurangan stok-stok barangan ini dapat diperbaiki, dapat diperbetulkan pada masa hadapan. Umpamanya, katalah bawang besar dan bawang kecil. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani boleh memberikan AP kepada mana-mana syarikat untuk terus meluluskan pembelian secara terus dan mereka membekalkan kepada Kedai Rakyat 1Malaysia.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya barangan tidak mencukupi di Kedai-kedai Rakyat 1Malaysia, orang ramai akan marah. Bila marah, marah kepada kerajaan. Bila marah kepada kerajaan, kesannya tidak elok. Esok deme tidak hendak menyokong lagi Kerajaan Barisan Nasional. Walhal projek ini projek Kerajaan Barisan Nasional. Jadi, sekali lagi saya minta kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya kepada Kedai Rakyat 1Malaysia ini.

Perkara ketiga saya hendak sebut ialah...

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Parit, minta sedikit laluan.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Sila Yang Berhormat Bukit Gantang.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bersetuju atau tidak Yang Berhormat Parit, kerana sekarang ini Kedai Rakyat 1Malaysia ini dia boleh jual dengan harga tersebut kerana mendapat subsidi daripada kerajaan. Masalah yang berlaku ialah semua rakyat yang berpendapatan tinggi pun boleh beli di situ termasuklah kita daripada Ahli Parlimen ini ataupun yang daripada DG48 ataupun DG52 boleh beli. Apakah pandangan Yang Berhormat Parit, supaya subsidi ini tersasar, dapat hanya dikeluarkan kad khas kepada mereka yang benar-benar untuk beli. Saya bimbang juga di kalangan pendatang-pendatang asing ataupun pekerja-pekerja asing di sekitar Parit itu atau Bandar Seri Iskandar yang boleh membeli. Sedangkan barang tersebut ialah barang hasil daripada subsidi rakyat, tiba-tiba boleh dibeli oleh semua peringkat. Minta penjelasan.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Parit. Saya cuma ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Parit. Setujukah Yang Berhormat Parit kalau saya nyatakan di sini tentang untuk memastikan Kedai Rakyat 1Malaysia ini terus dinikmati oleh semua rakyat Malaysia, setiap pembelian itu haruslah digambarkan dengan menunjukkan kad pengenalan Malaysia. Itu yang pertama.

Yang kedua, mengenai barangan yang berkurangan di kedai Rakyat 1Malaysia. Yang Berhormat Parit menyebutkan tentang AP mengenai bawang dan sebagainya. Setujukah Yang Berhormat Parit untuk kali ini kita buka AP tersebut untuk disasarkan terus dan dijual di Kedai Rakyat 1Malaysia termasuk juga ikan-ikan yang ada dalam negara kita. Terima kasih.

■1740

Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kedua-dua cadangan daripada Yang Berhormat Bukit Gantang dan Yang Berhormat Kuala Selangor, saya setuju dan masukkan sebagai sebahagian dalam ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh pula tentang merancang pelaburan awam dan swasta, membina Lebuhraya Pantai Barat dari Taiping ke Banting. Saya sentuh perkara ini Tuan Yang di-Pertua oleh kerana ia melibatkan sebahagian kecilnya jalan di kawasan Parlimen saya iaitu Jalan Parit Seputih yang panjangnya cuma 13 kilometer. Waktu saya menengok pelan rancangan atau pelaksanaannya dijangkakan dalam tempoh sepuluh tahun lagi barulah jalan itu dapat dilaksanakan. Jadi, saya dalam ucapan ini minta kepada pihak JKR atau pun Lembaga Lebuhraya Malaysia supaya menimbangkan balik perkara ini supaya jangan hingga sepuluh tahun baru hendak dibina jalan ini.

Ini kerana untuk makluman Tuan Yang di-Pertua perkara ini atau pun projek jalan ini telah pernah diuruskan dalam RMKe-8 dan RMKe-9. Akan tetapi bila masa sampai masa hendak buat jalan itu duit tidak mencukupi, maka projek ditangguhkan. Jadi, masalah jalan ini telah saya timbulkan dalam sidang yang lalu dan jawapannya dalam tindakan dan perhatian. Jadi, hari ini saya hendak minta sungguh-sungguh dan bersangatan supaya pihak JKR dan pihak Lebuh Raya Malaysia dapat menimbangkan supaya memberi keutamaan kepada jalan ini yang daripada 13 kilometer hanya akan tinggal 9 kilometer sahaja iaitu melurus dan melebarkan jalan tersebut. Itu perkara kedua.

Perkara ketiga Tuan Yang di-Pertua yang saya timbulkan ialah tentang program membina dan membaiki pulih rumah usang 9,500 buah berperuntukan sebanyak RM200 juta. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, program ini cukup menarik perhatian ramai rakyat. Rakyat pada hari ini sedang menunggu dan memerhatikan meminta supaya program ini dapat diteruskan. Cuma saya melihat 9,500 buah bagi seluruh Malaysia, satu jumlah yang sedikit. Kalau kita ambil ikut negerinya, satu negeri baru lebih kurang 700 buah. Negeri pula diberi pula kepada daerah-daerah. Maka, lagi kecil.

Umpamanya bagi tahun 2014, bagi membina rumah baru dan membaiki pulih rumah bagi daerah Perak Tengah, Parit cuma empat biji rumah baru dan enam biji untuk membaiki rumah. Ini satu bilangan yang sedikit. Walhal rakyat yang perlukan pembaikan rumah dan membina rumah baru sebenarnya semakin bertambah. Jadi, kerana itu saya mencadangkan kepada Kementerian Luar Bandar supaya dapat ditambah lagi peruntukan ini supaya rakyat dapat peluang atau pun dapat nikmat daripada usaha kerajaan bagi meningkatkan lagi kehidupan mereka.

Keempat Tuan Yang di-Pertua ialah usaha kerajaan untuk menambah sepuluh batang tiang lampu menjadikan setiap kampung 20 batang tiang. Ini bagi saya suatu usaha yang cukup baik sebab selama ini umpamanya di kampung-kampung kita rasa bergelap sebab tiada lampu tetapi sejak rancangan kerajaan menerangkan kampung-kampung, maka pada hari ini kita hendak berjalan malam sudah tidak rasa takut lagi sebab kampung-kampung sudah terang benderang. Jadi, kerana itu dalam perkara ini cuma satu perkara yang saya minta kepada pihak yang berwajib ialah waktu memilih kontraktor yang berkaitan. Sebab telah berlaku dahulu selepas seminggu di pasang lampu, sudah tidak nyala. Jadi, mungkin agaknya *bulb* yang dipasang itu *bulb* kelas empat, kelas tujuh. Jadi kerana itu saya minta supaya kontraktor yang dipilih itu hendaklah kontraktor yang dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan sebaik-baiknya supaya rakyat yang hendakkan nikmat daripada hasil kerajaan akan dapat menikmati perkara tersebut. Jadi, janganlah buat perkara yang menyebabkan rakyat marah balik kepada kerajaan walaupun usaha itu untuk kebaikan rakyat

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Parit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit Sulong bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Ya, sila Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Parit Sulong hendak tanya dengan Parit. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa tadi Yang Berhormat Parit menyatakan mengenai lampu jalan kampung dan saya tengok memang betul banyak lampu-lampu ini telah dipadamkan dan saya pun ada pengalaman di mana lampu yang baru di pasang mentolnya pergi ke arah langit. Jadinya, itu betul. Saya sokong apa yang tadi Yang Berhormat nyatakan.

Cumanya, setujuakah tidak Yang Berhormat Parit dengan saya yang kaedah pemasangan sepuluh lampu jalan kampung untuk satu kampung itu tidak berapa lagi sesuai dalam keadaan sekarang kerana sesetengah kampung terutamanya jalan utama kampung itu kadang-kadang dia sampai 2 kilometer, 3 kilometer. Jadinya mungkin Yang Berhormat Parit boleh bersetuju dengan saya supaya pihak kementerian meneliti semula mengenai kaedah berapa jumlah lampu jalan kampung ini yang patut di pasang di setiap kampung-kampung. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Sulong. Ini maksudnya Tuan Yang di-Pertua, Yang

Berhormat Parit Sulong mencadangkan supaya jumlah tersebut diteliti, dikaji balik dan rasanya perlu ditambah lagi bilangannya. Itu rasanya lah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong. Seterusnya ialah...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Ya, setuju, setuju, setuju. Perkara seterusnya ialah Program Pembangunan Ekonomi Kemudahan Infrastruktur dan Penambahbaikan Taraf Hidup Masyarakat Orang Asli – RM320 juta. Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Parlimen saya ada empat kampung Orang Asli iaitu Kampung Sungai Perah, yang mana penduduknya seramai 585 orang, Suak Padi – 278 orang, Tumbuh Hangat – 372 orang, Jedung Batu – 263 orang. Jumlah semuanya 1,478 orang dalam kedua-dua DUN. DUN Belanja dan DUN Bota.

Apa yang menjadi permasalahan saya ialah kemudahan infrastruktur rumah penduduk-penduduk di kampung-kampung itu sebenarnya telah pun uzur. Sebenarnya kalau hendak dikatakan sudah tidak sesuai untuk diduduki, tidak selamat dan sebagainya. Permohonan telah pun dikemukakan melalui Mesyuarat Tindakan Daerah, melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JAKOA). Akan tetapi biasanya permohonannya cukup lambat, permohonannya jarang ditimbangkan. Waktu ini ada dua rumah sekarang ini sedang dalam pembinaan iaitu di Kampung Suak Padi. Akan tetapi di Kampung Sungai Perah langsung tak ada.

Kemudian jalan raya masuk ke dalam juga merupakan jalan yang rosak dan sebagainya. Jadi, melalui ucapan ini saya hendak minta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk memberikan perhatian utama kepada kampung Orang Asli di kawasan Parlimen saya yang pada hari ini hidup dalam keadaan yang sukar, yang susah dan sebagainya dan rumah-rumah mereka perlukan kepada bantuan daripada kerajaan. Sebab untuk makluman Tuan Yang di-Pertua sebenarnya mereka menyumbangkan undi yang cukup tinggi kepada Barisan Nasional. Jadi, kerana itu perlu sesuatu diberikan, peruntukan yang munasabah diberikan kepada masyarakat Orang Asli supaya mereka terus kekal untuk bersama menyokong Barisan Nasional.

Perkara seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri telah pun meluluskan pembinaan sebuah hospital baru di Sri Iskandar. Di Sri Iskandar, Parit Tengah ada sebuah IPT iaitu Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang ada 6,000 orang pelajar. Oleh kerana akan dibina sebuah hospital *insya-Allah*, maka saya hendak mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan supaya memulakan usaha dari sekarang untuk menubuhkan Fakulti Perubatan di UiTM Sri Iskandar supaya peluang-peluang yang lebih besar dapat diberikan kepada pelajar-pelajar luar bandar untuk mereka dapat mengikuti kursus perubatan.

■1750

Insya-Allah dengan wujudnya fakulti perubatan di UiTM Seri Iskandar, maka negara akan dapat menambahkan bilangan doktor yang pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, masih lagi kekurangan di negara kita. Jadi kerana itu saya sekali lagi nak mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Parit, boleh mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Ya, sila.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Parit. Tadi Yang Berhormat Parit katakan bahawa mahu membuka satu fakulti untuk perubatan di UiTM di kawasan Yang Berhormat. Akan tetapi masalahnya baru-baru ini dalam pengambilan pelajar-pelajar ke peringkat ijazah di IPTA, memang bilangan pengambilan telah dikurangkan dan apabila perkara ini dibangkitkan, Yang Berhormat Menteri Pendidikan pula mengatakan bahawa sekarang kita menghadapi lambakan doktor dan kita sudah terlalu banyak doktor. Kita perlu kurangkan pengambilan doktor tetapi Yang Berhormat pula sekarang mencadangkan untuk menambahkan bilangan doktor. Bagaimana pula pandangan Yang Berhormat tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan itu? Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Pandangan saya ini berasaskan untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar di luar bandar untuk mengikuti kursus perubatan. Masalah lambakan doktor, saya fikir itu bukan satu masalah, sebab pada hari ini umpamanya kita masih perlu kan ramai doktor lagi untuk masyarakat kita di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya saya nak sebut ialah tentang Kementerian Pendidikan. Baru-baru ini ada lepasan maktab perguruan yang ada ijazah pendidikan telah menghadiri temu duga untuk menjadi seorang guru. Akan tetapi ada di antara mereka yang gagal. Kegagalan itu menyebabkan mereka rasa kecewa oleh kerana mereka sebenarnya dilatih dalam bidang pendidikan, tiba-tiba mereka tidak lulus dalam temu duga untuk menjadi seorang guru. Jadi mereka dan ibu bapa mereka merasa dukacita dan minta saya menyampaikan kepada Kementerian Pelajaran untuk menimbangkan semula masalah ini supaya mereka diberi peluang untuk menjadi seorang guru.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah perkara-perkara yang saya nak sebutkan dalam ucapan saya tetapi sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya nak menyampaikan, kata-kata orang bijaksana, iaitu;

Menegur jangan sampai menghina,

Mendidik jangan sampai memaki,

Meminta jangan sampai memaksa,

Memberi jangan sampai mengungkit-ungkit.

Berfikir itu cahaya,

Kelalaian itu kegelapan,

Kejahilan itu kesesatan, tetapi mangsa yang paling hina adalah orang yang menghina orang lain.

Terima kasih, Parit menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sandakan.

5.54 ptg.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya membahaskan ke atas Belanjawan 2015.

Tuan Yang di-Pertua, daripada keseluruhan perbelanjaan Bajet sebanyak RM273.9 bilion itu, saya ingin tahu berapakah peruntukan telah diberi kepada Sabah? Ini kerana melihat bajet tersebut, selain daripada projek *Pan Borneo* ada disebut, saya tidak nampak apa-apa infrastruktur akan dibina di Sabah. Projek *Pan Borneo* ini adalah berita lama dan juga malangnya nampak tidak ada peruntukan dalam Bajet 2015 ini. Ini mungkin helah kerajaan dan mengelirukan rakyat Sabah. Daripada tujuh infrastruktur besar yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu yang bernilai melebihi RM50 bilion, tiada satu terdapat di Sabah dan hanya khususnya Sandakan, satu projek yang begitu kecil, Jalan Libaran Bypass.

Projek ini yang sepanjang 25 kilometer dengan anggaran kos RM370 juta telah di janji berkali-kali sejak Rancangan Malaysia Kelapan. Sampai hari ini, sudahlah Rancangan Malaysia Kesepuluh sampai hampir habis pun belum dimulai. Pada sesi Parlimen pada Jun 2013, Menteri Kerja Raya telah menyatakan bahawa projek ini akan dilaksanakan dengan empat fasa dan tender kepada fasa pertama yang sepanjang tujuh kilometer dengan anggaran kos RM79 juta sepatutnya akan dibuka pada September 2013 tetapi sampai hari ini pun langsung tidak nampak apa-apa perkembangan. Bilakah kerajaan akan betul-betul mengambil berat kesejahteraan rakyat Sandakan supaya memulakan projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, daripada perbelanjaan pembangunan sebanyak RM50.5 bilion mengikut perkiraan saya, menurut bajet yang ada sebut peruntukan yang diberi kepada Sabah, lebih kurang RM3.6 bilion ataupun 7% diberi untuk pembangunan Sabah.

Saya ingin tahu sebenarnya berapa peruntukan yang diberi untuk Sabah dipakai? Tuan Yang di-Pertua, Sabah merupakan negeri yang paling miskin di Malaysia tetapi hanya diberi peruntukan yang jauh lebih rendah berbanding dengan Semenanjung. Jangan lupa bahawa Sabah adalah rakan kongsi dalam Persekutuan Malaysia dan di janji diberi pembangunan selaras dengan Semenanjung. Akan tetapi saya lihat dengan bajet ini, pembangunan Sabah tidak akan selaras dan jauh lagi mahu kejar dengan tahap Semenanjung.

Saya mendapati ada peruntukan sebanyak RM160 juta telah disediakan untuk tujuan pembasmian miskin di seluruh Malaysia. Saya ingin tahu apakah program akan dijalankan supaya kemiskinan di Sabah akan dibasmi? Berapakah peratus peruntukan itu akan diberi kepada Sabah? Tuan Yang di-Pertua, rakyat Sabah semakin berasa tidak gembira ke atas bajet yang dianggap tidak adil dan tidak sama rata kepada Sabah. Ini telah mewujudkan perasaan benci dan sentimen yang berpecah di masyarakat tempatan. Jadi bahawa ini ada ini SSKM. Saya berpendapat bahawa kerajaan haruslah mendengar dan meneliti perasaan atau sentimen tersebut dan bukan menekankan perasaan itu dengan Akta Hasutan. Saya bercadang bahawa kerajaan harus memberi perhatian yang lebih banyak kepada Sabah dengan memberikan peruntukan lebih tinggi untuk pembangunan Sabah.

Selama ini, kerajaan telah gagal memelihara perasaan kita di Sabah. Masalah-masalah yang kita hadapi telah dilupakan atau dipinggirkan oleh kerajaan. Janji-janji untuk mengatasi masalah tersebut tidak pernah dikotakan atau ditunaikan. Sebagai contoh, laporan RCI yang bertujuan untuk mengatasi masalah pendatang asing tanpa izin yang telah dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sampai hari ini pun masih belum diumumkan. Tuan Yang di-Pertua, saya mengingatkan bahawa Dewan yang mulia ini bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berjanji bahawa laporan RCI ini akan diumumkan sebelum PRU-13 dan jelasnya telah ditunda beberapa kali sampai kini.

■1800

Mengikut jawapan yang diberi oleh Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri pada sesi Parlimen Mac yang lalu, beliau telah berjanji bahawa laporan ini akan diumumkan pada bulan Mei tetapi tidak juga ditunaikan. Baru-baru ini Yang Berhormat Kota Belud sebagai Menteri telah mengumumkan di surat khabar tempatan bahawa laporan ini akan dibentangkan pada sesi Parlimen ini. Saya harap ini bukan satu janji yang kosong. Kita janji, jika janji ini benar saya harap laporan ini akan dibentangkan secepat mungkin dan diberi sesi perbahasan kepada Ahli Parlimen. Mengapa nampaknya begitu susah dan mengambil masa yang begitu panjang untuk mengumumkan laporan ini. Saya minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, laporan ini memang sangat penting bagi semua rakyat Sabah kerana masalah parti ini merupakan satu *root of the problem in Sabah*, dengan izin.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Sandakan. Sikit. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Sandakan. Yang Berhormat, di sini ada satu jawapan secara lisan bertarikh 9 Oktober, soalan daripada Yang Berhormat Penampang mengenai RCI. Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, saya bacakan, "*Suruhanjaya Siasatan Pendatang yang ditauliahkan pelantikan oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong pada 21 September 2012 dan berakhir pada 22 Mei 2014 telah pun menyiapkan laporan hasil siasatannya. Suruhanjaya itu juga telah selesai mempersembahkan laporan siasatannya kepada Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong pada 14 Mei 2014 selaras dengan tauliah penubuhan suruhanjaya itu untuk menyerahkan laporan lengkap setelah siasatannya selesai. Kerajaan akan memberi perhatian yang serius terhadap laporan*".

Jadi isunya di sini, mengapakah dalam keadaan 14 Mei itulah diserahkan kepada Yang Dipertuan Agong tidak dibentangkan di dalam ataupun dibentangkan ke masyarakat awam, kepada *public*. Ini sudah bulan Oktober sudah. Jadi adakah setuju dengan saya sepatutnya kerajaan seawal bulan Mei selepas dihantar ke Yang Dipertuan Agong itu satu salinan mesti dibentangkan kepada *public* supaya rakyat tahu apa sebenarnya yang berlaku sebab RCI telah *operated*, dengan izin, atas dana awam. Maknanya rakyat berhak untuk tahu. Macam mana? Apa pendapat Yang Berhormat Sandakan?

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Ya, setuju, harap Menteri atau Yang Amat Berhormat boleh beri penjelasan mengapa ini tidak dibentangkan awal sedikit. Jadi masalah ini telah menyebabkan populasi negeri Sabah telah diubah. Pada

tahun 1970, bilangan bangsa KadazanDusunMurut bumiputera tempatan adalah seramai 35% ke 40% di Sabah. Akan tetapi dalam 40 tahun kemudian pada tahun 2010 bilangan bangsa KadazanDusunMurut telah menurun ke lebih kurang 20% manakala penduduk yang sebenarnya bukan warganegara dijangka naik 20%. Ini belum kira lagi seramai 27% atau bilangan seramai satu juta orang yang bukan penduduk Malaysia atau ini kita sebut dia PATI. Kalau tambah kira golongan ini, berapakah populasi adalah terdiri daripada golongan PATI dan orang-orang bukan berasal dari Sabah tetapi ada IC.

Tuan Yang di-Pertua, cuba bayangkan apa telah terjadi di Sabah. Kenapa dalam jangka masa yang begitu pendek populasi negeri Sabah telah mengalami pertukaran begitu besar dan sehingga anak-anak negeri atau orang asal Sabah telah menjadi golongan minoriti di tanah kita sendiri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berjanji bahawa beliau akan melindungi kedaulatan Sabah dan tanah kita.

Saya membaca kenyataan beliau dengan izin beliau berkata, *"I will not give one inch of the sovereignty Sabah away"* tetapi mengapa kerajaan akan membiarkan kejadian tersebut berlaku sewenang-wenangnya. Saya harap Perdana Menteri akan *walk the talk* dan menghentikan satu projek IC ini berlaku di Sabah. Saya membaca laporan berita, kenyataan projek IC ini masih berterusan dan ada dakwaan menunjukkan bahawa golongan parti Pakistan dan *Indian* diberi IC berlaku di Sabah untuk masuk sebagai ahli UMNO. Saya harap ini satu kenyataan yang tidak betul. Kalau tidak saya minta penjelasan daripada kerajaan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, laporan RCI ini mestilah sangat penting kita serta menunggu-nunggu satu jawapan yang adil kepada kita. Laporan RCI ini amat penting kepada kita, kita hendak tahu siapakah dalang di belakang *population change* ini dan kami hendak tahu apakah penjelasan kerajaan ke atas masalah ini dan bagaimana kerajaan mengatasi populasi bukan warganegara Malaysia seramai satu juta orang ini.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja populasi telah diubah maka masalah PATI ini telah menimbulkan banyak masalah sosial di negeri Sabah seperti jenayah serta masalah bukan warganegara yang telah membelanjakan banyak *resources* kita di Sabah. Saya yakin bahawa kebanyakan jenayah adalah dibuat oleh golongan tersebut. Itu juga menambah tekanan perbelanjaan sektor kerajaan seperti kesihatan, pendidikan dan juga Kedai 1Malaysia yang paling dapat manfaat ialah golongan PATI ini.

Jadi golongan PATI ini yang terbesar menggunakan kemudahan-kemudahan dan *resources* kesihatan dan banyak lagi. Menurut laporan media terkini, terdapat 53% banduan adalah terdiri daripada golongan PATI ini. Jelas sekali masalah ini harus diselesaikan. Tambahan pula beberapa kes kecurian dan pencerobohan yang telah berlaku di pesisiran pantai timur Sabah telah membuktikan bahawa PATI telah melibatkan diri dalam kes-kes tersebut.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Sekejap. Jangan kita lupakan dia telah mengambil nyawa pasukan keselamatan. Sekarang masih ada dua penduduk atau orang yang masih dalam tangan pencuri disini. Ya, Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat Sandakan. Saya hendak tahu apakah Yang Berhormat tahu bahawa sampai sekarang walaupun kita dah salahkan pemerintahan yang lepas itu dan yang meluluskan bagi ramai orang Indonesia ataupun orang Sulu, orang Filipina untuk masuk jadi PATI, sekarang ada satu juta di Sabah. Akan tetapi sekarang imigresen di Sabah masih memberi kelulusan, mungkin sama ada dalam bentuk pemastautin tetap atau sebagai warganegara bagi orang asing untuk duduk di Sabah. Apakah ini benar?

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Ini satu masalah yang susah mahu kita sebut. Jadi kita sudah berkali-kali sentuh ini, satu masalah yang begitu besar tetapi kerajaan macam tidak mahu uruskan ini atau tidak mahu hentikan ini. Saya mungkin, ada dakwaan yang ini untuk satu *political gang* untuk kerajaan khasnya UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, penglibatan PATI serta kewarganegaraan yang bukan tulen yang mendapat IC secara tidak sah dalam kes pencerobohan adalah antara satu fakta yang penting dan mereka telah menjadi ancaman yang amat besar dalam Sabah. Jikalau ini tidak diselesaikan maka kes pencerobohan dan ancaman keselamatan Sabah tidak akan selesai,

walaupun peruntukan ESSCOM ditambah antara RM75 juta hingga RM66 juta pada Bajet 2015.

■1810

Saya setuju kepada cadangan dari masyarakat Sabah di mana semua kad pengenalan haruslah disemak semula dan diterbitkan semula kepada semua rakyat Sabah yang tulen. Sesiapa yang mendapat IC secara haram haruslah ditarik balik manakala bagi orang bukan warganegara yang ingin bekerja di Sabah boleh diberi permit kerja atau mereka berhak memohon sebagai PR status mengikut proses yang tetap.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh beberapa perkara yang kini dihadapi oleh rakyat Sabah. Masalah kewarganegaraan di Sabah merupakan satu masalah yang sangat serius dan telah membawa impak yang serius kepada semua Sabahan, khususnya status *half nationality children*, dengan izin. Sebagai contoh, saya seorang anak yang lahir di Sabah, walaupun ayahnya warganegara Malaysia tetapi emaknya bukan warganegara. Jika ibu bapanya tidak surat kahwin atau anak itu lahir sebelum pendaftaran perkahwinan yang sah, anak ini menghadapi masalah mendapatkan IC. Anak ini sepatutnya boleh mendapat status warganegara dengan ujian DNA untuk membuktikan anak itu darah daging mereka dan dia memang lahir di Sabah. Walau bagaimanapun, SOP JPN memerlukan dokumen seperti surat lahir, surat kahwin, surat sumpah mahkamah, sijil sekolah dan gambar sekeluarga jika ada.

Anak-anak yang lahir di Sabah dengan dokumen yang lengkap dan ujian darah sepatutnya cukup bukti untuk dapatkan warganegara. Pemohon masih gagal mendapatkan IC. Permohonan sudah dibuat berpuluh-puluh tahun sampai anak itu menjadi dewasa, mereka masih tidak mampu menikmati hak-hak sebagai warganegara yang sepatutnya ada. Anak-anak ini menjadi seorang yang tiada warganegara ataupun *stateless citizen*. Mereka lebih teruk daripada status PATI. PATI masih ada status kewarganegaraan di negara asal mereka dan ramai memegang IMM13. Ada juga PATI yang mempunyai MyKad Malaysia, tetapi golongan yang saya sebut tadi langsung tidak mempunyai apa-apa status. Jikalau begitu banyak PATI boleh diterima sewenang-wenangnya sebagai warganegara dalam tempoh yang begitu singkat manakala orang asal kita yang menghadapi masalah itu pula tidak di lulus sebagai warganegara dan telah lama diproseskan.

Oleh yang demikian, saya memandang isu ini sangat serius dan harap kerajaan akan prihatin kepada isu ini. Oleh itu saya harap kerajaan akan prihatin kepada isu ini. Oleh itu, saya harap kerajaan boleh mendirikan satu jawatankuasa khas ditubuhkan bertujuan untuk mengendali semua kes sebegini. Haraplah jawatankuasa ini akan mempercepatkan semua proses permohonan dan mengembalikan keadilan kepada dua golongan yang saya sebut tadi. Tidak dapat dinafikan mereka sememangnya berhak sebagai seorang warganegara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit perkara situasi ekonomi di negeri Sabah. Tidak dapat dinafikan bahawa Sabah sebagai rakan kongsi dalam Malaysia telah memberi sumbangan dari segi sumber asli dan hasil dalam negeri yang tinggi kepada Kerajaan Persekutuan. Dan kami mendapati bahawa walaupun Sabah telah memberi sumbangan yang besar kepada pusat malah peruntukan dari Kerajaan Persekutuan masih tidak seimbang kepada Sabah dan menjadikan Sabah mengalami banyak masalah yang fundamental.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menerangkan di Dewan yang mulia ini bahawa Sabah masih mengalami kesusahan seperti tiada bekalan air dalam kampung-kampung sejak pertubuhan negara, tidak ada bekalan elektrik, malahan gangguan elektrik sentiasa berlaku di bandar yang menyebabkan kerugian kedai dan industri, jalan raya yang rosak dan juga tidak ada jalan di dalam pendalaman untuk anak kampung pergi ke sekolah. Ini semua telah terjadi dalam Sabah dan sudah lama pun tidak dapat diselesaikan. Seperti baru-baru ini saya bersama pasukan Impian Sabah telah mengunjungi kawasan Pitas dan membantu kampung-kampung dalam Pitas dengan memberi sumbangan wang kepada mereka untuk membina jalan yang berhubung dengan pekan berdekatan. Saya diberitahu bahawa kerajaan telah berjanji kepada mereka bahawa jalan tersebut akan dibina pada tahun 1999, sehingga kini telah 15 tahun limpas, makna kerajaan telah berbohong selama 15 tahun sehingga orang kampung kini melancarkan kempen derma untuk membina jalan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bukankah pembinaan jalan kepada kampung adalah wajib dan tanggungjawab kerajaan? Sama juga membekalkan air dan elektrik merupakan satu kewajipan kerajaan yang paling asas? Kenapa ada kampung-kampung di Sabah sampai hari ini pun tidak menikmati hak-hak asas yang sepatutnya dibekalkan oleh kerajaan? Ini menunjukkan kegagalan kerajaan yang haruslah diperbaiki.

Selain itu, orang Sabah juga mengalami satu kesusahan seperti pendapatan yang rendah tetapi harga barangan wang lebih tinggi berbanding semenanjung. Ini adalah kerana dasar kabotaj telah menyebabkan tidak adil dan tidak seimbang bagi Sabah. Sabah terpaksa membeli barangan yang lebih mahal kerana dasar kabotaj telah mengehadkan kapal luar negeri menghantar dan mengambil barangan di pelabuhan Sabah. Ini telah menjejaskan potensi pembangunan pelabuhan Sabah.

Kini polisi kabotaj ini telah dijalankan di Sabah selama 30 tahun lebih. Maka ia telah menyebabkan kesusahan rakyat Sabah selama 30 tahun dan meningkatkan harga barangan yang lebih mahal daripada semenanjung. Bagi saya ini adalah satu dasar mengeksploitasikan orang Sabah. Jangan demi beberapa pekapal yang tertentu, korbakan seluruh rakyat Sabah, ini langsung tidak masuk akal.

Saya ingin tahu mahu sampai bila baru kerajaan sedar rakyat Sabah hidup di bawah kesengsaraan? Di samping itu, saya juga ingin tahu apakah status cadangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah berjanji untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas Kabinet untuk meneliti dan mengkaji semula dasar kabotaj pada tahun 2012? Adakah janji itu telah dicapai? Mengapa *Block Exemption Order* telah disambung tiga tahun lagi kepada pekapal-pekapal yang tertentu? Saya minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana harga barangan yang lebih tinggi di Sabah, maka Sabahan akan membayar GST yang lebih tinggi berbanding dengan semenanjung. Ini telah menyebabkan sistem cukai ini yang tidak adil kepada orang Sabah dan juga mengeksploitasikan Sabah yang kini sudah jauh, Sabah yang kini sudah jatuh ditimpa tangga.

Saya harap Kementerian Kewangan akan mempertimbangkan, mengurangkan kadar cukai GST yang dilaksanakan di Sabah atau menundakan pelaksanaan cukai di Sabah. Kerajaan haruslah menumpukan perhatian untuk mengatasi masalah yang paling asas di Sabah iaitu mansuhkan dasar kabotaj dan membasmi kemiskinan rakyat Sabah. Jika kerajaan belum lagi mengatasi dua-dua masalah ini di Sabah, maka orang Sabah akan mengalami kesusahan yang lebih sengsara apabila GST dilaksanakan. Ini tentu akan menyebabkan ketidaksamarataan antara golongan kaya dan miskin maka ketidaksamarataan antara timur dan barat Malaysia akan diperluaskan.

Saya harap kerajaan akan ambil maklum apa yang telah saya sebut tadi. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri saya ingin tegaskan sekali lagi bahawa saya harap laporan RCI hendaklah diumumkan sebelum penutupan sesi Parlimen ini dan saya harap Parlimen akan memberi laluan untuk membahaskan laporan tersebut. Sekian, terima kasih.

■1820

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

6.20 ptg.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2015. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Pekan kerana membentangkan Bajet 2015 yang cukup menarik sekali gus memastikan Malaysia sentiasa berada di landasan betul dalam menuju ke arah status negara Malaysia yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar, meneliti dan menganalisa secara mendalam sesi Bajet 2015 yang bertemakan Ekonomi Keperluan Rakyat, saya amat yakin yang kita mampu melaksanakan proses transformasi kerajaan untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi yang sentiasa mengutamakan dan mendahulukan

rakyat. Sekali gus membawa Malaysia ke hadapan dalam arus peredaran global yang pantas ini.

Kita seharusnya mengetepikan semua perbezaan yang wujud termasuk perbezaan ideologi dan fahaman politik serta bekerja bersama sebagai satu pasukan untuk membawa Malaysia terus menuju ke arah kecemerlangan lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi dunia masa kini yang mencabar. Kesemua tujuh strategi yang digariskan dalam Bajet 2015 menggariskan tujuh strategi utama iaitu:

- (i) memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi;
- (ii) memantapkan tadbir urus fiskal;
- (iii) mengupaya modal insan dan keusahawanan;
- (iv) memperkasa agenda bumiputera;
- (v) memartabatkan peranan wanita;
- (vi) membangunkan program transformasi belia negara; dan
- (vii) menyejahterakan rakyat.

Ia adalah cukup lengkap dan komprehensif untuk memastikan seluruh rakyat Malaysia menikmati faedah dan manfaat daripada Bajet 2015. Pendekatan Bajet 2015 adalah bersifat jangka panjang dan strategik terhadap penyediaan prasarana pelaburan khusus untuk menarik dana asing memasuki pasaran tempatan sesuai dengan fokus ekonomi jangka panjang. Saya juga melihat bajet ini sebagai satu pakej lengkap untuk mengukuhkan ekonomi Malaysia sekali gus memberi manfaat yang sewajarnya tanpa mengetepikan mana-mana kumpulan atau anggota masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, adalah wajar untuk kita melihat prospek ekonomi 2015 ini di mana menurut Kementerian Kewangan, KDNK dijangka terus berkembang kukuh pada kadar antara 5% ke 6% pada 2015 memandangkan prospek ekonomi global yang bertambah baik dan dimantapkan lagi dengan langkah Bajet 2015. Pertumbuhan ekonomi yang konsisten yang ditunjukkan menerusi angka Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berjaya meningkatkan kadar upah dan kualiti hidup rakyat Malaysia. Pengguna kini mempunyai lebih banyak produk dan perkhidmatan untuk dipilih serta pendapatan boleh guna yang lebih tinggi. Semuanya hasil dasar ekonomi yang diurus dengan baik dan terus mewujudkan ribuan peluang pekerjaan untuk rakyat.

Antara tahun 2011 dan tahun 2013, ekonomi Malaysia terus mencatat pertumbuhan dengan KDNK dicatatkan pada 5.2% setahun. Bagi separuh pertama 2014, KDNK pada 6.3% didorong terutama oleh pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan, pembuatan, pembinaan dan pertanian. Pencapaian ini menempatkan kita sebagai paling tinggi di kalangan negara ASEAN dalam tempoh separuh pertama 2014.

Defisit pada 2015 dijangka terus berkurangan kepada 3% daripada KDNK dengan pertumbuhan hasil yang melebihi perbelanjaan. Jumlah perbelanjaan kerajaan pula akan terus stabil pada RM271.9 bilion manakala pendapatan dianggarkan lebih tinggi pada RM235.2 bilion. Ini menunjukkan tadbir urus perbelanjaan dan kewangan negara yang baik oleh kerajaan akan diteruskan menerusi Bajet 2015.

Kerajaan juga dilihat terus komited untuk meneruskan dasar fiskal kukuh yang telah mengambil pendekatan sebagai serampang ke arah mencapai bajet berimbang pada tahun 2020. Peruntukan Bajet 2015 yang memperuntukkan sejumlah RM273.9 bilion dengan RM223.4 bilion bagi perbelanjaan mengurus dan RM50.5 bilion sebagai perbelanjaan pembangunan adalah satu bajet yang cukup realistik dan baik untuk meneruskan agenda transformasi negara untuk mencapai negara berpendapatan tinggi serta sentiasa mengutamakan dan mendahului rakyat.

Langkah menangani peningkatan kos sara hidup menjadi bukti keprihatinan kerajaan dalam menyahut keperluan 28.7% peratus penduduk berpendapatan kurang RM3,000 sebulan. Ini bererti lebih dua juta daripada tujuh juta isu rumah akan mendapat pelbagai kemudahan melalui agihan dana kerajaan secara adil dan kompetitif dengan persekitaran ekonomi semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dan bangga dengan kata-kata Yang Amat Berhormat Pekan dalam ucapan Bajet 2015 yang menyatakan bahawa *"Bagi saya belia*

bukan sekadar harapan bangsa, tidak hanya setakat aset atau rakan kongsi kepada pembangunan negara malah nilai belia adalah lebih daripada kesemuanya itu..." Sehubungan dengan itu, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Pekan yang sentiasa mengutamakan golongan belia dan generasi muda yang akan menerajui kepimpinan negara pada masa hadapan.

Bajet pada kali ini juga memperlihatkan kesungguhan kepimpinan negara untuk memperjuangkan penghidupan generasi muda yang dihipit dengan kos sara hidup yang semakin meningkat. Pengumuman mengenai Pelan Transformasi Belia Negara, 1Malaysia *Youth City*, Skim Perumahan Belia atau *Youth Housing Scheme* dengan izin dan sebgainya adalah antara langkah proaktif kerajaan dalam memastikan golongan muda Malaysia sentiasa mendapat pembelaan di mata kerajaan.

Dengan wujudnya langkah-langkah *affirmative* untuk membantu generasi muda sesungguhnya perbandingan boleh dilakukan dengan apa yang dinyatakan oleh bajet Pakatan Pembangkang. Selaras dengan langkah-langkah kerajaan yang khusus untuk golongan belia, saya ingin juga mencadangkan langkah lain sebagai tambahan kepada langkah-langkah menarik seperti yang digariskan dalam Bajet 2015. Cadangan saya adalah dalam konteks memperkasakan golongan belia yang bersifat jangka panjang yang hanya dilakukan penglibatan belia dengan izin, *youth engagement* yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, penglibatan belia bermakna memperkasakan golongan belia dengan menjadikan mereka sebagai rakan kongsi yang berharga dalam menangani serta membuat keputusan dalam semua isu yang melibatkan belia secara langsung mahupun tidak langsung. Idea-idea dan pendapat belia dilihat sama berat dengan golongan pembuat keputusan.

Sehubungan dengan itu, adalah sangat wajar bagi pihak kerajaan untuk menunjukkan keperluan dan komitmen serius untuk mewujudkan kerjasama sebegitu untuk kebaikan bersama dalam melahirkan golongan belia dan generasi muda yang menyeluruh dalam semua aspek. Walaupun kerajaan mengambil pelbagai inisiatif untuk melibatkan belia dan generasi muda, namun begitu generasi muda masih tidak pasti di mana titik mulanya dengan izin, *where to start* dan mereka khuatir dan kurang yakin jika mereka mampu untuk membuat sebarang perubahan dengan izin *ability to make a difference*. Sehubungan dengan itu, saya juga ingin mencadangkan yang mana Akademi Kepimpinan Belia yang telah dicadangkan oleh pihak kerajaan dapat ditadbir secara bersama dengan pihak Kementerian Belia dan Sukan dan pertubuhan belia seperti Majlis Belia Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengemukakan cadangan untuk menubuhkan 1Malaysia One Stop Youth Centre ataupun 1MOSYC untuk menggalakkan penglibatan dengan belia pada peringkat tertinggi yang berkesan. Penubuhan 1MOSYC ini adalah supaya menjadikannya satu pusat sehenti untuk membolehkan golongan belia menjadikannya sebagai satu titik rujuk dengan izin, *point of the reference* untuk mendapatkan akses kepada pelbagai maklumat dan perkhidmatan untuk golongan belia secara khususnya. Selepas penubuhan 1MOSYC, golongan belia tidak harus khuatir dan keliru dengan isu-isu yang melibatkan mereka tetapi secara khusus mereka terus merujuk dengan 1MOSYC.

Salah satu daripada masalah utama belia dan generasi muda adalah berkaitan dengan pekerjaan yang sering mendapat perhatian pihak kerajaan termasuk dalam Bajet 2015. Pengangguran dalam kalangan belia termasuk graduan merupakan salah satu perkara yang juga menjadi kebimbangan kerajaan. Selain daripada itu, terdapat juga masalah belia tidak mendapat pekerjaan yang bersesuaian kerana dengan minat mereka mahupun dengan kelayakan mereka.

■1830

Hal ini boleh dinyatakan dengan ketidaksepadanan kerja atau, dengan izin, *job mismatched*. Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya juga ingin mencadangkan untuk menggalakkan semua belia yang aktif mencari pekerjaan termasuk graduan-graduan supaya berdaftar dengan 1MOSYC ini yang akan membantu dalam penempatan kerja iaitu, dengan izin, *job placement* berdasarkan kepada kelayakan masing-masing. Ini seterusnya membantu untuk menempatkan seseorang belia dalam jangka masa tertentu daripada tarikh pendaftaran termasuk mendapatkan peluang-peluang untuk menghadiri temu duga.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama institusi ini juga boleh melibatkan belia yang menunggu untuk ditempatkan kerja dengan aktiviti lain yang boleh memberikan manfaat kepada mereka termasuk menggunakan pelbagai platform untuk mereka terlibat dalam program pembangunan belia mahupun aktiviti kesukarelawan. Selain mendapatkan pekerjaan ia juga dapat membantu belia menjadi usahawan selaras dengan langkah di bawah Bajet 2015 untuk menggalakkan keusahawanan. Ini juga dapat dilakukan dengan merujuk kepada agensi tertentu yang memberikan pinjaman, memberikan rundingan serta latihan dan sebagainya supaya mereka dapat menjadi usahawan muda yang dapat menceburi perniagaan dengan lebih berkesan.

Ini juga dapat dilakukan secara bersama-sama dengan *1Malaysia Youth City* yang mana ini akan menjadi pelengkap kepada hasrat kerajaan supaya satu ekosistem komprehensif diwujudkan. Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bahawa banyak bantuan-bantuan pinjaman perniagaan telah diwujudkan oleh kerajaan. Banyak rintihan daripada golongan belia menyatakan kalau sekiranya peluang atau permohonan mereka ini gagal, bagaimanakah mereka boleh dirujuk kepada institusi-institusi yang lain. Jadi, sehubungan dengan ini, dengan adanya 1MOSYC ini dalam aspek pekerjaan boleh buktikan mendapat pekerjaan serta keusahawanan, mereka yang berhasrat untuk menjadi usahawan dan juga mendapatkan pekerjaan dapat menerima bantuan sewajarnya kerana mereka juga yang mengikuti dan mendaftar diri dalam institusi ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga aspek lain juga boleh dilaksanakan selain pekerjaan untuk membantu dan memperkasakan golongan belia dan generasi muda di bawah institusi ini. Sekali gus menjalankan kerjasama dengan belia secara efektif dan berkesan dengan peningkatan modal insan belia iaitu memberikan penekanan untuk meningkatkan kemahiran belia dalam pelbagai aspek. Termasuk kemahiran, interpersonal, kemahiran berkomunikasi, kemahiran kepimpinan, perkembangan diri, kemahiran pemikiran kritikal dan sebagainya untuk meningkatkan kebolehpasaran belia.

Aspek lain yang boleh dijadikan sebahagian daripada institusi ini ialah seperi pencegahan jenayah dan keganasan belia, rekreasi sosial belia, mentor belia, penglibatan dengan belia berisiko dan terpinggir di kawasan kejiranan berpendapatan rendah dan sebagainya dalam memperkasakan golongan belia secara berterusan dan lebih efektif. Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat ingin mencadangkan agar untuk memperkasakan juga pertumbuhan-pertumbuhan belia yang didaftarkan di bawah RY Kementerian Belia dan Sukan adalah dapat diberikan...

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Sekijang.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Ya.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Kuala Selangor, setuju tidak kalau kita hendak bina portal-portal untuk pencarian pekerjaan ini untuk golongan belia ini selain daripada yang ada sekarang ini seperti *JobsMalaysia*, *JobStreet* dan sebagainya yang lebih memberikan penekanan kepada kerja-kerja ijazah, diploma dan sebagainya. Akan tetapi kita minta kalau boleh *JobsMalaysia* ini memperluaskan lagi skop. Maksudnya, letakkan juga peluang-peluang pekerjaan seperti di restoran, di kedai-kedai makan, perhotelan dan sebagainya yang saya kira kawan-kawan kita yang bertaraf SPM ke bawah ini yang mempunyai sijil-sijil kemahiran dan sebagainya ini pun memerlukan kaedah pencarian kerja yang sebegini. Silakan.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang, saya ingin mohon agar ucapan beliau ini dimasukkan dan saya bersetuju atas cadangan yang beliau cadangkan. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan juga berdasarkan rintihan daripada kepimpinan pertumbuhan-pertumbuhan belia yang didaftarkan di bawah RY Kementerian Belia dan Sukan agar kerajaan dapat memberikan pengecualian cukai kepada setiap sumbangan bagi setiap aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pertumbuhan-pertumbuhan belia ini yang berdaftar dengan RY bagi usaha untuk menggalakkan aktiviti yang baik untuk pembangunan modal insan dan kreativiti mereka.

Sama ada di peringkat kebangsaan, negeri dan juga daerah dan di samping itu juga saya ingin mencadangkan juga agar Program PLKN dapat dinamakan semula mengikut cita rasa generasi muda serta memasukkan elemen-elemen kemahiran teknikal

serta keusahawanan. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendengar rintihan daripada generasi muda yang mengatakan bahawa cuti hujung tahun mereka, terutama sekali cuti persekolahan dan cuti semester universiti tidak ada keseragaman. Ini adalah penting kerana untukbolehkan mereka dapat menyediakan atau mewujudkan satu perancangan bagi mereka merapatkan diri mereka dengan keluarga mereka di hujung minggu. Ini kerana rintihan mereka menyatakan bahawa cuti sekolah dan cuti semester yang ada pada kali ini tidak seragam.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin menggalakkan agar langkah kerajaan yang akan menyediakan Skim Perumahan Belia atau *Youth Housing Scheme*, dengan izin. Selaras dengan itu saya ingin menyeru kepada kerajaan untuk menimbangkan pelupusan pembayaran 10% untuk pembelian rumah bagi meringankan beban pembeli, terutamanya profesional muda dan juga mereka yang bekerja dan berkhidmat selama 10 tahun ke bawah. Pelupusan bayaran muka ini sangat penting bagi membolehkan pembeli di kalangan profesional muda dapat menggunakan dana caruman akaun 2 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi menampung kos pengurusan guaman dan insurans pembelian rumah.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pecahan kos, harga sebuah rumah terbahagi kepada 60% kos tanah, 30% kos pembinaan dan 10% kos guaman dan insurans. Sekiranya sebuah rumah mampu milik berharga di antara RM200,000 ke RM400,000, pembeli terpaksa menanggung kos guaman dan insurans sekitar RM20,000 hingga ke RM40,000. Dengan jumlah dana tabungan yang terhad dalam akaun 2, bagi mereka yang bekerja 10 tahun di dalam perkhidmatan, adalah mustahil untuk mereka mampu menyediakan kos di sekitar RM40,000 ke RM80,000 untuk menanggung bayaran muka kos guaman dan insurans perumahan.

Pada masa ini pembeli terpaksa menanggung 2 kos yuran guaman bagi perjanjian dengan pihak pemaju dan bank berjumlah RM7,000 hingga RM10,000 bagi setiap satu perjanjian, manakala RM20,000 lagi bagi kos insurans perumahan. Justeru itu, saya amat berharap kerajaan akan mempertimbangkan kekangan terhadap golongan profesional muda dalam menyahut seruan kerajaan untuk memiliki rumah mampu milik yang dilancarkan sejak pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga selaku Menteri Kewangan dalam Bajet 2015. Walaupun perumahan menjadi masalah keutamaan kerajaan dalam Bajet 2015, namun pelupusan bayar muka akan menjadi pemudah cara untuk golongan muda memiliki rumah mampu milik berdasarkan kemampuan kewangan mereka yang terhad.

Bebanan profesional muda terutama di bandar-bandar utama adalah kos tunai awal untuk menampung permintaan pasaran. Jadi, adalah wajar kerajaan menimbangkan cadangan untuk melupuskan bayaran 10%. Tuan Yang di-Pertua, sehingga 1 Ogos 2014, 52,893 orang pemohon mendaftar diri bagi mendapatkan 12,038 unit rumah dan pada masa ini 10 projek membabitkan 4,886 unit rumah telah diluluskan. Bagi pihak golongan profesional muda, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan di atas usaha berterusan beliau untuk membantu merencanakan sektor pembinaan rumah. Pelupusan bayaran 10% ini tidak akan menjejaskan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Yang Berhormat Kuala Selangor. Yang Berhormat Kuala Selangor, saya ingin minta pandangan daripada Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya rasa baru-baru ini kerajaan ada mencadangkan supaya skim sewa beli yang seperti mana seorang membeli kenderaan diperkenalkan juga untuk pembelian rumah. Jadi, setujukah dengan saya, Yang Berhormat Kuala Selangor, supaya skim yang diperkenalkan kepada profesional muda ini supaya untuk dipermudahkan lagi saya rasa skim sewa beli itu patutnya diimplementasikan juga.

Sebab saya rasa kalau profesional muda lebih cara relatif lebih mudah untuk memiliki kenderaan atas dasar skim sewa beli itu, mungkin soalan yang sama juga boleh diperkenalkan dalam isu pembelian rumah ini. Apa pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor. Terima kasih.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Pada hemat saya apa yang saya sebutkan ini juga adalah berkaitan dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sepang ini kerana di dalam konteks pembelian rumah ini juga ada berkaitan juga dengan skim sewa beli. Ini kerana dalam konteks ini juga merupakan satu penambahbaikan terhadap apa yang dilakukan pihak kerajaan menerusi Skim Rumah Pertamaku.

■1840

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak golongan muda, saya melihat pelupusan bayaran 10% tidak akan menjejaskan industri perumahan. Walaupun ini mungkin meningkatkan jumlah hutang isi rumah, namun ia merupakan langkah proaktif ke arah membantu golongan muda memiliki rumah pertama mereka dan sekali gus meringankan beban menanggung kos sewaan yang begitu tinggi di kawasan bandar-bandar utama.

Memiliki rumah sendiri dengan suasana kehidupan yang kondusif akan menjadikan generasi muda terutama yang berkeluarga akan lebih proaktif dalam penghasilan kualiti kerja dan sekali gus meningkatkan produktiviti negara ke arah negara maju. Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk mewujudkan Jawatankuasa Khas Kabinet menangani masalah perumahan rakyat supaya rakyat terutamanya yang mempunyai ketidakupayaan memiliki rumah dalam konteks generasi muda dapat dibantu.

Tuan Yang di-Pertua, 'Merdeka' merupakan antara laungan keramat yang kita dengar apabila setiap kali tibanya 31 Ogos. Walau bagaimanapun, sekadar melaungkan 'Merdeka' sahaja tidak mencukupi. Malah setiap rakyat Malaysia khususnya generasi muda hari ini harus memahami erti kemerdekaan yang sebenar dan seterusnya memupuk dan menanam semangat patriotisme, setia kepada Raja dan negara dan cintakan negara sepenuh jiwa dan raga. Saya amat bersetuju dengan Titah Sultan Perak iaitu Raja Dr. Nazrin Shah dalam Syarahan Angkatan Tentera Malaysia 2013 di Wisma Perwira ATM, Kementerian Pertahanan.

Baginda menggesa kerajaan mengutamakan pendidikan asas kenegaraan bermula di peringkat sekolah dengan menyemai semangat setia kepada Raja dan negara sesuai dengan kedaulatan Yang di-Pertuan Agong. Ketika bertitah, baginda melahirkan kebimbangan kita akan muncul lebih ramai individu seperti pengguna *Facebook* dengan nama Melissa Gooi yang ditahan kerana didakwa mengeluarkan kenyataan yang menghina Yang di-Pertuan Agong akibat kejahilannya tentang fungsi Raja-raja di negara ini dan orang ini dikatakan amat ramai di negara kita.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan kurikulum Raja Berperlembagaan yang harus diwajibkan bermula daripada sekolah rendah, menengah sehinggalah ke peringkat pengajian tinggi serta semua program induksi perkhidmatan awam diperkenalkan. Kurikulum ini mesti menjadi satu kursus wajib untuk semua pelajar sama ada di IPTA dan juga IPTS. IPTA pada masa sekarang hanya diwajibkan mengambil Hubungan Etnik dan subjek Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS). Kursus ini boleh dikawal selia oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang mana skop dan sukatan pelajaran adalah mengikut piawaian yang ditetapkan oleh MQA. Kurikulum ini berkait rapat dengan jati diri dan semangat cintakan negara, termasuk memahami asal usul sejarah dan sistem kerajaan negara kita. Tun Dr. Mahathir Mohamad pernah berkata patriotisme semakin hilang di kalangan generasi muda. Justeru itu, usaha-usaha pemupukan ini perlu dilakukan oleh orang-orang dewasa untuk menghidupkan dalam sanubari generasi muda tentang patriotisme. Patriotisme adalah unsur penting dalam menghidupkan semangat perpaduan dan perpaduan dalam kesatuan hala tuju negara.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga telah mempamerkan komitmen yang tinggi dan berterusan dalam usaha membanteras gejala rasuah ke akar umbinya serta memastikan integriti dan ketelusan menjadi pedomam semua, tidak kira di sektor kerajaan mahupun swasta. Usaha dan langkah yang diambil oleh kerajaan membuktikan hasilnya yang juga dapat kita lihat dalam kedudukan CPI yang telah jatuh. Pada tahun 2012, *score* CPI Malaysia meningkat daripada kedudukan ke-60 kepada kedudukan ke-54. Laporan *Transparency International* dalam *Global Corruption Barometer* 2013 menunjukkan keputusan *survey* kurang daripada 5% daripada jumlah responden yang terlibat menyatakan pernah memberikan rasuah kepada mana-mana agensi daripada lapan yang

disenaraikan dalam masa satu tahun. Ini meletakkan Malaysia dalam kalangan negara-negara seperti Australia, Belgium, Kanada, Croatia, Denmark, Finland dan sebagainya.

Ketika negara mencapai kemerdekaan 56 tahun yang lalu, Bapa Kemerdekaan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang juga Perdana Menteri Malaysia pernah menekankan betapa pentingnya kita perlu menghapuskan sama sekali tiga elemen tidak sihat dalam memastikan pembangunan yang mapan. Tiga elemen yang dimaksudkan ialah rasuah, komunis dan komunalisme. Keyakinan masyarakat terhadap usaha kerajaan membanteras rasuah sangat penting. Persepsi rakyat masih menjadi cabaran utama kerajaan dalam membanteras jenayah dan memerlukan tempoh masa yang lama untuk mengubah serta mendidik rakyat tentang kesan gejala rasuah dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Myanmar telah memuji langkah yang diambil oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Kerajaan Malaysia dalam usaha pencegahan rasuah serta penglibatan dalam inisiatif penubuhan pasukan *Task Force United Nations Convention Against Corruption* sehingga berjaya menyelesaikan proses penilaian dalam tempoh setahun. SPRM diberikan pengiktirafan semasa *National Seminar on Implementation of UNCAC* anjuran Pejabat Pertubuhan Bangsa Bersatu mengenai dadah dan jenayah dan Pejabat Pendakwa Raya Myanmar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan usaha ini diteruskan dengan serius, saya ingin mencadangkan supaya satu kerjasama strategik dijalankan antara SPRM, PDRM, Jabatan Kastam dan Jabatan Imigresen dengan mengadakan pertukaran pegawai (*exchange the officers*) untuk perang rasuah yang lebih efektif, khususnya di semua agensi kerajaan GLC di mana kerjasama strategik ini membolehkan lebih banyak sumber digembleng bersama untuk memastikan rasuah dibanteras di semua peringkat. Sebagai contoh, gerakan untuk memerangi rasuah iaitu khususnya dalam memerangi judi haram, ketirisan diesel, penyeludupan dan lain-lain.

Seterusnya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang telah membongkar sindiket penyeludupan dan membuat tangkapan ke atas seramai 24 individu termasuk 12 pegawai Kastam pelbagai pangkat baru-baru ini. Susulan pemantauan lebih setahun, SPRM berjaya menumpaskan sindiket terbesar penyeludupan barang-barang di Lembah Klang yang mengelak dari membayar duit Kastam melibatkan lebih RM1 bilion di mana akibat tindakan itu, kerajaan dipercayai mengalami kerugian lebih RM2 bilion. *Transparency International Malaysia* juga memuji kejayaan SPRM ini.

Saya yakin dan percaya pegawai-pegawai SPRM mempunyai keazaman untuk memastikan rasuah dapat dibanteras sehingga akar umbi. Rasuah harus diperangi secara serius di semua peringkat. Usaha ini tidak boleh diserahkan kepada SPRM semata-mata dan rakyat juga perlu memainkan peranan. Pertubuhan kerajaan ada juga peranan, begitu juga pihak industri dan juga perniagaan. Tidak ketinggalan juga ahli-ahli politik dan penggubal undang-undang. Saya juga memuji dengan penglibatan pihak kerajaan dan juga pihak pembangkang dalam Jawatankuasa Memerangi Rasuah Parlimen yang sering mengadakan perbincangan mengenai hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah di atas...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, saya- terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya sangat tertarik dengan kupasan dan hujah-hujah Yang Berhormat dan menunjukkan komitmen yang begitu tinggi dalam usaha memerangi rasuah. Satu perkara yang saya tertarik dalam Titah ke Bawah Duli Tuanku Sultan Perak Raja Nazrin sewaktu merasmikan ulang tahun SPRM baru-baru ini iaitu baginda menyentuh tentang pelaku rasuah kategori kedua. Pelaku rasuah kategori pertama ini ialah akibat daripada pengagihan kekayaan yang tidak sama rata yang mendedahkan mereka ini melakukan amalan-amalan rasuah.

Kategori kedua ini terdiri daripada kalangan yang bersifat tamak, bersifat haloba. Secara umumnya kata Tuanku Sultan Perak Raja Nazrin, daripada kumpulan atasan berjawatan tinggi, bernaftu tinggi, mengamalkan gaya hidup mewah, gaya hidup megah. Pelaku rasuah dalam kategori ini amat licik melakukan rasuah secara sofistikated, bijak membersihkan tangannya daripada sebarang lumpur kekotoran, tidak mudah untuk disabitkan, di samping sebahagian mereka mempunyai hubungan intim dengan orang-orang atasan.

Jadi, saya hendak dapatkan penjelasan. Kalau tidak silap, Yang Berhormat juga merupakan anggota dalam SPRM. Apakah langkah-langkah dan peranan anggota Yang Berhormat dalam jawatankuasa ini untuk hendak memastikan supaya apa yang disarankan oleh ke Bawah Duli Tuanku Raja Nazrin itu iaitu pelaku rasuah kategori kedua yang disebut oleh Tuanku.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Saya fikir untuk mendapat jawapan tersebut, salah seorang Ahli JKMI juga merupakan Ahli Parlimen Kota Bharu yang mana kita telah ada satu laporan khas mengenai perkara yang dibangkitkan. Saya rasa elok boleh dirujuk juga dengan sahabat Yang Berhormat, Yang Berhormat Kota Bharu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana kerajaan prihatin tentang pembangunan dan kebajikan nelayan yang sentiasa menghadapi pelbagai cabaran hidup yang mana masyarakat nelayan merupakan antara kumpulan istimewa di mana kerajaan sentiasa mengutamakan kebajikan mereka dengan bantuan-bantuan yang sewajarnya.

■1850

Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan hasil daripada apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Pekan khususnya dalam pembentangan bajet mengenai pembangunan kebajikan nelayan, saya ingin mencadangkan juga agar kerajaan membangunkan satu instrumen untuk mengukur kesejahteraan sosial peladang, penternak dan juga nelayan yang sebenar kerana pendapatan per kapita sahaja tidak dapat menjadi indikator untuk mencerminkan kesejahteraan keseluruhannya. Ini juga penting selaras dengan apa yang dinyatakan kekayaan individu mencerminkan kesejahteraan sosial nya dalam generasi umum yang mana kesejahteraan sosial merangkumi pelbagai indikator lain dan selain daripada pendapatan per kapita dan juga kekayaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan ucapan berbilang-banyak tahniah di atas pembentangan bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan dan *insya-Allah*, saya amat yakin dan percaya dengan apa yang dinyatakan oleh beliau ini akan berjaya mewujudkan satu bajet yang berwawasan dan berwibawa dengan fokus ekonomi jangka panjang. Saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2015. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ampang.

6.51 ptg.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Dato' Sri Pengerusi. Dato' Pengerusi kah Dato' Sri sudah? Sudah berseri dah [Ketawa] *Alhamdulillah*. Saya ucapkan terima kasih kerana dapat mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2015 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 10 Oktober 2014 yang lalu.

Apabila saya meneliti ucapan dan persediaan belanjawan yang telah dibuatkan dan telah dibentangkan oleh Perdana Menteri, kami dapati pentadbiran Yang Amat Berhormat Pekan memberikan gambaran program-program membela golongan miskin dan berpendapatan rendah ialah punca kemurungan ekonomi negara. Subsidi petrol dan diesel yang banyak membantu mengelakkan kenaikan harga barang dan diperlukan oleh golongan berpendapatan rendah di pedalaman diuar-uarkan sebagai bebanan yang boleh memusnahkan ekonomi negara. Hujah-hujah Menteri banyak menampelak rakyat yang kononnya terus membebaskan kerajaan seolah-olah hasil pendapatan negara ini disumbangkan oleh Menteri-menteri.

Bajet 2015 yang bertemakan, "*Ekonomi Keperluan Rakyat*" sebenarnya ialah ekonomi menindas rakyat. Rancangan ekonomi dan dasar-dasar yang dibawa oleh pentadbiran Pekan semakin luntur kebajikannya. Belanjawan kali ini ibarat mimpi ngeri rakyat apabila subsidi ditarik, cukai GST dikenakan, gaji yang tidak setimpal, harga minyak yang tidak sepatutnya naik- kata PRU Ke-13 janji harga minyak tidak naik tetapi harga minyak naik berkali-kali. Bajet menindas rakyat ini juga membuat harga barang naik. Bajet menindas rakyat juga mengakibatkan kos kehidupan yang tinggi. Bajet menindas rakyat ini

juga tidak mampu untuk membanteras ketirisan rasuah dan juga salah guna kuasa. *[Disampuk]* Ha, dengar itu. Kita kalau dengar di sebelah sana asyik puji-puji sahaja. Kita dengar sini betul sedikit. *[Ketawa]*

Jadi, saya hendak menyentuh tentang tenaga pekerja yang ada di negara kita. Sebanyak 13.3 juta pekerja yang ada dalam negara kita. Kita lihat pekerja di Malaysia belum lagi bebas daripada belenggu gaji rendah yang tidak setimpal dengan produktiviti mereka atau kenaikan sara hidup. Melalui KDNK, hanya 33.6% sahaja sampai kepada rakyat dalam bentuk upah dan gaji dan manakala 22.2% kepada kerajaan dalam bentuk cukai. Manakala 64.2% daripada keseluruhan saiz ekonomi dipegang oleh syarikat dan pemilik perniagaan dalam lebihan keuntungan operasi. Laporan yang sama juga menunjukkan purata kenaikan gaji tahunan semenjak tahun 2010 sehingga 2013 hanyalah pada kadar 4% sahaja manakala nisbah gaji pekerja kepada klon KDNK di Malaysia hanyalah pada 33.6% berbanding tahap negara maju seperti Norway – 51.3%, Sweden – 53.8% dan Australia – 48.7%.

Melihat pada keadaan ini, jika Malaysia mahu mencapai status negara maju pada tahun 2020, majikan di Malaysia perlu menaikkan gaji secara purata satu kali ganda dalam tempoh enam tahun akan datang supaya perkongsian ekonomi negara dalam bentuk gaji dan upah pekerja setara dengan negara-negara maju pada angka 66%. Kenaikan gaji jumlah yang setimpal ini akan menghasilkan sebuah masyarakat yang lebih sejahtera dan mengurangkan jurang kemiskinan, membantu lebih ramai golongan berpendapatan rendah menjadi golongan berpendapatan sederhana lalu melahirkan masyarakat kelas menengah yang lebih yakin dengan kedudukan mereka. Masyarakat yang mempunyai keyakinan diri dan tidak mudah terpengaruh dan dieksploitasi anasir perkauman justeru mewujudkan kestabilan negara. Masyarakat dan negara yang stabil membuka ruang membolehkan rakyat berbelanja lebih lalu bersama-sama memacu perkembangan ekonomi negara.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Kalau ini dapat dilaksanakan, tidak perlulah beri BR1M. Tiap-tiap tahun BR1M, tidak tahu sampai bila BR1M ini akan dilaksanakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong bangun.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Daripada RM650, sampai RM950, sampai beberapa tahun lagi sekiranya ditarik-tarik semua subsidi dan diberikan BR1M. Ini bukan satu perancangan ekonomi yang berbentuk jangka panjang Yang Berhormat Lenggong. Ini berfikir pendek dan dangkal, Yang Berhormat Lenggong. Duduk Yang Berhormat Lenggong. Tidak perlulah *[Ketawa]* Tadi dia tidak *touch* itu pun.

Perkara kedua yang saya hendak sebut Tuan Yang di-Pertua adalah kononnya Yang Berhormat Pekan meletakkan satu strategi yang kelima – memartabatkan peranan wanita. Kalau sungguh-sungguh hendak memartabatkan wanita, peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat setiap tahun macam 'tahi gigi'!

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Tahun ini RM2.2 bilion. Tidak jauhlah, sedikit sahaja naik turun.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ampang.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Itu sahaja yang mampu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ampang, beri sedikit sahaja.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *Get out of this...*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ampang boleh mencelah sedikit? Bolehlah Yang Berhormat Ampang.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Okey, okey.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya seronok dengar Yang Berhormat Ampang cakap ini. Tambah macam tidak ada orang ini, seronok dengar Yang Berhormat Ampang cakap.

Yang Berhormat Ampang, perjuangan untuk memartabatkan kaum wanita ini diperjuangkan oleh Yang Berhormat Ampang ini, saya cukup setuju. Memang seronok tetapi Yang Berhormat Ampang, tengok dalam Pakatan Rakyat. PKR sendiri, tengok Presidenya, tidak diberi tempat dan kedudukan yang sebetulnya. Itu menunjukkan bahawa dalam parti Yang Berhormat sendiri tidak diberi tempat wanita. Jadi bagaimana mungkin Yang Berhormat boleh kritik...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Okey, cukup. Faham, faham.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Faham?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *Alright*, okey. Saya sedihlah Yang Berhormat Lenggong, setiap kali bila isu wanita, soalan yang sama disebutkan tentang Presiden KEADILAN, seolah-olah tidak ada isu lain. Basi betullah Yang Berhormat Lenggong ini... *[Disampuk]* Jadi, apa-apa pun saya hendak sebut di sini Yang Berhormat Lenggong...

Seorang Ahli: Jawablah.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Barisan Nasional yang sudah 50 tahun memerintah...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Ini saya hendak jawab, saya hendak jawab, saya hendak jawab, tidak payah, duduk Yang Berhormat Lenggong. Saya hendak jawab. Saya hendak sebut KEADILAN baru 16 tahun berkecimpung dalam parti politik dan kita mampu meletakkan ramai wanita sebagai calon, mampu meletakkan ramai wanita dalam peringkat PBT, ramai meletakkan wanita dalam Exco dan calon-calon...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tengok Yang Berhormat Seputeh! Yang Berhormat Seputeh wanita juga pun kena buang daripada Exco.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Akan tetapi Barisan Nasional – Yang Berhormat Lenggong dengar ini, Yang Berhormat Lenggong dengar. Barisan Nasional 50 tahun tidak mampu meletakkan seperti apa Yang Berhormat Pengerang sebutkan tadi, tidak mampu meletakkan lebih 20% wakil wanita menjadi Menteri, menjadi Timbalan Menteri. Sebagai calon pun tidak mampu lagi malah meletakkan Yang Berhormat Pekan sebagai Menteri Wanita, seolah-olah tidak ada wanita yang layak untuk menjadi Menteri Wanita. Apa Yang Berhormat Lenggong senyum-senyum, gelak-gelak, tidak betul?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Okey, tidak apa. Cukup.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sebab Yang Berhormat Ampang boleh bercakap sahaja tetapi buat tidak ada.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Ya *insya-Allah*, kalau diberi kepercayaan, kita boleh buat. Dibahas beri kita, kita boleh buat... *[Disampuk]* Sebab itu kita mampu melaksanakan ini di Selangor, di Kelantan dan juga di Pulau Pinang. Kita mampu melakukan ini di kerajaan-kerajaan kita memerintah.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Cuba tengok statistik. Jadi Yang Berhormat Lenggong ini datang dengan tidak ada statistik. Cakap sahaja, sudah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Lenggong memang cakap kosong pada kita.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *[Disampuk]* Saya hendak sebut, *allocation* ataupun peruntukan telah diberi saya sebut tadi macam 'tahi gigi'. 90%...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit, sedikit. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Ampang. Yang

Berhormat Ampang, tadi Yang Berhormat Lenggong membangkitkan kononnya Presiden PKR tidak diberi tempat. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Ampanglah, pernahkah dalam sejarah di Malaysia ini ada mana-mana parti yang bersedia untuk mencalonkan seorang wanita sebagai Menteri Besar? Soal sama ada terima atau tidak terima, itu hal lain tetapi ada keberanian untuk menaikkan martabat wanita sehingga sampai ke peringkat MB. BN sudah perintah lama. Ada atau tidak keberanian itu? Soal dia tidak terima itu soal lain tetapi soal keberanian itu. Apa komen daripada dia?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Sepang pun cakap sahaja. Parti dia sendiri pun tidak setuju.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Hei! Diamlah.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang tidak setuju ini parti Yang Berhormat Sepang.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Okey, okey.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kita bukan tidak setuju. Siapa cakap tidak setuju?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dalam Dewan ini dia pandai cakap.

■1900

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Oleh sebab itu...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Parti dia sendiri tidak setuju.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *I am asking about* PKR, yang *you* hendak sibuk buat apa?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Jangan cakap orang lain. Orang yang tidak setuju presiden PKR jadi Menteri Besar ini parti Yang Berhormat Sepang.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Okey, okey.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Orang yang tidak berkenankan adalah Sultan, bukan kami. Apalah tidak faham?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Eh! Jangan tipulah Yang Berhormat Sepang!

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Okey, tidak perlulah Yang Berhormat Lenggong. UMNO...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Orang yang tidak setuju ini Yang Berhormat Sepang, parti Yang Berhormat Sepang.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Kalau PAS tidak setuju, buat apa UMNO patut boleh memperkasakan wanita UMNO untuk meletakkan mereka kepada jawatan yang terpenting dalam parti itu sendiri ataupun dalam kerajaan, 50 tahun lagi tidak mampu melakukan itu. So, jadi Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sebut ini bajet tahi gigi yang diberikan kepada wanita, okey. Sebanyak RM2.2 bilion. Hampir 50% untuk wanita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya pun tidak pasti sama ada perkataan tahi gigi itu...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Ya lah .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sesuai untuk wanita.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Itu bukankah ibarat pepatah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Pepatah. Itu pepatah Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Penghinaan.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Apa penghinaan? Lagi teruk *you all* punya perkataan penghinaan. Tahi gigi itu satu pepatah, tidak fahamkah?... [Dewan riuh] Okey, jadi 90% digunakan untuk pengurusan dan 10% sahaja untuk pembangunan. 90% pengurusan digunakan untuk kerja-kerja memberi sumbangan-sumbangan. Oleh sebab itu Yang Berhormat Pengerang tadi serang, kerana Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak mampu memberikan polisi-polisi yang lebih agresif yang boleh melonjakkan kedudukan wanita Malaysia di tempat-tempat yang lebih kritikal dan boleh membuat keputusan dan memberi sumbangan kepada negara ini.

Oleh sebab itu kita lihat dalam laporan *General Global Index*, kita terletak lagi di tangga 100 lebih, di bawah Filipina, India, Indonesia dan Thailand. Ini kerana kita tidak mampu melonjakkan untuk wanita, tidak ada invokasi. Di sini hanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebut, "Oh! Program Pengarah Wanita". Dari tahun lepas yang sama 125 sampai tahun ini pun 125, saya tidak tahu berapa sudah yang dapat dilahirkan. Beri kepada kita, 125 *anytime, one year we can do it* Yang Berhormat Lenggong... [Dewan riuh] Sama juga ini hanya...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Lenggong duduk Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Cakap sahaja Yang Berhormat Ampang. Selangor tidak buat pun.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: 30 tahun hendak masuk...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Itu 125 tahun yang lepas. Tahun ini 125 lagi, sudah jadi 250...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Dasar Ekonomi Baru.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tidak mungkin Yang Berhormat Sepang tidak tahu kira?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Ini sama saya hendak sebut juga Yang Berhormat Lenggong. Kelembapan Kerajaan Barisan Nasional, Dasar Ekonomi Baru 30% sudah 30 tahun pun tidak mampu untuk capai 30%. Masih lagi terhegeh-hegeh macam kura-kura dan siput. Jadi inilah perkara yang kita lihat, mesti ada kesungguhan untuk...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ampang, berucap pandang Speaker, jangan pandang Yang Berhormat Lenggong.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Tidak apa kerana Yang Berhormat Lenggong itu dia macam siput sedikit.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lawa sedikit. Oh! ingatkan *handsomekah* atau apakah.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: So, invokasi politik mesti ada dalam bajet itu. Dalam kesungguhan biar ramai lagi ahli politik wanita dapat duduk dalam Parlimen ini dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negeri agar dapat menyumbangkan lagi pandangan orang perempuan dan kedudukan orang perempuan yang sekarang ini banyak yang tertindas. Jadi ini menjadi satu perkara yang serius. Ia bukan sahaja orang perempuan betapa memperjuangkan untuk orang perempuan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Perempuan kah wanita ini?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Malah orang lelaki juga lebih patut memperjuangkan untuk orang wanita kerana ibu anda, isteri anda, anak anda, nenek anda adalah orang perempuan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Memanglah tidak mungkin lelaki pula? [Ketawa]

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tahu tidak apa.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Oleh sebab itu kena pejuang untuk orang perempuan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin sebut di sini tentang

bagaimana *support system* juga yang harus disediakan. *Support system* yang mana kita lihat rumah-rumah taska, rumah-rumah tadika yang disediakan tidak cukup lengkap. Kita sudah sampai satu tahap hendak mencapai sampai kepada negara maju. Maka tadika-tadika ini harus dilengkapi dengan satu *support system* dengan adanya jururawat ataupun doktor-doktor dalam pekeliling dan mengikut skala lawatannya agar anak-anak ini dipastikan dijaga dengan cara yang betul. Tidaklah ada kematian, tidaklah ada yang tercekik dan sebagainya.

Jadi ini juga memudahkan dan membuka ruang kepada ibu-ibu muda yang profesional yang ketika ini mereka- banyak yang kita telah labur dalam memberikan mereka satu *education system* ataupun satu pembelajaran. Akan tetapi apabila mereka berkahwin dan mereka tidak dapat meneruskan karier dan kerjaya mereka kerana kelahiran anak-anak ini. Mereka khuatir di dalam perjalanan orang-orang yang tidak sempurna ataupun orang-orang yang kelayakannya sangat kurang. Jadi ini kalau dapat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat boleh melihatkan satu sistem lagi penambahbaikan agar ibu-ibu muda ini tidak tinggalkan tenaga kerja dan dapat menghantar anak-anak ke taska-taska ini dengan hati yang lebih...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Minum air dahulu.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: ...Tenang agar dapat menjalankan tugas dan anak-anak mereka di dalam kawalan ataupun di dalam jagaan orang-orang yang *qualified* atau berkelayakan... [Disampuk] Saya hendak sebut di sini juga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat masih lagi tidak mampu ataupun kadang-kadang Kementerian Kewangan, Barisan Nasional masih lagi tidak mampu untuk melaksanakan *General Responsive Budgeting*. Berkali-kali dari tahun 2008 sampai tahun 2014 Tuan Yang di-Pertua. Kami daripada pembangkang ini, tanya Yang Berhormat Seputeh tiap-tiap tahun hendak tanya bila *General Responsive Budget*, tidak faham-faham lagi. Sebenarnya, mereka ini belum faham sepenuhnya apa itu GRB dan bagaimana untuk melaksanakan dan bagaimana hendak *apply* di semua kementerian? Ini masih lagi gagal kerana setiap bajet yang ada harus diperuntukkan dengan adilnya kepada rakyat Malaysia.

Jadi saya hendak cadangkan Tuan Yang di-Pertua, pemberian BR1M yang dinaikkan daripada RM650 kepada RM950 agar peranan wanita itu diiktiraf. Mereka juga adalah sebahagian daripada yang menyumbang kepada pembangunan mereka. Mereka juga adalah orang yang penting dalam menguruskan rumah tangga. So, kita patut memberikan mereka *financial independent* dan juga kuasa *scanning power, purchasing power*. Dengan ini saya cadangkan BR1M tambahan ataupun diberikan dua, separuh untuk para isteri yang duduk di rumah.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat, maknanya Yang Berhormat sokonglah BR1M.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Ini baru dinamakan *General Responsive Budgeting*.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tadi Yang Berhormat tidak sokong.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini masalah tidak beri...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini menunjukkan Yang Berhormat sokong BR1M. Terima kasih banyak-banyak.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Jadi yang ini... [Dewan riuh]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, ini dekat luar bila bising ini... Tengok, ini masalah.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih banyak-banyak. [Dewan riuh]

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Siapa yang sokong angkat tangan bangun? Siapa sokong bangun.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Duduklah Yang Berhormat Lenggong, jangan kacau.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Hari ini suruh bangun pula.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Lenggong, bangun Yang Berhormat Lenggong... [Dewan riuh]

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Itu membuktikan memang Yang Berhormat Ampang sokong BR1M.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Lenggong setuju, bukan? Sila bangun siapa setuju. Lekaslah Yang Berhormat Lenggong, semua suruh bangun, saya setuju... [Dewan riuh] Okey, jadi ini merupakan- kaum ibu mereka menyediakan makanan untuk anak-anak dan keluarga. Jadi kita ada jaminanlah sekiranya ada terjadi apa-apa kepada suaminya. Jadi makanan di rumah itu tetap ada untuk anak-anak dan keluarga. Ini juga saya hendak sarankan di peringkat nelayan juga yang diberi daripada RM200 kepada RM300 diberikan jugalah kepada para isteri yang menjaga ekonomi rumah tangga. Setuju, ya?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Jadi Yang Berhormat Ampang setuju, bukan?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Perkara yang seterusnya saya hendak sebut tentang pembangunan belia, ya. Tadi ada yang sebut tentang PLKN. Saya ingat Yang Berhormat Kuala Selangorkah sebut PLKN. Saya setuju dengan *revamp system* itu ada fokus tentang kemahiran dan sebagainya. Saya rasa PLKN ini adalah untuk membangunkan jati diri, *endurance stairs* dan kebolehan mereka untuk menghadapi dengan cabaran-cabaran. Jadi kalau hendak buat PLKN ini, satu lagi kursus kemahiranlah, keusahawananlah, mana ada fokus Tuan Yang di-Pertua? Sedangkan ada pengguna yang lain yang ada seperti AIMlah dan macam-macam yang ada diberi itu, sudah cukup. Ini sudah cukup. Ini mesti fokus kerana ia adalah untuk membina jati diri kononnya untuk membina patriotisme yang BTN bersungguh-sungguh masuk dalam PLKN ini. Tidak perlu hendak masuk Kursus Kemahiran Keusahawanan. Biar fokus yang ini dahulu.

Saya juga hendak mencadangkan daripada tahun 2008- saya juga mencadangkan- apa yang saya cadangkan? Agar ada perpisahan di antara latihan antara peserta wanita dengan peserta lelaki. Kita ada banyak kem. *Why not two or three of them*, dengan izin disediakan khas untuk peserta wanita dan dengan pelatih wanita agar tidak ada campur gaul yang sangat terlalu tidak terkawal? Terdapat banyak kes rogol dan kes cabul yang telah berlaku. saya minta Kementerian Pertahanan menyemak perkara ini kerana penyertaannya juga ramai. Jadi boleh kita pisahkan antara peserta wanita dengan peserta lelaki.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua saya hendak sebut tentang *education*, pendidikan yang mana saya hendak sentuh tentang pendidikan OKU. Di negara ini kita ada ramai OKU. Hampir 55,000 orang murid boleh dikategorikan di dalam kumpulan OKU ini iaitu mereka yang ada *learning disability*.

■1910

Jadi termasuklah autisme, *dyslexia*, *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* [ADHD] yang mereka ini dimasukkan, dilonggokkan dengan kumpulan OKU tanpa ada pemisahan kategori-kategori yang khusus yang diperlukan mereka. Jadi saya mintalah agar kementerian menggunakan bajet yang ada untuk memberikan *education* atau pendidikan yang khusus kepada *student*, murid-murid yang ada keperluan yang telah saya sebutkan. Sekarang yang dia ada, adalah mereka longgokkan dalam satu kelas dengan murid-murid yang biasa.

Jadi murid-murid ini kadang-kadang tercicir, tertinggal dan guru tidak ada masa untuk fokus kepada mereka. Jadi bajet yang digunakan untuk *develop* pemegang-pemegang PhD mesti dia adalah ada juga di antara mereka yang ada pengkhususan dalam bidang pendidikan untuk OKU... [Disampuk]

Belum habis, sebab itulah PERMATA- ha, duduk Yang Berhormat Lenggong. Jadi maka PERMATA yang diberikan *allocation* ataupun bajet peruntukan yang banyak dari tahun ke tahun patutnya boleh fokus, mengambil spesifik golongan di antara pembelajaran daripada anak-anak daripada golongan OKU ini kerana banyak 55,000 yang mengalami masalah pembelajaran di kalangan anak OKU. Jadi boleh cadangkan Yang Berhormat Lenggong kepada Yang Amat Berhormat Pekan agar duit PERMATA itu digunakan untuk orang-orang OKU ini, murid-murid OKU ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh tentang..

Beberapa Ahli: Sungai Siput.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Siput, ha, itu siput orang Barisan Nasional sahaja siput [*Ketawa*] Tentang kes...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ampang.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Ya..

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Hendak mencelah sikit, Yang Berhormat Kapar.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Okey.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya hendak mencelah, Yang Berhormat Lenggong tetapi dia tidak berani, dia tak *gentle* langsung. Selepas itu sini bising-bising pula.

Persoalan saya adalah kena-mengena dengan PERMATA. Kita tahu RM711 juta telah diberikan kepada Kementerian Pendidikan, Tabika KEMAS, PERMATA dan Tabika Perpaduan lebih-lebih lagi untuk pendidikan awal. Persoalannya ialah, kita sudah ada tabika kemas, kita sudah ada tabika perpaduan, Kementerian Pendidikan pun diberi untuk pendidikan awal kanak-kanak. Selepas itu ada wujud pula PERMATA. Nampak sangat sekarang ketara, tidak ada perbezaan di antara Tabika KEMAS, PERMATA, Tabika Perpaduan dan Kementerian Pendidikan juga. Kementerian Pendidikan pun ada perbezaan dia. Setiap kali ditanya, ini jawapan Kementerian Pendidikan, umur, umur, umur tetapi tidak ada kena-mengena umur dia. Spesifikasi itu tak selengkap dan tidak didefinisikan dengan betul.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kapar engkau tanya apa ini?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Engkau fahamlah! Itu dia faham. Kementerian Kewangan faham.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Betul Yang Berhormat Kapar, terima kasih Yang Berhormat Kapar. Dan juga saya hendak sentuh tentang ketidaktelusan dalam Dewan Rakyat ini apabila kami minta menjelaskan perbelanjaan PERMATA daripada tahun 2008 sampai sekarang tidak pernah kita dapat ke perincian perbelanjaan PERMATA ini. Oleh sebab itu saya kata tadi, sepatutnya PERMATA mengkhususkan dalam bidang pembelajaran anak-anak OKU dan juga PERMATA boleh *champion this course*. Jadi PERMATA jangan menempel-nempel. Ini yang dilakukan Yang Berhormat Kapar, menempel-nempel dekat Tabika KEMAS, menempel dekat Kementerian Pendidikan, menempel dekat anak-anak yang saya sebut pada Menteri, autisme dan sebagainya. Buat program yang spesifik. Jadi kita akan dapat hasilnya maka rakyat pun tak akan bising. Ini kacau saya, nanti tak habiskan ini. Saya sampai pukul 7.30 bukan?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Hoi, lama lagi itu.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Ya?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bagi Yang Berhormat Kapar.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Hendak tanya apa? Hendak tanya pasal PERMATA lagi?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Pasal PERMATA tadi.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Tidak habis-habis PERMATA, sudah, cukup! [*Ketawa*] Saya hendak sebut tentang permasalahan rakyat termiskin, miskin kota dan papa.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: [*Menyampuk*]

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Jadi, kalau hendak tanya pasal rakyat termiskin, miskin kota, boleh. Seperti terpengilnya masalah pendidikan murid

OKU tadi, maka miskin bandar dan orang papa adalah sebuah realiti permasalahan yang perlu ditangani segera. Mereka ini terdiri daripada rakyat Malaysia yang bergelandangan di Kuala Lumpur dan tidak mempunyai tempat tinggal akibat kemiskinan. Masalah warga kota ini lebih menyedihkan apabila Kerajaan Barisan Nasional menggunakan Akta Orang Papa, orang papa ya, bukan papa. Akta Orang Papa 1997 sebagai platform untuk pihak pegawai kebajikan masyarakat dan pihak berkuasa untuk menangkap reman dan menahan sehingga tiga tahun mana-mana rakyat Malaysia yang dianggap papa. Saya memandang perkara ini aneh kerana mereka ini ditangkap atas kesalahan menjadi orang miskin dan tinggal di tepi jalan.

Saya juga ingin menyentuh bila berurusan dengan orang papa ini, terlampau banyak sangat birokrasi. Hendak bagi duit, warga gelandangan yang dinafikan hak untuk mendapatkan bantuan hanya kerana mereka hidup bergelandangan dan tidak mempunyai alamat rumah. Sudahlah tidak ada alamat rumah, bila hendak minta bantuan, hendak minta alamat rumahlah, dekat mana tinggal. Sudahlah mereka dikatakan gelandangan, tidak ada rumah tinggal tepi jalan. Mana hendak cari alamat? Dia bukan macam Barisan Nasional buat pengundi hantu... [Dewan riuh]

Jadi yang keduanya juga, sudahlah tidak ada alamat, minta pula bank akaun. Sudahlah miskin papa, makan pun tidak mampu, hendak minta bank akaun. Bagaimana mereka hendak dapatkan bantuan ini? Jadi saya minta agar Menteri Wanita akan menjaga kebajikan itu, memberi kelonggaran apabila untuk mahu menolong keluarga-keluarga rakyat-rakyat gelandangan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ampang, ada empat minit lagi.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Haiyo! Okey, oleh sebab tinggal empat minit, saya ingin hendak sentuh tentang isu di Ampang. Saya hendak sebut lagi kepada Kementerian Pendidikan. Sudah beberapa kali dah kita sebut, Bukit Antarabangsa sudah sewajarnya dibina sebuah sekolah rendah, sekolah menengah kerana penduduknya punya *the density of the population* sudah cukup dengan izin Tuan Yang di-Pertua untuk kita membina sebuah sekolah rendah dan menengah. Tanah sudah disediakan oleh kerajaan negeri tetapi Kerajaan Pusat tahun lepas kata ya, akan *start* untuk mengambil tetapi tidak ada apa-apa lagi yang bergerak sampai sekarang. saya mintalah, tidak ada diskriminasi dalam kes ini kerana rakyat memerlukan *facilities*, kemudahan yang patut diberikan kepada mereka. Oleh sebab itu saya minta Kementerian Pendidikan pandang serius tentang hal ini.

Satu lagi yang saya hendak sebut kepada Menteri KPKT tentang tapak *Highland Towers*. Sudah hampir 20 tahun tapak *Highland Towers* menjadi tempat hantu, tempat *drug addict*, penagih dadah punya sarang dan tempat orang yang tidak ada rumah, tempat *gangster* menjadi tempat sarang mereka. Jadi, cuba lihat balik polisi ini kita *review* balik, semak balik dan keluarkan *provision of the practical* kerana provisi yang ada tidak praktikal langsung, membiarkan rumah terbengkalai. Kalau daripada Perlis itu berjalan sampai ke Johor, di sepanjang jalan itu bukan main banyak lagi rumah-rumah projek terbengkalai. Jadi bila saya lihat, saya kata, alamak sedihnya membazirnya kalau tempat-tempat ini boleh diusahakan, boleh dimanfaatkan mungkin kepada orang-orang miskin pun, itu lagi bagus. Jadi polisi-polisi itu harus disemak balik agaknya ia lebih praktikal dan tidaklah sampai 25 tahun biarkan terbengkalai, biarkan menjadi tempat sarang penagih dadah, sarang apa-apalah, semualah. Jadi itu saya mintalah Yang Berhormat Menteri untuk melihat perkara ini.

Sebagai penutup Tuan Yang di-Pertua, saya lihatlah Bajet 2015 yang dibentangkan oleh Pekan, bajet kononnya keperluan rakyat yang sebenarnya menindas rakyat. Cuba kita bandingkan dengan Belanjawan Pakatan Rakyat iaitu belanjawan harapan rakyat! Di sini kita tidak kenakan subsidi, tidak tarik subsidi, tidak kena GST, tetapi ada cara lain untuk mendapatkan, mendatangkan hasil kepada negara. Janganlah hendak tuju kepada rakyat sahaja, sasar kepada rakyat sahaja. Bila apa, cakap rakyat, rakyat. Semua hendak menghukum rakyat tetapi ada cara-cara lain. Ketirisan, keborosan, rasuah, salah guna kuasa, ini patut dibendung. Kalau dibendung, *insya-Allah* kita tidak payah lakukan, laksanakan GST pada tahun 2014.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, gulung ya.

Dengan pelbagai pemberian wang yang kononnya bagi meringankan beban rakyat seolah-olah dijadikan pengemis saban tahun menunggu wang ihsan dari kerajaan, so ekonomi kepada rakyat ini sebenarnya adalah ekonomi menindas rakyat kerana rakyat tidak perlu penarikan subsidi. Rakyat tidak perlukan GST. Rakyat tidak perlukan kenaikan harga minyak, rakyat tidak perlukan gaji yang tidak setimpal, rakyat tidak perlukan kenaikan harga barang, rakyat tidak perlu ketirisan, rakyat tidak perlu kebocoran, rakyat tidak perlu rasuah, rakyat tak perlu salah guna kuasa, rakyat tidak perlu pengagihan hasil negara yang tidak adil dan rakyat tidak perlu kos sara hidup yang tinggi. Rakyat juga tidak perlu Kerajaan Barisan Nasional pada PRU-14 yang akan datang, insya-Allah [Tepuk] Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

■1920

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Paya Besar. Berapa minit Yang Berhormat Paya Besar, 15 minit?

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: 20 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: 20? Sila.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan lafaz *Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah rabbil alamin, wabihi nasta'in*. Terima kasih kerana memberi saya ruang dalam membahaskan sejumlah wang daripada Kumpulan Yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2015 yang kita kenali juga sebagai Bajet 2015. Saya mengalu-alukan pembentangan Yang Berhormat Perdana Menteri yang melihat Bajet 2015 ini ialah satu ekonomi keperluan rakyat dalam Dewan Rakyat yang mulia ini pada 10 Oktober yang lalu. Sebelum saya memanjangkan lagi perbahasan ini tidak lupa saya ingin mengucapkan tahniah kepada Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee di mana tahun ini merupakan tahun yang amat bertuah bagi beliau.

Pertamanya pada bulan Februari lepas, Yang Berhormat telah dianugerahkan darjah Seri Mahkota Wilayah yang membawa gelaran Datuk Seri. Keduanya saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Seri yang selalu pentingkan ilmu sehingga akhirnya menamatkan pengajian Yang Berhormat Datuk Seri di Universiti Sains Malaysia dalam bidang Doktor Falsafah *Political Sociology*, dengan izin. Jadi, Yang Berhormat sekarang pun bergelar Doktor. Tidak lupa juga Yang Berhormat Datuk Seri, saya bersama rakan-rakan dalam Dewan Rakyat ini mengucapkan tahniah di atas pemilihan sebagai *Vice Chairman of The Executive Committee of The Commonwealth Parliamentary Association* (CPA). Moga dengan usaha gigih Yang Berhormat Datuk Seri dan pengalaman serta sumbangan yang boleh dicurahkan dalam CPA sudah pasti menaikkan nama Parlimen Malaysia dan nama negara ini dengan lebih harum di persada antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, balik semula kepada perkara pokok dalam Bajet 2015 ini, saya menyifatkan apa juga yang dibentangkan oleh kerajaan ialah hasil daripada kehendak rakyat pada era ekonomi semasa. Kalau kita amati betul-betul pembentangan bajet kali ini, ianya terang-kum bagi setiap lapisan masyarakat tidak kira kelompok kanak-kanak, remaja, belia, dewasa, orang tua, pesara, kakitangan awam dan swasta dan sebagainya. Mana mungkin setiap rakyat tercicir dalam menikmati Bajet 2015 ini. Setidak-tidaknya saya percaya semua rakyat jelata dapat menerima agihan yang saksama mengikut keperluan semasa.

Bagaimanapun saya percaya dan kerajaan pun percaya dan mengetahui tidak semua perkara itu boleh memuaskan hati manusia sekalian. Namun secara prinsipnya kesyukuran itu penting dan perlu ditunjukkan dalam kalangan rakyat sekalian. Ini boleh kita sandarkan pertumbuhan ekonomi Malaysia mengukuh daripada 6.2% dalam tempoh suku pertama kepada 6.4% dalam tempoh suku kedua tahun 2014. Ia ialah pertumbuhan paling tinggi yang dicatat sejak suku keempat tahun 2010 dan menurut laporan ekonomi 2014-2015, pertumbuhan seperti itu disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan dan diperkukuhkan oleh eksport yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, seharusnya rakyat perlu berterima kasih kepada usaha gigih Yang Berhormat Perdana Menteri dalam memperkenalkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mesra pelaburan, mesra perniagaan, mesra prasarana serta mesra rakyat. Hasilnya ialah Malaysia meningkat tiga anak tangga kepada kedudukan ke 12 pada tahun 2014 daripada tangga ke 15 pada tahun 2013. Menurut IMD *World Competitiveness Year*

Book 2014. Mengikut laporan *World Bank Doing Business* 2014 pula, Malaysia melonjak kepada kedudukan ke-enam daripada tangga ke-12 pada 2013.

Sementara itu Malaysia memperbaiki kedudukannya di tangga ke-20 daripada tangga ke-24 dalam kalangan 144 negara yang ditinjau oleh *World Economic Forum* dalam Laporan *Global Competitiveness Report 2014-2015*. Jadi langkah bersungguh-sungguh Yang Amat Berhormat selaku Menteri Kewangan diterjemahkan dalam Bajet 2015 sebagai satu *capital economy* dan *people economy*, dengan izin, yang berimbang.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dan penuh yakin bahawa kerajaan sentiasa peka terutama negara beroperasi dalam persekitaran global yang semakin *competitive*. Atas sebab itu Bajet 2015 juga perlu berimbang dan kompetitif kepada rakyat. Saya berpandangan jika kita mahu Bajet 2015 itu terus berimbang, rakyat juga perlu bersungguh-sungguh dalam menzahirkan budaya kompetitif di mana daya saing itu perlu dilaksanakan.

Untuk mencapai budaya kompetitif itu rakyat perlu disemai elemen-elemen kompeten yang mana seseorang itu hendaklah mempunyai skil-skil yang berdaya mampu untuk sesuatu tujuan atau perkara. Barulah matlamat dan hala tuju yang dibentangkan dalam Bajet 2015 dapat dilaksanakan dan diperkembangkan demi kesejahteraan rakyat sekalian. Tuan Yang di-Pertua, pada saban tahun dan awal tahun pastinya negara akan menghadapi masalah banjir. Seperti di negeri Pahang termasuklah di kawasan Parlimen saya Paya Besar, masalah banjir pasti ada. Apabila ia berlaku saban tahun, kita mempunyai SOP-SOP dalam menangani masalah banjir yang melanda di negeri ini.

Soalnya sekarang dan apa yang hendak saya bangkitkan dalam hal ini ialah supaya pihak kerajaan membaik pulih keadaan pusat pemindahan banjir yang tetap iaitu sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah menengah. Pohon Kerajaan Pusat mengambil inisiatif menambah baik keperluan tandas, sediakan tempat mandi yang lengkap, malah penyediaan tilam dan tikar juga perlu diambil kira. Semua ini perlu dilengkapi awal dalam menghadapi keadaan dan tidak mengira waktu. Cuma yang boleh kita agak-agak berdasarkan kenyataan Jabatan Meteorologi, musim tengkujuh biasanya bermula hujung November sehingga Mac.

Kalau di negara-negara maju seperti Jepun yang sering dilanda tsunami dan gempa bumi, kerajaan mereka menyediakan tempat perlindungan khas dan penduduk diajar menyelamatkan diri pada bila-bila masa tanpa menunggu arahan mereka terus ke pusat perlindungan sekiranya gejala bencana alam dapat dikesan. Apatah lagi jika terdengar siren dibunyikan. Jika kita mahu rakyat kita dan kerajaan kita mempunyai kesiapsiagaan yang tinggi, Tuan Yang di-Pertua sebagai contohnya setiap pusat pemindahan banjir yang dikenal pasti hendaklah disediakan dengan aspek prasarana. Tidak lupa pula set generator untuk *standby* lebih awal. Biasanya kalau mula banjir, bekalan elektrik akan terputus.

Jadi set generator perlu disediakan lebih awal dan tidaklah mangsa-mangsa banjir bergelap sehari dua dan yang paling penting ialah Majlis Keselamatan Negara perlu mengambil kira kelangsungan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa banjir. Saya syorkan supaya bantuan kewangan hendaklah diberikan segera sewaktu mangsa-mangsa banjir hendak pulang ke kediaman masing-masing. MKN perlu *set up* kaunter dalam menyalurkan bantuan kewangan mahupun bantuan lain seperti pakaian dan makanan terutamanya. Kita tidak mahu berlaku kes-kes seperti tahun sebelum ini yang mana mangsa-mangsa banjir yang pulang ke rumah, bantuan kewangan dan makanan pasca banjir agak lewat. Biasanya dua atau tiga minggu barulah mangsa banjir dapat bantuan susulan.

Kita kena faham, kalau mangsa-mangsa banjir ini pulang ke rumah masing-masing, makanan di rumah habis rosak. Apatah lagi sejuk dan perabot yang turut rosak. Mereka sudah tidak ada apa-apa lagi harta. Jadi kita kena faham betapa penting bantuan awal itu. Jadi saya ingin mencadangkan MKN mengambil kira hal ini secara keutamaan dan kita mahu setiap penyelarasan bantuan banjir boleh dijalankan secara efektif. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal sukan. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang membina satu Akademi Bola Sepak di kawasan Parlimen saya iaitu di Gambang awal April lalu. Ia dikenali sebagai Akademi Bola Sepak Mokhtar Dahari.

■1930

Kita semua tahu siapa Mokhtar Dahari atau lebih dikenali sebagai SuperMokh. Kewujudan akademi ini adalah sebahagian pelan pembangunan bola sepak negara dan saya mengalu-alukan langkah itu. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang telah merasmikan akademi itu. Cuma soalnya sekarang ada suara-suara yang menyenangkan, kenapa pilih Mokhtar Dahari sedangkan ada lagi pemain lama yang jauh lebih hebat seperti Ghani Minhat? Apabila timbul perkara-perkara sebegini yang biasanya boleh menimbulkan sebarang masalah, saya tidak berasa seronok malahan rakyat atau peminat bola sepak boleh berbalah kerana sukan.

Jadi, untuk kita tidak mempolitikkan keadaan sedemikian saya mengesyorkan supaya akademi bola sepak itu ditukar nama dan dikenali dengan nama Akademi Bola Sepak Sultan Ahmad Shah. Ini lagi tepat memandangkan saya sebagai rakyat negeri Pahang yang taat kepada sultan dan melihat Sultan Ahmad Shah ini cukup sinonim dengan dunia bola sepak lebih empat dekad yang lalu. Siapa yang tidak kenal dengan Tuanku? Sebagai orang lama dalam industri bola sepak, Sultan Ahmad Shah adalah *the right person*, dengan izin, untuk diletakkan namanya pada akademi berkenaan. Malahan pembinaan akademi itu dibuat di negeri Pahang dan menjadi satu penghormatan kepada Ke Bawah Duli Tuanku untuk terus dikenali dan dihormati oleh generasi-generasi muda.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang boleh saya sentuh ialah perlu adanya anjakan paradigma dalam Majlis Sukan Negara. Sudah sampai masanya Majlis Sukan Negara mengambil langkah serius dalam meningkatkan program pembangunan atlet. Jangan terlalu menyalahkan persatuan jika tidak mencapai sasaran mereka. Dalam persatuan ada perlembagaannya dan sudah tentu peringkat dalam persatuan akan mencari formula dan cara terbaik dalam membangunkan prestasi atlet masing-masing. Pegawai-pegawai pengurusan dan pembangunan kurikulum dan kejurulatihan perlu dimantapkan dan ini semua kerja Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara. Jadi, saya hendak memaklumkan kepada Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara janganlah terlalu berpolitik, buat kerja saja sudah.

Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Harta Intelekt Malaysia atau ringkasnya MyIPO sebagai agensi khusus yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran sistem harta intelek khususnya pendaftaran harta intelek iaitu paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian, petunjuk geografi dan karya-karya hak cipta. MyIPO telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memupuk budaya kreativiti dan inovasi serta menyebarkan maklumat mengenai kepentingan perlindungan harta intelek di seluruh negara secara berterusan bagi menggalakkan pendaftaran harta intelek dan seterusnya mengeksploitasikan secara komersial. Walau bagaimanapun, berdasarkan statistik pendaftaran harta intelek bagi tahun 2008 hingga 2013, menunjukkan permohonan harta intelek tempatan secara keseluruhan masih rendah berbanding permohonan daripada luar negara terutamanya bagi permohonan paten.

Pada tahun 2013, hanya 40% iaitu 16,663 dari jumlah keseluruhan 41,638 permohonan harta intelek yang diterima adalah permohonan tempatan berbanding 60% iaitu 24,975 permohonan daripada luar negara. Berdasarkan maklumat yang diperolehi semasa program-program kesedaran yang telah diadakan adalah didapati bahawa masalah utama yang dihadapi oleh peniaga-peniaga kecil, individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) adalah kekurangan modal atau dana untuk memfailkan pendaftaran harta intelek mereka terutamanya yang melibatkan kos pendaftaran paten yang memerlukan perkhidmatan pihak luar yang berkemahiran seperti ejen paten berdaftar.

Secara khususnya dalam konteks pereka cipta muda, kreativiti dan inovasi yang dihasilkan oleh para pelajar sekolah juga wajar dilindungi melalui pendaftaran terutamanya para pelajar yang menyertai pertandingan reka cipta dan inovasi dalam dan luar negara. Ini kerana harta intelek mereka berisiko akan ditiru atau disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Walau bagaimanapun pihak sekolah dan politeknik tidak disediakan dana khusus untuk mendaftarkan harta intelek yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar mereka. Sehubungan dengan itu, adalah disarankan supaya kerajaan mewujudkan suatu dana pembiayaan pendaftaran harta intelek bagi membantu individu, peniaga kecil, PKS dan sekolah untuk memfailkan pendaftaran harta intelek mereka di MyIPO dan membiayai kos penarafaan paten oleh ejen yang berkecualan.

Pewujudan dana khas ini dapat membantu mereka yang layak untuk memfailkan pendaftaran harta intelek mereka. Inisiatif bagi mewujudkan dana ini merupakan salah satu usaha untuk menggalakkan pemilikan dan pendaftaran harta intelek generasi muda Malaysia dengan mewujudkan bidang kerjaya baru dan *wealth creation*. Saya juga ingin menyarankan supaya sumber dana tersebut diperoleh daripada 30% cukai bersih bayaran kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan yang perlu dibayar oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) setiap tahun.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh soal Parlimen Malaysia. Terima kasih kepada kerajaan yang prihatin dengan tanggungjawab kami sebagai Ahli Parlimen Malaysia. Kesudian menaikkan elaun daripada Gred 54 ke JUSA C amat dialu-alukan, terima kasih. Seperkara lagi, tahun depan Parlimen Malaysia bakal menjadi tuan rumah kepada persidangan *ASEAN Inter-Parliamentary Assembly* (AIPA). Jadi, sudah tentu kita berkehendakkan menjadi tuan rumah yang terbaik. Seiring dengan hasrat itu, saya mengesyorkan supaya pegawai-pegawai penyelidik Parlimen ini dihantar ke luar negara untuk memantapkan diri mereka sebagai persediaan bagi AIPA ini. Kita memerlukan pegawai yang baik seperti pegawai penyelidik Parlimen Malaysia sebagai teras pasukan di samping bahagian-bahagian lain dalam menjadikan Parlimen Malaysia bertaraf lima bintang. Terima kasih, Paya Besar menyokong.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Bakal Menteri. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Gajah sila. Yang Berhormat Batu Gajah berapa, 20 minit juga?

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Lebih sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, sila.

7.37 mlm.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Salam sejahtera saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi ruang kepada saya untuk turut berhujah dalam Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2015.

Pertama sekali, saya ingin meluahkan rasa kecewa dan bimbang terhadap tindakan kerajaan menaikkan harga petrol beberapa hari sebelum pembentangan Bajet 2015. Kerajaan boleh memberikan pelbagai alasan secara bijak untuk menjustifikasikan penarikan balik subsidi 20 sen bagi RON 95 dan diesel tetapi pada hakikatnya rakyat pasti merasakan cubitan kenaikan harga itu. Dalam tempoh yang begitu singkat harga minyak naik 40 sen selepas PRU-13. Kesan kenaikan harga petrol akan menular kepada harga barang-barang lain. Dari sudut pandangan mikro, sektor ekonomi negara kita pasti akan terjerat dalam kekangan inflasi justeru membebankan seluruh rakyat negara kita terutamanya golongan miskin dan sederhana. Ditambah dengan GST terhadap barangan yang sudah mengalami kenaikan harga akan memesatkan lagi inflasi.

Kita harus sedar bahawa inflasi yang tidak terkawal akan merencatkan ekonomi negara kita. Apabila pendapatan boleh guna berkurangan akibat ditelan inflasi maka daya beli juga akan turut berkurangan. Selain daripada itu, kerana kesempitan hidup ramai yang akan menghadapi masalah untuk membayar kad kredit, ansuran rumah dan kereta serta membayar premium insurans. Akibatnya, ramai juga yang akan menjadi bankrap, rumah dan kereta ditarik oleh pihak bank, polisi insurans dan kad kesihatan luput dan sebagainya. Inflasi yang berterusan juga akan merompak tabungan atau simpanan kita. Nilai wang semakin menurun dalam jangka masa panjang. Ini akan mengganggu aliran pusingan wang dan menggugat institusi-institusi kewangan negara kita di mana akhirnya ekonomi negara kita akan terkandas dalam kemelesetan ditambah pula peningkatan dalam jumlah pengangguran dan kadar jenayah akan melemahkan kestabilan dan kesejahteraan negara.

■1940

Tuan Yang di-Pertua, hasil kutipan GST dianggar sebanyak RM23.2 bilion pada tahun hadapan. Manakala kehilangan hasil cukai jualan dan perkhidmatan (SST) ialah sebanyak RM13.8 bilion. Pengecualian cukai sebilangan barangan dikatakan RM3.8 bilion. Setelah kutipan GST ditolak dengan kehilangan SST dan pengecualian cukai barangan tertentu, baki yang tinggal ialah RM5.6 bilion.

Selepas membayar BR1M sebanyak RM4.9 bilion, hasil bersih kutipan GST hanyalah RM690 juta. Inilah antara susunan ayat-ayat kosmetik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika membentangkan Bajet 2015 untuk meyakinkan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap GST. Akan tetapi saya rasa teramat keliru dan diputar belitkan dengan perkiraan beliau. Saya tertanya-tanya, adakah GST dikenakan untuk menghulurkan BR1M atau pun sebaliknya, BR1M diberi kepada rakyat untuk membayar GST. Begitu juga, adakah harga petrol dinaikkan untuk membayar BR1M atau pun BR1M diberi untuk menampung kos hidup yang semakin meningkat akibat kenaikan harga petrol. Saya masih keliru.

Tuan Yang di-Pertua, pengendalian kontena di pelabuhan-pelabuhan negara adalah sebanyak RM20.78 juta pada tahun 2012. Berapakah jumlah pengendalian kontena di pelabuhan-pelabuhan pada tahun 2013 dan sehingga bulan September 2014? Memandangkan sektor maritim ini adalah penting untuk pembangunan negara, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan kemampuan sektor ini supaya terus berdaya saing pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah melancarkan 'Malaysia Rumah Kedua' pada tahun 2002. Sejauh manakah projek ini berjaya dilaksanakan? Berapakah jumlah warga asing yang telah memilih untuk menjadi sebahagian daripada projek ini? Apakah tujuan warga asing ini menggunakan program *Malaysia My Second Home*? Adakah program ini membawa apa-apa keuntungan kepada negara kita? Jika ya, katakan jumlah keuntungan yang dinikmati oleh negara kita daripada program ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut data yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, terdapat seramai 4,147 orang pengamal pergigian Malaysia sehingga 30 September 2013. Nisbah pengamal pergigian kepada penduduk adalah 1:6,436. Ini terbukti bahawa kita kekurangan pengamal pergigian di negara kita. Bilangan pengamal pergigian dikatakan akan bertambah dengan pengeluaran graduan pergigian daripada 15 buah institusi pengajian tinggi tempatan. Saya memohon kepada Menteri untuk menyenaraikan 15 buah institusi pengajian tersebut dan kos yang terlibat dalam menghasilkan seorang graduan tempatan.

Setakat ini universiti-universiti luar negara yang manakah diiktiraf oleh kerajaan kita dalam jurusan pergigian? Diminta Menteri menyenaraikan nama institusi-institusi tersebut dan yuran yang terpaksa ditanggung oleh seseorang pelajar. Nyatakan juga jumlah pelajar jurusan pergigian mengikut kursus di peringkat sarjana muda dan sarjana di luar negara yang ditanggung oleh kerajaan dan dibiayai sendiri. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Batu Gajah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Batu Gajah, saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Batu Gajah. Walaupun kerajaan menguatkuasakan Akta Pergigian yang mana graduan-graduan sama ada *local graduates* atau pun anak-anak Malaysia yang *graduate* dari luar-luar negara yang balik dan berkelayakan untuk menjadi *dentist* diwajibkan berkhidmat dengan kerajaan, berkhidmat wajib. Sedarkah Yang Berhormat Batu Gajah bahawa ramai daripada yang *graduates* ini *complaint* apabila mereka ke klinik-klinik kerajaan, *facilities* yang diberikan kepada mereka amat jauh *standard*nya. Ada kerusi-kerusi yang tidak boleh berfungsi. Bila ditanya apakah masalahnya? Tidak ada bajet. Akibatnya *graduate-graduate* yang dipaksa oleh sebab akta ini rasa yang pertama sekali ialah rasa kecil hati kerana mereka dipaksa untuk bekerja dengan kerajaan dalam keadaan gaji *comparatively* bawah kalau dibandingkan dengan swasta.

Kedua, mereka *demotivated* kerana tidak ada fasiliti yang cukup. Apakah pandangan Yang Berhormat Batu Gajah, kerajaan harus memberikan perhatian kepada isu-isu ini? Terima kasih.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Petani. Memang betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sungai Petani itu memang betul. Saya pun memang terdengar tentang isu ini dan juga saya terbaca di dalam banyak laman blog yang berkaitan dengan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani. Saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan, Menteri Kesihatan supaya meneliti perkara ini dan mengambil pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menjanjikan dalam PRU Ke-13 untuk membina satu juta rumah mampu milik di seluruh negara dalam tempoh lima tahun. Bolehkan kerajaan mencapai sasaran seperti yang dijanjikan itu? Ramai di kalangan rakyat Malaysia yang miskin memerlukan satu tempat tinggal milik mereka sendiri. Saya memohon kepada Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menyatakan jumlah rumah mampu milik yang telah siap dibina setakat ini dan berapakah kos yang telah dibelanjakan oleh kerajaan untuk merealisasikan dasar perumahan ini.

Saya juga ingin mengetahui sama ada kerajaan mempunyai aspirasi untuk membina rumah mampu milik di bawah skim PR1MA dan program perumahan rakyat di kawasan Parlimen Batu Gajah. Jika ya, berapa unit yang dirancang dan di manakah tapak yang dicadangkan, bilakah projek-projek perumahan mampu milik ini akan dimulakan di kawasan Parlimen Batu Gajah. Tuan Yang di-Pertua, ada sebuah istana yang asalnya dimiliki oleh seorang kerabat diraja Mandailing iaitu Raja Bilah di Pekan Papan, Batu Gajah. Raja Bilah ialah seorang bangsawan diraja yang berketurunan Sumatera.

Istana Raja Bilah mempunyai reka bentuk sebuah rumah agam papan yang mengagumkan. *Decorative* seni reka dalaman juga dilihat kemas seperti suatu bentuk kesinambungan seni reka rumah besar Raja masyarakat Mandailing atau pun Bagas Godang di Sumatera. Pembinaan istana ini selesai pada tahun 1896 juga merupakan bangunan terbesar di Pekan Papan, Batu Gajah. Kebanyakan masyarakat Mandailing telah meninggalkan Pekan Papan pada akhir tahun 1890-an.

Pada hari ini istana Raja Bilah boleh dianggap terbiar dan tidak diselenggarakan dengan baik oleh pihak kerajaan. Saya mencadangkan agar bangunan ini menjadikan sebagai warisan di bawah seksyen 67(2), Akta Warisan Kebangsaan 2005. Jabatan Warisan Kebangsaan harus mengambil alih bangunan ini dengan serta-merta dan melaksanakan semua kerja baik pulih bangunan dan dibuka untuk kunjungan orang ramai. Tempat ini boleh dijadikan satu lagi pusat pelancongan kerana sarat dengan sejarah silam yang menjadi khazanah kebanggaan negara kita.

Saya berharap Menteri Pelancongan dan Kebudayaan akan mengambil perhatian tentang cadangan saya ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui sejauh manakah projek NAM sedang dilaksanakan setakat ini. Salah satu daripada strategi NAM untuk membangunkan ekonomi golongan belia India adalah dengan mengusahakan penanaman cili. Dikatakan cili mempunyai harga pasaran yang tinggi di dalam dan di luar negeri dan pulangan yang lumayan kepada pengusaha.

Akan tetapi menanam cili bukanlah mudah dan memerlukan teknologi, kepakaran dan kesesuaian tanah. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Yang Berhormat Pasir Salak menjawab soalan lisan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Kota Bharu beberapa hari yang lalu menyatakan bahawa penanaman cili tidak begitu sesuai di Malaysia dan terpaksa diimport dari India. Kenyataan beliau ini tidak sejajar dengan strategi NAM yang mahukan belia-belia India menceburi dan mengusahakan penanaman cili. Mohon penjelasan.

Oleh kerana projek NAM telah pun dilancarkan, saya ingin mendapatkan maklumat-maklumat mengenai beberapa perkara seperti berikut. Pertama, berapakah jumlah wang yang diperuntukkan oleh kerajaan kepada Kementerian Belia dan Sukan yang disalurkan untuk mempromosi dan melaksanakan projek NAM di seluruh negara. Kedua, adakah projek NAM hanya untuk belia-belia India atau pun terbuka kepada semua golongan belia yang lain? Ketiga, apakah strategi yang digunakan untuk mendapatkan tanah kepada belia-belia yang ingin menanam cili. Berapakah jumlah keluasan tanah yang telah diperoleh daripada setiap negeri untuk memulakan projek ini.

Keempat ialah berapakah jumlah wang yang diperuntukkan itu telah dibelanjakan oleh pihak kementerian setakat ini. Kelima, berapakah jumlah petani baru yang telah mula mengusahakan tanah setakat ini serta keluasan tanah yang terlibat dengan aktiviti tersebut di bawah projek NAM. Saya berharap Menteri Belia dan Sukan dapat memberi jawapan terperinci kepada lima soalan yang telah saya kemukakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin mengetahui bagaimanakah RM30 juta yang di peruntukan dalam Belanjawan 2015 untuk menyediakan latihan teknikal dan bantuan pendidikan kepada golongan belia-belia India akan dibelanjakan. Kepada siapakah peruntukan ini akan diberikan untuk disalurkan kepada warga belia di peringkat akar umbi. Saya berharap satu mekanisme semak dan imbang perlu digariskan supaya wang itu tidak dibelanjakan sewenang-wenangnya. Banyak wang yang di peruntukan seperti ini hilang entah ke mana dari mayapada ini.

Pernakah kerajaan memberikan peruntukan satu jumlah wang yang besar kepada satu organisasi yang bernama Service Morgan Centre. Berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan dan apakah tujuannya? Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 2013, kerajaan telah memperuntukkan RM100 juta.

■1950

Ini dalam belanjawan 2013. Kerajaan telah memperuntukkan RM100 juta untuk sekolah-sekolah Tamil. Mungkin ini merupakan gula-gula pilihan raya yang ditaburkan oleh kerajaan untuk memikat masyarakat India. Akan tetapi dalam Belanjawan 2015 pula peruntukan ini telah dikurangkan kepada RM50 juta. Kenapakah jumlah ini dikurangkan? Apakah kerajaan beranggapan bahawa sekolah-sekolah Tamil tidak memerlukan peruntukan yang besar? Kebanyakan sekolah-sekolah Tamil di negara kita berada dalam keadaan yang uzur dan perlu dibaik pulih dan dinaiktarafkan serta disediakan dengan infrastruktur yang asas...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Minta pencelahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar sila.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Kita memang akui bahawa kita telah mendapati pada tahun 2013 RM100 juta telah diperuntukkan untuk sekolah-sekolah Tamil. Pada waktu yang sama kebanyakan sekolah-sekolah Tamil walaupun dinafikan oleh kementerian tetapi masih lagi dalam keadaan yang serba kekurangan. Saya ingin meminta kementerian untuk memberikan keterangan yang terperinci bagaimana RM100 juta itu telah digunakan. Telah disalurkan melalui siapa? Sekolah-sekolah mana yang telah menikmati RM100 juta tersebut? Agihan-agihan kepada semua sekolah Tamil seperti yang telah diuar-uarkan oleh kementerian. Minta penjelasan. Terima kasih.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Kapar, memang saya akan menyentuh tentang perkara ini. Walau bagaimanapun, saya mohon supaya ucapan Yang Berhormat Kapar itu dimasukkan dalam ucapan saya. Sebanyak RM50 juta ialah tidak memadai jika dibandingkan dengan kesanggupan kerajaan membiayai RM711 juta untuk Projek Permata dan tabika-tabika lain.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat 523 sekolah rendah Tamil dengan jumlah murid seramai 89,007 orang. Kalau maklumat ini tidak betul saya mohon Menteri memberi jumlah yang sebenar dan juga jumlah guru seramai 9,249 orang. Sebanyak 52% daripada anak-anak kaum India belajar di sekolah-sekolah Tamil. Akan tetapi sedihnya daripada 523 sekolah Tamil hanya 201 sekolah merupakan sekolah bantuan penuh selebihnya 322 sekolah Tamil masih merupakan sekolah bantuan modal.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa terdapat penyalahgunaan peruntukan-peruntukan yang diberikan sebelum ini untuk sekolah-sekolah Tamil. Kementerian masih tidak dapat memberi maklumat lengkap bagaimanakah RM560 juta yang diperuntukkan untuk sekolah-sekolah Tamil telah dibelanjakan sejak tahun 2009 sehingga tahun 2013. Inilah soalan-soalan yang lebih kurang sama seperti yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Kapar tadi. Jika kementerian menyangkal kenyataan saya dan mengaku tidak ada apa-apa penyalahgunaan peruntukan, saya mencabar supaya perbelanjaan RM560 juta untuk sekolah-sekolah Tamil itu dilaporkan secara terperinci di

Dewan yang mulia ini. Saya tidak mahu terima sebarang angka-angka yang diberikan oleh mana-mana pihak di luar daripada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri Pendidikan iaitu Yang Berhormat Hulu Selangor pernah berjanji di Dewan Rakyat pada tahun lalu bahawa beliau akan memberi perhatian terhadap penubuhan Lembaga Pengelola Sekolah di sekolah-sekolah Tamil di seluruh negara seperti yang dimuktamadkan dalam seksyen 53, Akta Pendidikan 1996. Saya ingin mengetahui apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh beliau setakat ini? Berapakah Lembaga Pengelola Sekolah yang telah ditubuhkan di sekolah-sekolah Tamil atas hasil usaha Timbalan Menteri Pendidikan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah vernakular adalah sebahagian daripada sistem pendidikan di negara ini yang dilindungi oleh Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pendidikan 1996. Ada pihak-pihak tertentu sentiasa suka bermain sentimen perkauman dengan mengeluarkan hujah-hujah yang menyinggung perasaan dan menimbulkan kemarahan kaum bukan Melayu. Menteri Pendidikan berjanji bahawa Putrajaya tidak akan menutup mana-mana sekolah jenis kebangsaan selagi ada bulan dan matahari. Serta menterjemahkan sekolah vernakular dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 hingga 2025 di Dewan Canselor Universiti Malaya. Tindakan ini katanya adalah untuk memartabatkan sekolah-sekolah Tamil dan Cina. Jikalau kata-kata itu adalah benar, jujur dan ikhlas kenapa tidak ada sebarang tindakan diambil terhadap orang-orang yang memperlekehkan sekolah vernakular.

Baru-baru ini seorang pemimpin UMNO, saya malas hendak sebut namanya yang telah membuat kenyataan bahawa sekolah-sekolah Cina perlu ditutup. Bukankah ini merupakan satu kenyataan berbau perkauman dan berniat menghasut. Akan tetapi saya amat kecewa lagi apabila Peguam Negara berkata ini adalah perkara *civic civil* dan tidak akan diambil tindakan. Saya mahu mengingatkan Dewan yang mulia ini bahawa pernah ada kes seorang Ahli Parlimen dijatuhkan hukuman oleh mahkamah melanggar Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan kerana membangkitkan perkara yang sama. Saya tidak faham apakah keistimewaan dan kekebalan yang ada pada Ahli UMNO yang tidak bertanggungjawab ini. Terbukti di sini terdapat unsur-unsur pilih kasih dilakukan oleh Peguam Negara. Jelas bahawa undang-undang Akta Hasutan juga disalahgunakan untuk kepentingan politik Barisan Nasional untuk menghalang kebebasan bersuara rakyat.

Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ada satu masalah besar yang saya hendak tanya Yang Berhormat Batu Gajah. Dilihat selepas anak-anak sekolah Tamil tamat daripada sekolah Tamil Darjah 6 dan sekiranya kekuatan Bahasa Malaysia mereka tidak baik mereka terpaksa melalui kelas peralihan. Saya lihat banyak sekolah termasuk sekolah di tempat saya anak-anak Tamil yang hidup daripada kecil hinggalah mereka Darjah 6, berkumpul berkawan sama mereka, penguasaan bahasa Malaysia mereka tidak baik. Apabila mereka masuk ke kelas peralihan dia juga akan berkumpul sama dengan budak Tamil jarang dengan anak Melayu. Akhirnya bila dia masuk Tingkatan 1, Tingkatan 2 dan Tingkatan 3 dia rasa *inferior*, dia rasa tidak boleh pergi dan akhirnya dia *drop out*.

Oleh kerana dia *drop out* inilah yang akhirnya banyak dari mereka duduk sama melepak-lepak dengan budak-budak Tamil yang lain yang tidak bekerja. Akhirnya wujudnya rangkaian gengster di pekan-pekan kecil dan besar. Berbanding dengan anak-anak Cina yang selepas sahaja sekolah rendah kemudian menengah melanjutkan pelajaran dalam bahasa kebangsaan ada juga dalam bahasa Mandarin. Jadi ini nampaknya sistem pendidikan Tamil ini terhenti Darjah 6. Apakah harus ada satu rombakan besar berlaku di sini?

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Ya terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Petani. Ini ialah satu isu yang penting di mana perkara ini pernah saya bangkitkan dalam persidangan yang dahulu. Di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyediakan satu tapak tanah dan meminta kepada pihak Kerajaan Persekutuan untuk membina sekolah menengah pertama untuk aliran Tamil. Akan tetapi permohonan itu telah

ditolak oleh Kerajaan Persekutuan. Jadi saya rasa masalah ini boleh diselesaikan. Kalau Kerajaan Persekutuan prihatin dan mempunyai *political will* saya pasti masalah ini boleh diselesaikan dan masalah gengsterisme dan sebagainya dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan PT3 untuk pelajar-pelajar Tingkatan 3. Saya ingin mengetahui apakah hasrat sebenar kerajaan memperkenalkan PT3 ini? Saya difahamkan bahawa peluang untuk kebocoran kertas soalan adalah sangat luas. Pemilihan soalan dilakukan oleh guru yang dilantik oleh Pengetua. Selepas pemilihan soalan, kertas peperiksaan itu akan dicetak oleh guru tersebut diedarkan kepada Ketua Panitia subjek berkenaan. Ketua Panitia bersama guru-guru yang mengajar subjek tersebut akan menyemak kertas soalan tersebut dari segi kualiti cetakan, bilangan muka surat dan bilangan soalan.

Kertas soalan itu akan disimpan dan bilik kebal sehingga pentaksir kawasan membuat verifikasi. Kertas akan dihantar ke bilik *resolve* untuk diperbanyakan mengikut bilangan calon. Kalau mesin fotostat rosak atau tidak berfungsi maka kertas itu boleh difotostat di luar. Bukankah semua proses ini menggalakkan serta meningkatkan peluang kebocoran soalan. Tambahan pula beban kerja guru bertambah semuanya pihak sekolah yang buat iaitu pemilihan soalan, pengurusan, pengendalian, keselamatan, penyemakan kertas soalan, guru-guru sekolah itu sendiri yang memantau atau menjaga dewan peperiksaan. Semua ini boleh mendorong guru itu menolong anak muridnya sedikit sebanyak.

Selain daripada itu pelajar yang lemah dan akan ketinggalan kerana semua soalan adalah berbentuk subjektif dan berasas tinggi menyukarkan pelajar yang berada di kedudukan Band yang rendah. Saya juga risau dari segi keselamatan kerana kertas soalan disimpan di sekolah. Saya ingin mengetahui sama ada PT3 merupakan satu peperiksaan penting atau hanya sekadar ujian yang tidak memberi apa-apa implikasi atau penilaian yang sebenar. Saya pasti isu kebocoran kertas peperiksaan akan berlaku lebih kerap lagi selepas ini.

■2000

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu kebocoran kertas peperiksaan baru-baru ini 500,000 murid sekolah rendah telah menjadi mangsa, terpaksa menduduki semula peperiksaan UPSR oleh kerana kecuai dan kelakuan tidak bertanggungjawab pihak-pihak tertentu. Seramai 14 orang telah ditangkap dan disiasat oleh polis di bawah seksyen 8(1), Akta Rahsia Rasmi 1972.

Sebilangan besar yang ditangkap adalah di kalangan guru-guru sekolah Tamil. Mereka di reman di lokap dengan pakaian banduan dan digari apabila dibawa ke mahkamah. Guru-guru ini dilayan seperti penjenayah berat, dihina dan dimalukan. Dalam proses ini saya melihat guru-guru tersebut dikambinghitamkan untuk mengalih perhatian seluruh rakyat Malaysia.

Pertama sekali, bagaimanakah guru-guru ini boleh mendapat kertas soalan jika tidak dibocorkan oleh peringkat yang lebih atas. Menteri menjawab bahawa pada hari itu, Menteri menjawab bahawa seramai 30 orang sedang disiasat oleh polis berhubung dengan perkara ini tetapi 16 orang lain itu tidak ditangkap, tidak digari dan diheretkan dengan pakaian banduan, kenapa? Adakah kerajaan mahu menyelamatkan pegawai-pegawai tinggi yang terlibat? Saya rasa sungguh kecewa dengan cara kerajaan bertindak secara tidak adil dalam menangani siasatan ini. Mungkinkah ini bertujuan untuk memburukkan imej guru-guru sekolah Tamil? MIC sudah pasti tidak berani membela mereka. Saya mohon jawapan yang konkrit daripada Menteri...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: [Bangun]

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Ya, Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Minta pencelahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar. Cuma kalau pihak yang berkenaan telah dituduh di mahkamah, saya ingatkan tidak boleh disentuh dalam perbahasan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ya, saya tidak akan sentuh tentang mereka, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya ingatkan kepada Yang Berhormat Batu Gajah. Boleh beralih kepada tajuk yang lain.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Hendak cakap tentang soalan bocor tetapi dari sudut yang berlainan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Isu yang saya hendak tekankan adalah dalam isu-isu seperti soalan bocor ini yang terlibat adalah mesti ada seseorang yang telah mengambil gambar terlebih dahulu. Seorang atau beberapa orang yang telah mengambil gambar dan gambar itulah yang telah disebar. Persoalannya sekarang ada tidak siasatan telah dilakukan pada orang yang pertama kali atau orang yang utama yang telah mengambil gambar tersebut. Itu persoalan pertama.

Kedua, baru-baru ini kementerian juga telah mencadangkan bahawa meletakkan CCTV dalam bilik-bilik kebal. Ini saya nampak macam satu tindakan terburu-buru padahal bila letak CCTV dekat bilik kebal itu tidak bermaksud soalan tidak bocor. Ini macam satu minda mereka mengatakan bahawa soalan bocor di bilik kebal. Apa kata kalau soalan itu bocor sebelum? So, saya rasa kementerian perlu duduk, bincang, kaji secara menyeluruh sebelum mengambil sesuatu tindakan dan bukan mengambil tindakan terburu-buru. Penjelasan Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Saya mohon Menteri Pendidikan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kapar tadi. Tuan Yang di-Pertua, pada bulan November 2013, Presiden MIC yang juga merupakan Yang Berhormat Cameron Highlands menyatakan bahawa permohonan telah dibuat untuk cuti dua hari untuk perayaan Deepavali seperti Hari Raya Aidilfitri dan Tahun Baru Cina kepada Perdana Menteri.

Menurutnya lagi, Perdana Menteri berkata akan mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak-pihak yang terlibat. Beliau akan berbincang dengan pihak-pihak relevan sebelum membuat pengumuman itu. Ungkapan presiden yang dipetik daripada kenyataan medianya di Program Rumah Terbuka Deepavali di Batu Caves. Beliau menambah bahawa perayaan Deepavali bukan sahaja disambut oleh kaum India dan Sikh malah diraikan oleh seluruh rakyat Malaysia.

Oleh yang demikian, kerajaan harus mempertimbangkan cuti dua hari untuk Deepavali. Apakah sudah terjadi dengan tuntutan yang dibuat oleh MIC itu? Tidak berani tanya Perdana Menteri? Jangan sentiasa memberi harapan palsu kepada masyarakat India semata-mata untuk mencari populariti dan kepentingan politik. Jangan sebut perkara yang tidak boleh dibuat dan dilaksanakan. Ini membuktikan tidak ada kekuatan dan kewibawaan kepada parti itu dan pemimpin-pemimpinnya.

Saya hendak tanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan ini? Setuju tidak kalau Perdana Menteri mengumumkan cuti dua hari untuk Deepavali? Apa pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat? Kalau untuk hari raya beliau ada dua hari cuti untuk...

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Batu Gajah..

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Minggu hadapan tidak ada Parlimen, cuti lima hari.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Yang Berhormat Batu Gajah, Deepavali punya fasal, Dewan satu minggu cuti. Dewan Rakyat satu minggu cuti.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Itu memang saya mengakui. Untuk Dewan Rakyat kita dapat cuti lima hari tetapi bagaimana dengan kepada semua orang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Gajah, gulung-gulung.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Saya mohon ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, gulung-gulung.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Cukuplah. Saya ada sedikit lagi. Boleh ya saya hendak gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila gulung.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Saya sudah tidak cukup masa, *sorry*lah bukan saya tidak mahu bagi.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Takutlah?

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Tidak adalah.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ingat takut punya fasal.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Apa takut.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: [Ketawa] Saya takut.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak gulungkan sekarang ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Saya minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk mengambil perhatian bahawa terdapat sebuah kilang kimia di Lahat, Perak mengeluarkan asap yang banyak melalui cerobong. Kilang bernama Thor Chemicals ini beroperasi lebih kurang 20 tahun, penduduk Lahat, Taman Badri Shah dan sekitar kilang ini telah membantah, mengadu kepada pelbagai pihak tetapi tidak ada sebarang tindakan diambil oleh pihak berkuasa.

Saya juga diberitahu asap turun ke bawah pada waktu hujan, bau asap yang berketerlaluan juga dirasakan oleh penduduk di situ. Setiap hari rumah dan kenderaan mereka dituruni oleh titik-titik habuk. Mereka juga mengadu bahawa barang-barang besi yang diletak di luar rumah menjadi karat dengan cepat. Sama ada asap itu membawa kesan kepada kesihatan adalah tidak pasti. Saya mohon kepada Menteri berkenaan untuk menyiasat dan memberi laporan ke dalam Dewan yang mulia ini mengenai kandungan bahan kimia dan kesannya sebelum tamat persidangan bagi penggal ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini terdapat satu kes yang amat serius tetapi dipandang leka oleh pihak berkuasa di mana satu kejadian tanah runtuh berlaku pada 30 hari bulan Mei 2014 di laluan Gerbang Meru Indah 5A, Jelapang, Ipoh. Projek perumahan mewah ini telah bermula pada tahun 2010 dan di siap bina pada tahun 2011 oleh Choo Development. Kejadian ini sudah berlaku sudah masuk empat setengah bulan tetapi tiada sebarang tindakan membaik pulih diambil oleh pihak-pihak berkuasa. Saya difahamkan bahawa tempat kejadian tersebut telah dilawati oleh Datuk Bandar Ipoh.

Pada pengamatan saya, semasa saya melawat tapak kejadian itu saya mendapati keadaan beberapa rumah kediaman berdekatan kawasan tanah runtuh berada di dalam keadaan yang amat kritikal. Separuh dari jalan raya di hadapan rumah-rumah tersebut telah runtuh ke dalam sungai. Saya minta Menteri mengarah serta mendesak pihak-pihak berkuasa tempatan JKR dan JPS bagi membaik pulih keadaan di sana dan menyelamatkan harta benda dan nyawa penghuni-penghuni di situ. Boleh sambung ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Gulung ya, baiklah. Satu muka surat sahaja lagi boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Habislah sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik yang diberikan oleh Polis Diraja Malaysia didapati jumlah purata kes kemalangan yang melibatkan motosikal di negara ini amat tinggi sekitar 120,000

kes setahun. Dalam tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2008 hingga 2012, telah berlaku peningkatan sebanyak 16.3% dalam jumlah kemalangan yang melibatkan motosikal. Kadar peningkatan jumlah kes kemalangan maut motosikal adalah 20.6% bagi tempoh lima tahun yang sama.

Purata kemalangan maut yang melibatkan penunggang dan pembonceng adalah lebih kurang 4,200 orang setiap tahun. Jumlah ini ialah merupakan kira-kira 60% daripada jumlah kemalangan maut bagi semua kategori kenderaan. Boleh dikatakan bahawa pada setiap hari 12 orang mati dalam nahas jalan raya yang melibatkan motosikal. Setakat ini didapati tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan tidak begitu memuaskan. Oleh itu apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini? Kita tidak boleh membiarkan nyawa rakyat Malaysia terkorban secara sia-sia seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menggulung Bajet 2015 memperuntukkan sejumlah RM273.9 bilion tetapi hanya 18.4% daripada jumlah itu untuk perbelanjaan pembangunan selebihnya digunakan untuk perbelanjaan pengurusan. Begitu juga bagi bajet asal bagi tahun 2014 memperuntukkan RM264.2 bilion tetapi hanya 17.6% sahaja daripada jumlah itu digunakan untuk perbelanjaan pembangunan. Bajet asal sebelum itu iaitu bagi tahun 2013, 19.7% sahaja daripada peruntukan sejumlah RM251.6 bilion digunakan untuk perbelanjaan pembangunan.

Saya mengakhiri perbahasan saya dengan melontarkan cadangan dan menasihatkan kepada kerajaan supaya mengambil segala langkah dan iktibar untuk menambahkan perbelanjaan pembangunan berbanding dengan perbelanjaan pengurusan dalam bajet ini...

■2010

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tengok Speaker, tengok Speaker. Jangan tengok sini.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Pada tahun-tahun yang akan datang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Lipis.

8.10 mlm.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini saya merakamkan ucapan berbilang-banyak terima kasih kerana diberi kesempatan untuk turut serta dalam perbahasan Bajet 2015 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Jumaat yang lalu. Pada hemat saya, bajet ini merupakan bajet yang cukup bertanggungjawab dan pada masa yang sama cukup mesra rakyat. Bajet yang cukup menyeluruh sehingga dari bandar hingga ke kampung-kampung. Kalau tahun lepas, kita melihat bajetnya minta maaf kepada pembangkang, pembangkang angkat buku kuning tanda kurang puas hati tetapi kali ini saya tengok dia tidak angkat buku kuning. Maknanya puas hati dengan pembentangan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Salah fakta itu. Angkat! Jangan fitnah! Angkat!

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Baru angkat. Yang Berhormat, itu baru angkat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Hari itu pun sudah angkat sudah. Jangan terangkat sendiri.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan tahniah. Dari segi bajet ini, saya melihat bajet yang cukup mesra rakyat. Sudah pasti bajet yang bertanggungjawab dan cukup melengkapi dari segi aspek pengurusan fiskal.

Mungkin saya terlepas pandang beberapa perkara yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melihat sedikit penumpuan kepada soal penurunan harga getah. Saya melihat beberapa hari yang lalu, rakan-rakan sama ada rakan daripada seberang sana ataupun rakan-rakan daripada seberang sini banyak mempersoalkan tentang harga getah. Jadi dari segi sini kita melihat keadaan yang sedemikian rupa. Kita mahu segala pengurusan fiskal ini, yang saya maksudkan termasuklah perkhidmatan-perkhidmatan lain.

Terlalu banyak pelan rangsangan yang tersentuh dalam Bajet 2015 sehinggakan tidak mungkin saya dapat ulaskan satu per satu. Ini kerana sebagaimana yang saya nyatakan cukup menyeluruh. Akan tetapi dalam soal ini, sebagaimana awalnya saya minta supaya kerajaan kita, kerajaan yang dipimpin oleh Barisan Nasional, kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri daripada Pekan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak melihat harga pasaran getah yang tidak menentu pada hari ini. Pada Januari 2014 hingga sekarang, penurunan harga yang amat ketara sekali. Ia bermula daripada 2012 harga penurunan tersebut. Saya sendiri telah banyak kali bercakap soal harga getah dalam Dewan yang mulia ini tetapi hari ini saya akan bercakap sekali lagi untuk memberi beberapa pandangan untuk memastikan harga getah ini mungkin boleh menjadi harga yang stabil kalau kita mengambil banyak perkara iktibar yang boleh kita adakan.

Sebagai contoh, sistem harga lantai umpamanya. Sebenarnya tidak asing lagi. Di Thailand sudah melaksanakan harga lantai. Maknanya kita boleh melaksanakan juga harga lantai mengikut pasaran-pasaran tertentu dan saya berpendapat kita boleh menstrukturkan semula subsidi yang telah tersasar ini. Banyak perkara yang boleh menguntungkan kita. Soalnya kita mesti kena kepada sasarannya seperti yang ada pada hari ini. Kalau kita melihat umpamanya, seorang penoreh getah kalau kira langkah untuk mengambil langkah orang tengah, ia juga merupakan ada orang tengah. Kalau kita melihat daripada penjualan di kampung umpamanya, dari kampung jual kepada seorang pembeli di kampung. Kemudian jual kepada satu tauke. Kepada tauke terus jual ke kilang. Maknanya orang kampung yang menoreh getah telah tiga kali ditapis oleh pembeli-pembeli ini. Maknanya kita melalui beberapa sektor komoditi ini, pelaksanaan harga lantai yang merupakan salah satu bentuk yang kalau kita laksanakan hanyalah berbentuk sementara untuk menstabilkan harga pasaran tersebut. Dari segi ini, kita perlu pantau dari segi harga sebenarnya. Kita perlu satu mekanisme yang mungkin boleh datang daripada pihak kerajaan melalui GLC yang membelikan terus getah ini dan terus dihantar ke tempat-tempat tertentu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih rakan saya daripada Lipis. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat malah ramai di sini sama ada di sebelah kami ataupun sebelah sana sebelum-sebelum ini dalam sidang-sidang sebelum ini pun menyebut persoalan harga lantai ini. Ini satu kaedah yang kita rasa bahawa boleh untuk mengatasi dalam tempoh sementara ini untuk menstabilkan keadaan masyarakat pekebun kecil dan juga penoreh getah. Akan tetapi persoalannya berkali-kali kita sebut ini. Yang Berhormat sebut berkali-kali. Yang Berhormat Menteri sendiri mengatakan tidak boleh menetapkan harga lantai. Ini masalah yang saya pun hairan. Saya pun hairan kenapa kerajaan berkali-kali mengatakan bahawa tidak boleh kita menetapkan harga lantai sedangkan kita menjerit-jerit di sini bahawa tolonglah sekali untuk dalam satu tempoh sehingga keadaan harga di peringkat antarabangsa dapat distabilkan. Akan tetapi kerajaan berkali-kali kata tidak boleh. Oleh sebab itu saya katakan bahawa kalau boleh Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa desakan ini harus dibuat secara lebih bersungguh daripada kita semua pada hari ini untuk memberikan tekanan kepada pihak kerajaan.

Kedua, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kerajaan kena merombak semula struktur penempatan harga getah yang dibuat oleh satu badan lembaga penasihat yang dilantik oleh Lembaga Getah yang terdiri daripada pengilang-pengilang. Sudah tentu mereka ini tidak akan melihat kepada soal kepentingan pekebun kecil ataupun penoreh getah.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pokok Sena. Sebenarnya sebahagian daripada apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena itu saya bersetuju sebenarnya demi perjuangan kita bersama. Perjuangan untuk membantu masyarakat yang saya kira dalam kawasan saya, 70% petani.

Selain daripada harga getah yang cukup merudum, mereka bergantung kepada mungkin hasil-hasil lain.

Oleh sebab itu saya sangat bersetuju kalau diadakan harga lantai, sebab itu dari segi itu, kita telah melihat pada tahun 2001, kita sudah ada satu *council* iaitu *Council* Getah Tiga Negara yang mana *International Tripartite Rubber Council*, yang telah kita tubuhkan. Maknanya saya minta supaya pihak kerajaan hari ini berbincang dengan tiga negara yang menyebabkan hari ini Thailand telah menjadi pengekspor utama getah, sebelum ini kita. Jadi bincangkan semula supaya bagaimana kita hendak mewujudkan harga lantai ini sebenarnya. Pihak kerajaanlah bincang. Kita cuba cadangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, setuju Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak, naik JUSA C pun tidak jadilah. Teruk penoreh getah. Pekebun kecil dok mai jumpa wakil rakyat [Ketawa]

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Kita bukan JUSA C lah saya ingat. Kita tidak payah kira JUSA lah. Kira naik gaji sahaja. Naik elaun sahaja. Kalau JUSA C ini nanti, kita sembang dengan orang JUSA B, sudah kita rendah lagi. Jadi kita tidak payah JUSA, JUSA, JUSA. Khas sahaja.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita tengok kalau melihat daripada kita telah bincangkan melalui *Council* Getah Tiga Negara, kita sebenarnya sudah berdekad-dekad kita pengeluar hasil getah. 70% getah ini digunakan untuk membuat tayar, yang terbesar ialah negara China. Negara China yang mengimport getah kita. Mereka juga buat tayar. Daripada 70% ini, 40% di negara China membuat tayar. Jadi ini yang perlu dibincangkan oleh tiga buah negara ini untuk memastikan kestabilan kepada harga getah tersebut. Saya mencadangkan supaya kerjasama tiga negara ini dipertingkatkan melalui operasinya seperti OPAC minyak. Kenapa kita boleh buat kawalan harga minyak? Kita berbincang melalui OPAC. Kenapa tidak kita boleh bincang melalui tiga negara ini, kita bincangkan seperti OPAC untuk meletakkan harga lantai yang mana kita, tiga negara ini pengeluar utama. Kita bincangkan, kita buat pemasaran ataupun kita buat R&D untuk kita kongsi bersama.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pelan rangsangan kerajaan ini perlu sampai kepada golongan sasar yang patut dibantu oleh kerajaan, kita mesti mengetengahkan soal harga getah ini. Kita tidak mahu lagi orang tengah yang menjadi sasaran. Kenapa tidak kita letakkan di bawah sesuatu usaha kerajaan yang menjadi pemborong terus bagi memastikan harga getah ini dapat distabilkan.

■2020

Kita hendak supaya- maknanya kalau kerajaan sudah letak harga lantai dia boleh *control* harga getah tersebut melalui perbincangan yang saya cadangkan seperti OPAC, seperti kita menentukan harga minyak, itu sebenarnya yang boleh dibincangkan oleh kesemua tiga negara tersebut. Jadi saya sebagai wakil Lipis yang saya katakan 70% hasil penduduk saya merupakan petani saya takkan berhenti bercakap soal harga getah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lipis tidak cakap pun untuk Kuala Krau kali ini.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Belum, belum sampai Tuan Yang di-Pertua. Belum sampai. Jadi kena minta tambahan masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua sebenarnya cabaran kita banyak.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Lipis sedikit Yang Berhormat Lipis, berkaitan dengan perkara sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dalam usaha untuk membantu pekebun kecil termasuk juga penoreh yang bukan dikategorikan sebagai pekebun kecil memberi bantuan *One-Off* RM500 memang bantuan ini cukup banyak sekali. Dalam waktu jangka masa pendek memang membantu pekebun kecil.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...RM500 sekali sahaja bagi.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Oleh sebab itu saya sebut dalam waktu jangka masa pendek, itu membantu. Malah kerajaan juga membantu kepada pekebun-pekebun yang bukan dikategorikan sebagai pekebun kecil ini. Hari ini difahamkan ramai lagi yang belum menerima daripada senarai yang dikemukakan oleh pihak kerajaan. Boleh tidak Yang Berhormat Lipis masukkan dalam ucapan Yang Berhormat Lipis supaya kerajaan menyatakan bagaimana dengan senarai yang panjang lagi ini yang belum lagi menerima RM500 yang bukan daripada kalangan pekebun kecil. Itu satu.

Keduanya, dalam bajet ini kerajaan umumkan RM100 juta kepada Lembaga Getah untuk membantu dalam apa yang disebut kawal selia harga getah. Harapan kita supaya apa yang kita timbulkan ini menjadi realiti. Dengan RM100 juta ini digunakan untuk kerajaan menetapkan harga lantai supaya apa yang digusarkan oleh rakyat ini dapat terungkai melalui kawalan selia harga getah ini. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Soalan pertama itu saya setuju. Selesaikan masalah pembayaran RM500, jangan kita tangguh-tangguh, nanti rakyat marah kita selesaikan. Harga lantai ini saya sudah sebut tadi. Saya sudah buat cadangan melalui seperti OPAC umpamanya. Saya sudah buat cadangan sebab kita sudah tahu ada peruntukan. Oleh sebab itu kita hendak supaya GLC ditubuhkan ataupun apa cara sekalipun kita menangani orang tengah. Orang tengah ini tolak harga air, tolak harga tidak bermutu, macam-macam tolak akhirnya sudahlah harga rendah, pekebun tidak dapat apa-apa. Dapat sedikitlah maknanya. Sekarang ini saya rasa RM1.70. Betul ya Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Oleh sebab saya bertanya juga mungkin kadang-kadang lain tempat lain sikit harga. Akan tetapi 5 sen atau 10 senlah lari biasanya. Jadi itu keadaan sebenarnya. Jadi itu yang kita minta supaya satu mekanisme yang perlu dikawal. Kita tidak hendak lagi orang tengah yang macam-macam perkara dipertikaikan soal penjualan harga getah tersebut.

Oleh sebab itu saya mencadangkan supaya kita elakkan daripada berlakunya kerenah birokrasi. Ini juga yang menyebabkan kadang-kadang. Kadang-kadang Perdana Menteri bentang molek, tetapi dengan bajet yang dikatakan oleh Yang Berhormat Lenggong tadi sebanyak RM100 juta tetapi dengan kerenah birokrasi ini menyebabkan kita tidak tercapai. Tercapai hasrat yang kita cadangkan dalam hal ini.

Jadi saya berharap supaya kerenah-kerenah birokrasi ini termasuklah apa jua tidak termasuk getah sahaja. Kadang-kadang kita buat cadangan ada masyarakat yang buat cadangan sampai dua tiga tahun pun tidak selesai. Ini kerenah birokrasi yang kita hadapi. Cadangan kita mungkin molek untuk pembangunan masyarakat. Akan tetapi dalam soal ini dengan kerenah birokrasi ini kita tidak dapat selesaikan masalah yang kita hadapi sekarang ini. Kita menghadapi cabaran yang cukup besar pada tahun hadapan. Kita laksana GST. Sebelah sana memang membangkang habislah, Yang Berhormat Pokok Sena ya? Memang membangkang habis, tetapi kita sini semua menyokong.

Akan tetapi dalam soal ini kita juga menghadapi beberapa perkara yang perlu kerajaan akan terus melakukan penstrukturan semula subsidi. Saya menyokong penuh usaha pembetulan ekonomi fiskal ini. Walau bagaimanapun, saya minta kerajaan untuk lebih berhati-hati terutama penstrukturan semula subsidi ini. Kita perlu melihat kesediaan, keberkesanan pihak kementerian terbabit. Kita juga melihat akta-akta yang diperuntukkan yang sedia ada mencukupi untuk kita berjaya mengekang kenaikan harga umpamanya. Kepada mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab bukan satu masalah yang mudah. Kita selalu menghadapi berbagai-bagai-perkara. Kesempatan-kesempatan yang digunakan oleh masyarakat umpamanya khususnya kepada pemborong, peruncit dan sebagainya. Akan mengambil kesempatan perkara ini. Jadi dalam hal ini saya mencadangkan supaya pihak KPDNKK mestilah melaksanakan perkara ini dengan mengawal pemantauan harga yang lebih berkesan lagi. Tidak boleh bergantung kepada Kastam sahaja.

KPDNKK mesti hendak turun padang. Jangan setakat hendak tengok pasar sahaja. Pergi pasar tengok harga ikan dan sebagainya. Banyak perkara-perkara lain yang

harus kita kena tengok. Dalam soal ini kita tidak nafikan mungkin dari segi peruntukan. Saya tidak sempat hendak tengok dari segi peruntukan KPDNKK. Kalau tidak cukup bagi tambah dekat KPDNKK ini supaya kita dapat membuat kawalan harga. Kalau perlu tambah pekerja, tambah pekerja. Kalau perlu tambah penyiasat-penyiasat luar letakkan supaya kita dapat mengawal dari segi kenaikan harga barang ini. Kita nampak soal ini boleh dipertandingkan oleh pihak-pihak tertentu.

Kalau sekarang ini umpamanya harga RM100, kalau GST 6% maknanya akan jadi RM106, tetapi perkara itu tidak benar sebenarnya. Bukan RM106 sepatutnya dia kena tolak dulu SST baru meletakkan kembali GST. Kita untung RM4. Pembeli untung RM4 sebenarnya. Akan tetapi dalam soal ini siapa yang hendak mengawal harga ini yang mana Perdana Menteri membentangkan lebih kurang kalau tidak silap saya, kalau silap tegur. 900 lebih barang yang tidak dikenakan GST. Siapa yang hendak kawal dalam soal ini. Saya bersetuju kalau peruntukannya ditambah. Ditambah kepada KPDNKK untuk membantu membasmi kata-kata yang mengambil kesempatan dalam soal menaikkan harga ini. Sila Yang Berhormat Pokok Sena.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, panjang lagi Yang Berhormat Lipis? Sila.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya Yang Berhormat Lipis. Bagus hujah cukup mantap, yang ini nampak hebat sahabat saya daripada Lipis ini. Yang Berhormat Lipis bersetujukah Yang Berhormat dengan saya bahawa kerajaan kata GST ini bagus untuk ekonomi negara. Akan tetapi fasal apa yang 900 itu dikecualikan daripada GST? Secara umum kita kata 900 ditulis sedangkan GST untuk negara. Fasal apa tidak ambil GST. Maknanya tidak baguslah, satu.

Kedua ialah 900 barang yang diumumkan sejenis barang dan juga perkhidmatan itu yang tidak di GST itu, orang kaya yang super kaya pun boleh dapat yang sama. Hari ini Timbalan Menteri – semalam Timbalan Menteri Kewangan daripada Pontian umum RON97 kena GST. Orang kaya dia pun tidak pakai RON97. Dia pun hendak berjimat. Fasal dia berjimatlah dia boleh jadi kaya. Fasal dia berjimat dia boleh jadi kaya, dia kedekut dia boleh jadi kaya, kalau tidak dia tidak boleh jadi kaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi buat apa dia pakai yang GST. Jadi tidak ada keistimewaanlah kepada orang biasa, orang di bawah ini. Syed Mokhtar pun tidak kena GST, RON95 dia pun tidak kena apa istimewanya. Yang Berhormat Lipis pun tidak kena.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena. Pada saya mungkin barangan tersebut barangan keperluan harian. Memang betul ada yang golongan mewah dapat menikmati GST, ada golongan yang rendah pun turut dapat. Oleh sebab itu kalau saya kira mengamati daripada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk masyarakat bawahan ini itu yang kita adakan BR1M, Kedai Rakyat 1Malaysia dan sebagainya untuk membantu rakyat golongan-golongan yang lebih bawah ini.

Jadi itu sebenarnya harapan kita. Maknanya kerajaan dengan penambahan pendapatan sebanyak lebih kurang RM30.2 bilion itu yang dibentangkan hanya RM600 juta sahaja kerajaan yang dapat. Itu sebenarnya yang lain diturunkan kepada rakyat-rakyat... [Disampuk] Jadi itu soalnya. Saya menjawab soal Yang Berhormat Pokok Sena sebenarnya.

■2030

Sebenarnya beberapa perkara juga saya bersetuju sebagai contoh kenaikan 20 sen harga minyak. Berertinya 9.5% sahaja kenaikan tetapi barang naik 20% hingga 30%.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang ini yang kalau kita tidak kawal...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lipis habiskan dalam masa 10 minit ucapan. Sila.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Sambung esok boleh Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: 10 minit lagi.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Tebal lagi. Pahang tidak masuk lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: 10 minit cukup. Sila, sila.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Okey, Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kita kena melihat dari segi perihal dagangan Akta Pencatutan 2012 kena lihat. Kita tambah bajet, tambah bajet supaya kita dapat lebih baik lagi dari segi penambahbaikan. Sebab itu kita semua pihak kena mainkan peranan termasuklah kalau boleh pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani umpamanya untuk membantu masyarakat luar yang perlu dibantu dengan saya sebutkan tadi masalah harga getah.

Sebab kita sekarang ini kita melihat pihak-pihak kampung ada juga berhasil daripada pertanian tetapi soalnya sekarang hasil pertanian ini kadang-kadang tidak ada pembeli. Kita hendak supaya agensi kerajaan seperti FAMA dan sebagainya mengambil langkah supaya barangan pertanian ini juga diambil. Jangan kirakan sangat gred itu. Kadang-kadang sebab di gred itu maka kita tidak dapat membekal kepada pihak-pihak tertentu ini kerana dengan gred ini yang berpunca menjadi masalah kepada penduduk-penduduk kampung.

Jadi Tuan Yang di-Pertua kita melihat supaya kajian menyeluruh tentang orang tengah ini. Sebenarnya banyak perkara orang tengah yang memainkan peranan menyebabkan kita ini sering seolah-olah dibuli dengan harga-harga tertentu. Kalau kita tengok orang kampung tanam cili umpamanya, kalau kita tengok longgokan buah-buahan pada bulan puasa yang lalu. Ini semua seharusnya kita sudah melihat, kita sudah buka Agrobazar. Kita tahniah -dapat membawa hasil kita eksport keluar negara. Kita merakamkan ucapan tahniah. Maknanya saya terpegun dengan produk-produk Agromas itu cukup baik sekali dan boleh kita latihkan supaya ia menjadi satu produk yang boleh dijadikan di peringkat kampung-kampung.

Saya ini sudah laju-laju sudah ini. Maknanya hendak pintas takut tidak sempat 10 minit. Kalau Tuan Yang di-Pertua bagi tambahan masa saya boleh pergi banyak perkara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila, sila.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Secara kesimpulannya, tumpuan kerajaan mestilah kepada barang-barang ini. Memang kita kena berhati-hati dalam soal ini.

Dari segi perkara lain Tuan Yang di-Pertua kita sebenarnya sangat optimis peningkatan kualiti pendidikan. Dengan peruntukan sebanyak RM56 bilion yang mana meliputi 20% daripada jumlah keseluruhan belanjawan iaitu RM273 bilion, secara umumnya kerajaan menumpukan bersesuaian dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan Pelan Strategik Institut Pengajian Tinggi Negara yang merupakan kunci utama merealisasikan hasrat kerajaan untuk menuju negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Di sini saya melihat perkara ini merangkumi semua peringkat dari prasekolah hingga universiti termasuk kolej vokasional, institut perguruan, politeknik, kolej komuniti, institut pengajian tinggi dan tumpuan berbagai-bagai bidang. Saya melihat perkara ini dengan adanya penubuhan untuk menuju sebuah negara maju pendidikan teknik dan vokasional menjadi tanda aras. Kalau kita melihat negara-negara seperti Finland, Jepun, Kanada, Austria peratusan pelajar lepasan menengah menjurus kepada pendidikan teknikal mencecah sehingga 50% hingga 60%.

Ini bagi melonjakkan lagi produktiviti kerajaan kita yang perlu membangun kapasiti untuk mengukuhkan tenaga kerja yang berkualiti sebab kita sudah hendak menuju tahun 2020. Sebab itu perkara ini harus diberi perhatian supaya kita dapat membentuk pelajar-pelajar kita ini yang datangnya daripada kegagalan tetapi bagi saya bukan kegagalan seterusnya. Ia perlu dibentuk melalui pengajaran vokasional. Kita melihat hari ini umpamanya di kilang-kilang utama, di perhotelan dan sebagainya kita dilambakkan oleh pekerja-pekerja asing yang menyebabkan RM20 bilion setahun duit dihantar keluar negara sebagaimana yang dikatakan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat yang menyokong usul bajet tersebut. Lebih kurang RM20 bilion dihantar ke luar negara.

Jadi kita dengan keadaan vokasional yang ada pada hari ini kita perlu *upgrade* kepada yang lebih baik. Di Parlimen saya ada juga sebuah sekolah vokasional yang mana saya sudah meneliti, saya sudah melihat banyak kelengkapan yang tidak mencukupi. Maka seharusnya untuk program transformasi vokasional dan teknik ini kita menaik taraf kolej vokasional bagi pengambilan pelajar yang boleh kita tambah dari segi kapasitinya. Itu sebenarnya yang boleh membantu untuk menjamin supaya perubahan boleh berlaku yang kita tidak perlu lagi tenaga asing dan sebagainya. Daripada kemahiran tersebutlah kita boleh *upgrade* sebenarnya.

Sebenarnya dari segi sekolah sebagaimana rakan saya sebelah sana bagi tahu tadi kononnya tidak dapat peruntukan yang mencukupi untuk sekolah Tamil dan sebagainya tetapi sebenarnya pada pandangan saya kita lebih baik melatih anak-anak kita ini ke sekolah vokasional. Itu yang lebih penting sebenarnya. Dapat membentuk anak-anak kita ini supaya bertenaga mahir dan mungkin masa hadapan mereka boleh mendapat pekerjaan yang baik dengan tenaga yang mereka telah belajar ini. Yang Berhormat Pokok Sena balik sudah [*Ketawa*]

Jadi Tuan Yang di-Pertua sebagai contoh untuk menambah baik ini kita lengkapkan sekolah vokasional ini. Kalau tempat saya mereka terpaksa pergi ke Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC). Maknanya mereka terpaksa keluar daripada sekolah. Sepatutnya kita lengkapkan sekolah ini yang dilengkapi dengan peralatan-peralatan yang lebih baik yang mereka boleh belajar dan mungkin boleh menjadikan satu sumber yang cukup baik kepada mereka.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dari segi komponen-komponen yang kita lihat yang dibentangkan oleh KKLW umpamanya pada saya banyak lagi yang perlu ditambah baik. Saya ingat di kawasan Tuan Yang di-Pertua, Kuala Krau banyak perkara yang perlu ditambah baik. Dari segi sistem air saya akui dalam Parlimen Lipis masih lagi sangat kekurangan. Dari segi sistem air bersih air daripada kalau Pahang panggil PAIP. Dia tidak panggil Jabatan Bekalan Air. Dia panggil PAIP. Tuan Yang di-Pertua pun PAIP juga. Jadi kita memerlukan banyak peruntukan daripada PAIP.

Jadi saya rasa dari segi peruntukan biarlah saya membuat surat secara *official* kepada Yang Berhormat Menteri KKLW. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua pun sama mungkin saya boleh menyebutnya. Saya tahu juga masalah Kuala Krau yang mungkin banyak meliputi lagi program-program pembangunan luar bandar ini yang melibatkan banyak perkara, yang melibatkan banyak masalah air dan jalan-jalan luar bandar. Walaupun jalan kebanyakan di kampung-kampung telah dapat dinikmati tetapi sekarang sudah sampai masa proses untuk menurap semula untuk memperbaiki jalan-jalan tersebut.

Saya sebagai wakil dari kawasan luar bandar berharap supaya rangkaian ini dari Kuala Krau, daripada Jerantut, Lipis, Raub, Cameron Highlands kita mesti menghubungkan rangkaian yang baik. Saya sudah sebut hari itu rangkaian jalan umpamanya dan sebagainya. Saya dapat tahu syukur *Alhamdulillah* pihak JKR telah turun menyiasat beberapa jalan untuk rangkaian kita Tuan Yang di-Pertua. Sudah turun. Saya tahu sudah turun selepas kita berbincang dalam Parlimen ini untuk melihat projek-projek tersebut. Sebenarnya ini adalah keutamaan. Bagi perkara ini, banyak kampung yang masih perlu bantuan dari segi perkara-perkara yang saya nyatakan tadi.

Saya juga minta sedikit supaya Kementerian Belia dan Sukan, saya tidak tahu Kementerian Belia dan Sukan bila kita berjumpa pejabat belia kita tanya hendak buat program tidak ada peruntukan. Saya ingat satu tahun pun kita tanya tidak ada peruntukan. Jadi saya hendak supaya Menteri Belia dan Sukan lihat sedikit, tengok sedikit program-program belia. Jangan belia asyik hendak merempit sahaja, jangan belia asyik hendak merayau-rayau sahaja, jangan belia asyik hendak kena air ketum sahaja. Jadi kita tidak

hendak. Kita hendak supaya belia ini *firm* dalam keadaan yang cukup baik supaya mereka boleh bersama dengan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Jadi kalau di Lipis ini dia memerlukan sebenarnya Kompleks Sukan Rakan Muda.

■2040

Perkara ini sudah lama diluluskan, sudah lama dijanjikan tetapi sampai hari ini masih belum terbina. Tidak apalah, kita ada padang bola, padang futsal dan sebagainya tetapi sekurang-kurangnya turunklah peruntukan untuk belia-belia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lipis gulung.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Gulung ya? Berapa minit Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Seminit. Sila.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebut sedikit sahaja tentang Kementerian Pelancongan. Sebagai usaha yang berterusan menggalakkan kemasukan pelancong ke Malaysia sejajar dengan penganjuran *Malaysia Year of Festival 2015 (MyFest 2015)* yang mana banyak penganjuran dan pameran pelbagai bentuk perayaan di Malaysia. Saya amat berharap pelancong ini bukan sahaja berkunjung ke bandar besar tetapi melawati pusat pelancongan terutama pusat ekosistem yang terkenal dengan sauna dan fauna.

Parlimen Lipis memang terkenal dengan banyak tarikan ekosistem yang menarik bukan sahaja di kalangan rakyat Malaysia tetapi pelancong luar. Rimba Kenong umpamanya, Rimba Kenong Park, sebagai contoh yang merupakan sejarah 130 juta tahun ekosistem yang tidak terusik, terus menjadi warisan kebanggaan warga Lipis yang mana boleh dipanggil *Lonely Planet*, *Trip Advisor* and *International Forest Guide* memberi taraf lima bintang kepada Rimba Kenong. Ini tidak termasuk beberapa jurnal antarabangsa yang mengakui keunikan Rimba Kenong Park sebagai warisan ekosistem yang tidak tercemar.

Sebagai Ahli Parlimen Lipis saya hendak menyuarakan kepada sama ada pihak berwajib. Saya tidak tahu bawah kementerian apa. Mungkin Kementerian Pelancongan, mungkin Kementerian Luar Bandar, mungkin kementerian apa sekali pun, saya berhasrat supaya warisan Kenong Rimba ini, Taman Rimba Kenong ini terus dapat dinikmati oleh generasi akan datang. Saya mahu supaya kawasan ini yang lebih daripada Taman Rimba Kenong ini juga turut diwartakan untuk memberi jaminan supaya hutan 130 juta ini dapat terjamin. Saya sudah maklumkan kepada pihak negeri tetapi saya hendak juga dalam Dewan ini bersama-sama usaha untuk mengekalkan Taman Rimba Kenong ini.

Saya melihat kalau kita tengok contohnya seperti khazanah-khazanah dalamnya cukup banyak. Umpamanya kalau tongkat ali. Kalau tongkat ali ini *pattern* nya habis orang luar ambil, Amerika ambil. Sedangkan *pattern* tongkat ali diambil daripada Rimba Kenong tetapi di *pattern* kan oleh Amerika itu. Di sinilah terletaknya kelebihan kita kerana kita tidak buat R&D. Kita tidak kaji dari soal ini. Sepatutnya kita boleh maju dari segi soal perkara-perkara yang setanding taraf di Taman Rimba Kenong ini. Jadi, saya melihat supaya kita haramkan sama sekali pembalakan, perlombongan atau apa-apa aktiviti yang boleh menggugat ekosistem kawasan hutan rimba. Saya ingin merayu kepada Kementerian Pelancongan supaya dapat menyaingi kawasan ini seperti Taman Negara juga.

Di Pahang antara kawasan yang masih kurang pembangunan adalah kawasan Pahang Barat. Saya minta supaya daripada kawasan Tuan Yang di-Pertua Jerantut, Lipis, Raub, Cameron Highlands ini supaya ada satu perhubungan yang baik yang boleh memberi kemudahan yang baik kepada kawasan kita Pahang Barat ini sendiri. Kita hendak supaya rangkaian jalan ini diteruskan dan saya mencadangkan supaya kita, saya tidak kira sebenarnya sama ada di Raub atau di Lipis, kalau lebih baik di Lipis. Saya cadangkan supaya kita juga membuat sebuah Universiti Pertahanan kerana di Lipis ini kalau tengok bukit turun naik, turun naik, ia sangat baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lipis, cukuplah.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Sangat baik untuk membuat Universiti Pertahanan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup lah Yang Berhormat Lipis. Saya tidak ada kuasa hendak...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Saya sambung sedikit lagi, seminit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak ada kuasa hendak sambung lagi.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Seminit lagi, seminit sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya minta seminit sebentar. Supaya dapat dibina Universiti Pertahanan itu. Jadi, saya berharap supaya pembangunan Pahang Barat sedar yang Parlimen Raub mungkin tidak bercakap tetapi biarlah saya bercakap bagi pihak Parlimen Raub. Tanggungjawab masyarakat jiran. Saya ingin menyarankan permulaan penstrukturan semula Teknologi Park Malaysia di Hulu Sungai Raub. TPM ini telah siap tetapi sekarang hanya seperti terbengkalai.

Kerajaan negeri telah meluluskan tanah 500 ekar dan digunakan 20 ekar sahaja. Mesin herba banyak tetapi terbiar tidak berfungsi. Kerugian mungkin mencecah RM65 juta kerana hasil yang telah dibina ini tetapi tidak dimanfaatkan. Maksud saya itu yang merugikan. Maknanya tidak ada dari segi ekonomi melimpah di kawasan tersebut. Saya berharap supaya dengan perwujudan TPM ini dapat melimpah ekonomi kepada penduduk-penduduk setempat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, cukuplah Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Saya sarankan supaya dengan baik pulihkan kembali TPM dapat kita hubungkan jalan Batu Malim ke Ulu Selim. Jadi, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, walaupun beberapa perkara lagi saya tidak dapat hendak sebutkan tetapi akhirnya sebelum saya menyokong pembentangan bajet saya menyokong supaya Akta Hasutan dikekalkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Sebelum saya menyokong bajet. Kemudian, satu perkara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat Lipis, masa tidak ada, cukup.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Satu perkara sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya sudah beri lebih daripada 35 minit Yang Berhormat Lipis. Cukup.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Kota Bharu.

8.45 mlm.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Bharu kita sambung esok. Terima kasih. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 16 Oktober 2014.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.46 malam.]